



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 58

Selasa

19 November 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 13)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2020

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.28

(Halaman 44)

Maksud B.32

(Halaman 149)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 43)

Anggaran Pembangunan 2020

Jawatankuasa:-

Maksud P.28

(Halaman 44)

Maksud P.32

(Halaman 149)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 19 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan mengapakah kementerian masih belum berupaya untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun bagi membanteras isu perkahwinan bawah umur, sepertimana yang telah berjaya dilaksanakan oleh Indonesia baru-baru ini dengan meluluskan undang-undang menaikkan had umur perkahwinan kepada 19 tahun bagi perempuan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk mengekang perkahwinan bawah umur iaitu melalui perundangan dan mengenal pasti punca-punca berlakunya perkahwinan bawah umur.

Undang-undang Keluarga Islam termasuk hukum syarak, perkahwinan dan anak-anak negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri dalam Jadual Kesembilan, Bahagian II Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk bertujuan menyeragamkan umur minimum kepada 18 tahun dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri, Undang-undang Adat dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri dan lain-lain untuk tatacara, kaedah dan garis panduan.

Hasil daripada libat urus tersebut, satu draf pindaan Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984, Akta 303 sedang disediakan dengan tujuan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan oleh JAKIM atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan draf pindaan sedang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM. Manakala enakmen, ordinan, undang-undang dan had umur minimum perkahwinan hanya boleh dipinda sekiranya negeri-negeri bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut. Hanya negeri Selangor telah meminda enakmen ini manakala Wilayah Persekutuan sedang dalam proses pindaan.

Lima negeri lain yang telah bersetuju untuk meminda adalah Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka dan Perak. Masih terdapat tujuh lagi negeri yang tidak bersetuju untuk meminda perundangan berkaitan, iaitu Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan. Manakala bagi bukan Islam pula, KDN atau Kementerian Dalam Negeri memaklumkan bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta 164.

Ini adalah kerana undang-undang sedia ada telah pun diperuntukkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan perempuan adalah 18 tahun. Pengecualian hanya diberikan kepada perempuan berumur 16 tahun dan 17 tahun yang perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri atau Menteri Besar.

Pengecualian ini walau bagaimanapun ditangani melalui mekanisme kawalan, prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditambah baik bagi permohonan perkahwinan bawah umur dan telah berkuat kuasa pada 22 Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, betul Indonesia telah pun meminda Undang-undang Perkahwinan Republik Indonesia, pertama pada tahun 1974 dan telah diluluskan oleh DPR atau Dewan Perwakilan Rakyat pada 16 September 2019 di mana secara sebulat suara telah menaikkan had umur perkahwinan bagi perempuan daripada 16 tahun kepada 19 tahun iaitu sama had umur perkahwinan lelaki. Pindaan undang-undang ini adalah terpakai untuk seluruh rakyat Indonesia termasuk golongan Islam dan bukan Islam di setiap negeri di seluruh Indonesia.

Walau bagaimanapun, ingin saya memperjelaskan bahawa pindaan perundangan ini masih membenarkan perkahwinan di bawah umur 19 tahun dengan melalui proses mahkamah serta mengemukakan justifikasi yang kukuh. Oleh itu dilihat walaupun pindaan-pindaan undang-undang telah dilaksanakan oleh Indonesia, ia berjaya dipersetujui sebulat suara kerana keputusan boleh dibuat secara berpusat tanpa memerlukan persetujuan daerah atau Parlimen negeri dan ia bukan bersifat total bank.

Faktor yang mendorong perkahwinan bawah umur di Indonesia adalah hampir sama dengan di Malaysia iaitu kemiskinan, terpaksa menjaga kehormatan keluarga, norma sosial serta undang-undang adat dan agama sehingga membolehkan kanak-kanak perempuan dikahwinkan pada usia muda. Kementerian ini sedang dalam peringkat akhir penyediaan Draf Pelan Strategik Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur.

■1010

Pelan ini mengandungi program atau tindakan yang melibatkan 61 agensi, peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri serta dijangka akan dibentangkan melalui Memorandum Jemaah Menteri pada hujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya pergi kepada soalan tambahan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Mahasiswa Mahasiswi UMAM dari Universiti Malaya. [Tepuk] Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Saya percaya dan

yakin kerajaan amat memahami dan prihatin akan isu yang berkenaan dan menyeluruh jawapannya. Mudah-mudahan ia akan dapat dilaksanakan dengan seberapa baik yang boleh mengambil kira semua pandangan.

Sepertimana Yang Amat Berhormat sedia maklum, sebelum berlakunya perkahwinan bawah umur ada kemungkinan elemen pengantunan kanak-kanak atau *child grooming*, dengan izin telah berlaku.

Mengapakah pengantunan kanak-kanak yang merupakan jenayah di bawah Akta Kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017 tidak boleh digunakan bagi tujuan menangkap mana-mana individu yang didapati mengantuni kanak-kanak bagi tujuan untuk berkahwin. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ledang. Terima kasih kerana itu adalah salah satu daripada saya kira aspek-aspek dan isu-isu yang kita mesti tangani. Tidak dinafikan bahawa kerajaan mahukan agar Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak atau Akta 792 ini dapat digunakan jika terdapat unsur-unsur jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam sesuatu kes terutamanya jika kesalahan jenayah tersebut dilakukan oleh seseorang yang jauh lebih dewasa.

Walau bagaimanapun, Akta 792 pada dasarnya telah digubal untuk mewujudkan perundangan berkaitan pornografi dan pengantunan kanak-kanak khususnya kanak-kanak pengantunan melalui komunikasi kesalahan seksual terutama melalui komunikasi atas talian.

Dalam isu perkahwinan bawah umur, kebanyakan unsur-unsur jenayah tersebut tidak wujud atau tidak dapat dibuktikan. Sebagai contoh, tiada bukti disimpan dalam telefon di mana komunikasi melalui aplikasi seperti *WhatsApp*, *WeChat* atau *Telegram* tidak dapat dikesan serta dilindungi oleh Akta Kerahsiaan serta terdapat perkahwinan bawah umur itu dipersetujui oleh ibu bapa atau kanak-kanak itu sendiri.

Oleh itu, kerajaan sedang meneliti kekangan yang terdapat di bawah Akta 792 serta penguatkuasaan bersama bahagian hal ehwal undang-undang. Ini kerana untuk bahagian ini adalah di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) memandangkan akta ini adalah di bawah bidang kuasa mereka. Bukan bawah bidang kuasa KPWKM.

Kementerian juga sedang berusaha untuk memperkukuhkan perkhidmatan bahagian D11, PDRM atau Polis Diraja Malaysia dan meneliti semula prosedur mahkamah bagi menangani isu-isu tersebut serta merancang program kepekaan atau *sensitization* dengan izin secara berterusan hubungan isu perkahwinan bawah umur ini kepada hakim-hakim, pekerja sosial dan badan-badan penguat kuasa sebagai persediaan ke arah perundangan yang lebih ketat bagi mengekang perkahwinan kanak-kanak pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita dapati salah itu adalah pengantunan. Namun pada *the end result* itu adalah apabila dia kahwin itu tidak salah dari segi undang-undang. Oleh sebab itu kita merasakan bahawa ada masalah kalau kita hendak buktikan memang ada pengantunan dan kalau masalahnya ibu bapa memikirkan kalau dikahwinkan anak mereka, anak itu akan mendapat kehidupan yang lebih baik. Itu menyebabkan masalah kita hendak buat itu adalah sebagai jenayah seksual. Terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada pemantauan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri, sejauh mana statistik perceraian yang berlaku di kalangan perkahwinan bawah umur 18 tahun ini. Adakah ia meningkat? Setakat ini, adakah statistik juga sebab kita dapati daripada makluman di media, perceraian yang melibatkan umur bawah 25 tahun semakin meningkat.

Jadi, apakah pihak kementerian ada data janda-janda muda ini? Apakah program-program yang sedang dirancang untuk membantu golongan ini supaya tidak terus mereka sengsara dalam kehidupan mereka malah mereka mempunyai masa depan yang lebih baik. Apa perancangan kementerian.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Memang betul kita memang hendak meneliti bagaimana statistik, ramai mana yang sudah kahwin ini, dipaksa kahwin muda yang berakhir dengan perceraian. Namun, kita ada masalah kekangan sebab tidak ada cara mana kita hendak mengambil statistik yang kahwin dan cerai. Kita tidak ada *follow-up*. Ini adalah salah satu daripada masalah yang kita hadapi. Kalau hendak fikirkan walaupun dikatakan mereka yang bawah 25 tahun ini banyak yang bercerai tetapi tidak boleh dikaitkan dengan perkahwinan bawah umur. *This is no direct* dengan izin, tidak ada *direct relationship*, dengan izin.

Jadi itu yang kita fikirkan adalah kekangan-kekangan. Apa yang kita mahu adalah tengok punca perkahwinan bawah umur dan kita melihat bagaimana kemiskinan, pendidikan dan juga bagaimana hendak buat supaya ada perancangan kita di bawah LPPKN untuk memberikan pengetahuan dan pendidikan seksual terutamanya untuk anak-anak perempuan. Ini supaya mereka tidak tercalar daripada arus pendidikan. Itu salah satu daripada apa yang kita hendak lakukan dan kita ada *road map*. Memang kita ada satu yang melihat cara-cara mana perancangannya Tuan Yang di-Pertua.

Namun apa yang kita mahukan satu cara mana kita hendak melihat supaya kita menyelamatkan mereka yang terjebak dalam isu ini. Ini kerana kita ada juga satu masalah yang bukan Islam *customary right* yang kahwin kerana dekat Sabah dan Sarawak itu memang tinggi dan ada statistik menunjukkan yang bukan Islam pun tinggi. Orang Asli pun tinggi.

Jadi kita hendak melihat bagaimana hendak menangani masalah ini, hendak tahu puncanya dahulu. Kalau kita ada cara mana boleh dapatkan data itu, kita boleh cuba teruskan. Namun kita sekarang ini dalam perancangan untuk meneliti bagaimana hendak mendapatkan mereka ini supaya kita dapat menolong mereka. Terima kasih.

2. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan fizikal PDRM yang uzur seperti Ibu Pejabat Polis Daerah, balai-balai polis dan kuarters polis di seluruh negara.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Mersing. Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk menyediakan kemudahan fizikal yang baik kepada semua agensi di bawah kementerian termasuklah PDRM. Untuk tujuan ini, KDN telah pun diluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM200 juta di bawah pakej Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas, tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan di kompleks [Tidak jelas] PDRM serta kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif-lif kompleks PDRM seluruh Malaysia.

Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut, PDRM telah pun mengenal pasti dan menyenaraikan sejumlah 12,409 unit kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur guna sama yang perlu diselenggarakan dan dinaik taraf.

Selain itu, sejumlah 201 unit lif di 34 lokasi turut dikenal pasti untuk penggantian dan pembaikan. Semua kerja pembaikan kuarters dan lif tersebut sedang dilaksanakan dan terdapat juga kerja-kerja pembaikan kuarters yang telah siap sepenuhnya.

Dari segi kemudahan fizikal, KDN berusaha untuk meningkatkan keselesaan anggota PDRM melalui projek-projek pembangunan fizikal seperti pembinaan kuarters dan balai polis baharu selain pembaikan kuarters dan balai polis sedia ada. Sehingga November 2019, sebanyak 33 projek telah pun diluluskan dan sedang dilaksanakan oleh KDN yang selari dengan langkah strategik pemantapan Pengurusan Prasarana untuk menyediakan tempat bekerja dan kuarters yang kondusif serta meningkatkan kesejahteraan warga PDRM.

■1020

Kesinambungan usaha dan komitmen KDN untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan fizikal PDRM ini akan diteruskan untuk tahun 2020 apabila kerajaan melalui Belanjawan 2020 telah meluluskan ataupun sedang dipertimbangkan untuk diluluskan sebanyak RM250 juta bagi kerja-kerja pembaikan kuarters dan premis PDRM serta naik taraf dan baik pulih stor barang kes Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik seluruh Malaysia.

Selain itu, Projek Pembinaan Pasukan Gerakan Udara Kuching, Sarawak juga telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri. Sekarang silakan Yang Berhormat Mersing. Soalan tambahan pertama 30 saat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, polis ini sudah lama, lebih daripada 200 tahun. Polis mengawal keselamatan dan ketenteraman perlu dirasai oleh rakyat dan masyarakat perlu dilihat selamat dengan izin, *seen and safe*. Oleh sebab itu, orang Melayu, dia gunakan perkataan 'polis' itu dengan 'mata-mata', balai polis itu sebagai 'rumah pasung' tetapi sudah tidak pakai sekarang ini.

Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Menteri, melalui pelbagai pendekatan seperti memasyarakatkan polis atau mempoliskan masyarakat atau dengan izin, adanya *digital policing*, apakah kementerian di bawah kepimpinan Yang Berhormat Pagoh bercadang untuk mencipta

model baharu bagi ibu pejabat yang sesuai dengan kehendak komuniti dan juga kos yang optimum serta efektif? Saya pasti RM450 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri masih tidak cukup. Itu soalan saya.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Sememangnya jumlah peruntukan yang kita mohon jauh lagi besar dari itu. Kalau mengikut maklumat yang saya tahu, polis memohon hampir RM400 juta untuk tahun ini sahaja. Jadi, oleh sebab itu, kita tidak mampu untuk melaksanakan penambahbaikan ataupun menaiktarafkan dan penggantian ibu pejabat polis di kawasan-kawasan termasuklah di kawasan Mersing.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mersing tadi, memang satu pandangan yang baik iaitu konsep model baharu, di mana sebahagian daripada penempatan untuk pegawai-pegawai polis ini dibuat di kawasan-kawasan komuniti. Di situ, kalau ada apa-apa masalah berbangkit dengan *omnipresent* polis, mungkin dapat mengurangkan jenayah di kawasan-kawasan itu. Apa pun, yang penting ialah sama ada kita dapat menyiapkan projek itu di kawasan-kawasan yang sesuai. Apa yang paling penting antara lain adalah isu tanah. Walaupun kita memiliki tanah, tetapi keluasan tanah tidak memadai apa lagi kalau hendak ditempatkan di tempat-tempat yang lain daripada pusat balai polis yang berkenaan, maka itu mungkin akan menjadi masalah besar kepada kita.

Apa pun langkah-langkah untuk menambah baik ini berterusan dan saya jangka dalam suatu tempoh yang tidak terlalu lama, sebahagian daripada projek-projek yang memerlukan penaikan taraf dengan peruntukan yang disediakan lebih banyak, *insya-Allah*, kita akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada isu-isu pembangunan itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, soalan tambahan kedua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelah sini pula. Bagi Yang Berhormat Tanjong Piai.

Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana kita maklum kerajaan memang ada bajet untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan fizikal PDRM. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri mengambil berat juga di balai-balai polis, terutama di Parlimen Tanjong Piai.

Soalan tambahan saya ialah apakah rasional kerajaan mengurangkan peruntukan tahun 2020 untuk ibu pejabat polis dan balai-balai polis PDRM seperti yang dinyatakan di dalam anggaran Perbelanjaan Persekutuan?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. Tahniah lah menang. Apa pun sebenarnya kalau ikut yang saya jelaskan awal tadi, kita mohon memang besar. Ini kerana kita ada senarai inventori semua balai-balai polis di seluruh negara. Baik yang lama, yang besar ataupun yang kecil. Cumanya, kerana terhad peruntukan itu disebabkan oleh belanjawan negara – kalau kita

diberikan peruntukan besar, maka mampulah kita untuk membaik pulih ataupun memperbaharui pejabat-pejabat polis yang disebutkan tadi.

Apa pun yang penting kita letakkan senarai keutamaan di mana yang sudah agak lama, sesetengahnya dibina sebelum zaman merdeka dahulu, 70 tahun atau 80 tahun. Jadi ini memerlukan kita melaksanakan proses penggantian dan langkah-langkah yang sewajarnya akan kita ambil untuk membaiki balai-balai polis yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu nak satu lagi? Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya teruskan pertanyaan-pertanyaan Menteri, yang ketiga saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kedatangan penghulu-penghulu daripada kawasan Parlimen Pasir Mas. Selamat datang.

[Tepuk]

3. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah konsep sebenar pembangunan semula Kampong Bharu Kuala Lumpur dan apakah kepentingan orang Melayu yang merupakan pemilik asal tanah Kampong Bharu akan terjamin dengan pembangunan semula ini.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd. Samad]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat]*

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah menyediakan cadangan pelan pembangunan semula Kampong Bharu yang dikenali sebagai Pelan Konsep Kampong Bharu, *Kampong Bharu Concept Plan (KBCP) 2019*. Ia telah dipamerkan kepada pemilik pewaris dan orang awam pada 21 September 2019 sempena sesi *town hall* bersama pemilik dan pewaris tanah berdaftar Kampong Bharu.

Pelan konsep yang disediakan ini adalah selaras dengan hala tuju baharu kementerian supaya kerajaan sendiri terlibat secara langsung dalam pembangunan semula Kampong Bharu. Pelan konsep ini dirancang sebagai satu pakej pembangunan bagi memastikan penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap serta menyeluruh bagi menampung keperluan masa hadapan di samping bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan Melayu Kampong Bharu.

Semua ini tidak dapat dijamin sekiranya pembangunan Kampong Bharu itu dilakukan secara swasta dan secara runcit di mana pemilik-pemilik berkumpul lima atau enam orang dan

mereka jualkan tanah untuk dibangunkan. Ia tidak akan memenuhi kehendak yang seperti mana disebutkan tadi.

Pelan konsep yang disediakan ini adalah selaras dengan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 yang diwartakan yang menetapkan zon guna tanah perdagangan pusat bandar raya dengan nisbah plot 1:10. Pelan yang disediakan ini memfokuskan kepada kawasan *Malay Agricultural Settlement (MAS)* Kampong Bharu seluas 220 ekar. Akan tetapi, hanya 153.46 ekar sahaja adalah tanah milik yang akan dibeli dan dibangunkan – tidak termasuklah kalau *you* baca dalam *Malaysiakini* kata, kita akan rindu Masjid Kampong Bharu sudah tidak ada, Kelab Sultan Sulaiman sudah tidak ada. Ini semua fakta ke laut. Saya tidak tahu di mana dia dapat ya.

Maka, pelan konsep ini telah menetapkan beberapa prinsip dan asas utama iaitu pemilikan tanah Kampong Bharu kekal menjadi milik orang Melayu. Prinsip yang digariskan adalah seperti mana berikut, nombor satu, tujuannya ialah untuk dibangunkan supaya memastikan lebih ramai orang Melayu akan berpeluang memiliki hartanah dan menjalankan perniagaan di pusat bandar raya melalui penyediaan lebih banyak unit kediaman dan ruang komersial.

Ini kembali kepada konsep dan falsafah asal Kampong Bharu. Kampong Bharu itu merupakan tanah anugerah yang diberikan oleh Sultan Selangor pada ketika itu untuk menentukan ada tempat di mana orang Melayu boleh duduk di Kampong Bharu. Akan tetapi, apabila Kuala Lumpur membangun, jumlah penduduk Kuala Lumpur pun telah bertambah sehingga mungkin 10 kali ganda, tetapi Kampong Bharu kekal dengan kepadatan yang sama.

■1030

Untuk seimbang dengan pembangunan yang berlaku di Kuala Lumpur, maka kita hendak bangunkan supaya jumlah penduduk di Kampong Bharu itu, orang-orang Melayu pun boleh ditambah dan ditingkatkan 10 kali ganda. Itulah sebabnya *plot rationya* 1:10.

Saya minta masa lebih sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kerana isu ini hari itu ramai yang minta, tetapi hari ini mereka semua tidak ada pula.

Kedua, memastikan elemen warisan, seni bina, budaya dan cara hidup orang Melayu terus dipelihara dan dipulihara melalui penyediaan Taman Warisan Melayu di samping penerapan elemen seni bina Melayu Islam dalam pembangunan semula yang akan dilaksanakan. Saya berhenti di situ dengan menegaskan di sini, Taman Warisan Melayu yang hendak diwujudkan adalah seluas 24 ekar dengan harga yang ditawarkan RM43.5 juta seekar bersamaan dengan RM1,000 sekaki persegi. Maka, Taman Warisan yang seluas 24 ekar itu, tanahnya sahaja nilainya RM1 bilion. Mana ada pihak swasta yang akan sanggup membangunkan dengan konsep yang sebegini rupa kalau ia tidak dilakukan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, secara keseluruhan, apakah harga tawaran kaki persegi yang akan diberikan? Kedua, berapakah peratus pemilik yang telah setuju dengan harga tawaran

ini? Ketiga, adakah pihak kementerian bersedia untuk bekerjasama contohnya dengan Jabatan Warisan untuk mengenal pasti dan mengekalkan elemen-elemen pusaka ataupun warisan?

Contohnya, di Jalan Abdullah Hukum dikekalkan bangunan asal milik Haji Abdullah Hukum agar masih ada peninggalan dan tidak semuanya jadi konkrit, masih ada elemen-elemen asal daripada Kampong Bharu itu sendiri sebagai tanda identiti jati diri orang Melayu di Kampong Bharu. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Dia tiga soalan tadi itu. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya jawab tentang soal warisan dulu. Memang kita telah kenal pasti lebih kurang dalam 11 buah rumah yang sedia ada termasuklah rumah yang dikenali sebagai Rumah Master Mat yang akan kita kekalkan dan kita akan pindahkan serta letakkannya dalam Taman Warisan. Ada 10 buah rumah lagi dan akan ditambah lagi mengikut pandangan arkitek dan perancang bila ia dilaksanakan. Akan tetapi, yang 11 buah rumah itu telah pun dikenal pasti untuk menjadi sebahagian daripada Taman Warisan yang hendak kita wujudkan.

Kedua, dari segi harga yang ditawarkan, sepertimana yang saya rasa semua sedia maklum, harganya adalah RM1,000 sekaki persegi yang bersamaan dengan RM43.5 juta seekar. Saya tahu ramai yang kata terlalu murah. Akan tetapi, setahu sayalah, tanah orang Melayu yang kekal syarat pemilikan Melayu dijual dengan harga RM43.5 juta seekar, tidak ada. Saya tidak tahulah kalau di Tanjong Piai ada, tetapi saya yakin tidak ada. Atau di Kuala Terengganu ada? Saya yakin tidak ada. Ini merupakan harga yang tertinggi.

Ada yang membuat perbandingan, Yang Berhormat Lembah Pantai, dengan tanah KLCC dan menyatakan bahawa tanah KLCC sekarang ini RM3,000 sekaki persegi. Itu setelah KLCC dibina. Apabila tanah KLCC itu merupakan lumba kuda dan hendak dibina KLCC, penilaian yang diberikan adalah hanya dalam lingkungan RM400 sekaki persegi. Kampong Bharu pun belum dibangunkan. Akan tetapi bila ia dibangunkan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tahun berapa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad: ...Sepertimana yang dirancang, sudah pasti harganya akan naik.

Ada orang kata pula, kalau harga naik, sayangnya orang Kampong Bharu sudah pergi. Tidak ada sesiapa yang suruh orang Kampong Bharu pergi. Kita minta orang Kampong Bharu kekal, melabur di sana, membeli hartanah di sana supaya apabila ia telah dibangunkan dan harga tanah itu naik, maka mereka juga akan mendapat manfaat daripada pembangunan yang dilakukan. Akan tetapi, itu terpulang kepada mereka.

Soalan kedua adalah berhubung dengan?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peratus.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Peratus pemilik yang telah respons adalah hampir 35 peratus daripada pemilik. Daripada 35 peratus pemilik yang saya telah beri tempoh sehingga hujung bulan ini, hampir 97 peratus bersetuju. Akan tetapi, masih ada lagi 60 peratus lebih yang belum respons.

Saya amat mengharapkan semua akan berusaha bersama termasuklah yang di sebelah sana untuk meyakinkan untuk mereka respons. Ini supaya kita dapat faham kenapa mereka hendak jual, kenapa dia tidak mahu jual kah dan sebagainya supaya kita boleh berbincang. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta. Pendang?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Siapa yang...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri sebut Kuala Terengganu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Bab harga ini, dia ada *past value*, dia ada *present value*, dia ada *future value*. Sebab itu nilai KLCC 10 tahun dahulu, 20 tahun, 30 tahun dahulu lain. *[Disampuk]* Ha! 30 tahun. Jadi, yang ini kita kena buat *ratio margin* ada di situ.

Jadi, saya hendak bagi soalan saya untuk penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Seperti yang kita tahu, Lebu Raya Bertingkat AKLEH iaitu Ampang memisahkan Kampong Bharu dengan kawasan KLCC. Kerajaan yang lalu telah meluluskan pembinaan Jejantas Saloma yang merentasi AKLEH bagi menghubungkan kembali Kampong Bharu dan KLCC.

Soalan saya, setakat mana kemajuan projek berkenaan? Sehingga hari ini, berapakah anggaran kos akhir projek ini dan siapakah yang membiayai projek ini? Jika ia dibiayai oleh DBKL, apakah *return of investment* (ROI) atau kesan langsung kepada DBKL dan juga penduduk Kampong Bharu yang tanahnya akan diambil dengan bayaran RM850 dan RM150 saham? Nilai di situ boleh— mungkin apa salahnya kita bayar RM2,000 atau RM3,000 kepada penduduk di situ? Mereka tidak ada lagi hak selepas ini untuk orang Kampong Bharu mereka boleh membeli untuk berniaga. Tidak apalah, yang itu sebab sudah kait dengan Tanjong Piai dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan soalan, 30 saat sahaja, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Soalan saya tadi, jika dibiayai oleh DBKL, apakah ROI ataupun kesan langsung kepada DBKL dan juga penduduk Kampong Bharu dengan pembinaan jejantas ini? Atau hanya pemaju-pemaju kondo mewah yang dibina berhampiran jejantas berkenaan sahaja yang menerima kesan langsung daripada ini? Sekian.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya, terima kasih. Sepatutnya berikan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi sebab saya sebut tadi Kuala Terengganu. Yang Berhormat Pendang saya tidak sebut. Tetapi dia punya soalan pun agak merapu. Minta maafah ya.

Tadi dijawab soalan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta tarik balik “*merapu*”.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Saya tarik balik, saya tarik balik. Tidak apa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya minta tarik balik “*merapu*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia dah tarik balik dah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tarik balik. Sebab ini berkenaan dengan hak rakyat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya, ya, ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya sebagai Ahli Parlimen ada hak bercakap. Yang Berhormat Menteri bercakap *merapu*, kata saya cakap *merapu*, tarik balik!

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Dah, dah. Dah tarik balik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ha! Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dah tarik balik dah, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Terima kasih, terima kasih. [*Ketawa*] Tadi disebut, projek *Saloma Link* ini projek yang diluluskan oleh kerajaan lama. Lalu, kalau hendak tanya dari segi justifikasi pembinaan *Saloma Link* itu, patut kena tanyalah kerajaan lama.

Kita mewarisi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bila ambil alih kerajaan, kamu ambil sekali dengan hutang-hutang, dengan masalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: [*Ketawa*]

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Mana ada kerajaan lama.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Janganlah macam itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kerajaan lama tiada, mahu tanya macam mana?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Apa punya— tidak profesional langsung.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Eh! Ada kah?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita yang memerintah, segala hutang segala apa kita ambil sekali...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Memanglah justifikasi— terpaksa kita ambil alih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya lah. Baik jawablah. Jawablah. Apa nak tanya kerajaan dahulu pula? Sekarang kamu Menteri. Apa punya otak?

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya, saya tahu. Kamu bukan. Duduk. Saya tahu saya Menteri dan Yang Berhormat Pendang bukan. Tidak payah hendak ingatkan.

Akan tetapi, hendak tanya justifikasi pembinaan *Saloma Link* itu, justifikasinya adalah yang dilakukan oleh pihak kerajaan lama. Sekarang ini sudah hampir siap. Takkanlah hendak tanya saya? Nak menjawab kenapa bina *Saloma Link*, apa ROI nya dan sebagainya. Itu satu.

Kedua, soalan tanah. Tanah memang ada nilai dahulu, ada nilai sekarang, nilai masa depan. Memanglah kita beli tanah dengan nilai sekarang. Takkan kita beli dengan nilai dulu

ataupun nilai akan datang? Kita ini bukan broker. Kalau broker, memanglah dia beli dengan tujuan untuk masa depan dia hendak jual. Saya bukan broker. Saya hendak bangunkan Kampong Bharu itu, saya beli dengan harga semasa.

Harga semasa...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Menteri, Menteri jawab di *Facebook* lah. Ini *House of Parliament*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang, saya tidak benarkan Yang Berhormat Pendang untuk respons. Yang Berhormat Pendang, sila duduk. Dia menjawab. Ini sesi Menteri. Yang Berhormat Pendang, ini sesi Menteri.

■1040

Yang Berhormat Pendang, saya tak nak benarkan Yang Berhormat. Sekejap, kita sesi... silakan Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya ingatkan Yang Berhormat Pendang, ini Parlimen ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kalau Parlimen, jangan sebut broker.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Jangan bangun, eh! Dengarlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak ada siapa sebut broker pun.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dengarlah Tuan Yang di-Pertua kalau dalam Parlimen.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, mana ada sesiapa sebut broker.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini bukan kedai kopi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kamu Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini bukan kedai kopi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jawab saja.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Duduklah!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kamu Menteri!

Tuan Khalid bin Abd Samad: Duduklah!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya duduklah, broker tidak ada sesiapa sebut.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Duduklah! [*Ketawa*] Tolong ingat ini Parlimen, bukan kedai kopi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya hendak teringatkan Menteri, ini bukan *Facebook* atau *Twitter*.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tengok tu. Tengok tu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini *House of Parliament*.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia tak faham-faham.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Apa punya Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: [*Ketawa*]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kedai kopi dengan *Facebook*, ingat samakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Menteri, rumuskan jawapan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Harga tanah berdasarkan kepada penilaian, ia bukan berdasarkan kepada spekulasi. Kita kerajaan, kita bukan syarikat hendak berniaga, kita kerajaan. Maka kita beli dengan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Hartanah. Bukan spekulasi, maka kita tidak beli dengan harga zaman dulu kah, harga masa akan datang kah, itu spekulasi yang dilakukan oleh orang yang bertindak sebagai broker. Saya bukan broker, saya beli atas dasar penilaian semasa yang dibuat oleh Jabatan Kerajaan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri, masa dah tamat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ianya merupakan... ya baik. Terima kasih, kalau tidak saya ceramah pula kan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri Tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]** minta Menteri Industri Utama menyatakan jumlah wang yang telah dibelanja untuk menampung bantuan Insentif Pengeluar Getah (IPG) pada tahun 2019. Berapa orang penoreh getah yang telah menikmati bantuan tersebut.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim di atas soalan yang bertanyakan tentang jumlah wang yang telah dibelanja untuk menampung Insentif Pengeluaran Getah dan juga penoreh getah yang telah menikmati bantuan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019, setakat September 2019, kita telah membelanjakan sebanyak RM60,453,289 untuk menampung Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Untuk makluman Yang Berhormat, insentif ini telah dinikmati oleh 90,208 pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat juga, khusus bagi negeri Perak, kementerian mempunyai data pembayaran terkumpul IPG dari September 2015 hinggalah Ogos 2019.

Untuk negeri Perak, bilangan tuntutan bagi tempoh yang saya nyatakan sebelum ini, tuntutan yang dibuat adalah sebanyak RM54,557 yang membabitkan jumlah pembayaran sebanyak RM7,087,306. Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah, adakah insentif

pengeluaran getah (IPG) ini melibatkan penoreh-penoreh getah yang menoreh getah di bawah sistem pawah iaitu mereka tidak mempunyai tanah. Kalau tidak, apakah usaha kementerian untuk membantu penoreh getah yang menoreh di bawah sistem pawah. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim untuk soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini bagi mereka yang memiliki dan mengusahakan getah, kita di peringkat kementerian di bawah Lembaga Getah Malaysia (LGM), kita menyediakan kad 4G bagi yang memiliki dan yang mengusahakan, ada juga yang memiliki dan mengusahakan. Akan tetapi dalam konteks soalan Yang Berhormat ini, dianya tidak mempunyai tanah, dia mengusahakan kebun tersebut dan tanah itu dimiliki oleh penama yang lain.

Justeru, apabila mereka ada mempunyai kad 4G, di dalam itu dinyatakan berapakah bahagian mereka masing-masing. Biasanya, amalannya ialah 50/50, 50 peratus untuk mereka yang memiliki tanah getah, 50 peratus lagi untuk yang mengusahakan. Jadi, LGM membayar IPG itu mengikut *portion* dengan izin yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Jadi, saya fikir dari segi itu, tidak ada masalah untuk penoreh-penoreh getah yang bukan memiliki tetapi mengusahakan untuk mendapat nikmat daripada tuntutan IPG ini. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang. Terdapat lebih kurang 1.2 juta hektar tanah ditanam dengan getah di seluruh negara dan harga lantai getah hari ini RM2.50. Jadi Menteri baru-baru ini, November yang lepas ada mengumumkan cadangan pokok getah dipakai dengan alat pelindung hujan supaya penoreh getah boleh menoreh sewaktu tengkujuh.

Jadi soalan saya, adakah kementerian membelanjakan peruntukan untuk rintis bagi menoreh di waktu hujan kerana ini benar yang baru dan sejauh manakah kos diperlukan? Adakah kementerian ingin menaikkan harga lantai getah daripada RM2.50 ke RM3.00 oleh kerana musim tengkujuh sekarang ini banyak penoreh tidak boleh menoreh di waktu ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sepertimana Yang Berhormat Jempol pun sedia maklum bahawa apa yang dipanggil sebagai menoreh sewaktu gerimis, saya hendak betulkan, menoreh sewaktu gerimis sekarang kita mempunyai konsep payung, ini bukan satu perkara yang baru. Ia pernah dibuat projek rintis, pada zaman pentadbiran yang lama. Malah, kalau kita lihat di Thailand pun sudah ada menggunakan sistem payung ini yang memayungi tempat yang ditoreh itu di bawah dalam keadaan hujan yang gerimis, bukan hujan yang lebat.

Cuma projek yang sedia ada, yang telah pun dibuat dahulu, saya percaya ia tidak mencapai apa yang dimaksudkan kerana ianya tidak kos produktiflah. Maksudnya ia tidak ada *economic skill* kerana harga itu mahal dan ia memberikan sedikit beban kepada pekebun kecil dan penoreh getah. Akan tetapi apa pun kita sedang teliti perkara ini di bawah LGM terutamanya yang terbabit dalam soal pembangunan secara inovasi ini untuk membantu pekebun-pekebun kecil.

Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah soal berkaitan dengan harga lantai. Kita kekal dengan RM2.50 itu untuk insentif pengeluaran getah tetapi dalam masa yang sama saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk memulakan apa yang dipanggil sebagai integrasi tanaman.

Jadi yang ini, kita sedang perhalusi bersama kerana ia membabitkan dua, tiga kementerian, Kementerian Industri Asas Tani dan sebagainya supaya dapat membantu pekebun kecil ini di waktu musim hujan dan sebagainya agar ada tanaman-tanaman yang boleh membantu mereka untuk mendapatkan hasil.

Misalnya tahun lalu, ada penoreh getah, pekebun kecil di Kedah yang menanam cendawan yang mana itu dijual dengan satu kilo RM10, ada yang RM15, ianya membantu mereka selain daripada adanya Insentif Pengeluaran Getah yang disediakan kepada mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, harga sekarang RM2.11. Jadi IPG itu telah pun diaktifkan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua,

Menang Tanjung Piai calon nombor dua,

Soalan saya nombor dua.

2. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah penguatkuasaan terhadap para peminjam pinjaman latihan kemahiran di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan adakah program ini masih diteruskan untuk melahirkan tenaga mahir di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan. Kerajaan melalui PTPK tidak hanya mengamalkan penguatkuasaan tetapi kita lebih banyak menggunakan pendekatan bagi menggalakkan peminjam-peminjam kita ini dapat memberikan bayaran balik mereka dengan sebaik-baiknya untuk digunakan bagi diberikan pinjaman itu kepada orang-orang lain. Jadi oleh sebab itu kita banyak menggunakan kaedah-kaedah seperti memberikan tawaran diskaun 10 peratus kepada mereka yang membayar 12 bulan berturut-turut ataupun 12 bulan lebih awal. Dia bayar dulu 12 bulan lebih awal, jadi mereka ini akan diberikan diskaun sebanyak 10 peratus daripada pinjaman mereka.

■ 1050

Begitu juga, mereka yang juga boleh membayar mengawalkan 20 peratus daripada tempoh sebenarnya mereka juga akan dikecualikan daripada caj pentadbiran sebanyak tiga peratus. Jadi, *alhamdulillah* dengan galakan-galakan yang telah pun dibuat termasuk dengan program bayar dan menang kita ada tawaran, cabutan bertuah dan sebagainya ramai orang telah pun membayar balik.

Dan sekarang ini kita telah pun mendapat sehingga bulan September ini RM619 juta bayaran balik yang telah pun kita perolehi daripada peminjam-peminjam dan kita memberikan

kelonggaran kepada mereka untuk membayar kalau mereka tidak berkemampuan untuk hendak membayar kita memberikan tawaran kepada mereka untuk membayar paling kurangnya ialah sebulan RM100 walaupun paling tingginya bayaran mereka daripada pinjaman diberikan kepada mereka lebih kurang RM350 sebulan tetapi oleh sebab kalau mereka tidak berkemampuan, mereka diberikan kelonggaran paling tidaknya RM100 kerana kita hendakkan duit mereka itu dibalikkan semula kepada tabung. *Insyaa-Allah* program ini masih teruskan.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada tahun 2001 sehingga tahun 2018 PTPK dia membiayai saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri kena setujulah RM4,400 pelajar, bagus. Dan tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi menanggung tunggangan pinjaman RM1.6 bilion setakat ini. Jadi, perkara tersebut menjadi bahan apabila dalam Butiran 020300 - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk tahun 2020 tidak ada lagi bantuan RM5 juta kepada PTPK, butiran bajet tahun 2020.

Dan yang ketara sekarang ini, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan kepada kita bahawa terdapat pusat-pusat latihan swasta ini yang mengendalikan program ini, mereka menjerat pelajar-pelajar untuk belajar ke tempat mereka tetapi akhirnya tidak ditawarkan dengan tabung pinjaman tersebut dan akhirnya pelajar-pelajar ini terpaksa meminjam dengan bank dan pelajar-pelajar ini berhenti setengah jalan dan apakah tindakan kementerian untuk melangsungkan pelajar-pelajar ini daripada terus belajar di pusat-pusat kemahiran yang swasta ini?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Strategik pengagihan peruntukkan daripada tabung ini khususnya kepada institusi-institusi pusat bertauliah swasta ini ialah kepada pendekatan menggunakan industri *driven* iaitu mengutamakan pendapatan pelatih melalui kerjasama pintar yang perlu dilakukan oleh pusat bertauliah ini dengan pihak-pihak industri.

Jadi, sebab itu kita meletakkan syarat-syarat yang agak ketat yang menyebabkan kadang-kadang mereka tidak mampu untuk lakukan benda ini. Ini sebab, kita hendak pastikan supaya pelajar-pelajar yang mengambil pendekatan pendidikan TVET ini kebolehpasaran mereka di dalam industri pekerjaan ini terjamin.

Sebab itu, kalau mengikut kajian Pricewaterhouse pada tahun 2018 mendapati bahawa 92 peratus pelajar-pelajar TVET itu boleh masuk pasaran-pasaran pekerjaan jadi *alhamdulillah*. Berkaitan dengan peruntukan bajet ini, kita tidak menghadapi masalah apa-apa dari segi kewangan sebab kita mempunyai pusingan duit yang sedia ada ini untuk diberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar.

Begitu juga dengan peruntukan dalam bajet baru-baru ini sebanyak RM50 juta juga diperuntukkan bagi membiayai pendidikan di peringkat institusi pengajian yang dikendalikan oleh kerajaan negeri, kerajaan negeri dia ada pusat-pusat bertauliah di bawah kerajaan negeri ada diperuntukkan melalui tabung PTPK ini sebanyak RM50 juta untuk diagihkan kepada mereka.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada soalan. Apakah langkah kerajaan untuk memulakan latihan kemahiran

daripada peringkat sekolah menengah supaya mengurangkan beban penggunaan tabung PTPK setelah pelajar di taraf profesional, maka tidak timbullah persoalan pegawai dagangan aktif mengikut sektor yang jumlahnya sebanyak 123,077 orang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Kita sentiasa terbuka untuk menjalankan program-program pendidikan ini di peringkat seawal-awalnya khususnya di peringkat sekolah menengah dan sudah tentulah ini harus diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan kerana sekolah-sekolah institusi persekolahan rendah dan menengah ini di bawah Kementerian Pendidikan. Akan tetapi, dari sudut persijilan SKM ini dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia jadi kita hanya mengambil pelajar-pelajar selepas daripada mereka melepasi pengajian menengah mereka.

Namun begitu, kita tidak ada masalah kalau Kementerian Pendidikan boleh menganjurkan program-program ini untuk diperluaskan kepada bermula daripada sekolah menengah itu adalah suatu yang terbaik khususnya bermula daripada Tingkatan 4 lagi itu adalah lebih baik, *insya-Allah*.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan teruskan kepada pertanyaan jawab lisan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu marilah kita berdoa dan memberi sokongan kepada pasukan Malaysia melawan Indonesia malam ini. Semoga akan menang, sekian.

3. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperbaiki dan menyenggara gelanggang futsal, sepak takraw, bola jaring dan pusat sukan yang sedia ada di daerah-daerah termasuk di Parlimen Sabak Bernam bagi kemudahan belia-belie untuk menyertai aktiviti sukan dan riadah bagi melahirkan belia sihat dan komuniti yang bersatu padu.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* bukan sahaja akan memang tetapi kita doakan supaya menang besar ini penting untuk Malaysia.

Kementerian Belia dan Sukan telah dan akan terus menyelenggarakan serta menaikkan taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur sukan secara berperingkat termasuklah di Parlimen Sabak Bernam. Untuk makluman Yang Berhormat, di Sabak Bernam ada 29 infrastruktur sukan dan daripada jumlah 29 ini, 20 dalam keadaan yang baik telah pun diselenggara ataupun sejak dibina masih dalam keadaan baik.

Akan tetapi, daripada 29, sembilan perlu diselenggara dan perlu dibaik pulih secepat mungkin. Kementerian Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa *list priority* dan penambahbaikan ataupun pembaikpulihan diikut sebaik

mungkin. Dalam 29 infrastruktur sukan ini, 20 terletak di bawah bidang kuasa negeri dan sembilan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kita akan ikut mengikut permohonan yang sedia ada mana yang perlu dibaik pulih secepat mungkin bersama dengan kerajaan negeri dan pada masa yang sama, prioriti pembaikpulihan infra sukan pada tahun hadapan akan difokuskan bagi INFRA sukan di kawasan luar bandar ataupun infra sukan di kawasan bandar tetapi ada kumpulan belia berisiko yang paling tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjelaskan jawapan sebentar tadi. Semoga penyelenggaraan yang belum dilaksanakan diharap dapat diurus dengan segera. Soalan tambahan saya, setakat manakah perancangan kerajaan untuk menyelenggarakan gelanggang pusat sukan yang telah sedia ada?

Apakah pilihan alternatif kerajaan bagi menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi kepada belia di luar bandar? Dan apakah kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan untuk mencungkil bakat-bakat belia luar bandar dalam bidang sukan sehingga mencapai taraf dunia? Sejauh manakah kementerian, berjaya memaksimumkan dan mengoptimumkan pencarian bakat baharu untuk sukan negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Dia ada empat soalan, saya cuba ringkaskan sebaik mungkin. Pertama sekali, status sistem pembaikpulihan gelanggang-gelanggang yang sedia ada. Seperti yang saya maklumkan tadi, prioriti akan diberikan kepada gelanggang yang telah pun diklasifikasikan sebagai gelanggang yang kualitinya dan perlu dibaik pulih secepat mungkin.

Dengan ini, kalau kita lihat dalam belanjawan tahun 2020 ada tambahan dana di sini untuk memberikan fokus kepada pembaikpulihan gelanggang iaitu di mana RM299 juta telah pun diperuntukkan dan prioriti yang saya katakan tadi akan diberikan kepada kawasan luar bandar ataupun kawasan di mana ada kumpulan belia yang berisiko yang paling tinggi.

Alternatif adalah untuk berkolaborasi dengan kerajaan negeri ataupun berkolaborasi dengan syarikat swasta untuk memastikan bahawa gelanggang itu dapat dibaik pulih secepat mungkin sebagai contoh kami telah pun berkolaborasi dengan Yayasan Khazanah bahawa Khazanah untuk membina lebih banyak *craft court*, dengan izin di mana kita membaik pulih gelanggang futsal berstatus berkualiti antarabangsa bersama dengan syarikat-syarikat sedia ada supaya akhirnya ia dapat dimanfaatkan oleh anak-anak khususnya di kawasan FELDA.

■1100

Dalam usaha kita untuk mencari bakat-bakat anak muda dalam bidang sukan, sebab itu pada tahun hadapan, prioriti akan diberikan kepada pembangunan infra sukan, kos rendah, *high impact* di kawasan luar bandar di mana RM100 juta akan diperuntukkan. Bukan itu sahaja, kita akan menggerakkan atau merencanakan program *Talent Outreach Programmed (TOP)* bersama dengan MSN dan ISN untuk mencungkil bakat-bakat anak muda kita khususnya di kawasan luar bandar supaya akhirnya mereka dapat disertakan ke dalam podium ataupun *high performance*

sport dengan izin supaya akhirnya mereka dapat mewakili Malaysia di persada dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, selain daripada kita memperbaiki atau menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara kita, saya juga ingin– berkaitan dengan sukan. Apakah sebenarnya atlet-atlet atau ahli-ahli sukan di dalam negara kita ini lahirnya daripada sekolah sukan yang kita usaha sama dengan kementerian?

Adakah mereka ini lahir daripada sekolah sukan atau sistem sekolah sukan ini kurang berjaya dan selain daripada itu, adakah kerana kemudahan-kemudahan sukan ini tidak diberikan perhatian atau belia-belia sudah tidak suka main futsal, belia sudah tidak suka main takraw, belia tidak suka main bola kerana Yang Berhormat Menteri lebih berminat kepada *esports*. Jadi saya ingin jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ada banyak cara untuk kita mencungkil dan mencari bakat anak muda dalam bidang sukan. Bukan sahaja daripada sekolah sukan tetapi sekarang ini kita telah pun memperuntukkan lebih dana ke dalam sistem akar umbi yang lebih menyeluruh. Sebagai contohnya sebelum ini telah pun tertubuhnya NFDP yang fokusnya adalah bagi sukan bola sepak.

Dananya telah pun dipertingkatkan supaya akhirnya kita dapat merencanakan perkembangan bola sepak di peringkat akar umbi. NHDP bagi hoki, ABM bagi badminton dan kita akan mulakan banyak yang lain khususnya sukan sektor wanita yang sebelum ini tidak dapat pembelaan yang sewajarnya. Itu bagi *niche group*, bagi mereka yang betul-betul berbakat dan jumlahnya agak kecil tetapi akhirnya besar kemungkinan merekalah yang akan mewakili negara tercinta.

Selepas itu kita ada Sekolah Sukan Bukit Jalil yang terletak di bawah *Federal* dan pergi ke, sampai sekolah sukan peringkat negeri. Ini semua merupakan program pelapis yang akhirnya akan melahirkan atlet-atlet muda kita. Akan tetapi, fokus program-program ini dengan izin adalah *complimentary* ia tidak membunuh satu sama yang lain, tetapi membina satu sama yang lain. Saya juga percaya Yang Berhormat bahawa, sukan tradisional dan sukan-sukan baharu seperti *esports* dapat dibangunkan bersama kerana akhirnya kita lihat landskap sukan negara sentiasa berubah.

Sebelum ini kita mungkin hanya ada dalam 20 jenis hingga 30 jenis *traditional sports* dan sekarang ini asyik berkembang. Setiap tahun ada sukan-sukan baharu. Sebagai contoh dalam Tokyo Olympic minta maaf Paris Olympic, selepas ini akan ada empat jenis sukan lagi akan dipertandingkan seperti *brake dancing* yang sepatutnya kita cari jalan untuk mengasah bakat anak muda kita supaya akhirnya mereka boleh mengikut arus masa perkembangan sukan yang sedia ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi satu lagi, Yang Berhormat Kota Bharu, soalan yang berkaitan ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa banyak infrastruktur sukan yang dibina oleh kerajaan ini mengalami masalah penyelenggaraan. Mungkin masalah kewangan dan sebagainya. Jadi, untuk mengelakkan perkara ini berlaku, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan atau membina *multi-purpose sports complex*. Di mana satu-satunya kompleks itu boleh digunakan untuk banyak jenis sukan. Jikalau sukan-sukan tertentu itu sudah tidak diminati, kompleks itu boleh digunakan untuk jenis-jenis permainan yang lain. Mohon pandangan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Itu memang merupakan salah satu cadangan yang sedia ada supaya kita dapat pusatkan aktiviti sukan di satu lokasi. Cuma masalah yang sedia ada, adalah di mana jika wujudnya pemusatan aktiviti-aktiviti sukan ini, kita tidak dapat mengagihkan infra sukan seadil mungkin khususnya di kawasan luar bandar. Ini kerana, lazimnya, kompleks sukan ini akan ditumpukan di kawasan yang agak padat. Sebagai contohnya di Kota Bharu tetapi bagaimana pula kita ingin mengagihkan infra sukan di kawasan-kawasan separa bandar dan luar bandar walaupun populasinya kecil tetapi mungkin ada kumpulan belia berisiko yang agak tinggi.

Oleh sebab itu kita perlu pastikan sambil kita membina lebih banyak kompleks sukan yang kosnya, lazimnya atas RM10 juta tetapi kita juga tidak boleh lupa infra sukan kecil tetapi *high impact* di kawasan luar bandar. Sebagai contoh apabila saya melawat ke Parlimen Semporna di mana ada banyak pulau-pulau, di kawasan-kawasan tersebut yang agak mustahil untuk membina infra sukan besar seperti kompleks sukan.

Akan tetapi, tidak ada infra sukan kecil tetapi berkualiti tinggi seperti bola keranjang yang di mohon, walhal kosnya bawah RM100 tetapi dapat memberi impak kepada lebih 250 komuniti anak muda di sana dan akhirnya dapat mengurangkan kumpulan beli berisiko. Semua cadangan akan kita ambil kira secara serius mengikut kepadatan, kumpulan belia berisiko dan jumlah infra sukan di kawasan-kawasan tersebut.

Akan tetapi pengkhususan dan fokus harus diberikan kepada kawasan luar bandar atau kawasan yang ada kumpulan belia berisiko paling tinggi. Ini kerana, saya agak yakin sukan dapat mengurangkan jumlah belia berisiko. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta Menteri Industri Utama menyatakan pendekatan yang lebih progresif dilakukan bagi mengembalikan semula kegemilangan industri koko yang kini berhadapan dengan masalah kekurangan pengeluaran biji koko.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, perkembangan industri koko pada ketika ini adalah tertumpu kepada industri pengisaran biji koko dan sektor huluan khususnya dalam menghasilkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua *single origin cocoa*.

Bagi memastikan sektor hulu terus kekal berdaya saing. Beberapa pendekatan telah pun dirangka dan sedang dilaksanakan melalui pelaksanaan program-program pembangunan seperti berikut:

- (i) melaksanakan program peningkatan produktiviti dengan memberikan insentif input pertanian seperti baja dan racun serta khidmat nasihat dan kursus pemindahan teknologi untuk menggalakkan pekebun untuk terus menyelenggara dan melibatkan diri dalam penanaman koko dengan mengamalkan amalan pertanian yang baik bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran biji koko kering yang berkualiti di kalangan peserta program;
- (ii) melaksanakan program pembangunan kluster koko untuk menambah nilai rantai pengeluaran koko seterusnya meningkatkan lagi pendapatan pekebun koko. Program ini merupakan program di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang berkonsepkan *farm to table* di mana segala aktiviti berasaskan koko dilaksanakan di tapak kluster koko bermula daripada peringkat *nursery cocoa* hinggalah kepada penghasilan produk akhir iaitu coklat yang melibatkan pekebun koko dan komuniti sekitar kluster koko; dan
- (iii) menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan R&D bagi menambah daya saing komoditi koko melalui pembangunan bahan tanaman dan penggunaan klon-klon koko yang berhasil tinggi serta tahan perosak dan penyakit. Peningkatan produktiviti melalui pembangunan teknologi pengeluaran koko, pengurusan penyakit dan perosak serta penggunaan bioteknologi dalam meningkatkan lagi pengeluaran bahan tanaman koko yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan itu. Soalan tambahan saya, sejauh manakah produk-produk agrikomoditi seperti koko ini di komersialkan dan dipasarkan kepada pemain-pemain industri bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat pasaran global.

Serta apakah pendekatan ataupun teknologi terkini yang digunakan dalam memastikan Malaysia sebagai hub coklat ASEAN dapat dicapai sekali gus membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang mengusahakan industri koko ini. Mohon jawapan, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman di atas soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, memang produk-produk kita sekarang ini iaitu yang berkaitan dengan komoditi koko di komersialkan dan di pasarkan dengan baik. Misalnya saya bagi satu fakta perbandingan untuk pengetahuan Dewan ini. Saya mengambil contoh misalnya sektor hiliran makanan, iaitu yang berkaitan dengan coklat.

Pada tahun 1992, *value* ataupun nilainya sebanyak RM45 juta. Kemudian 10 tahun selepas itu pada tahun 2002, dia meningkat menjadi RM110 juta. Untuk tahun 2018, tahun lepas, nilainya telah meningkat kepada RM1.03 bilion. Ini kita bercakap tentang coklat sahaja. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, bahawa banyak produk-produk kita perlu dikomersialkan dan dipasarkan.

Saya ambil contoh misalnya, sekarang ini ada ubat gigi daripada coklat yang dinamakan sebagai— kalau tidak silap saya *mis-mis* ya. Satu produk tempatan yang sekarang ini sedang kita bantu untuk promosikan.

■1110

Ada juga bahan-bahan yang membabitkan farmaseutikal ataupun kecantikan dan sebagainya. Jadi yang ini produk-produk yang sedang kita bantu mereka untuk pasarkan supaya dapat dipelbagaikan produk-produk ini dan membantu industri ini.

Apakah pendekatan dan teknologi yang terkini, saya percaya bahawa yang saya sebutkan tadi dalam jawapan ialah untuk kita bangunkan secara bersungguh-sungguh iaitu apa yang dipanggil sebagai Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko. Saya ambil contoh misalnya yang sedang kita buat sekarang di Ranau. Di Ranau ini kita akan bangunkan, sekarang dalam proses tender Yang Berhormat. Kita bangunkan mini kilang dan di kawasan persekitaran itu ada penanam koko.

Jadi mereka boleh hantar terus ke kilang, diproses dan kemudian ia terus menjadi produk hiliran dan membantu pekebun kecil yang mana mereka mempunyai kebun di sekitar itu. Jadi ini antara projek yang *ongoing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan mudah-mudahan ini dapat membantu pekebun kecil menambahkan lagi pendapatan mereka. Terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih tadi kerana kementerian ada program di Ranau. Ke arah mengembalikan semula kegemilangan industri koko. Sabah untuk rekod pernah menjadi negeri pengeluar koko yang utama di Sabah. Saya difahamkan Kementerian Industri Utama memberi insentif RM18,000 untuk peserta bagi tanaman baru koko dan juga RM2,000 untuk tanaman semula untuk satu hektar.

Apa yang mungkin masalah kenapa penyertaan kurang itu kerana insentif itu cuma untuk satu hektar dan satu hektar ini cuma boleh menjana pendapatan sekitar RM8,000 setahun. Jadi pendapatan kalau sekadar RM8,000 setahun ini bukanlah satu pendapatan yang cukup untuk menyara satu keluarga ataupun bukan menjana pendapatan yang baik untuk setiap peserta.

Adakah kementerian berniat untuk atau adakah kementerian mempunyai rancangan agar satu hektar ini dinaikkan kepada dua atau tiga hektar untuk maksud insentif bagi penanaman baru ini agar peserta ini mendapat pendapatan yang lebih untuk menjana keluarganya. Saya rasa itu langkah yang boleh menarik rakyat untuk menyertai industri koko ini semula. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih, Yang Berhormat Putatan di atas soalan yang baik. Memang saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat

Putatan bahawa dari segi huluhan, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan adalah segi huluhan untuk penanam koko dan sebagainya.

Dari segi huluhan memang kita mempunyai cabaran kerana sekarang ini kalau hendak banding dengan tahun 1992 Tuan Yang di-Pertua, kita ada 220,000 tan, apa yang dipanggil biji koko kering ini. Sekarang ini tinggal 814 tan sahaja. Jadi dari segi huluhan ini kita mempunyai cabaran tetapi kita punya kelebihan dari segi hiliran. Cabaran kementerian itu adalah untuk menyeimbangkan supaya adanya hiliran yang bagus ada juga huluhan yang dapat mendukung industri.

Kami ambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat itu tetapi dalam masa yang sama saya juga telah sampaikan tadi di dalam jawapan saya ialah kita memberikan tumpuan secara holistik dalam erti kata program pembangunan kluster. Kita membangunkan satu kluster supaya ianya dapat memberikan apa yang dipanggil pendapatan tambahan kepada pekebun kecil. Mereka bukan sekadar pada huluhan sahaja tetapi boleh sampai ke hilirannya sekali di tempat yang tidak memerlukan logistik dan menambahkan lagi kos. Apa Yang Berhormat cadangkan tentang peruntukan untuk para peserta dan sebagainya, *insya-Allah* kita akan teliti cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah yang telah dilakukan bawah item “00104 – Penyusunan Semula Masyarakat” dalam Belanjawan 2019 yang dianggarkan telah memakan belanja sejumlah RM300,000,000.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Butiran 00104 – Program Penyusunan Semula Masyarakat dalam Belanjawan 2019, kerajaan telah melaksanakan dua program iaitu Program Dana Pelaburan Hartanah oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Program Dana Ekuiti Nasional Berhad oleh Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas).

Program Dana Pelaburan Hartanah di bawah PHB ini adalah bagi meningkatkan pegangan bumiputera dalam sektor hartanah komersial terutama di lokasi strategik di bandar-bandar utama melalui suntikan pelaburan dalam dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB). Di bawah program ini PHB membuat pembelian bangunan komersial yang telah dibangunkan serta melaksanakan pembangunan hartanah komersial. Sehingga tahun 2019, saiz dana AHB adalah sebanyak RM4 bilion.

Bagi pencapaian PHB sehingga tahun 2019 secara keseluruhan PHB telah memiliki sebanyak 22 bangunan yang telah dibeli serta dibangunkan dengan nilai keseluruhan hartanah berjumlah RM6.06 bilion iaitu terdiri daripada bangunan pejabat sebanyak 63 peratus, kompleks beli-belah sebanyak 31 peratus, hospital sebanyak empat peratus dan premis perniagaan sebanyak dua peratus.

Manakala Program Dana Ekuiti Nasional Berhad di bawah Ekuinas adalah untuk meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera melalui model ekuiti persendirian atau *private equity*,

dengan izin bagi mengembangkan syarikat yang mempunyai pertumbuhan dan pulangan pelaburan yang tinggi. Selain itu Ekuinas juga berperanan untuk meningkatkan penglibatan bumiputera di peringkat pengurusan dalam syarikat yang dilabur, penciptaan peluang pekerjaan baru dan profesional kepada bumiputera serta penciptaan nilai dalam rantai bekalan.

Semenjak penubuhannya pada tahun 2009 Ekuinas telah memperolehi RM2.7 bilion hasil daripada realisasi atau penjualan pelaburan syarikat-syarikat yang berjaya dikembangkan. Perbelanjaan pelaburan oleh Ekuinas pada tahun 2019 adalah sebanyak RM22.9 juta. Ekuinas juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion untuk *tranche for* dengan izin, bagi kegunaan pelaburan baharu. Sekian, terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam tujuan penyusunan semula masyarakat dengan izin, GLC dan GILC boleh dipakai untuk membantu meningkatkan ekonomi tetapi banyak GLC ini masih dilanda disiplin kewangan yang lemah, kemahiran pengurusan dan teknikal yang tidak mencukupi. Pemerhati pasaran juga telah mengadu kekurangan ketelusan dalam pemilikan, dasar-dasar *divestment*, pembelian dan penjualan dalam GLC dan GILC.

Soalan saya ialah apakah rancangan dalam tahun 2020 untuk memastikan kelemahan dan ketidakseimbangan pemilik GLC akan diuruskan supaya mencapai penyusunan semula masyarakat yang mana kekayaan dapat diagihkan lebih adil dan saksama. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama sekali berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama dalam menjayakan pembangunan semula masyarakat khususnya dalam merapatkan jurang-jurang ekonomi, peranan semua agensi-agensi kerajaan termasuklah GLC dan GILC adalah amat penting.

Di sinilah kerajaan secara keseluruhannya sedang berusaha untuk memastikan prestasi ketelusan syarikat-syarikat milik kerajaan serta agensi-agensi kerajaan terus dipertingkatkan supaya mereka ini dapat digembleng sepenuhnya dalam usaha merapatkan jurang-jurang ekonomi dan membangunkan ekonomi negara bagi memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Apabila PH memerintah, saham jatuh 330 mata, hilang RM350 bilion daripada ekonomi negara. Soalannya berapa peratus ekuiti bumiputera yang terjejas akibat kehilangan RM350 bilion di pasaran saham ini dan bagaimana kerajaan hendak mengembalikan kehilangan RM350 bilion ini?

Soalan seterusnya ialah apabila kita kata penyusunan masyarakat, ia melibatkan profesion yang profesional seperti doktor, peguam, arkitek, jurutera dan akauntan. Berapa jumlah untuk kelima-lima itu, berapa peratusan bumiputera untuk kelima-lima itu dan mengapa kita bercita-cita hanya 30 peratus sedangkan penduduk bumiputera ialah 70 peratus di Malaysia? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pertama sekali berkaitan dengan data ekuiti bumiputera, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum data ekuiti bumiputera yang ada pada waktu ini adalah sehingga tahun 2015.

■1120

Itu pun yang dibentangkan kepada umum sebelum ini oleh kerajaan sebelum ini hanya sehingga tahun 2011 dan sehinggalah kita umumkan dalam Dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama ekuiti untuk tahun 2015. Jadi untuk menjawab soalan pertama, kesan kepada ekuiti kita tidak mempunyai data tersebut. Tentang kedua peratusan bumiputera dalam bidang-bidang profesional, izinkan saya beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof Petrajaya.

6. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak dititikberatkan dalam usaha kerajaan melaksanakan Pelan Rasionalisasi Malaysia Airlines Berhad kerana pengangkutan udara sangat penting kepada penduduk kedua wilayah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petrajaya di atas soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, isu berhubung Pelan Rasionalisasi Malaysia Airlines Berhad (MAB) adalah di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif penstrukturan semula Malaysia Airlines termasuk Pelan Pemulihan MAS (PPM 2014/2019) untuk memulihkan kedudukan dan prestasi kewangan dan operasi.

Sepanjang tempoh tersebut MAS menghadapi pelbagai cabaran termasuk pertumbuhan penumpang yang menyederhana dan diganggu oleh perang harga serta amalan pesaing industri yang mencipta lebih penawaran dengan izin *over supply*. Cabaran lain termasuklah ketidakstabilan harga minyak dan ketidaktentuan dalam tukaran wang asing. Kementerian pengangkutan ingin memperjelaskan bahawa sebarang pelan rasionalisasi yang telah dan akan dilaksanakan oleh MAB tidak akan menjejaskan perkhidmatan udara luar bandar atau *rural air services* dengan izin RAS sedia ada yang disediakan oleh MASwings.

Untuk makluman Yang Berhormat, RAS merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar. Dalam hubungan ini kerajaan akan terus komited dalam meneruskan perkhidmatan RAS yang disediakan oleh MASwings bagi kemudahan penduduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan subsidi yang secukupnya.

Bagi maksud tersebut, pada 3 Januari 2019 Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan syarikat penerbangan MASwings bagi meneruskan penyediaan perkhidmatan RAS di Sabah dan Sarawak untuk tempoh enam tahun yang akan datang iaitu bermula 2019 hingga 2024 selaras dengan kajian semula oleh Suruhanjaya Penerbangan Awam ataupun (MAVCOM) terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diizinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengalu-alukan kehadiran mereka yang daripada ADUN Kuala Sepetang Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kuala Sepetang terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Kuala Sepetang jadi mereka sepagi di sini. *[Ketawa]*

Berhubung kait dengan jawapan tadi terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma kalau dapat saya hendak mendapat data, berapakah jumlah akibat rasionalisasi ini mereka yang hilang pekerjaan? Daripada hilang pekerjaan itu, berapa ramai pula yang dapat ditempatkan di tempat-tempat yang lain dengan usaha yang dilakukan oleh pihak MAS ataupun kerajaan? Dan berapa pula yang tidak dapat berjaya ditempatkan di tempat lain? Itu yang pertama.

Kedua, tambang sekarang ini agak mahal kalau kita melihat untuk khususnya untuk Sabah dan Sarawak sama ada ke Semenanjung ataupun dalam negeri itu sendiri. Jadi apakah usaha kementerian untuk membawa ketiga-tiga syarikat penerbangan Malaysia iaitu MAS, AirAsia dan juga Malindo supaya penerbangan di Sarawak, Sabah, antara Sarawak dan Sabah, dan Sabah dan Sarawak ke Semenanjung ini dapat dikurangkan supaya bebanan khususnya untuk anak-anak yang belajar di sini pergi dan balik agak besar kosnya. Begitu juga mereka yang terpaksa menanggung dari segi yang terpaksa pergi membuat perubatan sama ada di IJN atau di GH agak mahal kosnya.

Adakah usaha untuk memastikan subsidi yang terdahulu diusahakan oleh kerajaan dapat diteruskan supaya dapat mengurangkan kos pengangkutan mereka. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Ada beberapa soalan yang dibangkitkan dan mungkin saya tidak dapat menjawab kesemuanya dengan baik atau lengkap.

Pertama berkaitan dengan kehilangan pekerjaan oleh pekerja-pekerja di syarikat tersebut. Saya tidak ada maklumat tentang rasionalisasi yang sedang berlaku yang mengakibatkan pemberhentian pekerja-pekerja yang baharu. Setakat yang saya tahu, pemberhentian pekerjaan-pekerjaan dalam MAS ini telah berlaku agak beberapa tahun yang lalu yang dilakukan oleh pengurusan yang diambil khas oleh kerajaan yang terdahulu dan perkara itu sudah pun berlangsung. Walaupun saya tidak dapat menafikan terdapat kesan-kesan sosio masyarakat dan sebagainya hingga ke hari ini. Akan tetapi jumlah yang terkini ataupun angka yang terkini yang dilakukan saya rasa tidak ada langsung pemberhentian pekerja-pekerja yang baharu.

Keduanya, tentang harga ini Tuan Yang di-Pertua adalah soalan yang sering ditanya dan jawapan khusus yang kementerian berikan senantiasa ialah bahawa dalam Kajian MAVCOM kawalan harga adalah agak susah dan tidaklah akan menguntungkan akhirnya pengguna jika ia ditetapkan. Walau apa pun khusus tentang pelajar-pelajar dan sebagainya, syarikat-syarikat penerbangan termasuklah MAS sendiri ada memberi potongan-potongan dan sebagainya

kepada pelajar-pelajar dan juga di musim-musim perayaan untuk menggunakan syarikat-syarikat penerbangan yang disebutkan itu.

Jadi oleh sebab itu saya fikir isu tambang ini memang ada tetapi secara khususnya khusus bagi musim-musim perayaan dan juga bagi pelajar-pelajar ada pemotongan-pemotongan yang telah pun dilaksanakan oleh syarikat penerbangan khususnya MAS ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua ini mengenai Sabah dan Sarawak saya jemput Yang Berhormat Sibü.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tambang dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, saya rasa MAS perlu tawarkan potongan yang lebih kerana pada masa sekarang potongan yang mereka tawarkan hanya 20 peratus untuk murid-murid dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Bolehkah potongan ini ditambahkan kepada 50 peratus untuk murid-murid kita?

[Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih. itu satu soalan dan permohonan yang khusus. Saya sudah tentu yakin bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti MAS dan yang di bawah kementerian dari segi pengurusan seperti ini yang terlibat akan mengambil perhatian tentang cadangan dan permohonan seperti ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad Setiawangsa.

7. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bercadang mengemas kini Garis Panduan Perancangan Perumahan yang diperkenalkan pada 2016.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Terima kasih *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat]* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan Perancangan (GPP) perumahan diterbitkan oleh Pelan Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pada tahun 2026.

GPP ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 Jun 2014 dan Majlis Negara bagi kerajaan tempatan pada 18 September 2014. GPP perumahan ini disediakan bertujuan untuk membantu pihak berkuasa negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi teknikal di dalam merancang dan mengawal pembangunan semua jenis perumahan semasa penyediaan rancangan pemajuan iaitu rancangan struktur, rancangan tempatan, rancangan kawasan khas dan memproses permohonan kebenaran merancang.

■1130

Penyediaan JPP Perumahan juga bertujuan untuk memandu dan memudah cara pemaju di dalam mereka bentuk susun atur dan menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur bagi pemajuan yang dibangunkan.

Kandungan JPP Perumahan ini lebih memfokuskan kepada perancangan fizikal yang merangkumi aspek kerangka dan konsep pembangunan perumahan, kawalan kelulusan, perancangan tapak, keluasan, kemudahan masyarakat dan tanah lapang dan rekreasi, tempat letak kereta, hierarki dan piawaian jalan raya, piawaian terperinci bagi pembangunan perumahan bertanah dan piawaian terperinci bagi pembangunan perumahan berbilang tingkat meliputi saiz tanah dan luas lantai, jalan dan lorong, anjakan, ketinggian bangunan dan keperluan lain.

Manakala Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara telah disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ini ada dua dasar dan ada garis panduan yang disediakan oleh dua kementerian yang berbeza mengenai benda yang ada persamaan. Saya nak kena jelaskan benda ini ya.

DRN 2018-2025 ini telah dilancarkan pada 28 Januari 2019 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara telah dilancarkan pada 11 Mei 2019.

Tujuan DRN 2018-2025 disediakan adalah untuk memandu arah sektor perumahan negara dengan menekankan perancangan pembangunan dan pengurusan perumahan yang sistematik dan cekap bagi menjana habitat yang mampan, berdaya huni, berkualiti dan inklusif yang mampu dimiliki oleh rakyat dengan mencakupi bidang perancangan, pembangunan dan pengurusan perumahan. Sebanyak lima fokus, 16 penyertaan strategi dan 57 pelan tindakan digubal dalam DRN 2018-2025.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, PLANMalaysia sentiasa mengambil perhatian terhadap isu-isu berkaitan perancangan perumahan seperti jumlah keluasan perumahan mampu milik yang sesuai dengan kawasan perbandaran utama seperti Rumah Harapan Kementerian Wilayah Persekutuan dan perancangan *micro housing* yang lebih ekonomik dan praktikal.

JPP Perumahan seterusnya akan dikemas kini dan diselaraskan daripada semasa ke semasa untuk menangani isu berkaitan perancangan perumahan serta keperluan mampu milik B40 dan M40 selaras dengan hala tuju Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tersebut. Setiawangsa ingin bertanya, apakah pendekatan yang diambil untuk mengimbangi— kerana kita faham bahawa *town planning* ini berada di bawah *joint list* di dalam Perlembagaan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jadi, apakah pendekatan yang boleh diambil untuk mengimbangi keperluan di antara peringkat lokal di PBT dan juga agar kerajaan dapat memandu dasar ini untuk bergerak ke hadapan dengan lebih progresif?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Persoalan kerjasama dan koordinasi di antara pihak berkuasa tempatan yang berada di bawah kerajaan negeri dan KPKT dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan yang terlibat dalam persoalan perumahan dan dasar-dasar perumahan, itu selalu dan sentiasa diadakan. Dasar-dasar yang ditetapkan oleh KPKT dan juga oleh PLANMalaysia adalah bertujuan untuk memberikan garis panduan secara umum untuk menentukan bahawa segala perancangan dan pembangunan tidak dilakukan secara tak terkawal.

Namun demikian, kerajaan negeri dan PBT memang diberikan ruang untuk melaksanakan dalam kes-kes yang tertentu akan perkara-perkara yang berbeza daripada apa yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, persoalan menjual rumah yang berharga RM600,000 kepada yang bukan warganegara. Ianya merupakan satu dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Akan tetapi pada masa yang sama, kerajaan negeri boleh kekalkan sekiranya dia lihat bahawa dalam konteks negerinya yang rumah-rumah yang berharga RM600,000 boleh dibeli oleh warga Malaysia dan tidak ada banyak *hangover*. So, taklah bererti bahawa dia terus melaksanakan. Ianya merupakan satu garis panduan yang boleh diikuti dan dilaksanakan bersama ataupun negeri-negeri boleh memilih untuk melakukan sebaliknya. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya hendak sampaikan pantunlah.

Riuh rendah Parlimen Malaysia,

Segamat Rasah bukan sepapan,

Tanjung Piai PH janji sia-sia,

Tuan Yang di-Pertua soalan saya nombor lapan.

8. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi mengatakan perkembangan semasa berkenaan projek rintis cantuman tanah peneroka FELDA untuk dijadikan ladang besar dan implikasi terhadap peneroka yang terlibat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Pantun juga.

Sorong papan tarik papan,

Ini jawapan nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab bersekali soalan Yang Berhormat Jelebu pada 28 November 2019 kerana ianya menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melakukan langkah awal bagi pelaksanaan projek ini dengan membuat perbincangan berkaitan urusan tanah bersama pejabat tanah dan daerah serta Pejabat Tanah dan Galian negeri pada bulan Mei dan Jun 2019.

FELDA juga telah menjalankan sesi libat urus untuk menerangkan konsep pelaksanaan model baharu FELDA di semua 11 wilayah FELDA bermula pada 20 Ogos hingga 24 September 2019. Sesi libat urus ini melibatkan kepimpinan rancangan merangkumi Pengurus Rancangan, Ketua Peneroka Rancangan, Pengerusi Gabungan Peneroka Wanita (GPW), Pengerusi NGO

Kami Anak FELDA (KAF) dan Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) serta ketua-ketua blok bagi gugusan atau rancangan. Ia merangkumi sesi soal jawab secara terbuka berkaitan konsep pelaksanaan model baharu.

Felda Bukit Rokan telah dipilih sebagai projek rintis model FELDA baharu kerana rancangan ini termasuk dalam program tanam semula dengan pendapatan terendah di antara rancangan yang terlibat dalam program tanah semula pada tahun 2019. Melalui bancian ke atas peneroka FELDA berkenaan, seramai 150 orang daripada 171 jumlah peneroka atau 87 peratus telah bersetuju untuk menyertai program yang akan dijalankan.

Antara konsep bagi pelaksanaan program ini, peneroka akan menerima pendapatan bulanan ataupun bayaran manfaat yang tetap dan perkongsian keuntungan daripada hasil ladang. Bagi bayaran manfaat bulanan yang bakal diterima oleh peneroka yang terlibat, ia adalah berdasarkan beberapa faktor yang mempengaruhi penghasilan di rancangan terpilih. Ini termasuklah kesesuaian tanah, bentuk muka bumi dan iklim setempat. Jumlah sebenar pembayaran manfaat bulanan tersebut masih diperhalusi untuk memastikan peneroka mendapat bayaran yang sewajarnya.

Program penggabungan tanah peneroka dapat memberi implikasi positif ke arah peningkatan produktiviti melalui ekonomi bidangan dan pengurusan ladang yang cekap dan efektif. Pada masa yang sama, peneroka tidak akan kehilangan hak milik tanah kerana FELDA hanya mengurus ladang sahaja. Melalui program ini, peneroka tidak perlu memikirkan tanggungan bebanan hutang tanam semula seperti pinjaman sara hidup, pendahuluan hasil dan kos pembangunan ladang. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Jadi, percantuman tanah di kawasan FELDA ini saya amat faham sebab kawasan saya ada 30 skim FELDA dan Bukit Rokan ini bersebelahan. Kita tahu bahawa isu yang bakal timbul ialah bagaimana pendapatan peneroka itu kekal dapat? Kita tahu bahawa di Bukit Rokan ini telah pun ditenderkan. Ditenderkan itu maknanya syarikat yang buat. Apakah jaminan syarikat tersebut mampu membayar sara hidup FELDA? Apakah jangka masanya? 10 tahun, 15 tahun, 30 tahun? Adakah ianya berdasarkan kepada harga semasa komoditi?

■1140

Kita tahu kalau harga sawit jatuh, getah jatuh mungkin pendapatan peneroka di bawah paras kemiskinan. Apa tindakan kerajaan ataupun bagaimana caranya untuk menjamin pendapatan ini kekal berpanjangan sampai akhir penerbangan semula?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Sepertimana yang saya sebut tadi Yang Berhormat, ada program apabila kita bercakap tentang program tadi bayaran manfaat yang tetap itu adalah satu bayaran tetap. Sekurang-kurangnya kalau ada turun naik dari segi harga sawit, peneroka akan dapat dilindungi terutamanya ada apabila berlaku penurunan.

Seterusnya, ada komponen juga tentang perkongsian keuntungan ladang. Itu merupakan komponen utama. Jadi, pada masa ini seperti mana saya sebut tadi pihak FELDA sedang

memperincikan secara mendalam supaya kita sedar dan kita tidak mahu berlaku lagi apa yang berlaku sebelum ini, kita mesti memastikan peneroka mendapat manfaat daripada program yang akan dilaksanakan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi soal hak milik tanah. Ada tiga pihak di FELDA sekarang. Pertama, FELDA sebagai agensi. Kedua, FGV sebagai sebuah korporat. Ketiga, peneroka-peneroka FELDA sebagai pemilik tanah berdaftar. Soalan saya ialah apakah status geran hak milik tanah peneroka-peneroka FELDA seluruh negara ini? Adakah digadai dengan bank atau hak milik itu kekal di tangan peneroka-peneroka? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sepertimana saya sebutkan tadi Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali dalam konteks program ini, hak milik itu adalah hak milik peneroka. Sebab itu lah dalam proses untuk melaksanakan program ini, satu perbincangan secara mendalam telah dibuat antara FELDA dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan pengurusan tanah untuk memastikan supaya perkara ini dilakukan berlandaskan undang-undang dan hak milik peneroka terhadap tanah-tanah mereka itu kekal bersama mereka. Sepertimana saya sebut tadi, FELDA dalam konteks ini adalah sebagai pengurus untuk memastikan ladang itu dapat dilaksanakan secara berskala besar. So, kita dapat mencapai ekonomi bidangan. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta FELDA mengkaji semula rancangan ini. Sebenarnya rancangan FELDA disokong oleh GSA, akta yang digubal khusus untuk melaksanakan FELDA. Sebenarnya FELDA itu sendiri adalah diestetkan, seluruh peneroka-peneroka itu dalam satu pengurusan yang besar. Apa yang FELDA harus lakukan adalah memperkemaskan lagi GSA ini supaya GSA ini lebih berkesan dan FELDA mempunyai kuasa yang lebih untuk menguruskan tanah-tanah rancangan FELDA ini. Saya rasa rancangan ini tidak akan berjaya kerana dia melibatkan perundangan. Akta GSA harus dipinda, kalau dah mati, pembahagian kuasa faraid.

Jadi, saya rasa pemimpin dahulu telah mengadakan FELDA, disokong oleh Akta GSA, sebenarnya adalah untuk menimbulkan kecekapan dalam pengurusan FELDA itu sendiri. Apa yang pentingnya adalah, tanah-tanah FELDA ini harus diurus dengan cekap seperti pengurusan di ladang-ladang sebab telah dikumpulkan 10 ekar tidak boleh diceraikan. Jumlah 10 ekar itu dari segi Akta GSA Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dipecah-pecah milikan menjadi 2 ekar, 3 ekar, 4 ekar. Tidak boleh. Itu lah konsep FELDA sebenarnya. Tidak perlu lagi konsep baharu. Perkemaskan konsep yang ada, pinda sedikit GSA supaya kuasa lebih kepada FELDA. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Pertama sekali, berkaitan dengan GSA ini, kita sentuh secara mendalam dalam Kertas Putih FELDA. Kita fahami antara kekangan yang dihadapi apabila kita bercakap tentang FELDA, salah satunya adalah GSA. Isu-isu perwarisan juga merupakan satu isu yang telah membelenggu FELDA sekian lama.

Jadi, inilah antara penambahbaikan yang sedang dilakukan. Apabila kita bercakap tentang konteks penggabungan ladang tadi, apabila kita bercakap tentang 10 ekar itu sahaja,

ianya tidak memberi satu ekonomi bidang. Jadi, apabila digabungkan ladang-ladang ini supaya ianya menjadi saiz yang lebih besar, kita dapat mencapai ekonomi bidang dan produktiviti yang lebih tinggi, maka manfaat pada peneroka adalah lebih baik.

Akan tetapi, sepertimana saya sebut tadi kita sedar antara kekangannya, *constraint* dengan izin yang kita hadapi apabila kita bergerak melakukan perubahan-perubahan yang lebih baik kepada FELDA. Terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan GSA tadi. Terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tanjong Piai jadi rebutan,

Teori politik jadi gambaran,

Membantu rakyat jadi amalan,

Soalan Libaran nombor sembilan.

9. Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah hasil siasatan Pasukan Khas Kementerian tentang gangguan sistem di KLIA Ogos yang lalu dan kaedah mengatasinya memandangkan insiden ini membabitkan pintu masuk negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Yang Berhormat Libaran di atas soalan dan pantun yang disampaikan tadi. Sebagaimana yang kita maklum pada 21 hingga 30 Ogos 2019, infrastruktur rangkaian lapangan terbang atau dengan izin, *airport network infrastructure* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) dengan izin di KLIA yang menjejaskan operasi utama lapangan terbang.

TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektronik di lapangan terbang yang dihubungkan melalui *cable optic fiber* berkelajuan tinggi. Insiden kegagalan TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS), Sistem Imigresen dan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS). Ini menyebabkan berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.

Susulan insiden tersebut, Kementerian Pengangkutan pada 28 Ogos 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Kementerian bagi menyiasat isu kegagalan *Total Airport Management System* secara pentadbiran. Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca sebenar kegagalan rangkaian TAMS di KLIA bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan.

Penyiasatan yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti kepada mana-mana pihak. Hasil siasatan yang dijalankan, kegagalan rangkaian TAMS adalah disebabkan oleh kegagalan rangkaian suis teras dengan izin, *core network switches* untuk berfungsi dan ketidakupayaan untuk memisahkan rangkaian suis teras tersebut.

Suis teras tersebut telah pun beroperasi semenjak KLIA beroperasi pada tahun 1998 lagi dan tidak diganti. Suis teras adalah merupakan suis yang menghubungkan semua rangkaian sistem di KLIA. Hasil siasatan yang dijalankan juga mendapati bahawa tiada sebarang bukti yang menunjukkan terdapat sebarang serangan siber, sama ada dari dalaman atau luaran yang boleh mengaitkan kegagalan rangkaian TMS.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia juga sedang menjalankan siasatan jenayah bagi mengenal pasti jika terdapat sebarang unsur khianat atau sabotaj. Jawatankuasa Siasatan juga telah mengesyorkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan oleh MAHB, antara lain meliputi perkara-perkara yang melibatkan memperkukuhkan operasi Jabatan Teknologi Maklumat, merombak sistem rangkaian TAMS dan menyemak serta memperbaiki *business continuity plan*, dengan izin. Pihak MAHB sedang mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sejajar dengan syor-syor yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Siasatan tersebut. Terima kasih.

■1150

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu tepat sekali dan terperinci. Soalan saya ialah apabila perbincangan fasal penurunan nilai terhadap keselamatan penerbangan Malaysia daripada kategori satu ke kategori dua. Minta kementerian jelaskan apakah pandangan kerajaan terhadap laporan kajian yang telah dibentangkan oleh IKMAS dan UKM tentang CAAM dan apakah pasukan petugas khas akan membantu pertimbangan terhadap laporan jiran IKMAS dan UKM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Libaran. Memang kita akui dan dimaklumkan, diumumkan tentang apa yang telah pun diputuskan oleh FAA Amerika Syarikat tentang tahap kategori yang kita telah capai hasil daripada audit yang mereka lakukan dan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan semalam dalam kenyataan akhbar telah kita tubuhkan di kementerian suatu *task force* pasukan petugas untuk menyiasat dan memberi cadangan-cadangan untuk memperbetulkan dan menambahbaikkan segala kekurangan yang didapati oleh audit yang dilakukan oleh FAA Amerika Syarikat itu.

Jawatankuasa pasukan petugas khas ini dipimpin oleh orang yang berkelayakan yang merupakan bekas Ketua Pengarah DCA ketika itu, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Datuk Ir. Koh Su Chon dengan pasukannya dan kita berharap bahawa cadangan yang mereka akan berikan nanti akan membolehkan kita memperoleh penarafan audit yang balik kepada kategori satu dalam masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dikatakan tadi soalan asal itu TAMS itu merupakan satu sistem *integrated* dalam semua, dicantumkan dalam pelbagai sistem kepada sistem TAMS. Pada ketika kejadian berlaku sama ada sistem yang mengaitkan dengan keselamatan turun naik penerbangan pesawat juga

tergendala, terakibat dan adakah ianya satu sistem yang perlu dilihat oleh kementerian agar sistem lapuk seperti TAMS tidak akan memudaratkan turun naik pesawat di lapangan terbang kita.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Beluran. Pada pandangan saya TAMS ialah satu sistem maklumat untuk lapangan terbang, untuk terminal lapangan terbang, penumpang, bagasi dan sebagainya. Manakala urusan penerbangan adalah dikendalikan oleh CAAM yang kita sebutkan tadi. Jadi ianya tidak ada hubung kait antara masalah yang TAMS hadapi dengan keselamatan pengendalian penerbangan oleh pesawat-pesawat di lapangan terbang tersebut.

Akan tetapi apa yang di maklumkan oleh Yang Berhormat Beluran itu akan kita ambil perhatian supaya gangguan seperti itu kita harap tidak akan berlaku di bahagian-bahagian lain dalam keseluruhan sistem penerbangan awam negara kita. Terima kasih.

10. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Industri Utama menyatakan:

- (a) kesan penurunan harga komoditi lada yang berpanjangan dan berapa jumlah dan peratus pekebun kecil lada di Sarawak yang masih aktif menanam lada sehingga kini; dan
- (b) apakah langkah-langkah intervensi oleh kerajaan bagi memastikan pekebun kecil lada akan terus mengusahakan tanaman mereka.

Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan dan juga menitip serangkap pantun kepada para pelajar Sekolah Munsyi Abdullah, Melaka yang berada di kawasan saya.

*Mencari timba si anak dara,
Di bawah sarang burung tempua,
Salam sayang pembuka bicara,
Selamat datang untuk semua.*

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil lada yang semakin terhimpit dengan keadaan komoditi antarabangsa yang tidak menentu serta harga yang mengalami kejatuhan. Bagi tahun 2019, kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia menyalurkan peruntukan untuk pelbagai bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan dan kursus kepada pekebun lada di bawah program pembangunan kawasan penanaman baharu lada yang melibatkan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Sehingga 20 Ogos 2019, bilangan pekebun kecil lada adalah seramai 33,756 orang. Seramai 33,152 orang, 99.3 peratus adalah dari negeri Sarawak. Manakala 345 orang ataupun 1.02 peratus dari negeri Sabah dan 259 orang dari negeri-negeri di Semenanjung.

Seterusnya untuk makluman Dewan, pihak kementerian telah melaksanakan beberapa strategi yang secara tidak langsung dapat membantu dalam pengawalan harga lada seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan dan memperkasakan industri hiliran lada;
- (ii) memantapkan lagi program pengeluaran lada premium peringat ladang;
- (iii) meningkatkan penggunaan lada dalam dan juga luar negara;
- (iv) mengeksport lada ke pasaran istimewa ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua *niche market*; dan
- (v) mempergiatkan lagi program R&D lada untuk mempelbagaikan produk di pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya memang Sarawak adalah negeri yang paling besar menjadi pengeluar lada ini. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, sama ada kementerian boleh menyatakan sama ada adakah tidak bercadang untuk menambahkan pusat memproses lada di Sarawak kerana pada ketika ini hanya terdapat di Kuching, Sibu dan Sarikei. Bagi membesarkan lagi pengeluaran kalau boleh dibukakan lagi pusat pemrosesannya. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan tadi. Tentulah kita mengambil positif pandangan Yang Berhormat tadi. Seperti mana Yang Berhormat tahu sekarang pun kita sedang bangunkan satu pusat bersepadu lada ini di Sarawak dan *insya-Allah* berdasarkan kemampuan kewangan kerajaan tentunya kita akan meneroka pelbagai lagi pendekatan dan cara yang boleh membantu komoditi lada ini terus berkembang dan menjadikan ianya salah satu daripada pendapatan untuk pekebun kecil dan juga negara. Terima kasih Yang Berhormat

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Kapit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tempoh hari apabila saya ada kesempatan berbahas dalam jawatankuasa ataupun Kementerian Komoditi ini, saya sentuh hal lada juga. Jadi saya dalam jawapan dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sebuah syarikat akan ditubuh untuk membantu dalam industri lada ini. Sila beri pencerahan tentang apa fungsinya sebenarnya syarikat itu dan bagaimana ia boleh membantu pekebun ataupun penanam lada. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat di atas persoalan yang dibangkitkan. Sepertimana yang telah pun saya jelaskan tempoh hari

syarikat ini tentunya bertujuan untuk membantu perkembangan industri lada di Sarawak. Kalau dahulu kita tidak punya syarikat yang khusus. Sekarang ini kita ada syarikat yang tentunya akan membeli apa yang dipanggil komoditi ini daripada penanam dan pekebun-pekebun kecil.

Kemudiannya kita persembahkan lagi produk-produk hiliran yang mana kita tahu sekarang ini di Sarawak sendiri mereka mempunyai satu pusat kajian yang saya fikir canggih untuk mengemukakan cadangan-cadangan ataupun produk-produk sebagai *sampling* dengan izin dan tentunya ini akan membantu lagi pekebun kecil kerana ianya berada di Sarawak dan dengan harapan kita syarikat ini dengan *branding* yang terbaharu, yang sekarang ini kita dalam proses untuk tender mendapatkan khidmat *rebranding* untuk membantu agar produk-produk ini dapat kita pasarkan dengan *packaging* dengan izin yang lebih kemas, yang lebih cantik, yang lebih memikatlah.

Seperti mana yang saya sebutkan dalam banyak kali di Dewan ini, banyak produk-produk yang misalnya sekarang yang tengah popular ini produk minyak urut daripada lada dan ini tentunya boleh dipasarkan dengan lebih meluas lagi di pasaran antarabangsa. Terima kasih.

■1200

11. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji dan mewujudkan undang-undang pembiayaan politik bagi tujuan ketelusan serta mendokong Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ramai baca pantun mengenai Tanjung Piai. Saya hendak baca jugalah tetapi pantun dua kerat sahaja.

Pagi tadi sarapan kuih bingka,

Dulu Buy Muslim First, di Tanjung Piai buy MCA first ka?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Apa bendalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Relakslah. Pantun dua kerat, relaks la. Baru reka. *[Dewan ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk mewujudkan satu rang undang-undang berkaitan yang mengawal sumbangan politik bagi tujuan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pokok Sena, tolong ajar dia *sat* buat pantun macam mana.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...1.25 dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh jumpa saya kursus pantun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kajian dan sesi libat urus bersama pegawai pelbagai pihak sedang giat dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan untuk memastikan penggubalan rang undang-undang yang komprehensif dapat disediakan dan

dikuatkuasakan secara berkesan. Rang undang-undang tersebut adalah dalam proses untuk dimuktamadkan dan akan dibentangkan di Parlimen setelah proses tersebut selesai kelak. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Australia tidak pun dibentangkan undang-undang baru. Akan tetapi Kerajaan Australia menyediakan peruntukan khas daripada pembayar cukai untuk *political funding* kepada parti-parti berasaskan kepada peratusan undi yang diperoleh sebelum pilihan raya sebelumnya. Jadi, adakah kerajaan bersedia menimbang-cadangan ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Mersing. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat yang saya dapat maklumat adalah kerajaan telah merujuk di antaranya negara-negara seperti Korea Selatan, Indonesia, Mexico, Taiwan, Kanada, Singapura dan juga United Kingdom. Jadi tentang Yang Berhormat kata di Australia itu, setakat ini model itu yang memberikan sumbangan daripada kerajaan itu tidak termasuk dalam cadangan kamilah. Oleh sebab idea yang hendak diterapkan adalah bagaimana proses sumbangan kepada parti politik khususnya lebih telus dengan adanya akta yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat – Yang Berhormat Arau hendak tanya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh, hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kalau tidak, saya beri kepada Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Memandangkan terdapat rungutan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak melaksanakan janji dan sebagainya, saya ingin tanya bilakah Kerajaan Pakatan Harapan akan melaksanakan janji untuk kita menuduh, menghukum semua pemimpin-pemimpin lalu. Ini adalah satu janji daripada Pakatan Harapan untuk kita menghukum dan menghantar ke penjara semua pemimpin lalu yang telah melakukan rasuah dan mencuri wang rakyat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih daripada sahabat saya Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini *point of order, point of order*, Peraturan Mesyuarat 36(6). Dia bersangka jahat dan dia boleh jadi hakim hendak hantar ke penjara. Ini laknat punya soalan. Bodoh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan lahanat. *Lahanatullah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kau boleh hukum kita punya penjara. Hei, kau nak hukum, hukum semua. Sebelum pilihan raya, engkau maki Yang Berhormat Langkawi. Maki kata...*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, rakyat tanya bila kita akan dapati mereka bersalah. Ini adalah janji manifesto.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Rakyat tidak tanyalah. Kamu yang sibuklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah janji manifesto.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kamu yang sibuklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pemimpin yang curi wang rakyat, bila kita hendak hukum mereka.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Tidak jelas]* Rakyat...
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Arau, sila. Ya, baik, baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. *Point's taken, point's taken.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini sesi soal jawab. Saya minta *[Tidak jelas]* mengenai dengan *political funding*. Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sebenarnya soalan daripada Yang Berhormat Jelutong tidak berkaitan sangat dengan— tetapi saya izinkan, saya jawab sikit sahajalah. Saya hendak kata beginilah Yang Berhormat sebenarnya walaupun kita akan dakwa tetapi kita akan ikut proses undang-undang. Jangan takut Yang Berhormat. Kita adalah kerajaan yang *maintain rules of law*. Jangan takut.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu jawapan betullah. Muka dia hendak jadi hakim buat apa. Dia siapa hendak jadi hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baik, saya akan teruskan lagi kerana satu jam 30 minit belum sampai lagi. Untuk pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Parit, Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria. Sila.

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dua bulan lagi Yang Berhormat Jelutong masuk lokap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Baling, *[Berucap dalam bahasa Tamil]*.

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Yang Berhormat Jelutong, diamlah, duduk diamlah Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu cakap bahasa itu.

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Diam, diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selama 30 saat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dalam bahasa Tamil itu maksud pencuri. *[Berucap dalam bahasa Tamil]*

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Apakah Yang Berhormat Jelutong ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Parit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Curi duit bapak kamu kah?

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Yang Berhormat Jelutong punya hal lah ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Curi wang Tabung Hajilah.

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tidak habis-habis lagi Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Buktikanlah. Kamu itu Hindu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Baling..

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia yang mula dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila duduk.

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Sebelum saya bertanyakan soalan nombor 12, kita doakan pasukan negara kita Malaysia akan menang menentang Indonesia pada malam yang berbahagia ini. Kita doakan bersama. Soalan saya nombor 12.

12. **Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah terdapat sebarang kajian yang telah dilaksanakan oleh kementerian bagi mengenal pasti apakah punca serta sebab utama rakyat Malaysia sanggup bekerja di Singapura walaupun dalam sektor 3D; dan
- (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk pulang bekerja di Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Parit termasuk dalam senarai 22 orang. Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kepala Batas dan lagi siapa?

Yang Berhormat Kepala Batas tidak ada. Yang Berhormat Kinabatangan pun ada. Yang Berhormat Tenggara pun ada. Maknanya makin kurang belah sana, makin kurang lepas ini. Jadi maknanya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami masuk hendak sumbat Yang Berhormat Jelutong dalam lokap itu. Oleh sebab itu kami hendak masuk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hei! Yang Berhormat Baling. *You* masuk dululah. *You* pencuri wang rakyat, Tabung Haji. Tidak malu kah?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hei! Curi duit bapak kamu kah? Kamu itu Hindu, [*Tidak jelas*] masuk Tabung Haji. Kamu itu Hindu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan ini semua Ahli Yang Berhormat. Tidak ada pencuri dan penyamun. Sila. Akan tetapi ada juga, tidak tahu di mana. Sila. [*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hei! Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun masuk-masuk, cari fasal sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebagai bakal Setiausaha Agung...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sabar, saya hendak jawab soalan. Saya sebut tadi kata senarai-senarai itu yang mungkin bakal dipecat, jangan pula emosional.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, jangan jadi '*batu api*'.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia ini tidak ada ilmu. Pergi jawab tunjuk-tunjuk. Hei! Kalau kalah Tanjong Piai, kalahlah. Kami tidak kata apa pun.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri pun '*batu api*'.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga Kerja Singapura menunjukkan...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Inilah Menteri Amanah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: ... seramai 685,979 warga Malaysia yang bekerja di Singapura termasuk dalam pekerjaan 3D. Mengikut kajian yang dibuat oleh *Institute of Labor Market Information*...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pokok Sena, kami hendak masuk kerajaan *without* DAP and PAN.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Baling, ini bukan warung kopi ya, tidak boleh sembang macam ini. Sila Yang Berhormat Menteri.

[*Dewan riuh*]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Kajian ini mendapati bahawa antara faktor-faktor utama yang menarik minat untuk rakyat Malaysia bekerja di Singapura termasuk dalam sektor 3D adalah kerana ekonomi, politik dan sosial. Kedua-dua faktor itu berkaitan dengan tempat kerja.

Bagi faktor yang melibatkan negara kerana ia mempunyai nilai mata wang yang kukuh. Kedua, peluang pekerjaan yang lebih baik. Ketiga, taraf hidup yang lebih baik, kesamaan budaya dan mempunyai saudara mara dan rakan-rakan yang tinggal di Singapura serta kedudukan Singapura yang lebih dekat dengan kampung halaman.

Bagi faktor yang melibatkan tempat kerja, di sana didapati gajinya lebih tinggi bukan kerana semata-mata faktor pertukaran mata wang tetapi gaji yang ditawarkan walaupun dalam 3D tetapi ia lebih tinggi. Suasana kerja yang lebih baik, faedah sampingan yang baik yang ditawarkan oleh syarikat, kenaikan gaji yang menarik, polisi syarikat yang baik serta kestabilan tahap pekerjaan telah mendorong untuk rakyat Malaysia bekerja di sana.

Namun begitu, daripada segi untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara kerajaan lebih menumpukan kepada untuk menarik golongan-golongan yang dinamakan sebagai golongan yang *expert* dalam bidang-bidang tertentu melalui program *Returning Expert Programme* (REP) yang dikendalikan oleh *Talent Corporation*. Ini yang kita usaha untuk membawa mereka balik. Adapun bagi mereka yang bekerja dalam sektor 3D ini kita masih memberikan ruang dan peluang sehingga mereka merasakan bahawa ada tawaran yang lebih baik yang boleh disediakan oleh majikan-majikan di Malaysia dengan gaji yang boleh memberikan pendapatan lebih baik, maka mereka boleh pulang.

Akan tetapi kita berusaha untuk memastikan supaya mereka diberikan perlindungan. Ini sedang dalam kajian. Ini sedang dalam kajian untuk diberikan perlindungan iaitu pergerakan mereka daripada Johor Bahru yang masih dalam kawasan Malaysia ini kalau berlaku apa-apa kemalangan dan sebagainya kita sedang buat kajian, bagaimana untuk kita memberikan perlindungan kepada mereka *insya-Allah*.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Yang Berhormat Parit, soalan tambahan terakhir.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Insya-Allah* kami tetap dengan Barisan Nasional dan juga Muafakat Nasional. [*Tepuk*] Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan soalan ya.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini kenyataan politik sahaja.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Okey, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pandangan pihak kementerian terhadap tindakan golongan belia yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi namun menuntut penawaran gaji yang tinggi dan enggan untuk bekerja dalam sektor 3D sebaliknya lebih rela menganggur. Apakah perkembangan cadangan kerajaan berkaitan dasar bekerja waktu malam untuk sektor 3D dan sejauh manakah keyakinan kerajaan bahawa cadangan ini sebenarnya berupaya untuk

menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor ini? Jawab betul-betul Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Betul, kekal memang kekal tetapi kalau sudah kena pecat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Menteri akan jawab, sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Nanti tak ada kekallah ya. *[Ketawa]* Ini ada suara-suara yang minta diambil tindakan untuk dipecat. Baik...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: *[Ketawa]* Terima kasih. Saya fikir bahawa sepatutnya masyarakat Malaysia walaupun tanpa tahap pendidikan yang tinggi, mereka tidak boleh melepaskan peluang untuk bekerja walaupun dalam sektor 3D. Sebab saya melihat bahawa ramai orang-orang luar yang datang ke sini mereka begitu mengambil peluang untuk membina kehidupan keluarga mereka walaupun berjauhan daripada mereka. Ada di Indonesia keluarga tetapi mereka bekerja lima bulan, enam bulan, tujuh bulan sekali baru mereka pulang tetapi ada yang mereka bekerja di- orang Lombok umpamanya, saya difahamkan oleh Sime Darby yang bekerja di sektor perladangan dalam Sime Darby.

Kebanyakan pekerja-pekerja itu mereka bawa pulang, mereka ada tabung untuk membina masjid di Lombok. Ini menunjukkan bagaimana mereka mampu untuk menjana kewangan walaupun bekerja dalam sektor 3D, berjauhan daripada keluarga tetapi mampu untuk memberikan penyaraan kepada kehidupan keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Jadi sebab itu kita sedang dalam kajian, masih dalam kajian untuk melaksanakan sektor 3D ini pada waktu malam, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih. Baiklah Ahli Yang Berhormat pertanyaan Jawab Lisan telah pun tamat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.12 tgh.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk usul-usul mereka yang tak pergi pertemuan malam ini, pertemuan gelap ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 20 November 2019.”

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md.**Ramli]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas ‘Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.’ **[Hari Kesembilan]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]

**Maksud B.28 [Jadual] -
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan saya ingin mengalu-alukan rombongan Majlis Perbandaran Teluk Intan yang diwakili oleh saya. *[Dewan riuh]*

Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan pada hari ini adalah perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 untuk Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Had tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dihadkan selama 10 minit bagi setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas.

Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan bahawa tempoh masa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menjawab ke atas perbahasan Belanjawan 2020 di peringkat Jawatankuasa adalah dihadkan masanya selama 60 minit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lanang, selepas itu Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

12.15 tgh.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dalam senarai Pontian, Pontian nombor satu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat sabar, semua akan diberikan ruang dan peluang. Silakan Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibu, Mukah, Padang Terbang Bario. Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang akan diperuntukkan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sibu kerana baru-baru ini Royal Brunei Airlines telah menyediakan laluan penerbangan ke Sibu dan AirAsia juga bersedia untuk laluan penerbangan Sibu ke Singapura. Jadi saya berharap supaya Lapangan Terbang Sibu dapat di naik tarafkan kepada standard yang lebih baik iaitu *international* standard atau sekurang-kurangnya seperti Kuching International Airport.

Saya juga minta supaya lebih banyak *international flight* disediakan di Sibu. Untuk butiran yang sama saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pengangkutan atau Kementerian Kewangan mempertimbangkan untuk meliberalisasikan lapangan terbang di Sabah dan Sarawak. Saya ingin mencadangkan supaya pengurusan lapangan terbang ini diberikan kepada

syarikat yang memahami keperluan tempatan. Lapangan terbang di Sabah dan Sarawak memerlukan lebih inovatif dan keusahawanan untuk bergerak ke hadapan.

Sebagai contoh sebagai pengendali lapangan terbang mereka perlu bekerja rapat dengan syarikat penerbangan untuk menjana penumpang melihat aliran pendapatan *multi way* untuk menyokong lapangan terbang. Saya nampak kedai-kedai dan kaunter di lapangan terbang di Sabah dan Sarawak di biarkan kosong dan tidak disewa walaupun ada *demands*. Ini kerana kebanyakan kedai-kedai dan kaunter di Lapangan Terbang Sarawak telah ditutup hampir setahun.

MAHB hanya memberi alasan untuk supaya buka tender kepada orang ramai untuk mengambil alih dan sewa kedai-kedai dan kaunter tersebut tetapi saya menerima banyak aduan bahawa banyak orang memohon dan tidak mendapat sebarang balasan atau jawapan. Ini adalah data yang diberi iaitu sejak April 2019, ini tidak termasuk di dalam *departure hall*.

Kawasan	Bilangan Kaunter Diturup	Bilangan Kedai Diturup
Miri	3	4
Kota Kinabalu	6	4
Labuan	1	3
Kuching	2	2
Sibu	-	1
Bintulu	1	3

Ini hampir setahun. Jadi saya rasa ini tidak begitu elok apabila pelancong-pelancong datang ke Sarawak di mana kedai-kedai dan kaunter adalah kosong dan ditutup. Apakah pendekatan kementerian untuk menangani perkara ini?

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Saya ingin tahu berapakah subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dengan pembatalan beberapa laluan yang diambil alih oleh AirAsia seperti Sibu ke Kota Kinabalu sejak tahun ini? Adakah mungkin penerbangan Sibu-Bintulu, Sibu-Miri juga dibuka pasaran kepada syarikat penerbangan lain kerana rakyat Sibu masih perlu membayar kadar tiket penerbangan yang sangat tinggi walaupun kadar tiket laluan *MASwings* ditetapkan harga silingnya. Apakah pendekatan kerajaan supaya harga siling yang ditetapkan tidak terlalu membimbangkan rakyat Sarawak memandangkan rakyat Sarawak tidak mempunyai pilihan lain selain *MASwings*.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Sebagai *frequent user* di Lapangan Terbang KLIA2 saya dapat melihat lebih kurang setiap hari ada kerja pembaikan di KLIA2. Saya ingin tahu apakah kos kerja pembaikan atau *repair and maintenance* di KLIA2 selama dua tahun yang lalu dan berapakah peruntukan yang diperuntukkan untuk *repair maintenance* di KLIA2 pada tahun 2019 dan juga tahun 2020? Saya rasa itu sahaja terima kasih.

■1220

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Selepas itu – ramai. Okey saya bagi paling jauh Yang Berhormat Kudat dahulu ya. Walaupun jauh jarak tetapi dekat di hati. Sila. Ya, Yang Berhormat Paya Besar sila.

12.20 tgh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri selepas usaha bermula tahun 2016 dan apabila Yang Berhormat Menteri menjadi menteri, dikemukakan satu Dasar Pengangkutan Negara yang saya kira amat bertepatan kerana pengangkutan ini adalah amat penting. Ia mengambil kira trend dan pembangunan masa kini dan masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020700 berkaitan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Walaupun usaha Dasar Pengangkutan Negara telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi tetapi dengan apa yang berlaku baru-baru ini seolah-olahnya menunjukkan– saya tidak faham Yang Berhormat Menteri bagaimana perkara ini boleh berlaku. Apabila saya melihat peruntukan dalam butiran tersebut telah dikurangkan daripada RM219 juta kepada RM149 juta.

Ini sesungguhnya memalukan kita Yang Berhormat Menteri. Saya yakin apabila *Federal Aviation Administration (FAA)*, United States telah *downgrade* CAAM ini kepada kategori kedua, ia bukan satu impak yang *immediate* Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih apabila Yang Berhormat Menteri semalam dalam kenyataan telah mengumumkan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas Khas yang diketuai oleh bekas Ketua Pengarah DCA.

Akan tetapi yang paling penting Yang Berhormat Menteri, audit ini bukan dilakukan audit begitu sahaja. Walaupun FAA ini pada pandangan kita mempunyai sedikit kuasa tetapi kerisauan saya apakah nanti *International Aviation Safety Assessment Program* dan apakah *International Civil Aviation Organization* hadir pula membuat audit selepas FAA. Kita lagi belum cakap tentang *European Aviation Safety Agency*.

Semua perkara ini Yang Berhormat Menteri bukan satu perkara yang memakan masa yang terdekat. Ia melibatkan satu jangka masa yang sangat luas dan audit dilakukan bukan sahaja audit kepada *facilities airline*. Ia audit kepada bagaimana *pilot training*, bagaimana *engineer training*, bagaimana *training provider* yang kita sediakan di *airlines company* dan juga bagaimana perundangan aeroangkasa kita yang melibatkan *aerospace* kita ini. Adakah *update* atau tidak?

Ini kerana saya yakin ramai orang sudah bagi pandangan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi yang paling pentingnya jangan lihat kita ini *second class* Yang Berhormat Menteri. Ini kerana yang paling penting bagi saya dalam butiran ini Yang Berhormat Menteri harus memberi keyakinan supaya kita tidak lagi dilihat sebagai negara yang sudah satu

hari mendapat tempat yang kelima dalam *SKYTRAX World's Top 100 Airports*. Tahun 2010 kita nombor lima Yang Berhormat Menteri. Tahun 2013 kita jatuh ke tangga 14. Kita jatuh lagi tangga ke 20, kita jatuh lagi dan akhirnya kita berada di tangga ke-54.

Ini semua bukan perkara yang saya rasa menguntungkan negara. Saya harap Yang Berhormat Menteri harus memberi penekanan dan beri keyakinan kembali balik bukan sahaja kepada penggiat-penggiat aeroangkasa *company* tetapi yang paling pentingnya adalah kepada masa depan anak-anak yang sedang berada dalam kursus *aviation*, kursus mekanikal yang sudah pastinya sektor MRO ini akan memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Saya juga Yang Berhormat Menteri ingin menyentuh berkaitan Butiran 020400 - Keselamatan Jalan Raya. Saya ucapkan terima kasih apabila kementerian menguatkuasakan 1 Januari 2020 nanti *child seat*, kerusi keselamatan kanak-kanak ini. Cumanya ada beberapa perkara saya perlukan dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah *child seat* ini mendapat *rebate* daripada cukai dan adakah ia juga dikecualikan atau diberi pengecualian cukai individu ataupun cukai SST?

Basikal lajak Yang Berhormat Menteri juga menjadi satu fenomena yang nampaknya merisaukan bukan sahaja ibu bapa tetapi merisaukan masyarakat. Saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan, apakah tindakan yang harus kita lakukan supaya basikal lajak ini juga kita tidak halang mereka tetapi bagaimana kita hendak membendung supaya aktiviti ini dapat memberi kebaikan, bukan memberi keburukan.

Saya juga hendak sentuh Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi berkaitan ICP di bawah Butiran 90000. Saya memandang tinggi usaha *Industrial Collaboration Program* ini walaupun ia berada di bawah TDE, di bawah *Ministry of Finance* tetapi bagaimana pengangkutan awam negara kita ini mempunyai *offset*. Maknanya betul kita ambil dengan negara-negara luar tetapi bagaimana kementerian Yang Berhormat melahirkan usahawan-usahawan yang mampu.

Saya nampak Yang Berhormat Menteri mempunyai cita-cita supaya 35 peratus daripada jumlah *procurement* yang kita lakukan adalah dari bahan dan barangan tempatan dan vendor-vendor tempatan. Ini harus diperjelaskan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri bagaimana dalam MRT2 dan MRT3, berapa ramai usahawan bumiputera yang terlibat dan dapat dilahirkan dalam Program ICP ini?

Saya juga hendak menyentuh berkaitan pengangkutan jalan Yang Berhormat Menteri. Saya tahu dan umum mengetahui banyak sangat kes yang melibatkan pemandu mabuk ini Yang Berhormat Menteri. Kalau di Taiwan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sekejap Yang Berhormat Baling. Kalau di Taiwan ada satu rang undang-undang yang mengenakan hukuman mati kepada pemabuk yang menyebabkan kematian dan bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat menyelesaikan isu pemandu mabuk ini. Adakah memadai undang-undang yang ada sekarang atau perlu digubal satu undang-undang baharu?

Saya juga hendak tahu berapa banyak kematian disebabkan pemandu mabuk. Bagaimana pula pemandu pengangkutan awam? Bagaimana saringan yang dibuat kepada pemandu-pemandu pengangkutan awam? Sila Yang Berhormat Baling.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Apakah pandangan Yang Berhormat Paya Besar berkaitan dengan rintihan pemandu-pemandu lori muatan besar ini yang baru-baru ini telah mengadakan tunjuk mogok kerana arahan Kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh mereka memperbaharui PSV ataupun GDL untuk tiga bulan sekiranya pemandu itu ada kencing manis, darah tinggi dan lain-lain.

Bukankah pemandu lori ini juga sangat penting untuk sosioekonomi negara dan juga untuk rakyat, apatah lagi daripada Perlis sampai ke Johor mereka hantar barang bekalan makanan dan sebagainya setiap hari. Jadi, saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri baru-baru ini berkaitan dengan apakah masalah itu dapat diselesaikan. Beliau menyatakan sudah, sedang berlaku. Apatah lagi saya juga tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah tabung-tabung kebajikan untuk membantu mereka ini kalau sekiranya mereka sakit kronik. Adakah cara dan kaedah beli insurans dan sebagainya.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri aju balik soalan kepada saya, Yang Berhormat Baling pun banyak duit boleh adakan tabung untuk beri. Jadi saya rasa jawapan itu tidak tepat. Jadi, apa pandangan tabung kebajikan. Bagaimana kita hendak membantu pemandu-pemandu lori ini sama penting macam pilot membawa kapal terbang dan semua pemandu-pemandu teksi, Grab dan sebagainya. Mereka juga sama penting. Apakah kaedah? Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sekejap, sekejap. Saya jawab sekejap. Saya rasa apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Baling itu bertepatan. Saya minta masukkan dalam ucapan saya. Silakan Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Paya Besar saya sedikit sahaja. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Paya Besar tentang bukan sahaja pemandu mabuk yang boleh mengakibatkan kemalangan maut tetapi pemandu yang kejar trip Tuan Pengerusi. Maknanya kita tidak boleh kawal pemandu yang kejar trip tanpa memikirkan kesihatan pemandu itu sendiri. Ini kerana tekanan dan kos sara hidup yang tinggi, pemandu boleh kejar *round the clock* 24 jam. Apa langkah kementerian untuk halang daripada pemandu-pemandu yang boleh memandu melebihi taraf kekuatan individu berkenaan Tuan Pengerusi. Minta pandangan Yang Berhormat Paya Besar. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Itu sebabnya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelebu amat bertepatan. Jangan kita letakkan *the burden* pada pemandu semata-mata. Pengusaha syarikat juga harus – bukan dipersalahkan tetapi dipersoalkan kenapa gaji,

kenapa kenderaan tidak diuruskan dengan baik dan bagaimana kontraktor yang membuat jalan kenapa jalan cepat rosak.

Ini semua adalah perkara yang holistik. Saya membaca penuh tekun Dasar Pengangkutan Negara yang dilancarkan itu. Saya nampak dasar yang amat cantik Yang Berhormat Jelebu dan saya sarankan Yang Berhormat Jelebu dapatkan *copy* nanti dan meneliti bahawasanya inilah dasar untuk masa hadapan.

■1230

Saya ada dua perkara, Tuan Pengerusi, berkaitan *e-hailing*. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Grab dan *e-hailing* ini juga termasuk dalam kategori pengangkutan awam? Itu yang pertama.

Keduanya berkaitan pengangkutan udara. Yang Berhormat Menteri, kita hadapi satu masalah iaitu *e-dagang* dan *e-commerce*. Trend yang disebut dalam Dasar Pengangkutan Negara jelas menunjukkan Yang Berhormat Menteri sedang melihat apa yang sedang berlaku pada hari ini dan apa yang akan berlaku pada masa akan datang.

Cumanya, bagaimana dengan infrastruktur 1300 ini dapat kita tambah baikkan lagi lapangan terbang ini supaya *airport clearance time*— di Malaysia ini amat jauh, enam jam. Tetapi bagaimana dengan adanya DFTZ ini dapat mengurangkan kepada tiga jam? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana DFTZ, keadaannya sekarang? Saya sudah tanya banyak kali tetapi tidak ada *update* langsung berkaitan DFTZ ini. Bagaimana KLIA Aeropolis dapat membantu dalam konteks *e-commerce* dan *e-dagang*?

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kudat. Sila.

12.31 tgh.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan.

Isu pertama yang saya ingin bangkitkan di sini ialah Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Butiran 010300 iaitu pengurusan udara.

Saya terpanggil untuk bertanya dengan Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan isu ini ialah kerana saya berpeluang untuk mengetuai delegasi untuk memastikan kemenangan kita di dalam pertandingan untuk menjadi anggota *Council Members International Civil Aviation of Organization* di mana di dalam pemilihan itu, kita telah menjadi anggota ICAO iaitu bagi *tier* tiga di mana Malaysia dan Korea sahaja yang berada di *tier* tiga ini yang menjadi anggota bagi *council member* ini. Singapura memanglah menjadi anggota tetapi mereka berada di *tier* satu.

Apa yang saya ingin persoalkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah dengan menjadi *council member* yang sememangnya bukan begitu mudah untuk kita memenangkannya dan sehingga hari ini pun kita masih lagi menjadi *council member* bagi ICAO, tiba-tiba kita dikejutkan bahawa FAA telah pun menurunkan *safety standard* kita kepada *level two*. Apa sebenarnya yang

telah terjadi? Ada dikatakan bahawa ia berpunca daripada sedikit kelemahan CAAM. CAAM ini adalah merupakan satu badan yang bertanggungjawab bagi melesenkan *pilots* dan juga *safety standard aircraft*. Sudah tentu ia merupakan satu institusi yang penting.

Kenapakah kerajaan tidak mengambil langkah-langkah bagi memastikan *compliance* terhadap ICAO ini dapat dilaksanakan? Sedangkan sebagai anggota ICAO, kita amat dihormati. Apabila saya mengepalai delegasi pemilihan tersebut, mereka memberikan sokongan yang kuat kepada Malaysia di atas kebolehan kita di Asia Tenggara ini. Selain daripada Singapura, kita sahaja negara yang menjadi anggota ICAO.

Oleh sebab itu, saya minta supaya kerajaan mengambil maklum terhadap— bukan sahaja mengambil maklum tetapi juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan kedudukan kita di dalam ICAO dan FAA ini terpelihara iaitu memastikan bahawa standard kita sentiasa yang terbaik. Ini kerana kalau sekiranya kita berhadapan dengan situasi ini, kita harus sedar bahawa ia akan menjejaskan kepentingan sektor penerbangan kita.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Saya juga ingin bertanya, sama ada kita mempunyai banyak *landing rights*— bukan sahaja di New York, kita ada *landing rights* di LA dan di Hawaii. Adakah *landing rights* ini akan terjejas?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Saya hendak pastikan apakah kesannya kepada sektor penerbangan kita jika ia berterusan. Apa yang kita kluatir juga, kita akan diaudit oleh *safety standard* Eropah yang juga merupakan satu *safety standard* yang begitu tinggi iaitu beberapa negara yang saya tidak perlu sebutkan namanya di Asia ini yang tidak dibenarkan untuk membuat penerbangan ke Eropah kerana mereka tidak mematuhi beberapa *safety standard* yang terdapat dan telah terkandung di dalam ICAO.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Boleh, Yang Berhormat Kudat?

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Kudat, mohon mencelah, Yang Berhormat Kudat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kepala Batas minta.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Boleh?

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Kudat, saya hendak tanya pandangan. Bersesuaian dengan apa yang telah dibangkitkan bahawa salah satu daripada apa yang dipohon oleh FAA ini yang dilihat sebagai tidak *comply by* CAAM ini adalah *to increase inspectorate* sebanyak tiga orang daripada tujuh ke sepuluh orang, tetapi

melihat kepada belanjawan yang berkurangan dengan jumlah yang banyak, ini memberi sedikit indikasi bahawa hendak— *compliances* ini *will not be achieve*. Satu.

Keduanya, bilamana berlakunya *downgrading* ini, *review* mengambil masa setahun. Hendak *do reinstatement* mengambil masa dua tahun. Sebagaimana Yang Berhormat Kudat sebut tadi, banyak perkara yang akan terkesan. Paling utama ialah kedudukan kita, kedudukan MAS dalam kebanyakan yang dikatakan sebagai *code sharing* dan kedudukan MAS dalam *Oneworld alliances* yang mempunyai 13 rakan kongsi. MAS adalah satu-satunya yang diturunkan penarafan dan berkemungkinan akan terkeluar daripada *Oneworld alliances* ini. Pandangan Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepala Batas. Perkara yang ingin saya nyatakan di sini bahawa kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang perlu, sepertimana yang kita sedia maklum, bukan sahaja soal *inspectorate* kita yang begitu kurang tetapi juga imbuhan. Tidak ramai yang berminat untuk menjadi *inspectorate* dengan CAAM kerana imbuhan atau gaji yang diberi itu menggunakan imbuhan kerajaan iaitu pulangan ataupun gaji yang diberikan itu adalah terlalu rendah. Sedangkan mereka boleh mendapat pendapatan yang lebih dengan menjadi pilot komersial bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara.

Oleh sebab itu, saya berharap supaya kerajaan mengambil langkah-langkah perlu dan mengambil ini sebagai *early warning system* di dalam sistem pengangkutan kita.

Kedua ialah berkait dengan RAS ataupun subsidi *rural air services* yang saya lihat di dalam butiran ini telah meningkat sebanyak RM209 juta sedangkan beberapa tahun yang lalu semasa saya berada di dalam kementerian ini, ia hanyalah RM150 juta. Juga yang menghairankan ialah banyak *route* yang telah pun dipotong. Misalnya, penerbangan ke Tawau sudah tidak ada lagi tetapi subsidiya semakin meningkat. Sedangkan kita mempunyai rencana suatu ketika dahulu untuk memastikan bahawa subsidi ini dapat dikurangkan.

Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan, apakah sebabnya kita terpaksa menambah subsidi dan mengurangkan pula *route* bagi RAS ini?

Ketiga ialah pembangunan lapangan terbang iaitu Butiran 09900. Sepertimana yang pernah saya jelaskan di sini bahawa Lapangan Terbang Kota Kinabalu ini sudah pun mencapai sembilan juta *passenger movement* dan ada keperluan untuk membesarkan lapangan terbang ini. Saya juga ingin bertanya, apakah yang berlaku kepada Terminal 2 Kota Kinabalu? Ia nampaknya kosong, tidak digunakan dan tidak ada apa-apa usaha untuk memastikan bahawa Terminal 2 ini dapat diguna pakai untuk menambah kapasiti.

Ketiga, selanjutnya ialah berkaitan dengan Lapangan Terbang Tawau yang sudah pun melebihi 20 tahun dan perlu pembesaran. Ini kerana kita melihat banyak kedatangan pelancong khususnya daripada negara China, Jepun dan Korea yang berbondong-bondong ke beberapa tempat peranginan khususnya di Semporna dan mereka ini memerlukan pendaratan yang lebih panjang kerana ada juga *charter flight* yang datang daripada luar negara *direct* ke Tawau.

■1240

Oleh sebab itu, saya berharap supaya kerajaan dapat mengambil langkah-langkah untuk menambah ataupun menaik taraf Lapangan Terbang Tawau ini. Satu lagi ialah berkaitan dengan Butiran 020200 – Pengangkutan Laut. Saya ingin bertanya dengan *Port Klang Free Zone* (PKFZ) yang satu ketika dahulu menjadi isu yang begitu besar. Saya percaya bahawa PKFZ ini telah memberikan faedah kepada Pelabuhan Klang dan negara kita.

Saya ingin bertanya apakah kemajuan yang telah dicapai di dalam projek PKFZ ini? Adakah sekarang ini ia menguntungkan negara? Sedangkan satu ketika dahulu kita banyak memberikan *impression* yang negatif terhadap projek ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian, selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai.

12.41 tgh.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010000 – Pengurusan di bawah kepala P.010500 – Rancangan Strategi dan Antarabangsa.

Saya merujuk kepada Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030. Saya lihat bahawa tiada pembaharuan *significant* melainkan teras kelima iaitu memperluaskan jejak global dan mempromosi pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan. Hampir semua teras-teras yang lain dan strategi yang terdapat di dalam Dasar Pengangkutan Negara ini ialah mengulangi perkara yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini dan mungkin boleh dilihat kepada beberapa segmen-segmen yang baharu dalam perkembangan teknologi pengangkutan sekarang.

Selain daripada itu, saya juga mengamati dokumen Dasar Pengangkutan Negara dan butiran bagi Kementerian Pengangkutan tidak nyatakan secara khusus mengenai sistem pengangkutan awam untuk kawasan luar bandar. Contohnya adakah projek untuk perkembangan rel penumpang akan diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar? Kita lihat beberapa stesen sebelum ini khususnya di kawasan luar bandar perlu ditingkatkan supaya penumpang-penumpang luar bandar dapat manfaat daripada peningkatan kawasan tersebut.

Dalam Belanjawan 2020 ini juga, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan subsidi kepada pengusaha bas berjumlah RM146 juta bagi menyokong sambungan *last mile* di kawasan luar bandar. Saya ingin meminta penjelasan kementerian, adakah subsidi tersebut dimasukkan di bawah butiran Kementerian Pengangkutan dan berapa banyak pengusaha bas luar bandar yang mendapat manfaat daripada subsidi tersebut? Bagaimana pula dengan pengangkutan van yang menggunakan van? Di bawah kepala Butiran 010000 – Pengurusan Logistik dan Darat. Saya lihat ada pengurangan peruntukan daripada RM31.5 juta pada tahun 2019 kepada sebanyak RM26.9 juta.

Tuan Pengerusi, sebelum saya membahaskan beberapa perkara dalam butiran ini, saya ingin bertanya mengenai dana pengangkutan awam berjumlah RM500 juta yang dikendalikan

oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di Malaysia. Sejauh manakah dana tersebut telah dimanfaatkan dan apakah perubahan yang telah dilakukan? Adakah dana pengangkutan awam ini akan terus dilanjutkan pada tahun-tahun hadapan? Saya menyambut baik program tersebut dan perlunya penglibatan pelbagai pihak dalam menjana dan menaik taraf sistem pengangkutan awam di negara kita.

Cabaran utama dalam sistem pengangkutan awam di Malaysia ialah rangka kerja yang tidak jelas di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan sebagai *regulator* ataupun pengendali operator dalam kepada pengguna. Saya lihat bahawa ada satu keperluan bagi melakukan koordinasi yang mantap di antara semua pihak agar sistem pengangkutan awam dapat dikawal selia secara efektif. Begitu juga dalam perancangan pembangunan, sejauh manakah semua pihak patuh terhadap pembangunan berorientasikan transit atau TOD?

Saya ingin menegaskan supaya pihak kementerian lebih proaktif untuk menyusun strategi yang lebih sistematik supaya pembangunan di kawasan bandar mestilah turut mengambil kira Dasar Pengangkutan Negara, Dasar Perumahan Negara dan Dasar Organisasi Negara. Ini bertujuan untuk memastikan penggunaan tanah dilakukan secara optimum selari dengan pengangkutan awam. Butiran 010000 – Logistik dan Darat. Cabaran paling besar pengangkutan darat ialah [*Tidak jelas*] meskipun sistem pengangkutan awam darat semakin baik setiap tahun, namun rakyat masih belum mengoptimumkan dasar penggunaannya.

Tambahan pula, kadar urbanisasi meningkat dan diunjurkan mencecah 80 peratus pada tahun 2030. Kaji selidik global permintaan automatik dan Nelson Tahun 2014 menunjukkan pemilikan kereta di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Ia secara tidak langsung menyumbang ke arah penggunaan bahan api dan karbon yang tinggi. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah kementerian melaksanakan Pelan Tindakan Blueprint Mobiliti Rendah Karbon? Bilakah kementerian akan membuat pindaan terhadap Akta 333 iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi menggalakkan pertumbuhan industri dan penggunaan *Energy Efficient Vehicles* (EEV) dan *Electrical Vehicles* (EV)? Adakah peruntukan butiran ini juga kementerian akan membangunkan ekosistem yang mampan bagi EEV dan EV?

Apakah perancangan kementerian bagi menyediakan piawaian bahan api yang lebih bersih dan lebih baik? Sebagai contoh, bahan api bagi diesel Euro5 kita dapati tidak banyak stesen yang menyediakan kemudahan tersebut dan perlu ditingkatkan usaha supaya penggunaan bahan api yang rendah karbon dapat diperluaskan di seluruh negara.

Butiran 020000 – Keselamatan Jalan Raya. Salah satu petunjuk prestasi utama bagi perkhidmatan pengangkutan yang selamat dan terjamin ialah indeks kematian jalan raya berdasarkan setiap 10,000 kenderaan berdaftar ialah sebanyak dua skala 10,000. Saya meneliti perangkaan kemalangan jalan raya dan indeks kematian dalam laman web Kementerian Pengangkutan hanya dikemas kini sehingga tahun 2016 sahaja. Tidak ada data baharu. Saya minta pihak kementerian memperincikan sehingga tahun 2019.

Berdasarkan perangkaan tersebut, kes kematian menunjukkan trend yang meningkat. Sejak tahun 2014, sebanyak 6,674 kes, sehingga tahun 2016 sebanyak 7,150 kes. Meskipun indeks ini menurun, tetapi kes kematian masih lagi tinggi. Sementara itu, statistik menunjukkan kira-kira 60 peratus jumlah kematian adalah melibatkan kemalangan motosikal. Secara purata, lebih 4,000 orang penunggang motosikal maut setiap tahun.

Adakah pihak kementerian membuat audit piawaian keselamatan yang khusus bagi motosikal dan kalau sekiranya ada apakah hasilnya? Perkembangan sistem yang ada pada hari ini membimbangkan kita dengan kadar kematian yang meningkat. Apa yang disebutkan tadi oleh pengguna-pengguna ataupun pemandu yang mabuk dan sebagainya, perlu satu undang-undang yang tegas bagi mengatasi gejala tersebut.

Seterusnya saya menyambut baik penguatkuasaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) bermula pada 1 Januari 2020. Saya mengharapkan agar langkah awal ini lebih bermotifkan pendidikan dan galakan. Di samping itu, memandangkan standard kerusi perlu mengikut ketetapan United Nations Regulation R44 dan R129, saya mengharapkan kementerian boleh mempertimbangkan insentif seperti kadar sifar SST atau subsidi kepada semua kerana ia melibatkan kos yang sangat mahal.

Di samping itu, apa yang penting ialah bukan hanya penguatkuasaan mewajibkan tetapi penguatkuasaan selepas sesuatu peraturan itu dilaksanakan. Sebagai contoh, pengguna tali keledar bagi penumpang di belakang, lampu keselamatan bagi kenderaan, saya dapati terkadang peraturan tersebut dikuatkuasakan tetapi *monitoring* selepas itu yang gagal dilaksanakan.

Sebagai contoh, sejauh mana peraturan-peraturan itu dapat dilaksanakan selepas ia dipaksakan ke atas rakyat?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Kubang Kerian boleh mencelah? Ledang di sini. Sebentar sahaja.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak kaitkan tadi dengan kerusi keselamatan untuk kanak-kanak. Setujukah kalau misalnya kita untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan ini, maka kita boleh cadangkan kepada pihak kementerian untuk memberikan kerusi keselamatan secara percuma kepada golongan yang tidak mampu sahaja?

Supaya dengan itu pernah kerajaan buat sebelum ini topi keledar secara percuma kepada penunggang motosikal. Jadi, mungkin kah itu boleh dicadangkan kepada pihak kementerian. Setujukah Yang Berhormat Kubang Kerian? Terima kasih.

■1250

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Baik, saya sangat setuju tentang cadangan tersebut dan boleh dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Cuma, saya lihat bahawa di peringkat ini perlu juga diberikan suatu galakan kepada syarikat-syarikat swasta bagi menaja pembelian kepada khususnya golongan B40 dan agensi di bawah Jabatan Agama Islam negeri-negeri yang boleh turut membantu usaha tersebut.

Perkara berikutnya tentang Butiran 031900 – Pampasan AES. Saya ingin bertanya sejauh manakah keberkesanan kamera AES ini bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di kawasan yang dipasang? Ini kerana kita dapati pengguna akan memperlahankan kenderaan di kawasan kamera, tetapi *speed* atau pun menambah kelajuan selepas daripada itu. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah motif pemasangan tersebut berjaya atau dapat dicapai oleh pihak kementerian dan apakah pihak kementerian bercadang untuk menambahkan lagi jumlah AES sebagai mana yang telah dimaklumkan pada peringkat awal penubuhan kerajaan pada tahun 2019?

Akhirnya, Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh soal kepala Butiran 13000 – Pembinaan dan Naiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Sebanyak RM50 juta diperuntukkan.

Sekali lagi saya ingin menyeru supaya suatu perhatian diberi bagi menyejajarkan penaikan taraf lapangan terbang Pengkalan Chepa di Kelantan antara lapangan terbang yang paling sibuk di negara kita selain daripada Pulau Pinang. Kementerian perlu menyejajarkan sebab ia juga termasuk di dalam Titah Ucapan Tuanku Sultan Kelantan dalam perasmian pada hari sambutan baru-baru ini. Saya fikir Tuan Pengerusi, itu sahaja beberapa perkara yang boleh saya sentuh. *Insyaa-Allah*, mudah-mudahan dapat jawapan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Bagan Serai.

12.52 tgh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud P.28, Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTMB. Saya ingin bercakap tentang Stesen Keretapi Bagan Serai yang saya telah cakap beberapa kali juga sebelum ini. Dahulu, semasa saya belajar di universiti, apabila saya balik bercuti saya akan naik kereta api. Stesennya buruk, kecil, antik, lama. Sekarang ini sudah menjadi baharu, besar, indah tetapi tidak ada lif. Ini telah menyebabkan kesusahan kepada rakyat di Parlimen Bagan Serai. Ini kerana tidak ada lif, bila tidak ada lif, susah warga emas, OKU, orang mengandung, kanak-kanak hendak naik tangga turun tangga, naik tangga, turun tangga. Saya sudah lalu tempat itu.

Stesen di Parit Buntar ada lif. Ha, tengok. Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid tengok saya. Yang Berhormat untung, Yang Berhormat. Stesen di Taiping pun ada lif. Ha, tengok Yang Berhormat Tuan Teh, *happy* tak? Bagan Serai tidak ada lif.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bagan Serai? Kawasan Yang Berhormat Bagan Serai ini macam anak tiri pula Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, apakah KTMB akan buat untuk meningkatkan keupayaan KTMB di Bagan Serai? Ini sudah baharu, sudah besar, sudah cantik tetapi cacatnya tidak ada lif.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kerajaan pandang perkara ini dan minta satu lagi...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mencilah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Minta satu lagi train ETS sebelah petang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lembah Pantai pakai lifkan pun mahu mohon mencelah lagi?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Orang Bagan Serai sebelah pagi ada ETS pukul 9.00 pagi, tetapi sebelah petang tidak ada. Jadi, ini menyusahkan rakyat kerana orang Bagan Serai terpaksa pergi ke Parit Buntar ataupun ke Taiping untuk naik kereta api ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lembah Pantai mohon mencelah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ringkas sahaja. Saya percaya – Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Mungkin – adakah Yang Berhormat Bagan Serai percaya bukan stesen KTM di Bagan Serai sahaja yang mungkin berhadapan dengan perkara ini, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bercadang untuk bertanya kepada pihak kementerian mana lagi stesen-stesen semua yang perlu ditambah baik supaya mereka semua ada lif. Boleh tak? Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh masuk dalam perbahasan saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Zaman bila dia buat tu?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit sahaja?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mungkin juga kementerian bukan melihat begitu. Pendekatan kementerian mungkin supaya orang-orang Bagan Serai *exercise*, naik tangga lebih sihat. Mungkin lah begitu.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Pengerusi, rakyat Bagan Serai menunggu lif di Stesen Bagan Serai.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Macam orang Sabah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Butiran 13000 – Pembinaan dan Naiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya hendak cakap sekali lagi tentang KLIA2, sebanyak RM5 bilion, hampir RM5 bilion satu lapangan terbang yang boleh dikategorikan sebagai baru. Berita viral mengatakan masalah-masalah. Landasan tenggelam, lif rosak, berlakunya *escalator* tidak jalan, siling bocor dan video diviralkan baru-baru ini pada September 2019, paip bocor di gate 10.

Saya hendak tanya berapakah jumlah kos *repair*, dengan izin, *resurface*, selama sejak lapangan terbang ini beroperasi? Berapakah dana yang disediakan untuk tahun 2020?

Kenapakah *runway* atau landasan ini tenggelam? Ini lapangan terbang yang baharu. Apakah kesilapan, di manakah kesilapan ini? Adakah sebab tanahnya ataupun cepat sangat dibuat kah, apa sebabnya sebenarnya? Oleh sebab kerajaan telah membelanjakan duit rakyat yang banyak untuk *repair* dan *resurface* ini tidak habis-habis lagi sampai sekarang. Apa dia Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini dulu kerajaan Barisan Nasional yang buat dahulu.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Adakah kerajaan ini akan menggugat *upgrading* lapangan terbang yang lain, contohnya Kota Bharu atau pun Ipoh dan sebagainya? Ataupun menggugat perbelanjaan untuk membina lapangan terbang baharu? Buat di Bagan Serai yang saya cakapkan hari itu.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan MAHB kerajaan sudah melabur untuk *maintain airport* di Turki dan Hyderabad, saya nak tahu ada untung tidak? Kalau ada untung lebih pergi buat, kita buat *repair* untuk KLIA2 ataupun buat untuk *upgrading* lapangan terbang yang lain. Persoalan-persoalan lain yang bermain di fikiran saya. Saya mendengar apakah status integrasi KLIA dan KLIA2. Apakah model yang digunakan? Apakah KLIA2 ini telah di*upgrade* statusnya? LCCT ini. Low Cost Carrier Terminal. Adakah di*upgradekan* sama setanding dengan KLIA yang canggih, serba canggih. Kita tahu hari ini kesesakan yang serius berlaku di kaunter imigresen. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua pergi ke *airport* hari ini kita dapat lihat bergelimpangan orang tidur di sini sana. Yang hendak pergi umrah tidur, pekerja asing pun tidur sini sana. Ini kerana kalau mahu tidak di hotel KLIA2, Low Cost Carrier Terminal (LCCT) hotel cukup mahal.

Saya dapati pintu pelepasan yang jauh. Saya hairan bagaimana perbincangan infrastruktur ini dibuat? Ini menyusahkan orang perempuan, orang mengandung, OKU, orang tua, warga emas, kanak-kanak dan sebagainya. Ya, kita ada *walk a tour*, kita ada bagi tetapi tidak cukup. Adakah disediakan 24 jam? Ini menyusahkan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Bagan Serai hendak mencelah boleh? Yang Berhormat Bagan Serai, mencelah?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Bagan Serai setuju tidak LCCT itu memang tidak *friendly*. Jalan – saya setuju jalan dia jauh, terutama untuk orang-orang yang uzur. Tidak *friendly*lah. Setuju tidak?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih. Saya setuju Yang Berhormat Tanah Merah. KLIA2, saya pergi ke KLIA2 saya tengok ini *airport* ke ini *shopping mall*? Perlukah ada *shopping mall* yang begitu banyak di situ? Low Cost Carrier Terminal (LCCT), orang biasa-biasa, *Everyone Can Fly* pergi situ. Bukan hendak pergi *shopping*, mereka hendak pergi cepat ke pintu pelepasan. Jadi, saya mahu tanya Tuan Pengerusi, kehadiran MAVCOM, MAHB dan juga CAAM ini adakah ada pertindihan kerja? Dapatkah mereka melaksanakan kerja dengan lebih baik? Saya ingin tanya juga berapa banyak MAVCOM kutip

daripada kutipan RM1 untuk setiap pelepasan, untuk setiap penumpang? MAHB juga, untuk kutipan *airport tax* pada setiap pelepasan keluar negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang isu gangguan sistem KLIA baru-baru ini. Ini KLIA Total Airport Management System (TAMS), satu peristiwa yang ngerilah. *Airport* utama kita, *airport* antarabangsa yang terkenal, sistem paparan maklumat *state flight*, penerbangan *failed*, sistem kendalian bagasi, sistem data masuk, sistem imigresen, wifi dan juga transaksi kad kredit pun sangkut, hendak makan pun jadi susah. Oleh sebab kena bawa tunai dan sebagainya untuk orang yang sudah biasa. Bayangkan, *havoc* yang berlaku di KLIA? Bayangkan perkara ini boleh berlaku lagi? Ini kebimbangan yang kita ada hari ini. Jadi, Tuan Pengerusi saya ingin bertanya adakah MAHB ada menyediakan *backup system*, perlu tidak *backup system* ataupun adakah lapangan terbang, adakah komponen-komponen sistem ini di selenggara dengan baik? Adakah dibuat secara berkala?

Saya ingin bertanya kenapakah gangguan sistem ini juga berlaku di lapangan terbang yang dikatakan baharu iaitu KLIA2? Baru-baru ini berlaku pada 10 November pada pukul 6.00 pagi, pakai *whiteboard*. Pakai *whiteboard* dibuat secara *manually*. Jadi, adakah ini hasil ataupun natijah daripada sikap operator yang mungkin terlepas pandang kerana dia juga semua *airport*? Adakah perlu kerajaan hari ini memecahkan monopoli operasi lapangan terbang supaya operator-operator lain boleh masuk bersaing dengan satu persaingan yang sihat?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih. Sekarang saya menjemput – tidak payah menjemput kerana jam sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Selepas itu, Yang Berhormat Bintulu, GPS. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■ 1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua) *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bintulu.

2.30 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dalam Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan. Tuan

Pengerusi, saya hendak sentuh Butiran 020700 - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Butiran 09900 - Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu/ Sandakan, Butiran 13000 - Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang, sekali gus.

Tuan Pengerusi, kita semua dengar ataupun kita lihat dalam pertengahan bulan November 2019, FAA sudah *downgrade* kita daripada kategori satu ke kategori dua. Ini menurut analisis *Forbes*, *downgrade* ini akan memberi dua kesan secara terhad dalam industri penerbangan awam negara iaitu pertama, syarikat penerbangan negara US tidak melaksanakan *code share* dengan syarikat penerbangan dari negara kategori dua. Kedua, syarikat penerbangan dari negara kategori dua tidak akan dibenarkan untuk membuat sebarang penerbangan baharu atau pengubahan penerbangan ke negara US seperti menukar jenis pesawat contoh macam *AirAsiaX* mempunyai penerbangan ke Honolulu, ataupun Hawaii akan terjejas.

Untuk kesan jangka panjang yang mungkin berlaku, negara-negara lain kemungkinan pun ikut arahan daripada US ataupun tertekan daripada US, contoh macam negara Jepun ataupun kesatuan US ataupun negara China untuk memberhentikan sebarang penerbangan dari Malaysia untuk keluar dan masuk ke negara Malaysia.

Semestinya *downgrade* ini akan membawa kesan negatif ke dalam industri pelancongan dan seterusnya ekonomi negara kita. Kita faham salah punca CAAM gagal audit FAA iaitu kekurangan pegawai dan kakitangan. Tadi kita pun ada dengar dia hendak minta inspektor itu semua minta dinaikkan taraf ataupun tambahan tetapi saya difahamkan sebab gaji di sektor swasta lebih lumayan berbanding dengan CAAM. CAAM pun beritahu mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengambil kakitangan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian sekarang sudah ada satu cadangan ataupun rancangan menyelesaikan isu ini? FAA sudah *downgrade* dengan kita. Kalau kita tidak selesaikan dalam masa yang pendek macam mana impak dalam masa yang panjang ini?

Sehingga hari ini walaupun sudah seminggu ataupun dua minggu kita tidak nampak lagi Kementerian Pengangkutan ambil apa-apa tindakan. Jelaskan kepada rakyat kita. Kita sekarang ini – negara lain pun tengok kita macam semua kita hendak tunjuk dengan orang yang kita kena jimat kewangan, tolong beritahu Kementerian Kewangan ada benda yang boleh jimat ada benda yang tidak boleh jimat. Macam baru-baru ini MAS pun pergi ke Beijing sekali lagi pergi ke Melaka pusing-pusing balik lagi. So, ini adalah salah satu negatif impak kepada negara luar. Orang takut, macam kita ini tiada sistem ataupun keselamatan kita tidak terkawal, kita boleh lepas begitu sahaja.

Mengenai isu ini, MAVCOM. MAVCOM memang daripada kerja yang lepas itu saya pun tidak setuju MAVCOM ini ditubuhkan. Satu tahun kurang lebih RM30 juta dia dapat, saya tidak tahu sehingga hari ini MAVCOM apa dia buat? Contoh, macam hari itu Sibul, *runway emergency* tidak boleh *landing* sebab *runway* tiada *lighting*, *short circuit*. Akan tetapi, MAVCOM hantu pun tidak keluar, biarkan semua penumpang simpan di *Airport*, akhir sekali sehingga pukul 10 malam suruh orang semua balik, macam mana hendak balik, *Airport* Sibul banyak rakyat daripada luar

kawasan, macam mana mereka hendak balik. Tengah malam mana ada pengangkutan lagi untuk mereka balik?

Kenapa MAVCOM patut hendak tolong penerbangan ataupun *Malaysia Airport* ada masalah dia hendak tolong keluar bagi selesai, minum pun tiada makan pun tiada, biarkan sahaja lepas. *After that, manager* MAB kelentong sahaja,sahaja *sweep under the carpet or kind of explanation* sahaja. Bila saya tanya kepada pegawai, pegawai kena *punishment, manager* kenakan tuduhan kepada pegawai. Kenapa boleh begitu? Ini bukan satu *airport, Airport* Bintulu pun sama. Ini MAB punya saya rasa tiba masanya *restructure* balik. Saya rasa kerajaan baharu ini lagi hebat daripada kerajaan yang lepas, boleh *restructure* semua, ini memang MAB sana hantu banyak, dalam ini *toilet* patut MAB ada bahagian penyelenggaraan, *toilet* ini pun hendak minta tender, pun mahu *quotation* mana bahagian *maintenance*? Dia tidak pandai sumbut dia tidak tahu hendak buat? Kenapa ini MAB semua *management labor* semua hendak cari perniagaan sahaja? And then..... itu kadang-kadang jual kepada orang semua mahal-mahal sangat. Macam orang hendak makan?

Macam tadi, Yang Berhormat Lanang kata memang impak imej tidak bagus orang nampak dekat *airport* semua kedai tutup. Orang fikir ini 'cikai' mana daripada kampung punya *airport* ini.

■1440

Macam mana sampai hari ini MAB tidak boleh berubah. Tidak boleh buat apa-apa. Jikalau kita ada nampak apa-apa kesilapan ataupun *witnesses* di *Malaysia Airport* kita tidak boleh hendak tanya pegawai. Jika tanya pegawai, esok pegawai kena. Apa punya CEO ini? Saya rasa CEO patut kena pecat dahulu, ataupun CAO kasi pecat dahulu. Bukan pegawai, kita tanya, sebagai Ahli Parlimen kita boleh tanya, kenapa tidak boleh tanya. Inilah saya harap kementerian ada satu rancangan juga macam mana hendak selesaikan masalah ini.

Isu kedua, *maintenance*. Saya rasa, saya sudah beritahu Menteri sebanyak tiga kali. Contoh macam *Bintulu Airport*, luar hujan, dalam pun hujan. Jadi kita sudah *complain* hujan, lama-lama dia pakai *sellotape* kasi *tape* dia punya siling, fasal air tidak boleh turun. Lama-lama tidak boleh turun, lain tempat turun, sampai hari ini pun. Jikalau Yang Berhormat Menteri tidak percaya, saya boleh bawa Yang Berhormat Menteri pergi tengok itu *airport*. Kita pakai *sellotape* putih punya. Fasal siling pun putih, dia kasi putih, memang dia canggihlah, tetapi saya pun fikir betul jugalah. Orang tidak boleh nampak. Rakyat tanya, bila *airport* ini boleh di naik taraf? Fasal, ini penyelenggaraan kita mesti mahu ada. Fasal lantai sudah kena air, memang *slippery*, memang sudah dua orang hingga tiga orang sudah kena. Dia jalan sudah macam kapal terbang, ini macam dia terus terbang punya. So, saya haraplah agar Yang Berhormat Menteri ini boleh ambil perhatian atas isu-isu ini.

Juga, masalah KL LCCT. Bilakah LCCT betul-betul boleh dinaik taraf? Dia punya *the way of management*. Macam MAB *joint venture* bersama WCT pun kongkalikung sama juga. *Toilet* kencing punya boleh satu bulan tidak diselenggara, sama juga. So, *all this* macam mana kementerian boleh dapatkan satu *solution to resolve the weaknesses of Malaysia Airport Berhad*.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh, tolonglah. Kita perlu membuktikan, kita kementerian hebat daripada lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, Jelebu.

Tuan Pengerusi: Oh! Yang Berhormat Jelebu, silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh saya – Tuan Pengerusi saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pelawat daripada kawasan Parlimen Jelebu Yang Berhormat ADUN Pertang, Tok Batin-Tok Batin, pemimpin-pemimpin masyarakat Orang Asli daripada Parlimen Jelebu. Selamat datang ke Dewan Rakyat dan terima kasih kerana terus berikan sokongan kepada Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Lain kali tukar Pakatan Harapan.

Tuan Pengerusi: Saya ada dua nama, Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Segamat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong jangan menyampuk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Segamat ya, Yang Berhormat Jeli tidak ada di sini ya. Silakan Yang Berhormat Segamat.

2.43 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya menyertai dalam bilangan 28, Kementerian Pengangkutan. Butiran 020400 - Keselamatan Jalan Raya. Saya mendapati ada pengurangan hamper RM2 juta untuk tahun ini. Memandangkan perkara mengenai keselamatan jalan raya ini amat penting khususnya kita sendiri, mengenai pemandu yang mabuk mahupun pemandu awam ataupun komersial, pemandu lori dan bas yang kadang-kadang ini kita mendapati ada yang menggunakan dadah, bukan semua tetapi hanya segelintir tetapi membahayakan semua.

Juga kita menghadapi kadang-kadang juga lori-lori, lori-lori biasanya lori-lori kuari dan juga sebagainya, kita mendapati apabila mereka juga apabila membawa batu dan muatan dan juga sebagainya, kadang-kadang tidak ditutup dengan penuh dan menyebabkan banyak masalah juga. Perkara-perkara sebegini mungkin kita perlukan satu sistem. Adakah Kementerian Pengangkutan akan mengkaji untuk mengadakan satu sistem di mana khususnya lori-lori yang mengangkut pasir dan juga sebagainya dia harus mempunyai sistem yang lebih baik untuk tutup dan juga sebagainya. Atau untuk mengelakkan batu-batu kelikir yang terlontar jatuh atas kereta lain. Ini merupakan satu masalah yang besar, di mana saya sendiri tahun ini sahaja sudah dua kali tukar cermin. Ini adalah satu masalah yang besar dan juga menyebabkan satu kerugian besar kepada syarikat-syarikat insurans juga.

Keduanya, adalah Butiran 03400 - *Maintenance, Repair and Overhaul (KTMB)*. Saya mendapati ada pengurangan hampir RM6.7 juta kepada RM6 juta sahaja pada tahun ini. Saya berharap ia mencukupi. Di dalam isu ini, saya hendak bawa isu mengenai gerabak kereta api dan saya sendiri sudah beberapa kali mengambil kereta api daripada Segamat ke Gemas mahupun daripada Segamat ke Kluang dan sebagainya. Saya mendapati kadang-kadang dalam gerabak yang ada empat gerabak hingga lima gerabak ini kadang-kadang tandas itu hanya dalam satu gerabak sahaja yang boleh digunakan, yang lainnya dikunci dan juga sebagainya kerana ia telah pun rosak. Khususnya apabila melibatkan orang yang kurang upaya ataupun orang yang tua dan juga sebagainya, mereka terpaksa melintasi setiap gerabak untuk pergi ke tandas. Ini merupakan satu yang berbahaya dan tidak menyenangkan pengguna dan juga sebagainya.

Maka saya berharap Yang Berhormat Menteri dan KTM akan memandang perkara ini serius, memang kita menunggu sistem ETS mempunyai gerabak yang baru dan juga sebagainya. Akan tetapi, pada masa dua tahun lagi untuk menunggu ini agar baik pulih ataupun *maintenance* ini dilakukan secara yang terbaik. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan seperti tandas dalam stesen-stesen dan juga sebagainya. Ada kalanya ia langsung tidak boleh digunakan dan ia tidak menampakkan imej yang baik. Seterusnya juga merupakan masalah kesihatan jika tandas itu tidak dijaga dan juga sebagainya.

Saya juga ingin membuat satu lagi perkara stesen kereta api di Batu Anam ini saya harap beroperasi semula apabila ETS *train* berfungsi nanti menjelang tahun 2021 dan juga tahun 2022. Pada masa yang sama, saya yakin Yang Berhormat Tampin rakan seperjuangan saya, kami mempunyai masalah yang sama kita mendapati – harapan kami apabila ETS berfungsi secara sepenuhnya, kami mengharapkan masa perjalanan itu akan dikaji semula agar ETS boleh digunakan untuk orang yang pergi bekerja. Contohnya daripada Gemas ke Johor Bahru untuk bekerja ataupun – ini akan membolehkan khususnya masyarakat luar bandar ia akan membolehkan kita merapatkan jurang perbezaan pendapatan kerana mereka akan mempunyai mobiliti untuk bergerak dan bekerja. Contohnya, barang-barang dikeluarkan mahupun di Segamat ataupun Tampin boleh dipasarkan di Johor Bahru dan boleh dibawa ke Singapura dan juga sebagainya. Perkara-perkara ini harus kita kaji.

Keduanya adalah pekerjaan. Kita mendapati di kawasan pendalaman contohnya mahupun di Segamat ataupun di Gemas, ia tidak ada banyak pekerjaan untuk golongan profesional. Akan tetapi, kalau kita ada sistem ETS nanti kelak, jadual perjalanan yang baik dan juga maka ini menunjukkan bahawa mereka boleh malah duduk di Segamat mahupun di Gemas ataupun mereka boleh bekerja di Johor Bahru dan juga bandar-bandar besar ataupun di Kuala Lumpur. Maka perjalanan itu harus dikaji semula.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF). Saya mendapati pada tahun 2019 ia ialah sifar dan diberikan sebanyak RM150 juta pada tahun 2020. Belanjawan ini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Akan tetapi, pada masa yang sama saya mohon perincian iaitu pecahan kos dan juga lokasi, yang ini boleh diberikan secara bertulis kerana kita hendak pastikan

bahawa bukan satu tempat sahaja, bukan hanya di bandar sahaja didapati, kita dapati di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil pun kalau boleh diadakan juga kerana ada masalah yang sama.

Butiran 031900 – Pampasan AES/AwAS dan juga Butiran 031000 – Penyelenggaraan Bangunan JPJ. Daripada RM2 juta daripada tahun 2019 kepada sifar pada tahun 2020. Ini mungkin kerana telah diambil alih dan juga sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama saya juga ingin mendapatkan perincian mengenai keefisienan sistem ini berbanding dengan kutipan saman AES, berapa banyak, di lokasi mana, agar kita boleh mengenal pasti jika tempat itu adakah berlaku banyak kemalangan dan juga sebagainya. Kebiasaannya di negara-negara maju, apabila sistem sedemikian dipasang, adalah di tempat-tempat yang berlaku banyak kemalangan. Objektifnya adalah untuk mengelakkan kemalangan berlaku. Maka, ia akan dipaparkan 50 meter lagi, ada kamera, 15 meter lagi ada kamera. Maka objektifnya kalau mereka betul-betul hendak bawa laju, *then* dibayar. Akan tetapi objektif kita hendak kurangkan, bermakna kita berikan dia amaran dan juga sebagainya.

Maka soalan saya ialah, adakah kementerian akan mengkaji semula lokasi-lokasi AES yang dipasang ini yang tidak berlaku kemalangan. Adakah ia akan dialihkan kepada ke tempat yang berlaku kemalangan, jika ada, di mana, bagaimana dan bila kementerian sanggup berbuat demikian.

Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Saya rasa banyak rakan Yang Berhormat membawa perkara ini. Saya faham masalah yang dihadapi bahawa ada keperluan untuk CAAM ini untuk mempunyai kewangan secara *independent* ataupun berdikari dan juga sebagainya. Agar kakitangan-kakitangan profesional ini dibayar gaji yang setimpal di sektor swasta.

■1450

Jika kita tidak kita akan kehilangan pekerja-pekerja ini dan saya yakin Yang Berhormat Menteri dan kementerian telah pun mempunyai satu strategi untuk menyelesaikan masalah ini. Akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Saya memang tahu Kementerian Pengangkutan ini banyak menjalankan program-program baharu dan juga sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama, saya mohon agar komunikasi setiap program ataupun peraturan ataupun garis panduan ini dikomunikasikan kepada semua rakyat Malaysia agar kita tidak salah faham dan sebagainya. Saya rasa itu sahaja daripada saya, saya pulangkan balik 2 minit 45 saat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Selepas Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bandar Kuching, selepas Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Semua 10 minit.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar juga.

Tuan Pengerusi: Selepas itu saya kena terpaksa mengurangkan masa ke 5 minit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai. Lembah Pantai.

2.51 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Tentunya perkara yang paling ingin dinyatakan di sini ialah Kepala 20700 mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), penarafan yang diturunkan ke kategori dua in. Apakah tindakan pemantauan seterusnya seperti pelantikan Datuk Ir. Kok Soo Chun ini, setakat mana beliau boleh dan Jawatankuasanya boleh mengembalikan kepada kategori satu. Kalau kita melihat Negara Thailand yang diturunkan ke kategori dua pada Disember 2015 sampai sekarang masih lagi kategori dua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ia tentunya akan mengganggu masa hadapan *aviation industry* dan *industry Maintenance, Repair and Overhaul (MRO)* negara kita akan terjejas, *code sharing*, gaji pilot, hak pendaratan, pembuangan pekerja dan macam-macam akan terjejas. Selama 61 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, setakat yang saya tahu tidak pernah jadi kategori dua ini. Rejim PH baru setahun enam bulan dah turun ke kategori dua. Saya mencadangkan ada orang yang patut dibuang dan diambil tindakan akibat daripada apa yang berlaku ini. Rombak CAAM itu yang mana patut ditukar ke agensi lain, tukar. Kalau di negara lain Menteri Pengangkutan dan Timbalan Menteri Pengangkutan akan mengambil tindakan yang tertentu tetapi di Malaysia ini kita faham lah mereka tidak akan letak jawatan.

Akan tetapi, perkara ini memberikan taraf negara Malaysia ini macam Bangladesh, Ghana, Costa Rica. Kalau untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak faham tentang isu ini. Apa yang berlaku untuk 12 bulan akan datang? Boleh ke dalam masa 12 bulan itu kita kembali kepada kategori satu?

Kalau kita melihat daripada sini, RM219 juta diturun kepada RM149 juta untuk anggaran 2020.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bukankah mereka tahu hendak diaudit...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:...kenapa tidak buat persiapan untuk audit itu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan menghina kakitangan lah Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Audit ini bukan setahun sekali auditnya. Auditnya entah berapa tahun sekali. Kalau kita tahu hendak diaudit, buat persiapan betul-betul. Siapa-siapa yang bertanggungjawab tentang hal ini, letak jawatan atau tukarkan ke agensi lain. Jangan hendak beri bebas begitu sahaja pada mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, dahulu audit 1MDB pun tidak boleh buat Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ia memburukkan nama negara kita. Saya tahu daripada 300 perkara, ada 33 perkara yang ditegur. Memang sedikit tetapi 33 perkara itu tentu perkara-perkara besar. Saya harap Menteri mengambil tindakan yang wajar tentang perkara ini.

Kemudian, 20100 – APAD. Saya ingin tahu pecahan-pecahan permit kenderaan yang diberi. Saya harap pegawai-pegawai yang di belakang itu tolong bagi Menteri jawapan. Berapa permit lori? Berapa permit kontena? Berapa permit teksi, kereta sewa? Bas ini ada tiga jenis, bas henti-henti, bas persiaran, bas sekolah. Kemudian, tentang bas sekolah ini Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya mengenai umur dan keselamatan bas sekolah. Kemudian, dari segi tambang perlu ada *guideline* supaya mereka tidak mudah-mudah menaikkan tambang bas sekolah dan akhirnya menyebabkan ibu bapa terbeban dengan kenaikan tambang bas sekolah.

Butiran 20200 – Pengangkutan Laut, Jeti-jeti Penumpang untuk Feri, Bot-bot. Tolong senaraikan apa yang perlu dibaiki. Ada tidak peruntukan untuk membaiki jeti di Kukup, Tanjung Piai?

Butiran 20400 – Keselamatan Jalan Raya. Trend kemalangan, statistik kemalangan ini tolong beritahu Dewan ini. Saya difahamkan penunggang motosikal yang banyak terlibat kemalangan dan kemalangan maut ialah penunggang motosikal. Saya cadangkan supaya laluan khas untuk motosikal sebanyak boleh di seluruh negara perlu dibuat supaya lebih selamat untuk penunggang motosikal. Memang dah ada, kita dah buat tetapi perlu, wajar diteruskan lagi laluan khas motosikal sebanyak yang mungkin di seluruh negara.

Perkara kelima, penyelenggaraan sistem AWAS. Berapa yang sudah kena saman Yang Berhormat Menteri? Saya hendak tahu juga apakah bukti bahawa lagi banyak kamera AWAS ini, lagi kurang kejadian kemalangan. Boleh Yang Berhormat Menteri tunjukkan bukti? Kalau tidak, apa faedah untuk kita tambah lagi kamera sedangkan dulu ada seorang Yang Berhormat di sini sekarang dah Timbalan Menteri pun menentang tentang AES ini sampai tidak ada lah berguling-guling tetapi lebih kurang begitu lah macam hendak berguling-guling. Dia membantah sistem ini tetapi sekarang ini bukan disedikitkan makin dibanyakkan pula kameranya. Saya ingin bukti lagi banyak kamera, lagi turun kemalangan dari segi data-data yang sah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Pontian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Sila Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pontian lah, dulu kalau tidak silap saya lah, saya pernah dengar tentang janji kerajaan ini. Kamera AES ini dulu kita buat 10 sahaja, tetapi bila dia hendak ambil kerajaan dia kata hendak kurangkan. Akan tetapi sekarang bertambah Yang Berhormat Pontian. Adakah ini merupakan kerajaan menipu? Saya hendak bagi satu pantun pada Yang Berhormat Pontian.

Satu pelita dua sumbu,

*Mana api boleh tahan,
Kerajaan PH asyik menipu,
Mana rakyat boleh tahan.*

Saya hendak tanya Yang Berhormat Pontian.

Tuan Pengerusi: Tarik baliklah Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelebu, syok sendiri eh Yang Berhormat Jelebu. Syok sendiri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Salam 15000.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Diam lah Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Eh Yang Berhormat Jelutong, kamu boleh tidak kalau tidak berdiri sekali. Menyibuk betul.

Tuan Pengerusi: Saya dah beritahu acap kali perkataan bodoh, tipu dan sebagainya *unparliamentary*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Menyibuk lah Yang Berhormat Jelutong. Perkara yang keenam yang saya ingin sebut ialah saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelebu tadi, memang menipu ini sudah perkara biasa ya. Berkata tidak benar ini sudah perkara biasa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya Yang Berhormat Pekan. Tanya Yang Berhormat Pekan. Menipu tanya Yang Berhormat Pekan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak menunaikan janji-janji ini perkara biasa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya Yang Berhormat Pekan menipu apa dia. 1MDB tanya Yang Berhormat Pekan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB sedang dalam mahkamah Yang Berhormat. Dalam mahkamah. Tunggu lah. Mahkamah Tinggi ada, Mahkamah Rayuan ada, Mahkamah Persekutuan ada. Dahulu Yang Berhormat Port Dickson kita tunggu sabar bukan main. Tiga mahkamah itu. Sabar kita menunggu. Lepas habis semua sekali, apa yang berlaku baru lah kita buat keputusan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian pun bersubahat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bersubahat? Kepala otak *hang*. [Ketawa].

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kepala otak *hang* lah Yang Berhormat Pontian. Kamu pun penyamun. Bersama-sama Yang Berhormat Pekan kan tipu rakyat dulu. Tidak malu ke?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cakap lah. Tidak ada kesan apa pun. Cakap lagi banyak cakap macam itu lagi banyak kalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.* Dia tidak boleh ganggu Ahli yang berucap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi kena tegur dia ini. Yang Berhormat Jelutong ini...

Tuan Pengerusi: Saya terima *point of order* itu. Yang Berhormat Jelutong jangan ganggu bila ahli lain berucap.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Jangan ganggu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan ganggu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kalau awak bercakap, bercakap lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bedebah. Kamu bedebah.

Tuan Pengerusi: Bila Yang Berhormat Jelutong berucap pun jangan ganggu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Takkan Yang Berhormat Jelutong tidak faham. Itu pun tidak tahu ke.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak pernah ganggu tetapi dia...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:...dia bawa tajuk lain. Kita cakap tajuk lain, dia kata Rosmah, cincin Rosmah. Apa ini? *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu pun Yang Berhormat Jelutong tidak tahu ke.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya dah buat *rulling*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara ke tujuh, projek *rail* kereta api ini ada di sini. ECRL ini saya hendak tahu perkembangan. Betul tidak tanah-tanah untuk stesen ECRL ini di seluruh sepanjang itu diberi kepada syarikat China yang membangunkan. Saya hendak tanya betul ke tidak. Kemudian, HSR ini bila hendak *start* Yang Berhormat Menteri? Daripada bandar Malaysia, bandar Malaysia pun tidak nampak lagi. Bila hendak *start* sampai ke Singapore 90 minit itu bila dia? Ada duit ke tidak hendak buat? RTS ini Singapura setuju ke pada sistem MRT tukar kepada LRT ini Yang Berhormat Menteri? Saya hendak tahu Singapura setuju atau tidak?

Kemudian, 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTMB. Banyak ini. RM1 bilion. Jumlah semua sekali tentang *rail* dan kereta api ini RM1.4 bilion. Akan tetapi apabila kalau kita lihat Butiran 030400 dan 030500 dijumlahkan semua sekali RM1.5 bilion daripada peruntukan Kementerian Pengangkutan ini iaitu 42 peratus kepada *rail* dan kereta api. 42 peratus ya begitu besar.

■1500

Saya ingin tahu apakah perincian untuk meningkatkan keupayaan KTMB ini –[*Seorang Ahli berjalan keluar Dewan*] Apa hal dia keluar pula? Yang Berhormat Timbalan Menteri, kencing ya?

Kemudian nombor sembilan, Butiran 1800 – Cadangan Lapangan Terbang di Kulim. Saya nak tahu, jadi ke tidak sebab MB Kedah ada umum tentang itu. Kemudian lapangan terbang di kawasan Mersing, jadi atau tidak? Kemudian, lapangan terbang di kawasan Pontian, kawasan saya. Jadi atau tidak? Oleh sebab Menteri Besar kerajaan kami dahulu membuat cadangan-cadangan ini. Satu lapangan terbang di Mersing, satu lapangan terbang di Pontian. Saya nak tahu jadi ke tidak, apa yang berlaku kepada cadangan itu. Akan tetapi saya rasa memang tak jadilah, kerajaan ini memang haprak sahaja.

Perkara kesepuluh, Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Saya ingin tahu pertikaian dengan pemandu teksi, *e-hailing* ini. Apa jadi? Pemandu teksi hari itu berkumpul di Putrajaya. Mereka berdemonstrasi, membantah dan meminta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan letak jawatan. Pemandu lori begitu juga. Apa yang berlaku kepada pertikaian dengan pemandu teksi dan pemandu lori dan tambang perlu dipantau dan Yang Berhormat Menteri, tambang ini bukan hanya tambang teksi yang kita kena kawal. Yang perlu kita kawal juga ialah tambang *e-hailing* ini. Berapa syarikat yang terlibat dengan *e-hailing* dan berapa banyak jumlah teksi yang mereka ada? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Masih 10 minit.

3.01 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAM). Sebenarnya saya di sini, saya memang melihat sedikit penurunan peruntukan untuk butiran ini tetapi kita sebenarnya haruslah mengambil langkah-langkah untuk menaikkan semula pangkat kita dalam FAA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang kesan penurunan pangkat Malaysia oleh FAA ini kepada negara kita secara terperinci dan juga pelan kerajaan untuk menangani isu ini.

Mengikut sidang media semalam, kebanyakan *findings* oleh FAA sebenarnya pernah dibangkitkan oleh audit daripada ISA iaitu versi *Europe* FAA lah. Memandangkan di antara butiran ISA telah pun membangkitkan isu yang sama sebelumnya, mengapa perkara seperti ini masih berulang-ulang dalam audit FAA ini? Dengan izin, *the warning sign was there actually*. Sebenarnya semasa kes MH370, kita dah ada lihat *warning sign* di sana tetapi sejak itu, tak pernah apa-apa dilakukan walaupun dalam kerajaan sebelumnya. Jangan cuba nak *blame* sahaja kerajaan sekarang ini tetapi dah lama dah isu ini. Kenapa tidak kita lakukan apa yang sepatutnya?

Jadi saya memang nak tanya, sekarang kita ada satu *target* satu tahun untuk menyelesaikannya. Jika kita tidak memperbetulkan sistem yang ada, barisan pimpinan dalam CAM, kita langsung tidak dapat mencapai *target* dalam satu tahun. Banyak negara pernah mencuba. Satu negara pernah berjaya dalam satu tahun adalah negara India. Mungkin kita dapat melihat apa yang negara India telah lakukan untuk mempertingkatkan prestasi mereka dan juga kembali kepada pangkat yang sepatutnya dalam masa satu tahun. Jadi sekali lagi saya ingin bertanya, apakah langkah jangka panjang yang kita boleh pastikan supaya CAM sentiasa bersedia dengan perubahan masa depan dan juga mencapai *target* yang telah ditetapkan.

Sebenarnya CAM bukan sahaja haruslah mengawal selia bahagian komersial bahkan keseluruhan aktiviti aeroangkasa negara kita. Ia perlu sentiasa bersedia terutamanya untuk menghadapi perubahan pesat dalam bidang aeroangkasa daripada perubahan atau pemodenan yang kita capai seperti esok kita akan nampak Yang Berhormat Menteri kita naik kapal terbang tersebut, kita haruslah ada satu *regulation* ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kereta terbang.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kereta terbang, kereta terbang tersebut. Kita haruslah ada satu *regulation* atau selia kawal yang perlu untuk mengawal penggunaan tersebut. Mungkin pada masa depan ada *flying taxi*, ada *hybrid airship* serta banyak lagi teknologi baharu yang bakal diperkenalkan dalam masa yang terdekat ini. Jadi, saya memang berpendapat bahawa CAM perlu meluaskan lingkungan *expertise* mereka. Bukan sahaja terhad kepada bahagian teknikal mahupun *piloting* atau penerbangan. Mungkin kita haruslah mengambil lebih banyak jurutera aeroangkasa, aeronautik serta para penyelidik dalam bidang tersebut bagi menghadapi perubahan pesat industri aeroangkasa bagi memastikan kita tidak ketinggalan daripada segi pembangunan aeroangkasa serta daripada segi ekonomi.

Saya juga hendak bertanya kepada Tuan Pengerusi, ada dapat jempunan untuk naik kereta terbang esok kah?

Tuan Pengerusi: Malangnya esok ada sidang Dewan. Bukan esok, lusa.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Oh! lusa, lusa. Minta maaf, lusa, lusa.

Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF). Saya nak bertanya spesifik untuk Sarawak. Saya mendapat banyak maklum balas atau *feedback* daripada Persatuan Bas Sarawak mengenai bayaran lambat ISBSF ini ke Sarawak. Saya tahu sebelum ini masalah yang dihadapi adalah masalah kontrak. Satu *legal issue* tetapi sekarang kita telah menandatangani satu kontrak yang baharu. Jadi masalah itu telah diselesaikan. Namun pada pendapat saya, mungkin kita haruslah memperhalusi sistem ini kerana bagi saya, ia tak berapa efektif dan lagi penting, ia tak berapa *sustainable*. Jadi, apakah pelan kerajaan untuk mungkin buat satu *transition* kepada sistem yang lain, yang lebih baik, yang lebih efektif, yang lebih *sustainable* sambil juga memajukan sistem pengangkutan awam di Sarawak dan juga di Kuching.

Butiran 031400 – Program Transformasi Perkhidmatan SBST. Saya tahu sebelum ini kita memang ada satu persetujuan untuk buat satu SBST di Bandar Kuching. Namun ada sedikit perubahan. Jadi saya harap izinkan saya bercadang, jika kita boleh bersama kementerian,

bersama-sama dengan LPKP berbincang dengan kerajaan negeri untuk membuat satu pelan baharu, satu *arrangement* baharu supaya kita tidak lagi melengah-lengahkan atau *delay* projek ini di Bandar Kuching.

Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaik taraf Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibul, Mukah, Bario. Saya hendak bertanya secara terperinci di mana peruntukan ini akan dilakukan? Saya juga bersama-sama dengan rakan saya dari Lanang ingin bertanya, adakah peruntukan ini akan digunakan untuk beberapa lapangan terbang yang penting seperti Sibul mahupun Kuching walaupun Kuching adalah antara lapangan terbang yang paling besar di Sarawak tetapi masih perlu banyak penambahbaikan untuk kita setara dengan lapangan terbang yang lain.

Butiran 003603 – Kerja-kerja Pengorekan Kuala Sungai di Sabah dan Sarawak. Di sini kita memang melihat satu penurunan yang ketara. Saya rasa ini disebabkan kerja-kerja pada tahun lalu telah disiapkan tetapi jika boleh, saya ingin meminta laporan kerja-kerja yang telah dilakukan. Apa kerja-kerja yang telah disiapkan, *effectiveness* kerja-kerja tersebut dan apa projek dan kerja-kerja lain yang kita akan lakukan untuk tahun ini. Dengan itu, sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas, 10 minit.

3.07 ptg.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus merujuk dan menyentuh Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya. Tahun 2019, peruntukan sebanyak RM19.305 juta tetapi pada tahun 2020, ia diturunkan kepada RM17.281 juta. Jadi, mungkin di sana ada rasional yang tersendiri dan adakah kerajaan telah menemui formula untuk mengurangkan kos kempen keselamatan jalan raya atau apa puncanya? Saya ingin menyentuh dalam butiran ini berhubung penguatkuasaan *car seat* dengan izin, kepada kanak-kanak bermula tahun 2020.

Suka untuk saya nyatakan bahawa isu ini telah menjadi satu buah mulut yang begitu membimbangkan terutamanya kepada golongan ibu bapa yang berada di kelompok B40. Pembelian *car seat* yang menepati dengan spesifikasi yang ditetapkan bukanlah merupakan satu harga yang murah. Minggu lepas saya telah membuat tinjauan sendiri ke beberapa kedai di sekitar Kuala Lumpur, sama ada secara *online* ataupun dengan secara *offline*, *car seat* yang standard harganya tidak kurang daripada RM200 untuk satu *car seat*. Itu yang standard, itu kalau yang *three point* iaitu yang tali pinggang ada di sebelah belakang.

Akan tetapi kalau yang *two point*, yang kalau biasanya MPV, yang ada *two point* di belakang ini paling murah di pasaran ialah RM600. Itu kalau yang *two point*. Jadi bayangkan kalau pasangan punyai anak lebih daripada dua orang, bahkan mungkin sehingga lima orang hingga enam orang dengan anak yang sulung masih berada di bawah umur 12 tahun, berapakah kos yang wajib mereka habiskan untuk membuat pembelian *car seat* ini? Saya faham rasional

kerajaan iaitu untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Pada saya, pada suatu masa nanti, *car seat* ini memang perlu untuk diwajibkan memandangkan kes-kes kemalangan jalan raya khususnya melibatkan kanak-kanak yang tidak dibekalkan dengan ciri-ciri keselamatan. Akan tetapi di sana ada beberapa pertimbangan yang saya nampak perlu untuk dilihat oleh kerajaan.

Yang pertama, saya cadangkan pengecualian cukai bagi golongan B40 dan M40 untuk pembelian *car seat* iaitu bila mereka gunakan duit ini untuk membeli *car seat*. Ada keistimewaan daripada sudut pengecualian cukai terutamanya untuk cukai pendapatan dan mungkin di sana kerajaan boleh mempertimbangkan tempoh bertenang terlebih dahulu.

■1510

Tidaklah 1 Januari 2020 terus saman dikeluarkan untuk mereka yang tidak meletakkan *car seat*. Mungkin prosedur ataupun SOP yang boleh diambil ialah sebagaimana penguatkuasaan Kementerian Kesihatan dalam isu larangan merokok di kedai, di mana setahun diambil untuk tempoh pendidikan kepada rakyat. Akan tetapi untuk *car seat* ini, ia lebih serius daripada itu kerana ia melibatkan kos yang terpaksa dihabiskan oleh ibu bapa.

Ketiga, berkempen secara besar-besaran dan kerajaan perlu untuk melaksanakan gerak kerja kempen secara besar-besaran, libatkan pelbagai NGO dengan seberapa banyak yang mungkin supaya anak-anak yang sukar untuk diajar duduk di atas *car seat*. Anak-anak ini kita tahu bahawa mereka susah untuk dididik, untuk duduk di atas *car seat* ini. Bukan senang hendak bentuk anak-anak untuk duduk atas kereta pun bukan satu benda yang senang apatah lagi duduk atas *car seat*. Akan tetapi ia boleh dilaksanakan sekiranya kita membentuk anak-anak ini daripada awal.

Keempat, memastikan *car seat* yang dijual mempunyai kelulusan keselamatan dari pihak kerajaan. Saya faham bahawa ada usaha daripada pihak kerajaan untuk membuat tapisan kemasukan *car seat* yang tidak selamat ini iaitu saya difahamkan bermula 1 Januari 2020, mana-mana *car seat* yang diimport daripada luar hendak masuk ke Malaysia perlu mempunyai spesifikasi yang tertentu tetapi dalam hal yang sama ia perlu dikuatkuasakan sekarang sehingga kepada penjual.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sekarang ini sedang berlaku penjualan *car seat* secara besar-besaran, sama ada secara *online* ataupun di kedai-kedai. Jadi, kita bimbang tempoh di antara bulan November sehingga Januari ini adalah merupakan tempoh di mana masuknya kerusi-kerusi keselamatan yang tidak menepati spesifikasi yang sebenar dan *car seat* ini sebenarnya mempunyai tempoh yang boleh kita gunakan. Ada *car seat* yang tempohnya tiga tahun, ada yang lima tahun dan selepas itu ia tidak selamat lagi untuk digunakan. Jadi kita tidak mahu penjual mengambil kesempatan masa ini untuk mempromosikan *car seat* yang tidak menepati specs.

Kelima, mewajibkan kereta-kereta baru untuk menyediakan infra yang cukup untuk tujuan pemakaian *car seat* kerana tidak semua kereta ini mempunyai *three point* untuk dipasang dengan *car seat*. Jadi ada kereta yang perlu untuk kita pasang *bracket* di belakang. Ada *bracket*

besi untuk kita pasang di belakang, kita letakkan *car seat*. Jadi kalau kereta baru yang hendak dijual ini, Kementerian Pengangkutan perlu untuk wajibkan supaya kereta-kereta ini sudah mesra untuk dipasang dengan *car seat* ini, barulah meringankan beban kepada pembeli dan juga ibu bapa.

Keenam, kita kena ukur kewajipan kepada anak-anak untuk pakai *car seat* ini berdasarkan kepada berat dan tinggi mereka, bukannya umur. Kita letak secara purata umur 12 tahun kena pakai *car seat* sedangkan pada usia kadang-kadang anak ini 11 tahun, 12 tahun, berat badan dan tinggi sudah mencapai usia dewasa dan tidak perlu untuk pakai *car seat*. Maka kerajaan saya kira perlu meletakkan satu standard, berapakah berat dan umur, tinggi kanak-kanak untuk dipakai untuk *car seat* ini.

Terakhir, saya cadangkan *car seat* ini, pembelian *car seat* membolehkan ibu bapa membuat pengeluaran daripada akaun KWSP, sebagaimana dahulu kerajaan pernah buat dasar ibu bapa yang beli komputer resitnya boleh *diclaim* pada EPF untuk dikeluarkan pengeluaran KWSP.

Ini meringankan sebab Tuan Pengerusi, kita melihat bagaimana ini menjadi isu yang sangat besar diperkatakan oleh hampir keseluruhan ibu bapa yang B40 yang bimbang pembelian ini menyebabkan mereka terbeban dengan pelbagai perkara lagi tambahan pula hendak buka sekolah dan sebagainya. Jadi, isu ini satu isu yang besar.

Saya pergi kepada Butiran yang lain iaitu Butiran 00800 – Projek Membaik pulih, Mengukuhkan Landasan Kereta api Pantai Timur. Anggaran di 2019 ialah RM1.955 juta, 2020 - RM1.084 juta. Penurunan ini berlaku hampir 50 peratus dalam situasi perkhidmatan kereta api khususnya dari Pantai Timur ke Pantai Barat masih belum dibaiki sepenuhnya.

Soalan saya, bilakah perkhidmatan kereta api daripada Pantai Timur atau lebih tepatnya stesen pertama di Wakaf Baru Tumpat melalui Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai, Gua Musang sehinggalah ke Gemas dapat beroperasi terus ke Kuala Lumpur tanpa menukar tren di Gemas. Hari ini orang-orang kampung terpaksa naik di Pasir Mas, di Tumpat mereka turun di Gemas cari pula tren kereta api untuk naik ke Kuala Lumpur dan ini membebaskan mereka.

Saya dimaklumkan bahawa antara isunya ialah landasan yang tidak selamat. Namun dengan peruntukan yang menurun ini, saya sangsi adakah kementerian mempunyai keseriusan atau serius untuk menaik taraf landasan ini bagi mewujudkan kembali perkhidmatan kereta api yang pernah wujud sebelum banjir 2014 ini.

Saya baca perkhidmatan yang ditawarkan oleh ETS *Business Class* beroperasi dari KL Sentral hingga Padang Besar, Perlis mula 11 Oktober 2019. Soalan saya ialah adakah perkhidmatan yang sama dari KL Sentral ke Tumpat juga akan diwujudkan dengan infrastrukturnya dengan WiFi nya, *alhamdulillah* satu nikmat besar kepada rakyat di sebelah utara tetapi bagaimana kami di sebelah Pantai Timur ini yang juga ingin menikmati perkhidmatan yang sama walaupun dijanjikan bahawa ia akan beroperasi secara peringkat-peringkat tetapi pada hari ini nampaknya ia masih belum lagi beroperasi. Jadi, saya mahu jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Berikutnya *outcome* satu perkhidmatan pengangkutan yang berkesan di bawah tajuk petunjuk prestasi utama dalam sub topik peratusan *on time performance* pelepasan dan ketibaan untuk udara. Pada tahun 2018, pencapaian sebenar ialah 91.07 peratus, kenapa tiba-tiba tahun 2019 diletakkan sasaran 85 peratus. Tahun 2020 sasaran 87 peratus sedangkan tahun 2018 capaiannya 91 peratus yang sebenar.

Jadi kenapa tiba-tiba turun. Kenapa kita hendak undur ke belakang di bawah tajuk prestasi *performance* pelepasan dan ketibaan ini. Jadi, saya cadangkan supaya Kementerian Pengangkutan perlu ambil iktibar di atas kejadian yang berlaku kepada Menteri Pertahanan yang mengalami kelewatan untuk ke Amerika Syarikat dalam suatu tujuan yang penting jadi lewat ke Amerika Syarikat sehingga menyebabkan Menteri Pertahanan terpaksa mengeluarkan kenyataan rasmi menegur MAS dalam isu tersebut.

Jadi jarang kita melihat seorang Menteri keluaran kenyataan rasmi tegur agensi lain yang berada di bawah kementerian yang lain yang boleh ditegur di dalam Mesyuarat Kabinet ataupun *group WhatsApp* dan sebagainya. Jadi, saya kira ini satu isu yang serius. Jadi, kenapa tiba-tiba ia turun prestasi ini pada ketika era pentadbiran Pakatan Harapan ini. Saya ingin cadangkan supaya kerajaan lebih memperkenalkan polisi mesra OKU kepada pengguna lapangan terbang.

Hari ini kalau kita beritahu awal pada pihak *airlines* bahawa kita ada satu seorang atau dua orang OKU yang berada bersama dengan kita yang terpaksa menggunakan *wheelchair* mereka akan bekalkan *wheelchair* daripada tempat kita *check-in* sampailah ke pintu lapangan terbang. *Alhamdulillah* itu satu langkah yang baik tetapi bagaimana dengan OKU-OKU dalam kategori yang lain. Keluarga yang bawa anak yang *tantrum* sebagai contoh, anak-anak yang *autism*, anak-anak *sindrom down* dan sebagainya.

Di setengah negara mereka menyediakan perkhidmatan— ini Tuan Pengerusi.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Mas. Saya tertarik dengan isu berkaitan dengan pengangkutan awam untuk kemudahan OKU. Apa pandangan Yang Berhormat bukan sahaja dari sudut sistem penerbangan malah pengangkutan-pengangkutan awam yang lain sepatutnya menyediakan infra yang mesra OKU termasuklah untuk bas, teksi dan sebagainya dengan informasi audio yang sesuai dengan keperluan OKU. Apa pandangan Yang Berhormat supaya perkara ini menjadi satu transformasi baru dalam sistem pengangkutan dalam negara kita?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih, Yang Berhormat Rantau Panjang. Tidak lewat saya ucapkan tahniah kerana diberikan gelaran Dato' oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan memecah tradisi wanita mendapat gelaran Dato', tahniah. [*Tepuk*] Saya setuju dan masukkan sebagai ucapan Yang Berhormat Rantau Panjang di bawah ucapan saya.

Terakhir Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 003000 – Bayaran Pampasan dan Premium Tanah di bawah Kementerian Pengangkutan. Perbelanjaan sebenar tahun 2018 – RM41 juta, 2019 – RM81 juta tetapi 2020 – hanyalah RM1 juta sahaja.

Jadi, adakah dengan penurunan yang begitu mendadak ini kerajaan telah menyelesaikan hampir keseluruhan bayaran pampasan untuk tahun 2020 ini dan adakah bermakna isu-isu bayaran pampasan tanah telah selesai. Pampasan tanah melibatkan ECRL sebagai contoh 16 Jun 2019 saya baca kenyataan Menteri Pengangkutan bahawa, "*Pemilik-pemilik tanah akan diberikan pampasan sewajarnya oleh pihak kerajaan*". Jadi, adakah pampasan ini telah dibayar ataupun rancangan pelan pelaksanaan itu telah tergendala atau macam mana.

Saya sangat prihatin kepada jajaran *Sentral Spine Road* selepas Merapoh ke Gua Musang, bilakah ia akan dibina dan disempurnakan dan lebuhraya di antara Gua Musang ke Kuala Krai yang menjadi laluan maut. Gua Musang ke Kuala Krai, bilakah ia akan dibina dan dinikmati oleh rakyat Kelantan khususnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai 5 minit dari sekarang.

3.19 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud Butiran 010700 – Pengurusan Maklumat. Saya ingin bertanya pihak kementerian. Sebelum ini kita ada sebut konsep *open data*, dengan izin yang membolehkan sesiapa sahaja menggunakan maklumat yang ada bagi kita mewujudkan aplikasi-aplikasi untuk memudahkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Pertanyaan saya adakah terdapat penambahan baru termasuk penggunaan contohnya kita terapkan sekali dengan sistem *Google*. Kalau kita pergi seperti ke Negara Jepun, bila kita ingin menggunakan pergi daripada dengan izin, *Point A* ke *Point B* kita dapat tahu tren mana, tren mana yang kita boleh naik untuk sampai ke sana.

■1520

Apakah tahap penggunaan data yang ada? Kedua saya ingin menyentuh 020400 – Keselamatan Jalan Raya khusus berkenaan dengan statistik kemalangan terkini sehingga 31 hari bulan Oktober apakah status ataupun statistik kemalangan jalan raya di Semenanjung Malaysia termasuk motokar dan juga motosikal dan apakah usaha pihak kementerian untuk mengurangkan lagi angka tersebut?

Saya ingin menyentuh Butiran 030400 sekali dengan Butiran 030500 dan Butiran 030800 semua berkait dengan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB). Persoalan saya berkait dengan projek dengan izin Klang Valley Double Traking (KVDT) Fasa 1 dan Fasa 2. Kita sebelum ini difahamkan KVDT fasa 2 telah diberikan kepada syarikat DMIA LTAT pada satu angka dengan sedikit penjimatan kepada kos.

Persoalan saya adakah projek itu telah mula berjalan? Apakah status bagi projek tersebut dan bagi KVDT fasa 1 apakah maklumat terkini yang boleh Yang Berhormat Menteri sampaikan kepada Dewan yang mulia ini? Adakah masalah-masalah yang pernah bangkit sebelum ini berkait dengan kelewatan perkhidmatan tren masih berlaku? Atau adakah selesai sepenuhnya?

Tadi saya ingin ulangi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan dengan fasiliti akses *ability* terutama bagi stesen-stesen KTM mungkin di kawasan luar bandar. Apakah yang boleh diusahakan untuk memastikan stesen-stesen KTM ini mesra kepada kepelbagaian ataupun *differently able person* ataupun mereka yang mempunyai kelainan upaya bukan sahaja dari segi penglihatan akan tetapi dari segi fizikal yang terpaksa naik kerusi roda, menggunakan tongkat dan sebagainya.

Berapa banyak stesen yang perlu ditambah baik dengan prasarana seperti *lift, ramp* dan sebagainya oleh kerana bila kita sebut tentang dengan izin Transit Oriented Development (TOD) selain daripada aspek pembangunan di persekitaran hab-hab pengangkutan ini juga dalam hab-hab tersebut sama ada isu *accessibility* ataupun sama ada orang kelainan upaya dapat menggunakan fasiliti-fasiliti ini dengan baik dan sepenuhnya.

Saya ingin menyentuh Butiran 031500 – Insentif Pas Bulanan Tanpa Had My100 dan My50. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sehingga kini apakah tahap penggunaan? Berapa ramai yang telah menggunakan My100 dan My50? Adakah cadangan untuk kita luaskan lagi kepada skim-skim yang lain?

Saya ingin menyentuh Butiran 01600 – Pembelian Boling Stok KTMB khusus berkaitan dengan penggunaan dengan izin Bahasa Inggerisnya disebut *interoperability* di antara *gauge* dengan izin kalau kita lihat banyak daripada stesen ataupun penggunaan *rail* kita menggunakan meter *gauge* akan tetapi kita difahamkan contohnya ECRL menggunakan *standard* meter *gauge* dan perbezaan antara *gauge* ini *standard gauge* dan meter *gauge* tidak memungkinkan penggunaan *rolling* stok yang sama untuk dua *line* yang berbeza.

Jadi saya difahamkan ECRL sama *standard gauge* sama seperti ECRL. Adakah mungkin boleh kita pertimbangkan contohnya jajaran ECRL itu mengguna pakai sebahagian daripada landasan ERL agar kita dapat sampai ke Stesen KL Sentral sebagai contoh dan saya rasa setakat itu dahulu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Limbang, lima minit.

3.24 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 28, 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar, *rural air services*. Jadi sekarang ini kita ucapkan terima kasihlah kepada kerajaan oleh sebab dahulu saya pernah minta Limbang, Kuching *direct flight* inilah yang masa itu *we don't have enough fleet yet, now they have all the aeroplanes, now they have three times a week. Monday, Thursday and Saturday* Yang Berhormat Menteri dengan izin.

Jadi Limbang ini Yang Berhormat Menteri hendak minta satu lagi is *very popular* penerbangan lah yang *direct* ini. Murah dan dahulu memang betul kalau melalui Miri itu selalunya kurang. *You know people* pakai darat ke Miri tetapi selepas itu baru dari Miri ke Kuching dan *this direct flight* yang sejak ia dilancarkan memang menampakkan *not less than almost 50 percent or*

more all the time flight dia. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri satu lagi dalam seminggu empatlah, empat kali *so we can discuss where is the best time another – this one will be good for the MASwings and the rakyat* lah.

Keduanya ialah B. 28 12100 – Pejabat dan Bangunan Baharu untuk JPJ. JPJ Limbang ini dari dahulu sejak dia menumpang dekat bangunan *council* yang lama di Limbang Yang Berhormat Menteri dia sejak itulah dia menyewa di kedai-kedai sahaja dan *in the pervious government* dahulu dia orang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun ada pergi melawat lebih kurang *in principle* telah dipersetujui untuk mereka membuat ofis sendiri JPJ di Limbang di bandar-bandar baharu Limbang. Tanah pun sudah memang ada di *allocate* untuk ini. Jadi saya berharap *this time* JPJ tidak payahlah menumpang-menumpang dan menyewa-menyewa lagilah di bangunan-bangunan kedai ya.

Seterusnya ialah B. 28 031300 – Program ISBSF dan juga 031400 Program Transformasi Perkhidmatan Bus Henti-Henti sebagaimana yang disebut oleh Kuching juga tadi jadi saya ingin saya difahamkan ISBSF *no problem* pembayaran akan dibayar *accordingly* sekarang ini akan tetapi ISBSF saya difahamkan saya ingin hendak tahu apakah statusnya sekarang ini? Apakah oleh sebab ini adalah Kuching adalah di antara bandar raya yang diberikan servis ini untuk menyediakan *public transport* untuk bandar raya-bandar raya di Malaysia. Jadi saya berharap saya ingin hendak tahu apa statusnya rakyat juga hendak bertanya apa statusnya?

Satu lagi ialah kita hendak bertanya tentang B. 28 031700 – Penyelenggaraan Stall Port. Limbang *airport* dia boleh bawa, terima ATR *executive* jet memang boleh *landing* di sana akan tetapi saya hendak sentuh sedikit fasal bangunanlah Yang Berhormat Menteri bangunan terminal nampak hodoh sedikit banyak sudah cat terkopak kalau boleh mintalah *get allocation to maintain the building at least you know*. Seterusnya ialah *airport* Miri, jadi Limbang *very interested* pasal *airport* Miri dahulu juga pernah saya mengutarakan tentang *travellator*. Oleh sebab Miri *airport* adalah hab untuk penerbangan RAS di seluruh di utara Sarawak. *Twin otter or everything* lah semualah *Boeing* semua *in the hab* is Miri *airport*.

Masalahnya ialah orang hendak berjalan kaki di *departure lounge* itu *very far*. *It is a nightmare for OKU* yang tidak perlu *wheel chair*, ibu-ibu yang bawa anak, orang mengandung dan sebagainya kena jalan jauh jadi dari dahulu saya pernah minta diadakan *travellator*. *Travellator* ini dia bukan hendak mengajar Yang Berhormat Menteri akan tetapi ini yang kita buat dekat KLIA2. Dahulu pun banyak tidak ada *travellator*. Di Airport Miri ini *you just need* yang buat yang letak atas *the* lantai *departure lounge* yang *race* punya bukan *you* tak payah pecah lantai bangunan meja *construct* tidak payah. Jadi saya berharap ini amat berguna sekali untuk *airport* Miri. Dahulu pernah diutarakan saya berharap ini dapat di penuhi.

Seterusnya saya ingin hendak bertanya iaitu tentang bas subsidi diesel untuk bas sekolah. Saya tahu Yang Berhormat Menteri, dia orang Pengerusi Bas Sekolah Sarawak pernah jumpa Yang Berhormat Menteri tentang subsidi diesel untuk bas-bas sekolah. Saya difahamkan ia telah pun tidak wujud lagi jadi impak dia kepada pengguna bas sekolahlah *definitely*. Saya ingin hendak tahu apakah subsidi ini akan diteruskan untuk bas-bas sekolah ini di Sarawak?

Akhir sekali saya juga berminat sebagaimana rakan untuk kepentingan negara kita B. 28 010300 -Pengurusan Udara. Saya secara spesifik apakah punca-punca utama penurunan taraf penerbangan awam Malaysia ini daripada tahap satu kepada tahap dua? *Please elaborate I think we like to know. This is a Nasional matter.* Rasanya itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Limbang, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Silakan. Lima minit.

■1530

3.30 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar. Saya mengambil kesempatan ini untuk pertamanya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian kerana sejak kita menjadi kerajaan, rakyat di Pulau Pinang menikmati berbagai kemudahan. Di sini di antaranya adalah pengenalan penggunaan kad bas MY50 dan MY100. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, sesungguhnya rakyat di Pulau Pinang memang bersyukur kerana inisiatif ini telah membawa banyak kemudahan dan kesenangan terutamanya kepada rakyat yang kurang berpendapatan, di mana mereka dapat menggunakan perkhidmatan awam dengan menggunakan kad dan ini adalah sesuatu yang merupakan perkara yang harus dipuji.

Cuma saya ingin tanya sama ada terdapat cadangan daripada kementerian untuk memperluaskan lagi perkhidmatan ini ke kawasan-kawasan seperti di Barat Daya Pulau Pinang dan juga ke kawasan di Seberang Jaya. Pada masa yang sama saya juga ingin tanya, sekali lagi rakyat di Pulau Pinang juga berterima kasih di atas pengumuman bahawa kementerian akan memperkenalkan, mempertingkatkan lagi perkhidmatan feri di Pulau Pinang dengan memperkenalkan penggunaan Catamaran.

Ini adalah sesuatu yang memang akan memberangsangkan lagi kemasukan orang luar ke Pulau Pinang. Malahan rakyat di Pulau Pinang juga dapat menikmati penggunaan Catamaran. Ini adalah sesuatu yang begitu baik dan saya ingin tanya bilakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian bercadang untuk memperkenalkan perkhidmatan Catamaran supaya rakyat daripada Seberang Perai dan Pulau Pinang yang sentiasa ulang-alik tiap-tiap hari dapat menggunakan perkhidmatan ini pada masa yang akan datang.

Now, pada masa yang sama merujuk pada butiran yang sama saya berterima kasih juga bagi rakyat Pulau Pinang di atas pengumuman Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Ini adalah sesuatu yang begitu baik. Projek LRT Bayan Lepas, saya begitu berterima kasih kerana walaupun perkara ini telah dimohon berbilang kali kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu, tidak ada sebarang maklum balas diberikan walaupun Pulau Pinang merupakan di antara pulau dan di antara negeri yang memberi sumbangan yang begitu banyak kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tidak ada satu pun projek yang diumumkan, yang memberi manfaat terutamanya projek LRT. Habuk pun tidak dapat.

Akan tetapi dengan adanya kerajaan sekarang, kerajaan baru, kita lihat kerajaan telah pun mengumumkan pengenalan projek LRT di Bayan Lepas. Kita lihat juga bahawa kerja-kerja asas telah pun dimulakan dan saya ingin tanya bilakah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong, dua buah jambatan itu saya rasa kerajaan baru yang buat kan ya? Kerajaan lama tidak ada buat ya untuk Pulau Pinang. Dua buah jambatan yang ada dekat Pulau Pinang, kerajaan baru yang buat?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu respons Tuan Pengerusi. Mungkin Yang Berhormat Pontian syok sendirilah. So, saya ingin di sini tanya kepada Yang Berhormat Menteri, semua berita-berita baik ini adalah berita-berita yang begitu baik. Saya merujuk kepada butiran yang sama, sesungguhnya rakyat di Pulau Pinang begitu bertuah, berterima kasih di atas pilihan yang telah buat dalam pilihan raya yang lalu. Memang Pakatan Harapan adalah pilihan yang terbaik dan saya yakin dan percaya semua janji-janji kementerian akan ditunaikan dengan seberapa cepat yang mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelebu, silakan.

3.34 ptg.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Selalu Jelebu lepas Yang Berhormat Jelutong. Hendak betulkan apa yang Yang Berhormat Jelutong cakap. Tuan Pengerusi, saya pendekkan Tuan Pengerusi. Lima minit saya hendak sebut balik dalam Janji 8, Tuan Pengerusi ya. Memperbaiki kualiti dan liputan pengangkutan awam secara jelas dan terang disebutkan Tuan Pengerusi. Untuk pastikan kualiti perkhidmatan bas awam boleh diperbaiki, kerajaan Pakatan Harapan janji hendak pastikan...

Tuan Pengerusi: Butiran, butiran Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Berlaku pertambahan 10 ribu unit bas awam...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jelebu, butiran mana Yang Berhormat Jelebu? Butiran mana Yang Berhormat Jelebu?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong saya tidak bagi. Bagi saya habiskan. *You* boleh keluar minum teh dulu. Nanti tunggu saya dekat luar. Bertambah 10 ribu unit ya Yang Berhormat Menteri di seluruh negara dalam penggal pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Sekarang ini sudah 18 bulan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu, peringkat Jawatankuasa, butiran.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sekarang sudah 18 bulan.

Tuan Pengerusi: Mula dengan butiran.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak ada pertambahan. Sepatutnya tambah dua ribu bas tetapi belum ada tambah bas...

Tuan Pengerusi: Tidak payah jawab Yang Berhormat Menteri kalau bukan butiran.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah selepas 18 bulan ini sudah ada pertambahan seperti yang kalau kita *break up*

tiga ribu seharusnya sudah ada pertambahan. Itu yang pertama. Yang kedua Yang Berhormat Menteri, satu lagi perkara yang saya hendak sebut ialah perkara yang mengenai inisiatif yang dulu kita jalankan iaitu program myBAS. Program myBAS yang dulu dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang bertujuan untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar. Ini adalah bagi mengatasi permohonan dan permintaan hampir 70 peratus daripada masyarakat luar bandar B.40 dan 30 peratus masyarakat B.40 kawasan bandar untuk memudahkan *transportation* mereka daripada bandar ke luar bandar.

Ini kita tidak boleh nafikan dengan program yang dibuat oleh Barisan Nasional dulu, dia telah bantu banyak golongan-golongan seumpama ini dalam menyelesaikan urusan harian mereka. Cumanya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kawasan saya Parlimen Jelevu yang juga kawasan Yang Berhormat Menteri juga, kawasan DUN Chennah. Semalam Yang Berhormat Menteri, saya dapat tahu bahawa 60 daripada pemandu-pemandu myBAS ini sudah mogok bagi kawasan di Seremban iaitu Syarikat Cityliner yang mogok yang melibatkan 60 pemandu bas, yang melibatkan semua laluan yang di bawah Cityliner terganggu dalam tempoh waktu yang tertentu.

Jadi saya hendak kepada pihak kerajaan, mengapakah keadaan dan suasana ini berlaku? Bila kita tanya kepada operator bas, mereka mogok kerana pemandu-pemandu dan operator bas ini tidak dibayar elaun serta gaji sejak lapan bulan yang lalu. Saya tidak tahu betul atau tidak. Minta Yang Berhormat Menteri buat penjelasan di dalam Dewan Rakyat ini supaya perkara ini tidak berlanjutan kerana kalau perkara ini berlanjutan, ia akan mendatangkan masalah kepada masyarakat-masyarakat. Terutamanya bagi kawasan Parlimen Jelevu yang mana ini akan membuatkan timbul lagi perkara-perkara yang merumitkan masyarakat-masyarakat di luar banar.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang ditimbulkan oleh pemandu bas ialah tentang *overtime* ataupun KWSP, caruman KWSP mereka yang dipotong setiap bulan oleh majikan mereka tetapi tidak di carum dalam KWSP. Saya hendak bacakan Tuan Pengerusi, mengikut Akta KWSP 1991 dan Peraturan dan Kaedah KWSP 1991, setiap caruman bagi setiap pekerja mesti di carum pada setiap 15 hari bulan. Kalau ini benar-benar berlaku, saya mohon pihak kerajaan dan pihak kementerian supaya mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan supaya pembelaan dan juga kebajikan pekerja-pekerja ini dapat kita atasi dan juga dapat kita selesaikan dengan baik supaya tidak lagi berlaku mogok. Tidak lagi berlaku tunjuk perasaan dan sebagainya yang akhirnya akan memberi kesan kepada masyarakat dan juga orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya hendak masuk kepada Butiran 020700. Yang ini banyak sudah disebut oleh rakan-rakan tadi apabila FAA telah menurunkan penarafan kepada syarikat penerbangan kategori dua ini. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, *to make it short* ya, bahawa bila penarafan ini turun, semua kawan-kawan sudah sebut banyak perkara yang kesan daripada penurunan penarafan ini akan dirasai oleh kerajaan terutamanya bagi negara kita. Saya hendak tanya salah satu, betul tidak ya? Salah satu daripada sebab penurunan ini adalah kerana pengkajian oleh CAEM terhadap fi dan semua caj yang dikena dan

dinaikkan oleh pihak CEAM. Adakah ini merupakan salah satu daripada penyebab kepada penurunan penarafan ini?

Kalau ini berlaku Yang Berhormat Menteri, kita hendak tengok ya, Kementerian Kewangan dalam tempoh dua bulan kita hendak sambut Tahun Melawat Malaysia 2020, dalam tempoh dua bulan ini, Kementerian Kewangan kenakan cukai yang kita katakan sebagai pelepasan yang mengakibatkan penurunan pelancong ke negara kita. Kemudian pihak Kementerian Pengangkutan naikan fi ini.

Ini semua adalah merupakan penyebab kepada kekurangan pelancong luar negara masuk ke Malaysia. Saya hendak minta pihak kementerian supaya buat penjelasan. Kalau ini dijadikan sebab kepada penurunan penarafan ini, kita masih mempunyai masa untuk melakukan sebarang pembetulan dan perubahan bagi menaikkan lagi taraf yang telah kita sedia nikmati sejak 62 tahun yang lalu. Tuan Pengerusi, terima kasih.

■1540

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Ledang, tidak ada ya. Yang Berhormat Rasah? Tidak ada. Yang Berhormat Jeli, silakan.

3.40 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada empat perkara. Pertama Butiran 020300 – Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini berkaitan dengan *e-hailing*. *E-hailing* ini ada positif dan negatif. Negatifnya mungkin pemandu teksi tradisional konvensional rasa tertekan. Banyak lagi yang negatif mungkin. Akan tetapi yang positif juga ada, memberi pilihan kepada pengguna dan juga menjana peluang pekerjaan antara lain.

Persoalan saya Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan mempunyai maklumat terperinci tentang kumpulan *e-hailing* ini. Terperinci bermakna maklumat di peringkat mikro adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu kajian *sample* yang kecil mungkin 100 orang ke 200 orang untuk *interview* 100 orang ke 200 orang pemandu *e-hailing* ini Grab, mungkin MyCar dan lain-lain untuk mengetahui pendapatan mereka, harian mereka, apa masalah mereka, dia buat kerja apa sebelum itu, apa kelayakan mereka dan berapa jam mereka bekerja sebagai contohnya ya. Jadi, ini penting kerana input ataupun hal-hal berkaitan dengan pemandu *e-hailing* ini berguna untuk kerajaan termasuklah Kementerian Pengangkutan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia.

Jadi saya hendak tahu sama ada kerajaan kalau belum ada maklumat terperinci mikro tentang pemandu *e-hailing* ini bercadang untuk menjalankan kajian yang melibatkan mungkin 100 orang pemandu *e-hailing* supaya kerajaan mendapat maklumat yang lebih terperinci kerana ia mempunyai implikasi yang besar kepada negara, satu petanda tentang macam mana ekonomi negara kita dan ini boleh memberikan input yang baik untuk kerajaan.

Kedua, adalah berkaitan dengan pengangkutan udara, P.09900 ada di sini Lapangan Terbang Labuan, Kota Kinabalu, Sandakan, Sibul, Mukah dan Kuching. Seperti rakan-rakan saya

Yang Berhormat daripada Kelantan juga saya hendak tahu di mana letaknya peruntukan untuk Lapangan Terbang Pengkalan Chepa di Kota Bharu. Banyak sudah di dengar tentang laporan ini, banyak tahun. Kata di tender semula, ada khabar-khabar angin. Kita hendak tahu bila hendak dimulakan kerja-kerjanya. Apakah kaedah pembinaannya? Apakah daripada dengan izin *development budget* ataupun PFI ataupun kaedah-kaedah lain? Kenapakah ia tergendala begitu lama? Ini kerana ia merupakan satu *priority* yang tinggi, yang amat tinggi bagi penduduk Kelantan dan malah untuk Malaysia memandangkan kesesakan lalu lintas ataupun kesesakan trafik di Lapangan Pengkalan Chepa.

Ketiga Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri adalah berkaitan dengan perkara Pembangunan 00900 KTM dan hal yang berkaitan dengan KTM. Soalan saya adalah berkaitan dengan *governance*. Apabila cakap tentang kereta api ini, kita ada banyak kereta api. Kita ada Kereta Api Tanah Melayu, komuter, ERL daripada *airport*, kita ada Kereta api Pantai Timur, kita ada LRT dan MRT. Banyak kereta api. Terlalu banyak ini dari segi *governance*, adakah satu badan menyelaraskan semua kereta api ini? Adakah di bawah Kementerian Pengangkutan?

Dari segi modelnya, model pembiayaan CAPEX untuk pembangunan *rail*, landasan ini macam mana pembiayaannya, macam mana pembiayaan *operating expenditure* dengan izinnnya umpamanya MRT1. Kita sedia maklum ada subsidi bagi tambang umpamanya daripada Sungai Buloh ke Kajang. Kita difahamkan tambang RM6.30 bagi setiap penumpang tetapi ada elemen subsidi yang besar. Jadi kita hendak tahu macam mana model pembiayaan belanja pengurusan dan juga CAPEX bagi pelbagai jenis kereta api di negara kita Malaysia. Adakah perancangan untuk menyelaraskan semua ini dan apa badannya? Adakah ia di bawah satu kementerian lain ataupun di bawah Kementerian Pengangkutan?

Akhir sekali berkaitan dengan JPJ Butiran 020300. Kampung-kampung ini perlunya *outreach program* Tuan Pengerusi. Ini kerana JPJ ini pejabat tidak banyak di sesebuah negeri, kampung-kampung seperti Jeli jauh daripada – saya ada satu masyarakat Orang Asli umpamanya. Saya hendak tanya sama ada kerajaan melalui JPJ ada perancangan untuk meningkatkan program *outreach* bagi kampung-kampung terpencil menyenangkan urusan mereka hendak bayar *road tax* ataupun cukai-cukai lain yang melibatkan JPJ, hendak buat *inspection*. Apakah perancangan untuk mengadakan program ini bagi Orang Asli bukan sahaja Jeli tetapi seluruh negara dan juga kampung-kampung lain yang terpencil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.45 ptg.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada Dewan Muslimat PAS Malaysia ke Dewan yang mulia ini.*

Tuan Pengerusi: Selamat datang.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh Butiran 020100 iaitu berkaitan dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang sebelum ini dikenali dengan SPAD. Jadi, saya ingin tahu apakah transformasi yang telah dibuat hasil daripada ubah suai perubahan yang telah dibuat dari sudut agensi ini. Setakat ini apakah kejayaannya? Saya ingin tahu apakah perancangan untuk penyelesaian terhadap isu kemasukan kenderaan asing daripada sempadan.

Kalau sebelum ini cadangan kerajaan untuk mengenakan cukai VEP ini kepada kenderaan daripada Singapore, di fasal satu yang berkuat kuasa pada 1 Oktober. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapakah yang telah diambil tindakan permit yang telah diberi. Begitu juga dengan fasal dua, bilakah akan dilaksanakan yang melibatkan daripada kenderaan asing daripada Thailand. Begitu juga kenderaan asing daripada Brunei dalam fasal yang ketiga.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana perkembangannya dan apakah penyelesaian terhadap isu yang tidak berkesudahan sejak daripada zaman dulu lagi isu iaitu kemasukan kenderaan 'rodut' daripada negara Thailand yang masuk dan mengambil kesempatan untuk membawa penumpang, mengambil penumpang dan sekali gus menjejaskan pendapatan pemandu-pemandu teksi tempatan. Jadi sejauh mana perkara ini diambil tindakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 020700 berkaitan dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Sebagaimana yang ramai sebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini iaitu apabila pengkategorian pihak berkuasa CAAM ini diletakkan dalam kategori dua. Apa yang saya ingin tahu apakah perancangan pihak kementerian untuk mengembalikan kategori ini kepada tahap satu, kategori satu? Hasil daripada laporan pihak jawatankuasa yang telah dilantik oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan 33 penemuan penilaian daripada FAA ini, apakah keputusan yang telah dicapai setakat ini? Apakah sebenarnya punca-punca yang menyebabkan penarafan ini kita berada di tahap dua? Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

Saya juga ingin tahu adalah apakah transformasi yang akan dibuat oleh pihak kementerian untuk memperkasakan lagi sistem penerbangan awam kita? Ura-ura sebelum ini disebut cadangan MAS akan dijual. Sejauh mana kebenaran dakwaan ini?

Saya ingin tahu iaitu tentang banyak kali saya bawa dalam Dewan ini isu berkaitan dengan kebajikan pekerja terutama isu yang berkaitan dengan membenarkan pramugari berpakaian patuh syariah. Di bawah kementerian terutama di bawah MAS sendiri yang di bawah bidang kuasa kerajaan sendiri. Jadi, sejauh mana penguatkuasaan ini dilaksanakan. Begitu juga hidangan arak yang melibatkan pekerja-pekerja Muslim yang jelas haram dalam Islam. Jadi sejauh mana perkara ini diambil tindakan oleh pihak kementerian untuk memastikan perkara ini mencapai matlamat Islam sebagai agama Persekutuan. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat.

Seterusnya saya menyentuh Butiran 031200 berkaitan dengan penyelenggaraan sistem AWAS yang melibatkan bajet RM23 juta dalam Bajet 2020. Jadi saya ingin tahu berapakah saman setakat ini yang telah dikeluarkan dan berapakah jumlah kamera yang sedang beroperasi dalam pelaksanaan program ini. Berapakah pendapatan saman yang telah diperoleh daripada saman ini? Kalau kita lihat daripada janji dalam manifesto Pakatan Harapan untuk menghapuskan AES ini tetapi kita lihat apa yang dilaksanakan hari ini dengan AWAS yang dibuat di bawah kerajaan PH ini jauh lebih banyak jumlahnya berbanding dengan AES dulu. Jadi apakah sebenarnya – di mana sebenarnya janji yang disebutkan oleh pihak kerajaan Pakatan Harapan hari ini.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Rantau Panjang. Kalau saya boleh mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi: Kuala Terengganu.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kuala Terengganu sila.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Saya ingin bangkitkan soal saman tadi. Sekarang ini menjadi satu trend disebabkan oleh situasi ekonomi, peniaga-peniaga di jalanan yang melibatkan di simpang-simpang trafik jalan raya. Saya difahamkan dikatakan ada peraturan 1959 menyebabkan mereka ini melakukan kesalahan dan boleh disaman. Adakah kemungkinan untuk kerajaan melonggarkan sedikit perkara ini bagi membolehkan peniaga-peniaga mengambil kesempatan sedikit sebanyak? Terima kasih.

■1550

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya minta supaya ucapan Yang Berhormat Kuala Terengganu dimasukkan dalam ucapan saya untuk dijawab oleh pihak kementerian.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, iaitu berkaitan dengan Butiran 00800 – Projek Membaikpulih dan Mengukuhkan Landasan Keretapi Pantai Timur. Saya sebagai Ahli Parlimen yang berada di Pantai Timur, saya ingin tahu perkembangan tentang baik pulih kereta api ke Pantai Timur setakat ini. Saya ingin tahu juga, kenapakah landasan kereta api daripada Pasir Mas, Tumpat ke Rantau Panjang ditutup sehingga hari ini? Sedangkan ini boleh merangsang untuk kegiatan ekonomi penduduk tempatan. Jadi, apakah perkara ini dibiarkan jadi sarang tempat penagihan dan sebagainya? Seharusnya perkara ini dimanfaatkan untuk rakyat.

Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan kementerian untuk memastikan supaya kemudahan kereta api ini dapat menjadi satu pengangkutan utama terutama bagi kawasan yang pedalaman? Apakah perancangan kerajaan? Minta penjelasan.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Pengerusi, nanti hendak minta untuk Tasek Gelugor pula ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Labuan tidak ada ya. Ya, silakan. Silakan, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

3.51 ptg.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada tiga perkara iaitu pertama sekali Butiran 031500 berkenaan dengan insentif pas bulanan tanpa had. Peruntukan diberikan RM115 juta. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan tentang pelaksanaan insentif pas ini secara lebih detil iaitu pihak-pihak yang akan terlibat dan juga kesan kepada kesejahteraan rakyat di Malaysia? Satu lagi, adakah pelaksanaan insentif pas ini akan memberikan kebaikan kepada penduduk bandar sahaja ataupun penduduk luar bandar juga mendapat manfaatnya?

Kemudian, perkara yang kedua ialah— *sorry*, saya tak boleh baca ini. Muka surat 300, Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan tentang status pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang sedang dinaiktaraf sekarang. Apakah status terakhir, terkini dan bilakah jangkaan siap? Juga, sejauh manakah manfaat dia dapat dinikmati oleh pengguna lapangan terbang tersebut?

Kemudian yang akhir sekali ialah Butiran 81000 – Kajian Kemungkinan UKAS. Ini agak umum tajuk ini. Jadi, saya mohonlah pihak Menteri menjelaskan peruntukan yang diberikan sebanyak RM3,500,000 ini adalah untuk kajian kemungkinan apa yang akan dilaksanakan oleh UKAS. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sekarang giliran Yang Berhormat Baram. Dipersilakan.

3.54 ptg.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Kuching/Miri/Sibu/Mukah/Padang Terbang Bario. Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri berkenaan dengan skop kerja yang dibuat di Lapangan Terbang Bario serta jumlah peruntukan yang bakal digunakan dan juga bila projek akan mula dan bila akan siap?

Kedua, berkenaan dengan Lapangan Terbang Bario ini, saya hendak mohon penjelasan daripada pihak kementerian, sama ada kementerian ada perancangan untuk menaiktarafkan lapangan terbang ini supaya dia dapat di mana ATR ataupun pesawat yang lebih besar dapat mendarat? Sebab, pada hari ini hanya kapal terbang yang kecil-kecil yang dapat mendarat di kawasan ini. Kawasan ini adalah kawasan yang sedang membangun dan boleh kita kata menjadi tarikan pelancongan yang utama, antara tempat-tempat pelancongan yang utama. Selain daripada itu, Bario ini juga memang kalau kita hendak jalan pakai kereta dekat tempat itu, kita mengguna pakai darat, jalan cukup tidak baik seperti yang selalu saya sebut dan juga dia jauh iaitu memakan masa hampir 15 jam.

Kedua, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan Butiran 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian sebab dilaporkan dalam satu surat khabar di Sarawak baru-baru ini yang mengatakan bahawa tambang untuk kawasan-kawasan tertentu khususnya di kawasan pedalaman ini akan dinaikkan. Bahkan berita itu mengatakan bahawa tambang menaik mendadak. Kita tahu di kawasan-kawasan pedalaman ini bukan sahaja B40, bahkan mereka ini adalah golongan yang miskin. Kalau tambang itu dinaikkan, saya rasa ini akan menjadi bebanan yang besar kepada rakyat di kawasan luar bandar.

Di samping itu, kita juga tahu bahawa bukan semua pelancong ini adalah pelancong yang kaya raya. Kebiasaannya yang pergi dekat kawasan pedalaman adalah pelancong-pelancong luar yang boleh kita kata mungkin *backpack*, dengan izin Tuan Pengerusi. Tempat-tempat seperti Bario ini, ia memang adalah pusat pelancongan yang di kawasan kita memang terkenal dan ada pengusaha-pengusaha yang membuat *homestay*. Kita risau bahawa apabila subsidi perkhidmatan udara luar bandar ini ditarik, mungkin adakah pihak kementerian telah membuat kajian supaya tidak menjejaskan *homestay* orang-orang tempatan ini?

Terakhir, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan permohonan *extra flight* di kawasan-kawasan pedalaman khususnya di kawasan sayalah di Baram, sebab saya rasa kita boleh kata kita di Baram inilah yang mempunyai bilangan lapangan terbang yang terbanyak di Malaysia ini. Oleh sebab jalan yang tidak baik khususnya semasa musim perayaan dan kita ada Pesta Nukenen di Bario, apabila dipohon untuk *extra flight*, kita rasa-rasa dia lambat diproseskan. Saya mahu tahu, apa cara yang paling sesuai supaya ini dapat dipercepatkan? Sebab, apabila Pesta Nukenen diadakan, dia memang sudah ada kalender di sisi kalender *event* ini. Jadi supaya proses permohonan ini dapat dipercepatkan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Baram. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Silakan.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi, Hulu Terengganu ada tidak?

■1600

3.00 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terus pergi ke Butiran 020300. Setakat ini, apakah kerajaan mengawal selia *e-hailing* industri terutama sekali motosikal yang dijangka masuk pasaran bulan Januari. Kedua, apakah strategi pihak Kerajaan Persekutuan yang menguatkuasakan undang-undang pengangkutan jalan raya.

Seterusnya, saya mohon pihak kementerian meletakkan syarat setiap pembaharuan GDL perlu diadakan caruman SOSCO. Ini untuk mengelakkan ada sesuatu apabila berlaku kemalangan dan sebagainya tidak ada *coverage* untuk keluarga.

Seterusnya Butiran 020400. Pada pendapat Kerajaan Persekutuan, apakah strategi kementerian untuk memberi penyelesaian kepada *problem* untuk mengelakkan penggunaan pengangkutan awam. Kedua, sebagai Ahli Parlimen Padang Serai apakah rancangan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan dan membangunkan sumber luar bandar kepada bandar.

Seterusnya, saya ingin ambil perhatian tindakan saman perlu dikaji balik di mana satu kesalahan JPJ, saman dua kali iaitu pemandu pun kena saman, *owner* pun kena saman. Padahal kita lihat apabila kita tidak ada lampu, *bulb* lampu satu sahaja tidak menyala. Harga *bulb* RM1 tetapi *driver* kena bayar RM300, *owner* kena bayar RM300. RM600. Itu tidak berbaloi. Tolong buat kajian semula.

Seterusnya, adakah Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa pelabur dalam '*footpath*' boleh menggalakkan pengguna pengangkutan awam.

Seterusnya Butiran 020700. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan pembangunan industri dron di negara kita terutama sekali untuk menggalakkan inovasi dan pengembangan industri dron tempatan.

Kedua, adakah kementerian berhasrat untuk memberi insentif kepada industri dron tempatan dan antarabangsa untuk menggalakkan penubuhan *drone city* di negara kita. Ketiga, menurut aspek industri undang-undang kita, pada masa ini tidak boleh bersaing dengan kemajuan industri ini. Apakah hasrat pihak Kerajaan Persekutuan untuk memenangi isu ini?

Seterusnya Butiran 010000. Apakah rancangan untuk menaikkan taraf Airport Subang terutama sekali musim hujan yang menjadi masalah untuk menaikkan pesawat. Kedua, mohon uruskan kemudahan untuk orang-orang OKU dan juga orang berkerusi roda. Baru-baru ini, semasa saya berada di sana saya lihat seorang berkerusi roda menaiki tangga semasa musim hujan itu. Jadi satu masalah. Semua orang tidak ada orang yang hendak tolong. Saya terpaksa meletakkan payung dan tolong dia naik tangga. Itu adalah satu seksa kepada seorang yang berkerusi roda. Saya berharap kementerian akan ambil perhatian, bukan sahaja di Subang tetapi juga di Pulau Pinang.

Itu sahaja daripada saya. Saya ucapkan syabas atas pembaharuan dalam JPJ. Saya memang sokong Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri memang ada membuat satu pembaharuan tetapi ada segelintir yang suka cucuk sana, cucuk sini bagi mogok di sana sini. Akan tetapi jangan takut. Teruskan dengan tugas yang ikhlas itu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bera. Silakan.

4.04 ptg.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menurut laporan *Reuters*, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat ataupun FAA telah

menurunkan penarafan keselamatan ruang udara Malaysia serta melarang syarikat penerbangan negara itu daripada menambah penerbangan ke Amerika Syarikat.

FAA menurunkan penarafan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia ataupun CAAM sebagai pengawal selia penerbangan kategori kedua, susulan kajian semula ke atas CAAM yang dilaksanakan oleh FAA pada April 2019 yang mempunyai impak yang amat serius dari pelbagai aspek kepada Malaysia.

Penurunan ini adalah kali pertama di dalam sejarah negara kita yang memiliki taraf yang sama dengan negara Bangladesh, Ghana dan Costa Rica. Penarafan FAA ini bukan hanya mampu menghalang perkembangan penerbangan negara ke Amerika Syarikat, namun ia juga memberi kesan di seluruh dunia kerana penarafan FAA ini diiktiraf dan diguna pakai oleh hampir semua negara.

Perkara ini juga mampu memberi kesan terhadap syarikat penerbangan Malaysia MAS yang berkongsi kod bersama syarikat penerbangan lain dalam gabungan *Oneworld Alliance* yang disertai pada 2013 di mana antara 13 syarikat penerbangan yang terdapat di dalam gabungan ini, MAS adalah satu-satunya yang mempunyai penarafan kedua. Jika MAS disingkirkan dari gabungan ini, maka pendapatan MAS akan terjejas.

Seperti mana yang kita tahu pada tahun 2018 sahaja, dengan manfaat gabungan 12 syarikat penerbangan menerusi *Oneworld* mampu memberi keuntungan bagi MAS dengan jumlah direkodkan adalah seramai 540 juta orang penumpang. Sekiranya MAS disingkirkan dari gabungan tersebut, MAS dijangka akan kehilangan pendapatan kira-kira USD5 bilion setahun yang bersamaan dengan RM20.77 bilion.

Walaupun kita pernah melalui sejarah hitam iaitu kehilangan pesawat MH307, serangan MH17, namun taraf penarafan kita tidak pernah diturunkan daripada kategori satu kepada kategori dua. Jadi, soalan saya. Saya ada beberapa soalan. Apakah sebab dan alasan penurunan taraf daripada FAA ini daripada kategori satu kepada kategori dua?

Kedua, apakah kesan terkini, apakah kesan kepada Air Asia misalnya, Air Asia X yang mempunyai penerbangan ke Honolulu, di Hawaii, Amerika. Soalan seterusnya, apakah tindakan kementerian untuk memastikan kita dapat memulihkan imej kita dan kembali kepada penarafan kategori satu.

Seterusnya adalah Butiran 010400 logistik darat. Saya terpanggil untuk membangkitkan isu berkenaan pelaksanaan pemansuhan lorong tambah nilai yang serta-merta iaitu 5 November lepas membabitkan *Touch 'n Go* dan juga tanpa bayaran tunai di tol-tol. Pelaksanaan ini dianggap amat menyusahkan rakyat khususnya masyarakat luar bandar yang jarang menggunakan *Touch 'n Go* mereka dan tidak memerlukan *Touch 'n Go* yang biasanya memerlukan tunai untuk perjalanan yang tidak berkala.

Keduanya dari segi *auto reload* ataupun *reload* yang boleh dilakukan di tol-tol yang kini tidak dibenarkan lagi. Saya percaya walaupun ada sistem *Touch 'n Go* dan *eWallet*, tidak semua menggunakannya. Jadi, perkara ini menyusahkan dan saya difahamkan berlaku kesesakan lalu lintas akibat daripada dasar baru yang dikeluarkan oleh pihak kementerian ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi, saya mencadangkan Yang Berhormat, kalau boleh saya mencadangkan di setiap satu kilometer ataupun dua kilometer tidak kiralah satu setengah kilometer, sebelum tol ditunjukkan kios untuk *reload Touch 'n Go* tersebut.

Kedua, pada peringkat awal ini kerana masih lagi belum jelas dan ramai yang masih belum tahu menggunakannya saya mencadangkan supaya walaupun *Touch 'n Go* sudah tidak cukup duit, tidak cukup *fund* di dalamnya dibenarkan terus melalui *Touch 'n Go* tersebut dengan negatif kepada kad mereka dan sebelum keluar tol yang terakhir, mereka mesti *reload* di dalam perjalanan sama ada di petrol stesen dan sebagainya. Kalau ada kios tadi, di kios tersebut.

■1610

Jadi barulah tidak timbul isu beratur di tol kerana tidak boleh hendak membuat *reload* di tol-tol dan sebagainya. Akhir sekali? Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akhir sekali, Butiran 020100 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Saya hendak timbulkan isu mengenai pihak JPJ mewajibkan semua pemegang lesen GDL, PSV, *e-hailing*, PSV untuk menjalani pemeriksaan kesihatan termasuklah ujian urin dan darah sama ada untuk memohon lesen PSV, GDL yang baharu atau memperbaharui lesen bermula pada Oktober lalu yang dilihat amat tidak mampu diterima oleh pemandu-pemandu lori yang akhirnya menyebabkan mogok. Jadi, tidak betullah kalau kata ada pihak-pihak tertentu yang membuat provokasi sehingga mogok dan sebagainya.

Sebenarnya, mereka amat terkesan daripada undang-undang dan peraturan yang diperkenalkan itu. Kalau mereka didapati ada penyakit-penyakit tertentu, maka mereka tidak boleh memperbaharui lesen PSV mereka selama tiga bulan. Jadi, apa yang mereka perlu buat selama tiga bulan tersebut untuk menyara keluarga dan sebagainya?

Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri kalau kita fokus kepada pengambilan dadah, kita setuju. Oleh sebab banyak isu yang melibatkan bas ekspres, pelanggaran, kemalangan yang melibatkan bas ekspres, lori dan sebagainya, melibatkan pengaruh dadah dan sebagainya. Akan tetapi, kalau ada pesakit ada penyakit kencing manis kah, ada diabetes kah, ada jantung dan sebagainya, jadi saya harap perkara ini tidak diambil berat, bukan tidak diambil berat tetapi tidak dijadikan alasan oleh pihak JPJ untuk tidak membenarkan mereka memperbaharui lesen PSV dan sebagainya.

Saya harap Yang Berhormat Menteri, nasib pemandu lori ini kita berikan keutamaan walaupun tujuan Yang Berhormat Menteri itu baik tetapi nasib dan kebajikan pemandu-pemandu lori ini perlu diberikan perhatian. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Tampin dan kemudian Yang Berhormat Santubong.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar? Papar?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu ada Tuan Pengerusi? Hulu Terengganu?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan masukkan kemudian. Sila, Yang Berhormat Hulu Selangor.

4.12 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak berucap panjang. Cuma, hanya dua atau tiga butiran sahaja. Saya terus kepada Maksud Bekalan B.28, Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM17 juta menerusi pengumuman bahawa bermula pada 1 Januari tahun hadapan, kerajaan akan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS).

Kita sedar dasar itu amat perlu memandangkan statistik kematian kanak-kanak yang membimbangkan akibat kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun, dasar ini mungkin akan membebankan rakyat golongan B40 atau miskin. Maka, apakah perancangan kementerian dalam membantu kumpulan sasaran ini? Selain daripada itu, apakah program kesedaran baharu yang akan dilaksanakan dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat akan keselamatan jalan raya?

Kedua, Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) dengan peruntukan sebanyak RM98 juta. Hulu Selangor menyambut baik usaha kementerian memberikan insentif ini untuk tahun 2020. Ini kerana daerah Hulu Selangor merupakan luar bandar yang amat memerlukan perkhidmatan bas henti-henti untuk masyarakat bergerak. Mohon pihak kementerian dapat mengutamakan permohonan ini dan operator yang mengendalikan laluan di kawasan luar bandar bagi memastikan masyarakat di kawasan ini juga dapat bergerak ke bandar yang berdekatan.

Selain itu, sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pelancongan bagi mewujudkan perkhidmatan bas mini yang khusus untuk menghubungkan stesen tren terdekat dengan kawasan tarikan pelancongan.

Hulu Selangor mempunyai lebih daripada 20 kawasan tumpuan ekopelancongan. Namun, perkhidmatan pengangkutan di sini amat mendukacitakan. Mohon pertimbangkan daripada pihak kementerian untuk membantu memajukan ekopelancongan di kawasan Hulu Selangor. Beralih kepada Maksud Pembangunan 28, Butiran 00200 – Kajian Semula Projek Landasan *Bypass* Serendah-Pelabuhan Klang. Apakah perancangan kementerian mengenai

projek ini? Bilakah kesediaan kerajaan untuk melaksanakan projek ini? Selain itu, apakah impak positif dan negatif sekiranya projek ini dilaksanakan?

Terakhir, iaitu Butiran 60000 – Pengangkutan Awam Bandar yang mendapat peruntukan sebanyak RM25 juta tetapi mengapakah untuk luar bandar tidak ada butiran khas? Adakah pihak kementerian dapat memastikan perkhidmatan pengangkutan awam luar bandar dapat dipertingkatkan lagi? Hulu Selangor mempunyai permintaan yang tinggi bagi penggunaan pengangkutan awam khususnya di kawasan Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Namun perkhidmatan bas di kawasan ini amat kritikal. Terdapat juga permintaan untuk pihak kementerian mempertimbangkan agar dapat dibuka satu stesen KTMB di kawasan ini bagi mengurangkan kadar trafik penggunaan di stesen KTMB di Rawang.

Mohon pihak kementerian dapat menjalankan satu kajian menyeluruh bagi membantu meningkatkan fasiliti dan perkhidmatan kemudahan pengangkutan awam di daerah Hulu Selangor. Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

4.16 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 010500 – Perancangan Strategik dan Antarabangsa. Saya ingin merujuk kepada sistem e-hailing mengapakah selalu terdapat percanggahan antara Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Pengangkutan. Sebagai contoh, berkenaan dengan pelaksanaan kod AH *e-hailing* persendirian. JPJ telah menetapkan semua pemandu *e-hailing* perlu menukar kod kenderaan sendirian kepada kod AH di JPJ. Kemudian, pada bulan Mei 2019, Yang Berhormat Menteri memutuskan untuk melonggarkan syarat tidak perlu menukar kod AH.

Terbaru pula, pada bulan Oktober yang lalu, Yang Berhormat Menteri pula berkata kod AH akan didaftarkan secara automatik kepada sistem mySIKAP dan kod AH tidak akan dipaparkan dalam geran kenderaan pada masa hadapan. Tindakan *flip-flop* ini telah menyusahkan banyak pihak terutamanya pemandu-pemandu. Isu seterusnya ialah berkaitan sama ada kod AH dipapar atau tidak dalam geran ia tetap akan mempengaruhi harga kenderaan. Pembeli kenderaan tetap akan menyemak status kenderaan tersebut dengan mySIKAP. Oleh itu, apa bezanya antara dipapar atau tidak? Sedangkan, ia tetap direkodkan di dalam mySIKAP.

Saya melihat kementerian masih belum mempunyai satu polisi yang jelas untuk meregulasi sistem perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia buat masa ini. Selain itu, saya ingin mendapatkan penjelasan terperinci daripada pihak kementerian berhubung dengan tindakan saman oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) terhadap *Grab* yang dicadangkan berjumlah RM86.8 juta kerana melanggar Akta Persaingan 2010. Apakah perkembangan kes yang berkenaan? Adakah tindakan itu akan menjejaskan pemandu dan pengguna termasuk ramai di kalangan kita Ahli-ahli Parlimen?

Selain itu, ramai pengguna yang mengeluh dengan kadar dan caj yang dikenakan sekarang semakin mahal. Kemudian, Butiran 010300 – Udara. Saya ingin mendapatkan perincian daripada pihak kementerian berhubung dengan cadangan pelaksanaan *Airport Real Estate Investment Trust* (REIT). Sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 tahun lalu, sejauh mana perkembangan *airport REIT* ini dan adakah ia telah dipersetujui oleh syarikat pengendali lapangan terbang seluruh negara?

Kemudian, apakah cadangan ini berkaitan dengan rangka kerja *Regulatory Asset Base* (RAB)? Saya melihat RAB juga tidak mendapatkan *consensus* antara *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) dan pemain industri seperti AirAsia. Pada 6 November 2019, Presiden kumpulan AirAsia telah mempertikaikan rangka kerja RAB khususnya yang berkaitan dengan caj perkhidmatan penumpang, *landing fees* dan *aircraft parking fees*.

■1620

Saya mohon penjelasan isu ini daripada pihak kementerian. Lanjutan daripada isu lapangan terbang ini juga, kita telah sedia maklum bahawa terdapat masalah sistem operasi KLIA dan KLIA2 sehingga menyebabkan pelbagai masalah lain. Pihak kementerian telah memaklumkan masalah sistem yang berlaku tetapi tidak memaklumkan apakah sebenarnya masalah sistem tersebut? Berapa kos sebenar yang diperlukan untuk membaik pulih sistem? Adakah terdapat peruntukan untuk membaik pulih sistem tersebut? Sekiranya masih belum dibaiki, apakah pelan kontingensi sekiranya masalah yang sama berulang lagi?

Kemudian untuk butiran yang terakhir, saya mahu penjelasan terperinci berhubung isu pampasan AES dan juga AWAS, Butiran 031900. Pada Januari 2015, LTAT telah mengambil alih projek AES atau AWAS daripada Syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd. Syarikat ATES ini, konsesi ini telah diuruskan oleh LTAT bermula 14 Januari 2015 hingga 31 Ogos 2018. Kemudian Kerajaan Persekutuan membuat keputusan untuk mengambil alih AES daripada LTAT. Dalam satu kenyataan pada 17 Ogos 2018, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membayar RM555 juta kepada LTAT sebagai pampasan mengambil alih AES.

Persoalannya adakah pampasan tersebut telah dibayar? Mengapa dalam butiran ini terdapat peruntukan sebanyak RM200 juta untuk pampasan AES pada tahun 2019 tetapi tiada peruntukan langsung pada tahun ini? Adakah nilai pampasan yang dibayar hanya RM200 juta? Selain itu, sejak AES ini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, berapakah jumlah kutipan saman yang telah dimasukkan ke dalam dana kerajaan? Saya dapati tiada penambahan baharu kamera AWAS seperti mana disenaraikan oleh JPJ iaitu sebanyak 45 buah kamera atau lokasi.

Namun dalam Butiran 031200 – Penyelenggaraan Sistem AWAS, sejumlah RM23 juta telah diperuntukkan pada tahun 2020. Jumlah ini bermakna kos purata penyelenggaraan bagi satu kamera atau lokasi adalah sebanyak RM511 ribu walhal kos pemasangan sebuah kamera termasuk kos tanah, kabel elektrik dan infrastruktur adalah RM250 ribu sahaja. Mengapa terlalu mahal? Siapakah yang mendapat kontrak tersebut? Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin.

4.22 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tampin akan mengambil bahagian beberapa butiran dalam Belanjawan 2020.

Butiran yang pertama yang hendak disentuh dalam perbincangan ini adalah Butiran 010200. Jadi dalam perkara maritim, terdapat dua perkara yang dimasukkan di dalam Bajet 2020 ini berhubung kait dengan maritim. Persoalannya, apakah yang akan dilaksanakan dalam soal untuk mengurus keselamatan maritim sedangkan negara kita dikelilingi oleh laut dan juga kalau kita lihat soal pelabuhan-pelabuhan di negara kita dikelilingi ataupun memerlukan satu pengawasan yang baik. Apakah fokus yang menjadi keutamaan kementerian dalam memastikan persoalan maritim dapat dikendalikan dengan baik? Saya juga ingin bertanya apakah peruntukan ini akan ada kerjasama dengan pihak keselamatan ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri dalam persoalan maritim itu sendiri.

Butiran yang kedua yang saya hendak sentuh ialah soal keselamatan jalan raya yang telah dibincangkan oleh masyarakat ataupun telah berlaku dalam negara kita. Di mana soal keselamatan jalan raya ini ialah tidak dapat kita atasi dari semasa ke semasa. Malahan keselamatan jalan raya ini meningkat dari semasa ke semasa. Jadi soalnya, peruntukan yang diberikan di dalam belanjawan ini sebanyak RM17.8 juta itu, apakah ia boleh dijadikan sebagai asas untuk kita mengurangkan keselamatan ataupun meningkatkan soal kesedaran masyarakat untuk memastikan soal keselamatan jalan raya di negara kita ini dapat dikurangkan. Juga soal kematian terhadap *accident* yang berlaku dalam negara kita ini dapat dikurangkan. Apakah kesedaran yang akan dilakukan ataupun aktiviti-aktiviti kesedaran keselamatan jalan raya yang akan dilakukan oleh kementerian bagi memastikan soal keselamatan jalan raya ini dapat dihayati oleh masyarakat pada keseluruhannya.

Butiran yang seterusnya saya hendak sentuh ialah Butiran 31200 – Penyelenggaraan Sistem iaitu AWAS yang diperuntukkan RM23 juta. Apakah AWAS ini akan menjadi instrumen dalam menentukan ataupun dalam memastikan keselamatan jalan raya itu dapat dikurangkan. Berapa banyak kah kesalahan-kesalahan jalan raya ini dapat dikesan dan menjadi alat yang dapat membantu di dalam mengurangkan soal keselamatan jalan raya itu sendiri. Apakah AWAS mampu memastikan ataupun meningkatkan kesedaran masyarakat untuk memastikan bahawa penggunaan jalan raya itu dapat dilaksanakan secara lebih aman dan lebih tenteram.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah Butiran 15000 – Pembangunan Model JKJR yang diperuntukkan RM1 juta di mana peruntukan ini menurun begitu mendadak pada tahun 2019. Dengan jumlah yang kecil itu, saya ingin bertanya bagaimana ia digunakan dan bolehkah ianya memberi impak kepada pengangkutan negara? Apakah pengetahuan ataupun kesedaran yang akan ditanam dalam masyarakat untuk memastikan bahawa keselamatan jalan raya itu dapat dihayati dan dapat diamalkan oleh masyarakat.

Perkara yang seterusnya saya hendak sentuh ialah Butiran 020300 iaitu Pengangkutan Jalan. Saya ingin bertanya, bagaimanakah pengangkutan awam dapat dipertingkatkan dan bagaimana kementerian dapat memastikan bahawa pengangkutan awam menjadi pengangkutan

utama kepada masyarakat untuk mengelakkan kesesakan jalan raya di mana masyarakat kita lebih suka menggunakan kenderaan sendiri. Bagaimanakah kementerian memastikan bahawa pengangkutan awam ini dapat dipertingkatkan dan menjadi pengangkutan utama kepada masyarakat di negara kita ini sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Santubong, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Papar, kemudian Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila Yang Berhormat Santubong.

4.28 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua atau tiga perkara sahaja. Sebenarnya yang dekat di hati saya ialah berhubung dengan keselamatan jalan raya yang telah disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat dan baru pun Yang Berhormat tadi menyentuh soal keselamatan jalan raya.

Kalau kita lihat daripada sudut kematian, pembinaan dan kerosakan berlaku, keselamatan jalan raya adalah satu-satunya perkara yang mendatangkan banyak musibah di mana-mana negara termasuk negara kita. Nisbah kemalangan di jalan raya dan kematian di jalan raya masih belum dapat diturunkan. Di bawah Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya ini, saya ingin hendak bertanya dengan pihak kementerian. Apakah kajian menyeluruh yang telah dibuat daripada sudut undang-undang, sistem dan kajian-kajian, analisis- analisis jalanan dan sebagainya dan latihan-latihan yang perlu dibuat untuk memberi satu kesan yang boleh didapati daripada apa sahaja tindakan kita.

Adakah sumber kewangan RM17 juta sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat sebelum saya tadi mencukupi untuk tujuan ini kerana masalah yang kita lihat sekarang ialah keberkesanan undang-undang itu sendiri. Bahkan ada dibangkitkan tadi berhubung dengan undang-undang penyalahgunaan dadah, mabuk dan sebagainya di jalan raya. Adakah undang-undang kita pada masa sekarang mencukupi? Undang-undang yang diperkenalkan pada 1987 itu, adakah mencukupi dan perlu dilihat semula keseluruhannya? Juga sistem insurans yang pernah saya menulis kepada Perdana Menteri pada zaman-zaman dulu terus untuk melihat sistem insurans macam mana di Amerika buat, macam mana di Itali buat pada tahun 60-an, 70-an, Jepun juga menghadapi masalah yang sama.

■1630

Jadi, ia telah dapat diatasi tetapi kenapa kita masih, semenjak berpuluh tahun, belum dapat? Apakah pembaharuan yang boleh dibuat menerusi pihak, umpamanya *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* dan apakah telah dibuat oleh MIROS ini semenjak ia diwujudkan? Ini kerana MIROS ini dibuat dan dicadangkan ketika dahulu apabila *Road Safety Council* dilaksanakan.

Jadi, yang kedua, Tuan Pengerusi— saya banyak hendak menyentuh soalan *downgrading rating* tadi tetapi telah disentuh dengan baiknya oleh ramai rakan-rakan termasuk Ketua Pembangkang. Pertanyaan saya ini juga sama untuk penjelasan kepada rakyat umum

tentang apa kesannya dan apakah pembaikan yang perlu dibuat dan bilakah dimulakan supaya kita boleh mengatasi masalah *downgrading* ini.

Kedua, Tuan Pengerusi, kita mengucapkan terima kasihlah oleh sebab *upgrading* Kuching, Miri, Sibul, Mukah lapangan terbang di bandar-bandar tersebut. Akan tetapi, persoalan saya ini menjurus kepada perkara lain, Tuan Pengerusi, iaitu bahawa persoalan yang besar dibangkit oleh orang-orang Sarawak ialah berhubung dengan *the first stop*. Apabila kapal terbang datang dari luar negara datang ke Malaysia, jadi adakah kementerian ini terlibat dan kementerian manakah lagi yang terlibat dengan *offering of* lapangan terbang kepada negara-negara yang apabila kita berunding dengan negara-negara lain untuk datang ke lapangan terbang di Malaysia?

Kalau *offer* itu meminta tiga lapangan terbang dibersamakan di Malaysia, janganlah Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibul, contohnya, dibandingkan dengan Bayan Lepas, digandingkan dengan KLIA. Tentulah kita kalah. Tentulah dia orang akan pergi ke KLIA, pergi ke Bayan Lepas. Sepatutnya perbandingan kalau Kuching, Miri dan Sibul bersamalah mungkin Senai di Johor dan lapangan-lapangan terbang kecil yang lain. Bahkan KK pun kita tidak boleh banding sebab dia sudah masyhur sudah.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri melihat untuk pembangunan bersama dan kesamarataan, *the first landing rights* ke negara kita ini dapat dinikmati oleh negeri-negeri macam Kuching, Sibul dan juga Miri.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar dan diikuti oleh Yang Berhormat Tanjung Karang. Sila Yang Berhormat Papar.

4.32 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Maksud P.28, Butiran 01400 – Projek Pembaikan Keretapi Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM10.5 juta berbanding dengan RM33.59 juta tahun sebelumnya. Penurunan ini sangat mendukacitakan orang-orang Sabah kerana, seperti yang kita tahu, keadaan gerabak-gerabak dan kereta-kereta api yang ada sekarang adalah sangat-sangat ketinggalan zaman dan jauh berbeza kalau dibandingkan dengan kereta api yang ada di Semenanjung Malaysia.

Sepertimana yang kita tahu, kereta api negeri Sabah selalunya menghadapi masalah-masalah yang berkait rapat dengan jentera lokomotif yang telah uzur menyebabkan kekerapan perkhidmatan sering tergendala dan akan menyusahkan pengguna-pengguna kereta api dari Kota Kinabalu hingga ke Tenom. Kalau perkhidmatan kereta api selalu tergendala, ini bererti anak-anak sekolah, para-para petani dan pengguna-pengguna harian akan berhadapan dengan masalah. Anak-anak sekolah tidak akan dapat hadir ke sekolah, para petani tidak akan dapat memasarkan hasil pertanian mereka, pengguna-pengguna lain tidak akan dapat datang ke

pejabat dan kalau datang ke pejabat pun mesti akan lambat. Ini bererti, ramai penduduk-penduduk dari kampung-kampung di pedalaman seperti Kampung Pangi, Kampung Rayoh dan lain-lain kampung yang menggunakan kereta api akan merasa kesan kerosakan lokomotif ini.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan boleh membelanjakan berbilion ringgit untuk membangunkan sistem kereta api di Semenanjung. Jadi, tidak mustahil juga Kerajaan Persekutuan membangunkan sistem kereta api yang moden di Sabah. Dari itu, Sabah memerlukan sokongan dan dukungan kerana untuk membina jajaran kereta api daripada Kota Kinabalu ke Kudat memerlukan belanja dalam sekitar RM5.2 bilion untuk melaksanakan projek yang moden ini.

Jabatan Keretapi Negeri Sabah sedang menyiapkan syarat untuk jajaran sejauh 170 kilometer dari Kota Kinabalu ke Kudat. Tentunya satu pembaharuan yang dinanti-nantikan oleh orang-orang Sabah.

Dengan sistem yang baharu ini, dijangka Kudat dan juga Kota Marudu akan merasa faedahnya kerana kemudahan ini sangat-sangat bermanfaat untuk mengangkut hasil pertanian ke Kota Kinabalu dan juga ke daerah-daerah lain sekitarnya. Di Kudat juga akan ada pembangunan yang mampan seperti pembinaan pelabuhan yang besar kerana lokasi Kudat yang strategik dan mempunyai laut dalam sesuai untuk pelabuhan moden.

Dengan dana yang ada, saya berharap permasalahan kereta api di negeri Sabah akan dapat diatasi. Kerajaan boleh memberi geran persekutuan, pinjaman ataupun *soft loan* atau kerajaan boleh bekerjasama dengan sektor swasta untuk melancarkan program ini.

Butiran 20000 – Peningkatan Infrastruktur Rel diberikan peruntukan sebanyak RM8.5 juta di mana tahun sebelumnya hanya diberi RM5.9 juta. Ini bererti, Kerajaan Persekutuan memahami akan keadaan di negeri Sabah dan memahami juga akan permasalahan yang dihadapi oleh kereta api negeri Sabah.

Adalah diharapkan dengan dana ini, pemantauan rel kereta api dapat dibuat secara berkala dan konsisten supaya semua rel dan selipar konkrit kereta api berada di dalam keadaan stabil dan kukuh untuk mengelakkan kemalangan kereta api daripada tergelincir. Pengadang lintasan juga berfungsi dengan baik supaya tidak terjadi lagi kemalangan dengan lori-lori ataupun kereta seperti sebelumnya. Kita tidak mahu akan ada lagi kemalangan jiwa disebabkan oleh pengadang lintasan yang tidak berfungsi.

Dengan peruntukan ini juga, kerja menaik taraf dan pemuliharaan landasan kereta api dan pembaikan *culvert*, dengan izin, serta parit boleh dilaksanakan secara teratur supaya tidak akan ada lagi terjadinya banjir kilat sewaktu hujan lebat.

Saya juga berharap supaya dana yang ada ini dapatlah gerabak-gerabak lokomotif ini dibaikpulih seberapa segera kerana banyak gerabak-gerabak penumpang yang sudah berkarat di sana sini. Membaik pulih gerabak-gerabak ini sangat-sangat mendesak kerana karat sentiasa memakan besi. Pengawasan dan penyeliaan karat-karat ini sangat diperlukan. Kita berasa malu kerana ramai pelancong-pelancong yang menggunakan gerabak-gerabak ini untuk turun ke

Papar dan juga ke Tenom. Mereka senyum sinis melihat keadaan gerabak penumpang kereta api yang sudah buruk yang masih beroperasi di Sabah.

Walau bagaimanapun, kami di Sabah berharap agar dengan dana yang ada, Kerajaan Persekutuan dapat menangani keadaan ini supaya kami di Sabah dapat lokomotif moden sekurang-kurangnya sama taraf dengan yang ada di Semenanjung.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong bajet ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang, diikuti selepas itu oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, kemudian Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Masjid Tanah dan Yang Berhormat Jasin. Sila.

4.39 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 020100 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Saya tengok butiran ini, tahun 2019 kosong, tak ada bajet. Tahun 2020 ada. Sebanyak RM14,751,000. Tidak banyak tambah itu. Yang lepas ini kosong mungkin proses tukar nama *kot* daripada SPAD ke APAD. Tukar nama tetapi fungsinya itu juga. *[Disampuk]* Bila tukar SPAD ke APAD baru dapat. *[Ketawa]* Kalau pakai SPAD juga memang tak dapatlah itu. Yang Berhormat Menteri, itulah, tukar nama tapi peranannya sama juga di mana salah satu peranannya ialah mengeluarkan permit.

■ 1640

Bila sebut pasal permit ini, saya hendak sentuh iaitu permit mengenai bas carter. Kita tahu ada 428 permit bas carter yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha bas carter, namun permasalahan utama yang masih dibebani oleh pengusaha-pengusaha adalah dalam memperbaharui permit ganti kenderaan dari kelas lesen bas carter.

Kita sedia maklum bahawa, bas carter ini ditakrifkan sebagai bas yang di bawa secara keseluruhannya, khasnya bagi satu perjalanan yang bayarannya dibuat kepada pemunya oleh orang yang menyewa bas itu. Dan saya tidak boleh nafikan bahawa kadang-kadang bas carter ini Yang Berhormat Menteri, amat berguna di kawasan luar bandar macam di Tanjong Karang. Bas carter inilah, orang kampung hendak pergi melawat, budak-budak sekolah hendak pergi melawat, hendak sewa bas sekolah susah. Bas carter inilah yang orang kampung selalu gunakan.

Persoalan saya ialah, mengapa permit bas carter ini menjadi masalah? Walaupun saya difahamkan permit bas carter ini dahulu kata hendak dihapuskan permit bas carter tetapi sekarang APAD setuju untuk bagi setahun permit bas carter. Persoalannya mengapa dibagikan setahun? Mengapa bas-bas lain bas persiaran, bas sekolah, bas pelancongan kalau saya tidak silap dia bagi permit lima tahun. Boleh tidak kementerian janji bahawa bas carter ini tidak akan dihapuskan? Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai teksi. Saya kena sebut pasal teksi Yang Berhormat, saya pernah bawa teksi dan anak pepadu teksi. Yang Berhormat Pekan tahulah kalau dalam Kabinet saya selalu perjuangkan untuk teksi. Masa dahulu, masa zaman Yang Berhormat Pekan dahulu, apa juga teksi minta kita bantu, hendak beli teksi, kita beri pinjaman, MARA pun ada beri pinjaman, Bank Rakyat pun ada, hendak bagi pinjaman.

Saya pernah menjadi- menjaga teksi ini, juga kita beri pinjaman. Kita bagi macam-macam permit, permit individu pun kita bagi. Soalannya ialah, apabila kita kenalkan sistem *Grab* ini, apakah pembelaan dan kebajikan yang diberi kepada *taxi drivers* ini? Kerana kita tahu *taxi drivers* ini kebanyakannya kehidupannya ialah dalam golongan B4. Apa sumbangan? Kita dahulu sekurang-kurangnya ada jugalah bagi ganti tayar kita bagi percuma untuk tunjukkan komitmen kerajaan untuk membela nasib pemandu teksi.

Akhir sekali, saya hendak sentuh ialah mengenai AES pengangkutan jalan. Kita tahu bahawa AES mula diperkenalkan pada 12 September 2012. Mula-mula kita perkenalkan 14 kamera. Masa kita perkenalkan itu, Yang Berhormat Pokok Sena bukan main lagi demonstrasi sana-sini, bantah AES, konder sistem kita. Kalau saya tidak silap, sehingga dalam manifesto Pakatan Harapan pun ada sebut, hendak hapuskan AES ini, kalau saya tidak silap, saya tertinggal manifesto itu.

Jadi, tiba-tiba sekarang ini AES ini bukan dihapuskan, ditambah lagi. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri boleh mengaku dalam Dewan ini bahawa dasar yang dibuat oleh Barisan Nasional ini ialah dasar yang betul, dasar yang betul, dasar yang baik, dasar yang bagus dan hanya dalam manifesto sahaja untuk mengelirukan rakyat untuk fitnah Kerajaan Barisan Nasional, maka telah pun mengatakan AES ini menyusahkan rakyat, buat demonstrasi sana-sini semua dan masuk dalam manifesto.

Jadi, bagaimana? Sudahlah manifesto ini tidak boleh dilaksanakan. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri boleh mengaku dalam Dewan ini bahawa dasar kita memperkenalkan AES itu, ialah dasar yang betul, dasar yang disambung oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini. Tuduhan yang mengatakan AES itu tidak betul, adalah satu fitnah. Yang Berhormat Menteri kena mengaku fitnah.

Macam juga Yang Berhormat Menteri Pertahanan dahulu, bila kata kapal selam tidak boleh menyelam akhirnya dia mengaku rupanya sudah boleh menyelam. Jangan waktu jadi pembangkang, apa kami buat dahulu kami kerajaan semua salah, bila sudah jadi kerajaan tidak ada idea baharu, tukar nama sahaja SPAD kepada APAD, kemudian daripada kamera daripada 12 bertambah lagi.

Jadi untuk memastikan Yang Berhormat Menteri kena berani mengaku bahawa dasar kita adalah dasar yang betul...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasis Salak]: Boleh mencelah sedikit? Sebelum tamat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sila-sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berkenaan dengan permit bas pelancongan, bas carter, adakah Yang Berhormat mendengar cerita bahawa kerajaan bercadang untuk membuka kepada semua? Yang kita tahu ini adalah satu sektor untuk pengusaha-pengusaha bumiputera. Kalau sekiranya buka kepada semua saya rasa tidaklah harapan bumiputera untuk jadi pengusaha bas-bas. Ada tidak mendengar cerita ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang itu belum dengar cerita mungkin Yang Berhormat Menteri boleh. Akan tetapi betullah kalau tengok artikel 153 itu, permit ini memanglah diberi kelebihan kepada bumiputera tetapi kalau dibuka tanpa sekatan, yang itu kalau betul, memang saya tidak setuju kerana ini peluang-peluang yang harus diberikan keutamaannya kepada bumiputera. Ini bukan rasis ya Yang Berhormat Jelutong, ini saya cakap artikel 153.

Jadi, saya ucap terima kasih dan itu sahaja dan sekali lagi hendak ulang Yang Berhormat Menteri kena berani mengaku bahawa apa yang kita buat dahulu mengenai AES ini memang memberikan kebaikan kepada negara bukan seperti apa yang Yang Berhormat Pokok Sena selalu jadi ketua, menghentam kita dan juga manifesto Pakatan Harapan ini memang tidak boleh pakai. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya hendak jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu.

4.45 ptg.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran P.28, 010100 - Pentadbiran dan Kewangan, yang mana berlaku penurunan daripada RM58.6 juta kepada RM37.9 juta. Apa yang ingin saya bangkitkan sini ialah rungutan dan rintihan kakitangan JPJ berkaitan dengan elaun penguat kuasa dan juga bayaran imbuhan khidmat kewangan yang dikatakan masih mengikut kadar yang lama yang belum di *review* sejak ia mula diperkenalkan.

Kemudian saya berpindah kepada Butiran 010900 – Pembangunan. Daripada RM2.67 juta kepada RM2.63 juta. Apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di JPJ berkaitan dengan kuarters. Saya hendak tahu berapa banyak kuarters yang ada yang telah dibina oleh kementerian untuk kakitangan JPJ? Rungutan ini berlaku kepada kakitangan yang berada di kawasan-kawasan bandar yang mana dengan kos sara hidup yang tinggi telah membebankan mereka.

Saya berpindah kepada Butiran 28 020400 - Keselamatan Jalan Raya. Apa yang ingin saya nyatakan di sini berkaitan dengan aduan ataupun sungutan daripada mereka yang mempunyai motosikal yang berkuasa tinggi ataupun *superbike* yang dikatakan bahawa kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian mereka adalah disebabkan oleh tiang-tiang-*guard rail* yang ada di jalan raya tersebut. Jadi, dicadangkan supaya *guard rail* dibina satu lagi *line*, sekarang ini ada dua *line* di garis tersebut, dibina yang ketiga untuk melindungi tiang-tiang

daripada menghentak ataupun menghentam pemandu-pemandu yang kemalangan, pemandu-pemandu *superbike*.

Begitu juga sekolah-sekolah memandu yang saya rasakan bahawa kadar bayaran kepada mereka-mereka yang ingin belajar memandu agak tinggi, apakah kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk meringankan ataupun menurunkan kadar bayaran tersebut.

Kepada Bekalan 28 Butiran 031300 - Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF). Oleh sebab Hulu Terengganu kawasan luar bandar, pengangkutan awam amat diperlukan. Jadi saya berharap dengan peruntukan RM28 juta yang diberikan oleh kementerian, agar Hulu Terengganu tidak ditinggalkan kerana banyak lagi kawasan-kawasan di pedalaman contohnya di Kuala Ping, Kampung Dura, Dusun, di Manir dan sebagainya, memerlukan perkhidmatan bas henti-henti ini. Jadi, diharap kementerian dapat memberi perhatian terhadap perkara ini.

Soalan satu lagi Tuan Pengerusi iaitu Butiran P.28, 031800 - Penganjuran LIMA 2019. Saya tidak pasti sama ada ini satu kesilapan taip ataupun ia disengajakan kerana kita membincangkan tentang bajet tahun 2020 tetapi di sini dinyatakan penganjuran LIMA 2019. Jadi, pohon penjelasan daripada kementerian.

Pembangunan P.28, Butiran 13000 - Pembinaan dan Menaik taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Daripada RM100 ribu pada tahun lepas hari ini menjadi RM50 juta. Jadi apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah lapangan terbang Kuala Terengganu iaitu Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang mana saya rasa dengan umurnya yang telah agak lama banyak infra atau kemudahan yang perlu diperbaiki, *sliding door*, pintu utamanya, saya rasa sudah agak lembap sekarang, kadang terbuka, kadang tidak terbuka, jadi perlu perhatian kementerian kepada Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu.

Seterusnya saya berpindah kepada P.28, Butiran 12100 - Pejabat/Bangunan Baru, Peralatan dan Pengkomputeran JPJ. Yang mana aduan rakan-rakan di daerah Dungun terutamanya, mereka memerlukan satu pejabat JPJ di daerah Dungun kerana mereka terpaksa berurusan dengan hal JPJ ini di Kuala Terengganu ataupun di Kemaman. Jadi, perlu perhatian daripada kementerian.

■1650

Kemudian P.28, Butiran 020300 - Pengangkutan Jalan. Yang mana peningkatan daripada RM646.9 juta kepada RM659.1 juta. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah berkaitan dengan aduan ataupun mereka memohon, JPJ ini memohon agar mereka dikecualikan daripada bayar tol seperti yang dialami oleh polis dan juga bomba.

Kemudian, mereka juga mencadangkan supaya konsesi ataupun apa yang telah diberi kepada PUSPAKOM itu diperkembangkan kepada syarikat-syarikat lain agar memudahkan rakyat untuk memeriksa kenderaan-kenderaan mereka.

Kemudian, saya mahu tahu berapa banyak kah kenderaan klon yang telah disita oleh kerajaan? Satu lagi, apakah status Pasukan Tindakan Khas JPJ yang difahamkan telah ditubuhkan tetapi masih tidak berfungsi. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

4.50 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Butiran 30000 – Pembesaran dan Menaik taraf Lapangan Terbang Kuching, Miri, Sibul, Mukah dan Padang Terbang Bario. Saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Limbang berkenaan tentang *travel letter*. Ini akan memudahkan kepada pengguna OKU dan juga warga emas. Saya juga ingin mengetahui perincian naik taraf yang akan dilaksanakan untuk tahun 2020. Memandangkan antara naik taraf yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah menambah kapasiti tapak tempat letak kereta?

Saya juga ingin mengetahui, apakah cadangan pihak MAB mengenai naik taraf bangunan ataupun ruang Airport Miri dan juga saya bersetuju dengan pandangan MP daripada Sibul berkenaan tentang keadaan lapangan terbang di Sarawak di mana ruang-ruang perniagaan yang agak kosong. Saya juga ingin mengetahui apakah langkah-langkah untuk membolehkan ruang-ruang ini diguna pakai ataupun kita mengubahsuai *airport* kita lebih kepada keadaan yang lebih ceria ataupun lebih *environmental friendly* ataupun memodenkan keadaan ruang *airport*.

Saya ingin terus pergi ke Butiran 03603 – Kerja-kerja Pengerukan Kuala-kuala Sungai di Sabah dan Sarawak. Adakah peruntukan yang disediakan ini akan melibatkan pengorekan kuala sungai di Kuala Baram untuk pelabuhan Miri memandangkan permohonan tersebut berulang-ulang kali pernah disebut di dalam belanjawan yang lepas. Ini memandangkan industri perkapalan memerlukan pengorekan Kuala Sungai Miri ini bagi membantu industri perkapalan dapat berjalan dengan lebih lancar. Sekiranya industri perkapalan ini dapat diperkembangkan maka lebih ramai anak-anak Sarawak yang bekerja dalam industri perkapalan akan kembali untuk bekerja. Inilah kesannya kalau kerajaan dapat memikirkan untuk membantu pengerukan kuala sungai.

Seterusnya, saya ingin membaca Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti, dan juga Butiran 031400 – Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti. Saya ingin mengetahui apakah hasil perbincangan Menteri Pengangkutan Sarawak yang telah diadakan baru-baru ini? Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan bas elektrik sepenuhnya untuk program SBST ini? Selain itu juga, bagi program dana bantuan sementara bas henti-henti ini, saya mendapat tahu daripada pengusaha bas, ada terdapat daripada di kalangan mereka tidak menerima dana ini dalam tempoh berapa bulan.

Adakah pihak kerajaan dapat menggunakan dana bantuan sementara bas henti-henti ini untuk membantu pengusaha bas ataupun menggalakkan pengusaha bas untuk pergi ke pinggir bandar untuk menyelesaikan masalah pengangkutan pelajar-pelajar luar bandar ataupun pinggir bandar. Ini memandangkan masalah tersebut sangat serius dan juga apa salahnya jika kerajaan dapat memikirkan sesuatu yang di luar kotak untuk memberi bantuan dana kepada pengusaha bas.

Selain itu juga, kalau di Bandaraya Miri sebagai contoh, pengusaha bas tidak pergi ke hospital dan juga banyak kehadiran pelajar di kawasan pinggir bandar terutamanya di kawasan saya seperti di Bakam dan di kawasan Lambir tidak mempunyai perkhidmatan bas. Apa yang peliknya, apabila lebih banyak jalan dibina, bas-bas awam ini, tidak ada pengusaha bas-bas awam ingin menjalankan operasi mereka.

Seterusnya saya ingin terus pergi kepada Butiran 020600 – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (LPKP). Memandangkan banyak projek terutamanya projek Pan Borneo, banyak lori-lori yang membawa batu dan juga tanah masuk ke jalan raya di kawasan perumahan. Saya ingin tahu apakah tindakan LPKP Sarawak kepada pengusaha-pengusaha lori tersebut?

Selain itu juga, berkenaan tentang Butiran 030700 – *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS). Saya ingin mengetahui apakah usaha kerajaan dan juga kajian kerajaan berkenaan tentang penggunaan keselamatan dan juga kenderaan-kenderaan masa hadapan contohnya pada masa kini penggunaan *e-scooter*. Apakah bentuk keselamatan dan juga undang-undang yang telah digubal dan juga berkenaan tentang penggunaan kenderaan seperti kenderaan hidrogen. Adakah kerajaan sudah mempunyai regulasi berkenaan tentang masalah ini?

Akhir sekali berkenaan tentang keselamatan jalan raya juga- saya ingin menekankan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kadar kematian di jalan raya memandangkan saya melihat statistik yang terdapat di pihak kementerian bahawa kadar kematian ini agak konsisten di dalam julat 6,000 hingga 7,000 setiap tahun. Saya berharap agar kadar kematian di atas jalan raya ini dapat dikurangkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Bagi butiran terakhir, saya ingin menyebut Butiran 020700 berkenaan tentang isu yang berlaku pada masa kini iaitu penurunan taraf. Saya merasakan agar wajar sekiranya pihak Menteri mengadakan taklimat khusus kepada semua Yang Berhormat dan juga ini adalah cara *way forward*. Saya memuji Yang Berhormat ini kerana beliau adalah merupakan Menteri pertama yang menjemput pihak GPS di dalam taklimat mereka pada tahun lepas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan dan diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, kemudian Yang Berhormat Masjid Tanah dan kemudian Yang Berhormat Jasin...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan pun hendak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kemudian, Yang Berhormat Labuan. Silakan.

4.57 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan 28 Butiran 020000 – Perkhidmatan Pengangkutan, Butiran 020300 –

Pengangkutan Jalan, Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya dan Butiran 020500 – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah.

Apa yang saya perhatikan, kebanyakan jalan-jalan di sepanjang Tawau, Kalabakan, Sapulut menjadi mudah rosak disebabkan oleh kenderaan-kenderaan berat, kenderaan-kenderaan komersial berat seperti lori-lori balak dan angkutan sawit yang berlebihan daripada berat muatan yang dibenarkan. Penguatkuasaan langsung tidak dijalankan di jaluran jalan ini. Seperti tahun lalu, sekali lagi saya ingin memohon agar pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mengadakan satu pusat jambatan timbang di Kalabakan untuk mengawal ketidakpatuhan operator-operator pengangkutan dengan kadar segera. Kita ingin juga agar jalan-jalan kita menjadi jalan yang selamat digunakan dan kerosakan kenderaan akibat kerosakan jalan dapat dikurangkan.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 020200 – Pengangkutan Laut. Adalah menjadi masalah di Tawau, ada sebuah feri operator terminal feri di Tawau yang diberi konsesi kepada sebuah syarikat selama 30 tahun yang operasinya dijalankan dengan tidak begitu eloklah. Di mana caj-caj yang dikenakan dilaporkan melampau daripada kebiasaan. Sistem pengendalian kedatangan pelancong dari Indonesia yang menggunakan terminal ini juga harus diperbaiki. Ada laporan-laporan daripada pelancong yang mana kedatangan mereka dipersulitkan dengan harus beratur panjang dan disamakan dengan buruh-buruh asing asal Indonesia yang sama-sama tiba dengan pelancong.

Terakhir, saya ingin menyentuh Butiran 13000 – Pembangunan dan Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Lapangan Terbang Tawau juga harus di naik taraf dengan penambahbaikan kerana Lapangan Terbang Tawau dilaporkan adalah yang ketiga sibuk di Malaysia selepas KLIA dan Kota Kinabalu. Jadi, kita juga sudah menerima penerbangan daripada Brunei melalui Royal Brunei. Jadi pengurusan kargo di terminal juga harus dasingkan dengan penumpang biasa terutamanya pengeksport makanan laut yang menggunakan lapangan terbang kita.

Saya juga minta sebuah kawasan yang khusus diperuntukkan kepada pemandu-pemandu *e-hailing* yang selalu menyebabkan kesibukan di lapangan terbang. Itu sahaja terima kasih.

■1700

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Terengganu.

5.00 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim Kuala Terengganu: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala Butiran 010200 – Maritim, 020200 – Pengangkutan Laut dan 03600 – Kerja-kerja Pengerukan Kuala-kuala Sungai Kecil di Pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Saya ingin bertanya sejauh mana keberkesanan polisi kabotaj di dalam melindungi pengusaha-pengusaha kapal tempatan?

Saya bertanya kerana saya mendapat banyak rungutan daripada pengusaha-pengusaha kapal Malaysia bahawa sejak kebelakangan dua hingga tiga tahun ini didapati terlalu banyak kapal asing bukan *Malaysian Flag* terutama daripada Singapura, Indonesia, Thailand yang paling banyak daripada negara China menjalankan operasi di perairan-perairan termasuk di pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Pengeluaran *Domestic Shipping Licence* (DSL) kepada kapal-kapal asing ini seolah-olahnya terlalu mudah dikeluarkan oleh pihak kementerian. Saya amat khuatir akan keselamatan dan kerahsiaan sebahagiannya mungkin melibatkan pertahanan terdedah dengan sewenang-wenangnya kepada pengetahuan pihak-pihak luar.

Saya ingin mempersoalkan sejauh mana keberkesanan *Malaysian Shipowner's Association* (MASA) di dalam menjaga kepentingan pemilik-pemilik kapal Malaysia. Saya difahamkan ia terdedah kepada pihak-pihak tertentu di dalam persatuan berkenaan apabila seolah-olahnya dengan mudah mengeluarkan surat sokongan kepada kementerian bagi mendapatkan DSL ini- *Domestic Shipping Licence*.

Maka kerana itu saya ingin mencadangkan di atas nama ketelusan dan *accountability* serta kepentingan negara supaya dapat wakil Kementerian Pengangkutan ataupun (SPRM) diberikan jawatan *ex-officio* di dalam MASA ini untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan kedudukan di dalam isu pengeluaran surat-surat sokongan DSL ini kepada pemilik kapal asing. Ini kerana pada masa sekarang terlalu banyak di dalam keadaan ekonomi yang berlaku lebih-lebih lagi sehingga berlaku banyak penutupan syarikat-syarikat perkapalan tempatan disebabkan oleh gagal merebut peluang tempatan dalam masa yang sama syarikat-syarikat asing perkapalan asing pula sentiasa mendapat tempat.

Saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh dipertimbangkan kemungkinan satu levi khas dikenakan berdasarkan kepada *gross tonnage* ke atas semua kapal-kapal milik warga asing yang menjalankan operasi di perairan Malaysia seperti prinsip mungkin yang diguna pakai oleh kerajaan ke atas penggajian warga asing sekiranya boleh dipertimbangkan. Bukankah ini akan mendapatkan menambah pendapatan negara.

Dalam masa yang sama, saya ingin bertanya di dalam Bajet 2018 ada dana pembangunan pengangkutan sebanyak RM25 bilion. Kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri perincian daripada jumlah RM3 bilion yang berkenaan, berapakah yang telah disalurkan bagi pembangunan industri maritim? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu sekarang saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah.

5.04 ptg.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin terus pada Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTMB yang mana kita lihat bahawa peruntukannya agak turun iaitu RM1.08 bilion dan saya ingin bertanya mengapakah jadual KTM komuter yang kerap sahaja berubah dan ini telah pun mendapat

kompelin kerisauan dan keresahan daripada pengguna-pengguna komuter yang mana ia telah pun menyulitkan pengguna setiap hari yang mana kalau orang Masjid Tanah pun orang Melaka yang bekerja dekat Kuala Lumpur selalunya mereka akan menggunakan stesen komuter di Tampin.

Jadi apabila berlakunya kekerapan perubahan daripada jadual, ia menyusahkan bagi orang kebanyakan yang menggunakan kenderaan perantara daripada rumah ke stesen komuter. Saya ingin mengetahui apakah justifikasi yang digunakan apabila waktu-waktu jadual itu berubah-ubah dan sentiasa sahaja yang ditukarkan jadualnya. Saya ingin bertanya adakah dilakukan *survey* ataupun kaji selidik tentang perkara yang berlaku ataupun mengatasi perkara tersebut.

Keduanya saya ingin menyentuh 02100 iaitu APAD yang sebelum ini SPAD, *now* jadi APAD yang ada penambahan jumlah RM14.7 juta. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk perinciannya? Adakah dengan penambahan jumlah bajet itu akan bertambah cekap agensi pengangkutan darat ini? Jadi, saya ingin tanya selaras dengan dasar pengangkutan negara 2019/2030.

Seterusnya saya ingin menyentuh pada Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya. Saya lihat peruntukannya sudah menurun daripada RM19.3 juta menurun kepada RM17.8 juta. Jadi, di Melaka kita ada Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) yang begitu aktif sekali menjalankan kempen-kempen keselamatan jalan raya. Adakah ia terbabit sama dari segi pengecilan bajet untuk MKJR di negeri-negeri untuk menjalankan kempen terutama sekali memberi pengawasan ataupun memberi makluman kepada orang ramai tentang perlunya hati-hati di jalan raya.

Seterusnya saya ingin bertanya jumlah projek pembangunan untuk pengangkutan udara yang bernilai RM339.5 juta. Ada atau tidak apa-apa peruntukan yang melibatkan lapangan terbang antarabangsa sebagaimana yang telah dicadangkan oleh kerajaan negeri bagi cadangan menaik taraf fasiliti untuk *carter flight within four hours* waktu penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka?

Seterusnya saya ingin menyentuh juga tentang sebagaimana yang telah disentuh oleh rakan Ahli Parlimen berkenaan dengan FAA yang telah pun diturun tahap ke-2. Jadi, saya ingin tahu, apakah respons Yang Berhormat Menteri bersama dengan Kementerian Pelancongan yang mana kita tengok ia bagi mengatasi *damage* yang telah berlaku bagi kerosakan reputasi, kerosakan prospek ataupun pasaran terutama sekali dari segi sektor pelancongan yang melibatkan sektor pengangkutan ini.

Seterusnya saya ingin bertanyakan tentang pengangkutan awam bandar yang bernilai RM25 juta. Jadi, boleh tidak berikan terperinci dan bagaimanakah perkara-perkara yang diambil kira dari segi sektor pengangkutan awam bandar terutama sekali untuk negeri Melaka. Adakah ia termasuk dengan bandar-bandar kecil. Terima kasih itu sahaja daripada Masjid Tanah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jasin.

5.08 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya peluang. Perkara yang pertama saya terus kepada Butiran 020000 – Perkhidmatan Pengangkutan. Anggaran Tahun 2019 ialah sebanyak RM7.69 juta tetapi pada tahun 2020 ia turun kepada RM4.239 juta sahaja. Satu penurunan yang amat ketara sekali, hampir 40 peratus.

Mengapakah penurunan yang amat ketara ini sedangkan *public transport* kita memerlukan banyak perhatian. Ini kerana kita memandangkan peratusan penggunaan kenderaan awam dan kenderaan persendirian begitu tinggi kalau kita bandingkan dengan bandar raya -bandar raya lain di dunia. Jadi ini sudah menyebabkan kesesakan yang tidak dapat dikawal.

Keduanya saya pergi kepada 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Walaupun banyak kawan-kawan telah sentuh perkara ini akan tetapi ini satu perkara yang cukup serius sekali. Adalah buat pertama kali dalam sejarah penerapan keselamatan penerbangan Malaysia diturun tarafkan dan ia membawa implikasi yang cukup serius kepada syarikat penerbangan negara kita MAS yang telah mencatat kerugian pada tahun lalu. MAHB kerugian *Malaysia Airlines, Malaysia Aviation Group* yang telah menyebabkan kerugian khazanah yang telah mencatatkan pertama kali dalam sejarah rugi sebanyak RM6.3 bilion.

Jadi soalan saya, setakat manakah terjejasnya *code sharing* dengan 13 syarikat penerbangan yang lain dalam gabungan *one world alliance*, bukan sahaja daripada pendapatan dan kemungkinan kita tersingkir dari gabungan ini. Keduanya adakah ia juga akan melibatkan syarikat penerbangan *Airasia* dan ketiganya apakah langkah untuk memperbaiki keadaan?

■1710

Kita sebenarnya hari itu semasa audit dijalankan daripada bulan April, kita diberikan beberapa bulan untuk memperbaiki keadaan. Akan tetapi, kerana ketidakcekapan kepimpinan dalam CAAM telah menyebabkan apabila audit sampai, dia tidak dapat memperbaiki keadaan. Jadi kita hendak tanya, setakat manakah kerajaan berusaha untuk memperbaiki keadaan ini supaya kita dapat memperbaiki penarafan yang telah kita jatuh pada ketika ini? Langkah segera.

Seterusnya yang keempat, adakah pengerusi baharu yang dilantik, dan CEO, daripada kalangan yang mempunyai kepakaran juga pengalaman dalam bidang keselamatan penerbangan?

Kelimanya, setakat mana terjejasnya kedatangan pelancong terutamanya dalam kita menghadapi Tahun Melawat Malaysia pada tahun akan datang? Kalau saya tidak keterlaluan menyebut di sini, Kerajaan Pakatan Harapan nampaknya menghadapi pelbagai malapetaka. Bukan secara kebetulan. Kerana ini adalah kegagalan tadbir urus kita.

Saya tengok penarafan kredit PETRONAS pun diturun taraf pada bulan Jun yang lalu. Keduanya, unjuran pertumbuhan ekonomi kita telah berulang-ulang kali diturunkan semula. Ketiganya, kedudukan Malaysia dalam Indeks Bon Dunia, FTSE Russell, diletakkan dalam *watchlist* dan untuk diturunkan taraf. Keempatnya, Malaysia telah jatuh dari tempat pertama sebagai destinasi pelaburan paling menarik ke tempat ke-13 di belakang Vietnam. Selepas itu

yang akhirnya tidak ketinggalan juga, kita tengok kita punya pasaran saham kita telah diturun taraf. *Part* yang paling lama sekali suatu ketika dahulu yang telah meningkat menaik dan pada ketika ini kita dalam dunia yang paling tercorot sekali.

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 020300 – Pengangkutan Jalan. Saya hendak tanya kepada kementerian, setakat manakah laluan sutera atau *silk road*, rangkaian laluan perdagangan di seluruh Benua Asia yang menghubungkan rantau Asia Timur, Asia Selatan dan Asia Barat telah kita kenal pasti? Laluan sutera ini merujuk kepada laluan utama di darat dan juga di lautan seluruh benua-benua tersebut. Jadi, apakah sebenarnya kekangan yang kita hadapi? Setakat manakah kerjasama daripada Kerajaan Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan laluan sutera ini?

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Soalan saya, apakah cadangan terhadap Lapangan Terbang Batu Berendam yang pada ketika ini dapat digunakan banyak penerbangan-penerbangan antarabangsa dari segi naik taraf infra serta kemudahan lain untuk keselesaan awam dan- masa tidak mengizinkan, saya ada satu perkara lagi.

Saya hendak tanya tentang Butiran 020400 – Keselamatan Jalan raya. Kenapa kita lebih fokus kepada undang-undang untuk memasang *child seat* tetapi dalam masa yang sama, kita mengabaikan sasaran rakyat agar isu pemandu mabuk, *road bully* yang selalu terlibat dalam kemalangan dan juga kes langgar lari yang kurang diberi perhatian? Jadi kita hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah bentuk penguatkuasaan yang telah dirangka supaya kita dapat memastikan jalan kita selamat dan dapat digunakan oleh orang ramai?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Labuan, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Putatan dan kemudian Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

5.14 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti; Butiran 031400 – Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti; dan Butiran 031500 – Insentif Pas Bulanan Tanpa Had. Anggaran tahun 2019 kosong dan untuk tahun 2020, anggarannya adalah agak signifikan. Ini adalah sesuatu yang menjadi petanda baik bagi saya memandangkan peratus penggunaan *public transportation* di negara kita memang masih rendah dibandingkan dengan negara-negara maju.

Saya mohon perincian untuk ketiga-tiga butiran tersebut dan saya juga ingin tahu, adakah ianya akan diimplementasikan ataupun dilaksanakan ataupun dimanfaatkan di kawasan-kawasan bandar yang kecil ataupun yang *second tier* dan *third tier*? Ini memandangkan *public*

transportation terutamanya di Sabah termasuk Labuan, keadaannya memang sangat teruk dari segi kualiti dan dari segi keselamatan pun.

Jadi, saya lihat memang perlu satu program dengan bajet yang cukup besar untuk kita adakan transformasi supaya perkhidmatan *public transportation* yang menggunakan bas henti-henti terutamanya dan yang lain-lain dapat kita mempertingkatkan dengan besarnya, dengan drastik di dalam masa yang terdekat ini.

Saya perhatikan selain daripada bas henti-henti, juga *transportation* yang lain termasuklah kita punya teksi, kita punya bas sekolah dan sebagainya, umurnya agak lama dan ini adalah sesuatu yang sangat memerlukan perhatian. Saya rasa di antara sebab kenapa ia berkeadaan begitu adalah disebabkan *viability* ataupun ia tidak mempunyai keuntungan untuk mereka boleh *invest* balik untuk menjaga kualiti kenderaan dan servis mereka.

Jadi, kita perlukan subsidi sebenarnya. Kita berikan subsidi kepada *public transportation* ini supaya mereka mungkin boleh dapat *rate* yang lebih baik yang membolehkan mereka mengendalikan *transportation* dengan tahap standard yang minimum yang cukup baik dan seterusnya tambang masih dapat kita pastikan ianya adalah tambang yang boleh di-*afford* oleh orang ramai dengan memberikan subsidi terutamanya kepada mereka memerlukan.

Selain daripada itu, saya juga mahu ke Butiran 030300 – Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Saya ingin bertanya, Labuan-Kota Kinabalu, tambang adalah sangat tinggi. Ia lebih tinggi dibandingkan dengan banyak destinasi-destinasi di Sabah dan Sarawak yang mempunyai jarak yang lebih jauh. Jadi pertanyaan saya, adakah Labuan-Kota Kinabalu ini tidak diberikan subsidi ini- kalau tidak, kenapa?

Seterusnya saya ke Butiran 060000 – Pembaikan dan Pembinaan Jeti Jabatan Laut Semenanjung. Sebenarnya Labuan walaupun ia tidak berada di Semenanjung tetapi Jabatan Laut kami di sana memang disebut Jabatan Laut Semenanjung. Saya ingin bertanya mengenai rem feri yang kedua yang sudah siap dibuat dahulu tetapi sebenarnya *design*-nya ada masalah sedikit. Daripada empat feri tersebut, cuma satu feri sahaja yang boleh menggunakan sebab ia tidak cukup panjang.

Pada masa yang sama juga, kita memerlukan rem yang kedua di sebelah Menumbok pula di seberang. Ini sangat penting sebab semasa hari perayaan, banyak semasa perayaan di Malaysia ini sebenarnya memang *bottleneck*. Feri-feri ini akan perlu ditambah *trip*-nya dan itu pun selama ini masih tidak cukup kapasiti tersebut.

■1720

Jadi dengan remnya lagi tidak ada walaupun *trip* ditambah pun tak boleh jalan juga. Jadi saya harap akan ada bajet diberikan supaya ia dapat dibuat secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat dah Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang *last* sekali, Butiran 09900 – Pembangunan Lapangan Terbang Labuan, Kota Kinabalu, Sandakan. Saya cuma nak tahu apa pembangunan tersebut. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bachok, kemudian Yang Berhormat Putatan, kemudian Yang Berhormat Kuala Kangsar, kemudian Yang Berhormat Nibong Tebal...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selepas ini.

5.20 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Saya terus kepada Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Saya ingin membangkitkan apa yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan berkaitan dengan penurunan penarafan keselamatan udara di Malaysia oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat kepada CAAM. Beberapa tahun sebelum ini, para pengkaji daripada UKM pernah menerbitkan suatu dapatan yang menjelaskan bahawa CAAM diuruskan oleh mereka yang tiada pengalaman dan menerima bayaran rendah serta berisiko terjejas.

Hari ini, pendirian FAA menurunkan penarafan kategori II terhadap keselamatan udara Malaysia menggambarkan kedudukan dan kebenaran kajian tersebut. Tindakan FAA ini dibimbangkan akan turut mempengaruhi beberapa badan penerbangan lain antaranya *The European Union Aviation Safety Agency (EASA)* dan *Australian Civil Aviation Safety Authority*. Mereka sudah pasti akan mengambil langkah yang sama di samping mengenakan langkah sekatan keselamatan yang lebih ketat berhubung dengan penerbangan ke negara kita ini. Malah saya tidak menolak kemungkinan penurunan penarafan ini turut akan memberi implikasi terhadap Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020.

Justeru, saya ingin mendapatkan jawapan kementerian mengenai apakah faktor yang mendorong penurunan penarafan berkenaan. Apakah kesan jangka pendek yang akan dirasai industri penerbangan negara dan paling penting, apakah langkah kerajaan untuk menyerap sebarang kemungkinan yang mungkin merencatkan kemajuan industri penerbangan negara kita, termasuklah aktiviti pelancongan sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020.

Butiran 020400 – Keselamatan Jalan raya. Kita sedia maklum kes-kes pelanggaran pemandu mabuk sehingga menyebabkan kematian kepada pihak lain. Jumaat lalu, seorang Perunding Kewangan kakitangan CIMB Bank Cawangan Klang, Selangor telah terkorban akibat dilanggar oleh pemandu yang mabuk. Hari yang sama, terdapat kes kereta yang dipandu oleh seorang wanita mabuk telah melanggar seorang pekerja buruh kontraktor lori sampah di Anson Road, Pulau Pinang. Pada 26 Oktober 2019, seorang pekerja Majlis Bandar Pulau Pinang telah maut dilanggar seorang wanita mabuk berhampiran lampu isyarat simpang empat, Jalan Datuk Keramat, Georgetown.

Saya boleh senaraikan kes-kes kemalangan maut disebabkan oleh pemandu mabuk yang telah mengundang keresahan di kalangan masyarakat di bawah. Ironinya, saya tidak mendapati suatu ketegasan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian berkenaan hal ini. Justeru,

saya ingin mendapatkan statistik sejak Januari 2019, mereka yang telah meninggal dunia dalam kes-kes dilanggar pemandu mabuk dan berapa ramai pula yang telah mengalami kecacatan dan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh kemalangan yang dialami tersebut.

Saya juga ingin mendapatkan jawapan, apakah pihak kementerian tidak berhasrat meningkatkan hukuman yang terdapat dalam Seksyen 44, Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menetapkan hukuman denda di antara RM8000 sehingga RM20 ribu dan penjara tiga tahun hingga sepuluh tahun ketika ini. Saya fikir sudah tiba masanya, kerajaan mengkaji aspek hukuman dan undang-undang yang lebih keras terhadap kes-kes pelanggaran akibat pemandu mabuk ini termasuklah kemudahan peranti yang lebih canggih bagi mengesan pemandu yang memandu secara berbahaya akibat mabuk sebagaimana yang telah diguna pakai oleh banyak negara maju kini.

Saya juga turut ingin membangkitkan kes-kes pembuli jalan raya yang semakin menjadi-jadi bahaya dan kelihatan tidak terkawal ketika ini. Ada beberapa pandangan yang menjelaskan bahawa ianya disebabkan oleh faktor personaliti seseorang di dalam menghadapi tekanan di dalam situasi tertentu. Saya ingin mendapatkan jawapan kementerian, apakah statistik kes buli jalan raya ketika ini. Apakah solusi yang dirangka oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan kes-kes buli jalan raya yang semakin membahayakan negara ketika ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya mendapati jawapan Yang Berhormat Menteri pada 10 Julai 2019 yang menjelaskan bahawa projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu akan dilaksanakan secara tender terbuka dan kerja-kerja fizikal akan berlangsung bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2024.

Saya ingin bertanya, berapakah peruntukan dalam butiran ini yang akan disalurkan bagi projek pembesaran lapangan terbang ini dan adakah kementerian telah membuka tender? Saya juga difahamkan bahawa pembesaran lapangan terbang ini bukan sahaja berkait bagi menampung jumlah penumpang yang mencecah dua juta penumpang setiap tahun bahkan menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai salah satu lapangan terbang antarabangsa.

Justeru, saya pohon penjelasan kementerian mengenai destinasi-destinasi baharu antarabangsa bagi lapangan terbang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Putatan.

5.26 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya tidak merujuk kepada butiran tetapi kepada dasar Kementerian Pengangkutan sebagaimana yang tertera di dalam Aktiviti 3, 4 dan 5. Sekali lagi saya ingin mengutarakan rintihan pengusaha teksi limousin di *Kota Kinabalu International Airport*.

Untuk rekod, mereka ini membayar RM11 ribu setiap bulan kepada MAB dalam bentuk sewaan. Yang kedua, perlu difahamkan di sini bahawa jarak operasi mereka itu adalah terlalu dekat iaitu sekitar Bandar raya Kota Kinabalu yang tidak begitu besar berbanding dengan pengusaha teksi limousin di KLIA yang mana operasi mereka hingga ke Seremban, hingga ke Pahang. Begitu luas sekali.

Masalahnya di sini, mereka ini tidak dilindungi oleh aktiviti *Grab* yang amat menjejaskan pendapatan mereka. Penyelesaian yang ada, yang mereka utarakan kepada saya, saya dihubungi beberapa kali oleh Persatuan Pengusaha Teksi Limousin Kota Kinabalu ini, mereka pohon dilindungi kerana sering kali aktiviti mereka ini tidak dapat berjalan dengan lancar dan limousin mereka tersadai. Mereka tidak menghadapi masalah jika *Grab* ini beroperasi untuk menghantar penumpang tetapi cukuplah di situ. Jangan mengambil penumpang daripada *airport*. Para pengusaha teksi limousin Kota Kinabalu juga bersedia untuk membuat *e-hailing* jika dibenarkan, asalkan mereka itu boleh terus beroperasi dan mampu membayar sewa dan mampu beroperasi di luar bidang kuasa yang sekarang ini, *e-hailing* itu berilah kepada mereka juga.

Saya pohon agar Kementerian Pengangkutan merangka dasar untuk menyelesaikan dan meringankan masalah mereka ini. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri di dalam soal jawab yang lalu mengakui bahawa masalah yang dihadapi oleh teksi limousin di *Kota Kinabalu International Airport* ini tidak sama dengan mereka yang berada di *Kuala Lumpur International Airport*. Saya pohon. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

5.29 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTMB. Saya mohon sekali lagi Yang Berhormat Menteri supaya dipertimbangkan perkhidmatan komuter disambung hingga ke KTM Kuala Kangsar dari Utara dan juga dari Selatan. Permintaan sangat banyak untuk perkara ini.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menambahkan gerabak-gerabak ETS dan juga jadual perjalanan ditambah lagi sebab permintaannya juga tinggi di kawasan ini. Saya mohon Yang Berhormat Menteri tolong pertimbangkan secara serius.

Saya terus ke Butiran 030000 – Program Khusus, Butiran 030700 – *Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS)*.

Dalam kenyataan MIROS pada Oktober lepas, institut tersebut dengan kerjasama Program Penilaian Keselamatan Kereta Baharu Untuk Negara-negara Asia Tenggara serta JPJ telah menganjurkan Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 yang berlangsung di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia di Melaka dan difahamkan MIROS berkata program tersebut merupakan inisiatif MIROS dan ASEAN NCAP bagi menyediakan platform untuk menyebarkan dan meningkatkan pengetahuan pihak berwajib, industri dan pengguna berkenaan dengan

piawai dan teknologi keselamatan kenderaan terkini di pasaran yang boleh mengurangkan kecederaan parah di samping menyelamatkan nyawa-nyawa pengguna jalan raya.

■1730

Saya tertarik dengan pelaksanaan inisiatif tersebut dan berminat untuk tahu lebih lanjut tentang bagaimana inisiatif seperti penganjuran Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 dapat memberi pendedahan dari aspek *road safety* khususnya kepada pemilik-pemilik kenderaan persendirian dan syarikat-syarikat logistik yang memiliki kenderaan berat yang sering kali terlibat dalam kes kemalangan maut.

Ia harus bersifat mandatori Yang Berhormat Menteri dan melibatkan *point system* daripada segi pemberian lesen dan juga permit. Maknanya mereka harus hadir, kalau tidak mereka tidak diberi usaha-usaha ini. Untuk tahun 2020, adakah program sebegini akan diperluaskan penganjurannya ke seluruh negara dan berapakah peruntukan khusus untuk setiap satu penganjuran Minggu Keselamatan Kenderaan sekiranya ia diteruskan? Apakah kerja-kerja pendidikan yang akan diperhebat oleh MIROS dan bagaimanakah setiap *research* yang dijalankan oleh institusi ini dapat menyediakan solusi yang bersifat *sustainable* dan realistik dalam menambahbaikkan sistem keselamatan jalan raya dan pengangkutan darat di negara ini?

Saya terus kepada Butiran 031400 – Pusat Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti, Butiran 031500 – Insentif Pas Bulanan Tanpa Had (My100/My50). Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang konsep pelaksanaan Pusat Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti ini memandangkan peruntukannya yang cukup besar iaitu RM48 juta.

Saya juga sedia maklum bahawa pelaksanaan perkhidmatan bas henti-henti ini telah dimulakan sejak tahun 2015 dan persoalan Yang Berhormat Kuala Kangsar adalah nombor satu, berapakah jumlah negeri yang akan terlibat dalam pelaksanaan Pusat Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti ini?

Kedua, berapakah peruntukan khas untuk setiap satu perhentian atau pusat dan apakah fasiliti yang akan didirikan di setiap pusat transformasi perkhidmatan bas henti-henti?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Ketiga, jika sebelum ini syarikat pengendali dilantik oleh SPAD, siapakah yang akan melakukan pemilihan syarikat operator dan apakah kriteria-kriteria-kriteria pemilihan?

Keempat, apakah perbezaan dan keistimewaan yang ditawarkan oleh Pusat Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti ini berbanding dengan perkhidmatan myBAS yang dilaksanakan oleh SPAD sebelum ini?

Untuk insentif pas bulanan tanpa had, apakah jaminan kementerian insentif ini akan menarik lebih ramai lagi pengguna pengangkutan awam khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur dan bagaimanakah pemberian insentif ini dapat dilaksanakan secara efisien dan memastikan *only entitle recipients*, dengan izin, yang merasai manfaat insentif ini.

Saya terus ke Butiran 040000 – Menaik Taraf dan Pembangunan Sistem Kawalan, Pengurusan Trafik Udara, Komunikasi dan Radar. Saya berfikir peruntukan yang secukupnya untuk penaiktarafan sistem kawalan dan pengurusan trafik udara amat penting Yang Berhormat Menteri, untuk mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku dan fungsi serta peranan agensi seperti CAAM perlu diberi nafas baru melalui *redevelopment*, dengan izin.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan khusus untuk *Civil Aviation Authority of Malaysia* dan nyatakan perancangan untuk agensi itu, untuk tahun 2020? Apakah signifikan pengurangan peruntukan sebanyak RM84 juta lebih dan bagaimanakah pengurangan tersebut dapat memberi jaminan sistem-sistem kawalan dan pengurusan trafik udara dapat dioperasi dengan lebih sistematik dalam mengendalikan setiap aspek keselamatan udara untuk setiap pesawat sempena Tahun Melawat Malaysia? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nibong Tebal. Selepas itu, Yang Berhormat Parit Sulong dan lepas Yang Berhormat Parit Sulong. Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Marang dan Yang Berhormat Arau akan menjadi pembahas terakhir. Yang Berhormat Menteri akan menggulung pukul 5.50. Siapa lagi?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat, Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Gudang, lepas Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Gudang dan kemudian Yang Berhormat Menteri menggulung. Ya, sila.

5.34 ptg.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri ruang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini. Saya ingin memulakan dengan Butiran 020400, Keselamatan Jalan Raya.

Butiran ini walaupun ada penurunan sama dengan tiap-tiap butiran di kementerian, isu yang saya ingin bangkitkan ialah mulai daripada bulan Januari tahun depan, pihak kementerian atau kerajaan bercadang untuk mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak ataupun CRS di dalam kenderaan bagi menyelamatkan mereka daripada mengalami kecederaan serius atau kematian sekiranya berlaku kemalangan.

Kerusi ini adalah sebuah kerusi yang direka khas yang berfungsi untuk melindungi kanak-kanak di dalam kenderaan semasa berlakunya pelanggaran. Dasar ini merupakan susulan statistik yang membimbangkan apabila sebanyak 1,559 kematian dicatatkan membabitkan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dari tahun 2007 hingga 2017.

Isunya Tuan Pengerusi, bagaimana penguatkuasaan ini perlu diperincikan oleh pihak kementerian? Ada dua perkara di situ. Yang pertama, seperti denda kepada ibu bapa yang tidak *comply* ataupun tidak mengikut arahan itu. Adakah kadar denda itu akan membebaskan pihak pengguna?

Yang keduanya bagi golongan B40, mungkin pihak kementerian memikirkan suatu perancangan, mekanisme ataupun strategi yang baik untuk tangani bebanan golongan ini. Di samping itu Tuan Pengerusi, berkaitan dengan butiran ini juga, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian untuk bertanya tentang masih lagi terdapat lori-lori hantu di semua jalan lebuhraya dan begitu juga trak dan lori yang liputannya tidak sama seperti kalau kita bandingkan di negara-negara barat yang mereka tutup. Di sini dan lori masih terbuka menggunakan kain tarpan.

Mungkin pihak kementerian ada rancangan untuk tangani isu ini kerana perkara ini juga turut menjejaskan keselamatan dan gangguan pengguna-pengguna yang lain. Berikutan dengan itu juga Tuan Pengerusi, kita dapati sekarang di lebuhraya pihak berkuasa terutama sekali dalam usaha menyelenggarakan cucian lebuhraya, dia gunakan dua lori jalan serentak. Kadangkala menyebabkan *queue* lebih kurang 3-5 kilometer yang tidak dapat. Mungkin pihak jabatan boleh cari jalan untuk tangani isu ini terutama sekali semasa kesesakan masa musim-musim perayaan. Itu yang Butiran 020400.

Seterusnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Begitu juga dengan butiran yang lain. Butiran ini juga penurunan bajet yang agak ketara iaitu 32 peratus. Kita berharap yang ianya tidak membawa maksud untuk berkompromi dengan kestabilan dan keselamatan sistem pengangkutan udara. Saya berikan satu contoh, seperti pada 23 Ogos 2019, pihak MAHB memaklumkan- ini berkenaan dengan gangguan sistem di KLIA ya. Ada sedikit gangguan yang disebabkan kegagalan rangkaian.

Jadi masalah teknikal itu antaranya menyebabkan paparan maklumat penerbangan balai pelepasan dan kaunter daftar masuk bagasi terganggu. Gangguan sistem di KLIA berpunca daripada masalah sistem pelayaran KLIA sekali gus menyebabkan banyak jadual penerbangan mengalami kelewatan.

Jadi Yang Berhormat Menteri mengumumkan penubuhan suatu jawatankuasa untuk siasat isu ini iaitu siasatan isu kegagalan TAMS ataupun *Total Airport Management System* pada 26 Ogos. Saya ingin tahu, apakah status siasatan jawatankuasa ini. Apakah *findingsnya* terutamanya sekali dalam isu mencari jalan, memberitahu, memaklumkan kepada kita punca-punca sebenarnya berlaku gangguan isu sistem KLIA ini dan apakah yang akan diambil oleh pihak kerajaan supaya masalah ini tidak berulang lagi pada masa depan.

■1740

Butiran seterusnya Tuan Pengerusi ialah Butiran 60000 iaitu berkenaan dengan Pengangkutan Awam Bandar. Ada satu kajian yang dijalankan oleh seorang profesor universiti iaitu Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) yang juga seorang pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Jabatan Infrastruktur dan Geomatik Universiti Tun Hussein Onn. Beliau berkata bagi memperkasakan dan membangunkan industri rel tempatan, ini berkenaan dengan pengangkutan awam bandar Tuan Pengerusi. Untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan dalam bandar sudah tiba masanya sistem *tram* diperkenalkan dan diwujudkan oleh kerajaan.

Kajian ini berkata sistem *tram* akan menjadi pelengkap kepada pengangkutan awam sejak ada di negara ini serta mampu meningkatkan lagi mobiliti penduduk khususnya di dalam bandar dan dicadangkan sistem ini seharusnya mempunyai sistem *signaling* dan kawalan pusat operasi pergi menggunakan teknologi digital terkini. *Tram* dipercayai sistem pengangkutan yang lebih cekap dan mesra alam sekitar selain kos pembinaannya adalah 15 peratus lebih murah berbanding dengan perkhidmatan monorel.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat sila menggulung.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Tuan Pengerusi, menggulung, sedikit sahaja lagi. Tuan pengerusi, APAD memperkenalkan rancangan sistem pengangkutan *tram* di sekitar Putrajaya. Jadi, saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperkembangkan pembinaan sistem *tram* ini di bandar-bandar ataupun di kawasan-kawasan yang lain bagi mengatasi masalah ataupun memberi kemudahan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna jalan raya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong. Sila.

5.42 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 030700 – *Malaysian Institute of Road Safety Research*. Soalan saya adalah, adakah MIROS telah menjalankan kajian mengenai impak pelaksanaan pemakaian wajib *car seat* untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun? Apakah jalan penyelesaian yang telah diperkenalkan bagi membantu golongan ibu bapa yang menghadapi kesukaran untuk memenuhi tuntutan undang-undang ini?

Seterusnya soalan saya adalah adakah pihak kementerian sedar bahawa terdapat kekangan dihadapi oleh rakyat sehingga ke hari ini yang masih menjadi perdebatan warga *net*? Ada atau tidak ada kajian daripada MIROS untuk mengurangkan beban rakyat akibat daripada kekangan ini?

Butiran 020400 – Keselamatan Jalan Raya. Saya ingin bertanya selain daripada undang-undang mewajibkan pemakaian *car seat* bagi kanak-kanak bawah 12 tahun, apakah undang-undang lain yang sedang diusahakan di bawah kementerian bagi mengurangkan angka kematian yang melibatkan kemalangan jalan raya? Berbeza dengan undang-undang untuk pemandu mabuk, adakah ada undang-undang lebih tegas yang akan dilaksanakan kepada golongan ini agar dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya? Adakah pihak kementerian akan meminda undang-undang untuk pemabuk ini supaya hukuman lebih keras dikenakan kepada mereka.

Selain daripada itu, lebih 65 peratus kemalangan maut membabitkan kenderaan komersial di negara ini berlaku kerana aspek keselamatan pengangkutan itu berada di tahap yang paling rendah. Jadi, soalan saya adalah, sejauh manakah kementerian bercadang untuk

mewajibkan semua kenderaan komersial sekurang-kurangnya mendapat penilaian tiga bintang dalam ujian ASEAN NCAP bagi mengurangkan risiko kematian akibat kemalangan.

Selain itu, seperti mana yang dilaksanakan kepada kenderaan penumpang, adakah Kementerian ada mengkaji untuk mewajibkan Peraturan 94 Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Eropah bagi kenderaan komersial agar mana-mana pengeluar kenderaan yang ingin memasarkan kenderaan komersial di negara ini perlu melepasi Peraturan 94 iaitu membabitkan perlindungan pelanggaran hadapan.

Butiran 031500 – Insentif Pas Bulanan Tanpa Had. Bagi butiran ini saya ingin bertanya mengapa peruntukan untuk insentif ini telah berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun lepas. Mungkin ia butiran baru sebab saya lihat dalam dokumen jawatankuasa ini, tahun lepas peruntukan untuk insentif pas bulanan ini adalah kosong. Akan tetapi sebenarnya Menteri Kewangan ada mengumumkan RM240 juta peruntukan untuk insentif ini semasa Bajet 2019. Mungkin tahun lepas di bawah butiran lain, saya hendak minta kepastian mengenai perkara itu.

Jadi dalam waktu yang sama saya hendak bertanya mengapa berlaku penurunan sebanyak RM125 juta iaitu daripada RM240 juta hingga ke RM115 juta? Adakah Kementerian telah mengurangkan bilangan pas bulanan yang akan dikeluarkan? Ini kerana kalau dikira secara rawak, pengurangan peruntukan sebanyak RM125 juta- bermakna berlaku pengurangan jumlah pas bulanan RM100 yang dikeluarkan sebanyak 1.25 juta unit. Ini jumlah yang sangat besar dan mungkin ia akan memberi impak kepada pengguna domestik. Kesannya akan terjadi lebih ramai rakyat yang tidak akan menikmati insentif ini.

Soalan saya adalah mengapa ia dikurangkan adakah kerana unit pas bulanan tahun yang terdahulu itu tidak habis digunakan? Jadinya bagaimana? Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan ini.

Butiran 020100 – Agensi Pengangkutan Awam Darat. Ada pengumuman yang mengatakan bahawa bas mini ini dikatakan mula beroperasi sejak bulan September yang lalu. Jadi persoalan saya adalah apakah status penerimaan rakyat terhadap pengenalan semula bas mini ini? Adakah ia masih efektif diguna pakai memandangkan rakyat kini cenderung untuk penggunaan pengangkutan awam berasaskan rel. Sejauh manakah APAD melihat keberkesanan bas mini dalam memperkasakan rangkaian pengangkutan awam darat? Adakah pengenalan bas mini ini benar-benar memanfaatkan warga negara Malaysia ataupun sebaliknya memberi manfaat kepada warga negara asing.

Selain itu, saya ingin bertanya sejauh manakah Kementerian ada mengkaji dan membuat kajian untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang pintar, menawarkan banyak manfaat kepada penumpang seperti teknologi mengesan kenderaan masa sebenar yang memaklumkan pemberitahuan sekiranya berlaku peristiwa yang tidak dijangka dan juga berita perjalanan kepada penumpang secara lebih peribadi

Dalam konteks yang berbeza pula, menerusi langkah *rationalization*, pelbagai projek mega seperti *Light Rapid Transit 3*, *MRT2*, dan *East-Coast Rail Link*. Minta Kementerian menyatakan perincian, penjimatan yang dilakukan bagi memastikan aspek keselamatan

pengangkutan awam ini tidak terjejas kerana ia membabitkan jumlah penumpang yang besar. Itu sahaja persoalan-persoalan saya Tuan pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya jemput Yang Berhormat Marang. Tiada dalam Dewan. Yang Berhormat Rompin, sila.

5.47 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak, hanya beberapa perkara. Pertamanya adalah Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaiktaraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Saya difahamkan Lapangan Terbang Pulau Tioman akan dibina oleh pihak swasta. Saya juga difahamkan pihak swasta ingin mengubah kedudukan asal lapangan terbang itu, pembinaan lapangan kapal terbang tersebut.

Sebenarnya satu kajian telah dibuat dan lebih 20 tahun dahulu *design* telah dibuat, kajian alam sekitar dibuat. Saya berharap tapak Lapangan Terbang Pulau Tioman itu jika dibina oleh pihak swasta, ia mestilah menggunakan tapak yang dicadangkan oleh pihak kerajaan dahulunya. Kawasan yang dicadangkan oleh pihak swasta melibatkan banyak terkena kampung-kampung yang sedia ada dan ini menjejaskan dari segi pendapatan mereka.

Keduanya Butiran 06000. Walaupun pada tahun ini nampaknya ada diperuntukkan pembaikan dan pembinaan jeti Jabatan Laut Semenanjung, tetapi jumlahnya adalah terlalu kecil, RM15 juta berbanding berapa banyak jeti yang dipunyai oleh jabatan laut. Umpamanya di kawasan saya, jeti di Tanjung Gemok, Rompin, Pahang. Jeti di Kampung Tekek dan beberapa jeti di seluruh Pulau Tioman.

■1750

Jadi seperti Yang Berhormat Menteri tahu bahawa keadaan air masin menyebabkan – sebenarnya memerlukan banyak peruntukan *maintenance*. Kalau boleh ditambah sedikit pada tahun hadapan kerana pada tahun hadapan adalah tahun melawat Malaysia. Kita tidak mahu ada kemalangan-kemalangan berlaku disebabkan oleh kedudukan jeti-jeti ini yang tidak diselenggarakan dengan baik dan akan menjejaskan industri pelancongan negara. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Arau. Lain tak ada lagi. Sila.

5.51 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan Butiran 020700...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ucap tahniahlah- saya dulu tadi dapat- saya ucap tahniah, orang tua ini, saya sokong tak apa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau akan diberi peluang. Sila-sila Yang Berhormat Pasir Gudang teruskan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih. Saya mulakan Butiran 020700 tentang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Anggaran Belanjawan 2020 tahun hadapan berbanding tahun 2019 adalah menurun dari RM219 juta turun kepada RM149 juta.

Soalan saya ialah, kenapa berlaku penurunan itu? Berkaitan butiran ini, saya ingin bertanya tentang dua kejadian yang telah berlaku kejadian besar Yang Berhormat Menteri iaitu nahas kapal terbang Malaysia MAS iaitu MH370 dan MH17. Berkenaan dengan MH370, apakah status usaha pencarian pesawat tersebut?

Kemudian berkenaan MH17, pesawat yang ditembak jatuh di wilayah Ukraine Eropah sana, apakah status kes tersebut di Mahkamah Antarabangsa atau sebagainya? Saya harap kerajaan tidak lupa akan dua peristiwa ini untuk kita mendapatkan keadilan untuk mangsa dan juga ahli keluarga mereka.

Seterusnya saya berpindah kepada Butiran 00900 tentang Meningkatkan Keupayaan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB). Saya membaca surat khabar *The Star* hari ini 19 November muka depan yang menyiarkan gambar besar dengan berita tentang kekecohan membeli tiket KTM. Dalam berita tersebut, KTMB membuat keputusan bercadang untuk jual tiket bagi tiga bulan musim cuti ini dari Disember sampai Februari tahun depan.

Akan tetapi apa yang berlaku sistem tiket *online* atas talian milik KTM mengalami kerosakan disebut *crash* semalam 18 November dan kemudian diberitakan oleh orang ramai ada juga pergi beratur membeli tiket di KL Sentral secara manual tetapi juga menghadapi masalah terpaksa beratur dan ada yang hampa. Jadi mungkin pihak Menteri dapat membantu untuk kepada KTM ini. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, saya jemput Yang Berhormat Maran selepas itu Yang Berhormat Arau. Sila.

5.53 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membincangkan beberapa perkara tentang Kementerian Pengangkutan ini.

Pertama ialah Butiran 031300 – Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti dan juga 031400 – Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti.

Tuan Pengerusi, kemudahan dana bantuan sementara bas henti-henti merupakan salah satu inisiatif yang wujud di bawah NKRA Pengangkutan sejak 2012. Dana ini bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan bas dan juga menggalakkan rakyat untuk menggunakan bas sebagai mod pengangkutan yang berkesan. Melalui penyediaan dana ini, operasi bas henti-henti dalam laluan tertentu dapat diteruskan sekali gus dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan bas sedia ada walaupun mungkin tidak mendatangkan keuntungan yang besar, tetapi perkhidmatan bas henti-henti ini memberikan faedah dan juga sumbangan kepada pengguna-pengguna terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Sehingga Julai 2019, sebanyak 52 pengendali bas henti-henti menerima kemudahan dana sokongan sementara ini. Sejak diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga 2018, tabung ini atau dana ini membelanjakan peruntukan sebanyak RM785.3 juta bagi memberi bantuan kepada pengendali yang terlibat. Inilah di antara pengorbanan kerajaan mengeluarkan peruntukan bagi rakyat jelata.

Saya ingin bertanya, apakah usaha kementerian dalam memperincikan lagi pemberian dana supaya rangkaian bagi perkhidmatan bas henti-henti dapat diperluaskan dan lebih ramai penerima dapat manfaat dana ini? Apakah langkah-langkah strategik kementerian dalam membantu pengusaha dan pengendali bas henti-henti yang telah menamatkan perkhidmatan mereka disebabkan kerugian sedangkan perkhidmatan bas henti-henti ini amat diperlukan oleh pengguna-pengguna di kawasan-kawasan di mana perkhidmatan ini dulu beroperasi.

Adakah terdapat sebarang usaha sama kementerian dengan Kementerian Pendidikan dan pengendali bas henti-henti ini kerana penggunaan bas ini juga melibatkan pelajar-pelajar sekolah bagi laluan sekolah dan kebanyakan penumpang pelajar seperti mana saya sebutkan tadi dan mereka dapat menerima insentif daripada kerajaan sekali gus dapat mengurangkan kadar tambang mereka bagi golongan pelajar dan bantu ibu bapa yang miskin.

Perkara kedua ialah Butiran 00800 – Projek Membaik Pulih dan Mengukuhkan Landasan Keretapi Pantai Timur. Tadi disebutkan juga oleh Yang Berhormat daripada Sabah bahawa keadaan landasan kereta api dan perkhidmatan kereta api di Sabah amat menyedihkan. Beberapa tahun lepas Yang Berhormat Menteri, saya mengadakan trip melalui stesen kereta api daripada Pantai Timur daripada Mentakab sehingga ke Batu Pahat. Batu Pahat ada kereta api ya lebih kurang tujuh stesen saya berhenti. Bertemu dengan pengusaha atau operator di stesen itu. Saya dapati banyak stesen-stesen ini masih tidak memuaskan.

Oleh sebab itulah saya minta berilah perhatian kepada perkhidmatan ini kerana perkhidmatan yang cukup lama dan memberikan faedah kepada masyarakat terutama di sepanjang jalan di Pantai Timur dan juga kawasan-kawasan yang lain.

Persoalan saya ingin bertanya kepada Menteri, perkhidmatan kereta api merupakan perkhidmatan yang tradisi dahulu lagi. Apakah perkhidmatan ini masih lagi menghadapi kerugian ataupun telah memperoleh keuntungan? Ini kerana saya telah difahamkan telah lama kerugian telah dialami oleh perkhidmatan kereta api ini, tetapi oleh sebab kepentingan rakyat ia masih diteruskan. Apakah perancangan kerajaan bagi memastikan perkhidmatan ini diteruskan untuk pada masa akan datang?

Berikut yang terakhir Tuan Pengerusi, ialah Butiran 13000 – Pembinaan dan Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang. Kemajuan dan penarikan pelancong di semua lapangan terbang di seluruh negara adalah berfaedah bukan sahaja kepada negeri di mana lapangan terbang itu dibina bahkan kepada negara. Apakah kerajaan membuat kajian mana di antara lapangan terbang yang ada di negara kita ini membuahkan hasil yang tinggi, menambahkan pendapatan terutamanya kehadiran pelancong dan sebagainya. Mana lapangan terbang yang

kalau boleh saya hendak semua disenaraikan secara *priority* mana lapangan terbang yang terendah pulangnya kepada negara.

Saya juga ingin tahu apakah kerajaan bercadang untuk meningkat dan menambah baik dan menaik taraf Lapangan Terbang Kuantan? Apakah sebabnya sebahagian daripada lapangan terbang ini mendapat sambutan yang menarik? Apakah faktor dalaman di negeri-negeri berkenaan ataupun perkara-perkara lain yang menyebabkan sebahagian lapangan terbang maju dan sebagainya tidak menarik pelancong-pelancong dan pengguna-pengguna. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, boleh bagi saya...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Arau untuk menutup tirai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, satu permintaan dengan izin, sebelum Yang Berhormat Arau. Hari ini sudah pukul 6, malam ini kita ada pertandingan bola sepak Malaysia lawan Indonesia. Jadi saya pun hendak pergi memberi sokongan. Bolehkah kita percepatkan atau memberi peluang untuk tayangan langsung. Kita juga penyokong hendak pergi sama-sama menyokong Malaysia hari ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya kagum dengan semangat patriotik Yang Berhormat Jelutong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagaimanapun, urusan Dewan sentiasa diberikan keutamaan. Hendak tengok bola ikutilah siaran langsung Radio TV Malaysia.

Sila Yang Berhormat Arau.

5.59 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingat boleh buat siaran langsung daripada sini Yang Berhormat. Sebagai bekas Presiden Bola Sepak dengan cemerlangnya terlebih dahulu memenangi Piala Malaysia, jadi saya menyokong Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila. Ya, sekarang bukan masa untuk iklan sila Yang Berhormat Arau. Tinggal masa 4 minit 30 saat.

■1800

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, memang saya adil kepada semua, 5 minit kena berhenti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak bercakap lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jika hendak buat masa iklan, itu terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, tidak payahlah, sudahlah kita hendak tengok bola sama-sama, tidak payah bahaslah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila. Jika tiada perbincangan, sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar Yang Berhormat Menteri gulunglah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya akan bercakap lima minit dan saya merupakan di antara orang yang termalanglah di akhir-akhir ini. Apabila tiap-tiap kali diberi penghabis lima minit- padahal saya hantar nama yang terawal. Akan tetapi mungkin sebab dia ingat saya selalu berucap, jadi nama saya ditinggalkan. Tidak apa, saya sering ditinggalkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu terpulang kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Malah kononnya ada perjumpaan semalam pun dikaitkan nama saya, begitulah seterusnya [Ketawa] Apa yang saya hendak bercakap ini cuma sedikit sahaja.

Oleh sebab Yang Berhormat Menteri kawan saya ini, saya hendak beritahu iaitu berhubung dengan Butiran 020100, kemudian Butiran 020300 – Pengangkutan Jalan dan Butiran 020400 iaitu berhubung dengan pengangkutan jalan dan juga perkhidmatan awam.

Yang Berhormat, kita boleh memperkenalkan macam-macam tetapi bagaimana mengubah minda rakyat supaya rakyat tertarik untuk perkara-perkara tersebut? Saya ambil contoh sebab Yang Berhormat Jelutong tidak pernah pergi duduk di sana, saya duduk di sana dua tahun setengah di Holland, Belanda. Sekarang penduduknya 17 juta, negerinya lebih kurang sebesar negeri Pahang tetapi pengangkutan awamnya adalah di antara yang terbaik. Malah kalau kita di sini ada tempat *parking* kereta bertingkat-tingkat, di sana tempat *parking* basikal bertingkat-tingkat.

Orang di sana, orang Belanda dia seronok menggunakan perkhidmatan awam, semua orang. Menteri pakai perkhidmatan awam, Perdana Menteri naik basikal. Kalau mereka tidak menggunakan perkhidmatan awam, mereka akan naik basikal. Itu sebabnya ia adalah antara negara yang paling banyak basikal di dunia. Mereka juga suka membela anjing. Penduduknya 17 juta, anjingnya *double*- 34 juta...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Betul kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi hendak menunjukkan bahawa rakyatnya menghargai perkhidmatan awam.

Jadi bagaimana kita hendak berkempen supaya rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan awam supaya Perdana Menteri, supaya Menteri-menteri, supaya bakal setiausaha agung juga...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan jadi batu api.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Bakal- apa itu, hendak kena berlawan dengan inilah, Menteri Pengangkutan. Akan tetapi pakai perkhidmatan awam, tujuannya kita kempen...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau, semalam pergi mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita Menteri kempen fasal- semalam? Ada apa semalam? [Ketawa]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: / nampak kereta *you* tau Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau nama saya tidak ada...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau akan jual kereta, esok datang Parlimen naik basikal.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Masukkan nama saya tetapi kalau gambar saya tidak ada dalam perjumpaan semalam, masukkan juga gambar saya, tidak ada masalah. Apa salah perjumpaan? Saya jumpa dengan Menteri, Menteri jumpa dengan Ahli Parlimen di beberapa hotel, tidak ada masalah. Saya jumpa dengan Yang Amat Berhormat Langkawi...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau, ambil jawatan apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Parit Sulong jumpa dengan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Kemudian Yang Berhormat Rembau jumpa dengan...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau, apa jawatan yang anda pohon?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Jadi apa masalah? Mereka berbincang. Mungkin- tetapi kalau soal politik kena bincang melalui presiden-presiden kamilah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau bersubahat untuk jatuhkan kerajaan kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya? Tarik balik perkataan ini sebab apa ini...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat Arau, masa tinggal satu minit lebih lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Perbuatan ini adalah perkataan menderhaka- derhaka kan kerajaan.

Jadi sekarang ini bagaimana kita hendak kempen supaya rakyat tertarik menggunakan perkhidmatan awam?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, esok naik basikal ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Jadi untuk tujuan tersebut- kenapa saya diganggu Tuan Pengerusi? Saya hendak bercakap [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, sila, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi mengganggu saya, macam mana saya hendak bercakap? Biar saya bercakap, kalau tidak macam mana saya hendak bercakap?

Saya hendak supaya satu kempen habis-habisan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan awam. Akan tetapi kalau Menteri berkempen, Perdana Menteri berkempen, kita berkempen tetapi kita sendiri menggunakan kereta sendiri- dengan penuh kehebatan dan kesombongan, bagaimana rakyat hendak ikut? Ini kita kempen untuk rakyat tetapi kita sendiri kena kempen untuk kita.

Kita bina LRT *mai* ke Parlimen, kita semua naik LRT. Kenapa mesti datang naik kereta persendirian? Jadi kalau kita hendak rakyat ikut kita, kita mesti menjadi contoh teladan yang baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah habis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Belum habis lagi, ada masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa, *no problem*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau boleh nasihatkan Yang Berhormat Pekan tidak yang dahulu beli kapal *Equanimity* untuk diguna, untuk belayar dan sebagainya. Kenapa beliau tidak ikut dahulu Yang Berhormat Arau? Boleh beri penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengok Tuan Pengerusi dia senyum, dia tidak tegur [*Ketawa*] Dia tidak tegur. Hendak guna kapal di Parlimen, otak tidak pakai kah Yang Berhormat Jelutong? Otak ini otak selut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Parlimen- boleh pakai kapal di sini kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanya, kenapa Yang Berhormat di sebelah sana selalu menggunakan kemewahan, menggunakan kapal dan sebagainya, membeli kapal layar dan sebagainya. Boleh beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini saya hendak beritahu bahawa kita kempen, kita mesti laksanakan. Kita tidak boleh kempen, lepas itu kita buat yang lain.

Jadi saya tahu tujuan mereka nak menghabiskan masa saya, *there is no way*. Kalau saya hendak berhenti, saya berhenti. Kalau saya tidak hendak berhenti, saya tidak hendak berhenti. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Tuan Pengerusi bahawa kita kena kempen untuk mengubah minda rakyat Malaysia supaya menggunakan pengangkutan awam.

Kemudian yang keduanya...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bermula daripada Yang Berhormat Arau sendiri esok.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Jelutong, kenapa kita beli- bermewah-mewah? Saya hendak tanya, berapa orang beli kereta bermewah-mewah? Saya hendak tanya sekarang ini juga pihak kerajaan juga, pihak yang bakal hendak jadi kerajaan juga, pakai *private jet*, saya tahu. Ada pihak yang pakai dua *private jet*, saya tahu, saya ada rekod semua. Jadi jangan cuba mengungkit benda-benda macam ini, jangan cuba jolok sarang tebuhan, nanti kamu tergigit dengan teruknya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau adalah sarang tebuhan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dan kepada Menteri, saya hendak tanya akhir sekali ialah berhubung dengan hari Khamis ini, hari Rabu ini ada kereta terbang akan terbang. Apakah bentuk lesen yang akan dikeluarkan oleh pihak penerbangan awam? Jadi saya tengok, dia sebut kereta terbang tetapi yang telah di *viral* kan ialah macam bentuk dron. Jadi apa bentuk lesen yang akan dikeluarkan?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Apakah mereka ini ambil insurans? Apakah kerajaan akan bertanggungjawab kalau sekiranya berlaku apa-apa kecederaan dan sebagainya dan berlaku pilihan raya kecil. Jadi dijemput terlampau ramai orang pergi. Tuan Pengerusi dijemput, ramai orang pergi. Apakah telah pun dibuat ujian dan dibenarkan untuk terbang dan sebagainya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya ucap terima kasih. Tuan Pengerusi, saya telah diganggu oleh Tuan Pengerusi tadi. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih. Saya menghormati masa sebagai Ahli Parlimen yang paling bertanggungjawab dalam dunia. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: *[Menyampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, kelmarin ada cium tangan kah Yang Berhormat Arau? Malam tadi ada cium tangan tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 44 orang Ahli Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bakal presiden UMNO.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Telah mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini apa ini? Apa dia cerita ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Kementerian Pengangkutan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia cerita....

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menjawab. Masa diperuntukkan 60 minit. Sila Yang Berhormat.

6.07 ptg.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada 44 seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan. Memang saya mengalu-alukan minat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ramai yang berminat pada hari ini terhadap Kementerian Pengangkutan.

Dalam tempoh masa 60 minit ini mungkin saya tidak dapat menjawab satu-persatu semua soalan yang dibangkitkan sebab ramai yang membangkitkan perkara-perkara spesifik, soalan-soalan tertentu tetapi saya janji bahawa segala yang telah dibangkitkan tadi ataupun ditanya tadi akan diberikan jawapan. Kalau tidak sempat dalam bentuk lisan, akan diberikan secara bertulis oleh pihak Kementerian Pengangkutan.

Namun begitu, saya mendapati bahawa dalam perbahasan pada hari ini beberapa isu pokok telah pun dibangkitkan. Antara yang paling utama ialah berkenaan dengan isu *downgrade*

berkenaan dengan *Civil Aviation Authority Malaysia* (CAAM) daripada FAA, daripada Kategori 1 kepada Kategori 2. Saya ingin memberikan penjelasan terhadap isu ini.

Pertamanya, *International Aviation Safety Assessment* (IASA) merupakan program audit yang dijalankan oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan ataupun *Federal Aviation Administration* (FAA) ataupun Badan Penerbangan Awam Amerika Syarikat bagi menilai dan menentukan keupayaan pihak berkuasa penerbangan awam sesebuah negara untuk mematuhi piawaian keselamatan penerbangan antarabangsa. Amalan-amalan yang disyorkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO) terutamanya dalam *Annexes* 1, 6 dan 8 kepada Konvensyen Chicago.

Program audit IASA dilaksanakan ke atas negara-negara yang mempunyai syarikat penerbangan beroperasi ke Amerika Syarikat atau mengadakan perjanjian perkongsian kod, *codeshare* dengan syarikat penerbangan Amerika Syarikat. FAA menjalankan audit IASA di Malaysia berdasarkan faktor-faktor berikut.

Pertama, kerana syarikat penerbangan *AirAsia X* (AAX) telah menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Honolulu, Hawaii, Amerika Syarikat dengan kekerapan tujuh kali seminggu mulai bulan Jun 2017 dan syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) mempunyai perjanjian perkongsian kod dengan syarikat penerbangan antarabangsa yang beroperasi ke Amerika Syarikat.

■1810

Memang betul ada beberapa implikasi daripada penarafan CAAM diturunkan kepada kategori dua ini iaitu yang pertama FAA tidak akan membenarkan sebarang permit penerbangan baharu daripada syarikat penerbangan Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Amerika Syarikat kecuali penerbangan yang sedia ada. Dalam erti kata lain syarikat penerbangan *AirAsia X* yang terbang ke Honolulu boleh meneruskan penerbangan mereka sebanyak tujuh kali dalam masa seminggu. Namun begitu dalam tempoh kita berada dalam kategori dua, pihak FAA tidak akan membenarkan penerbangan tambahan daripada syarikat *AirAsia X* ini.

Isu-isu dan cabaran mengapa penarafan kategori dua ini terhadap CAAM. Pertama ialah kelemahan dari segi struktur organisasi CAAM yang sedia ada untuk membolehkan ia berfungsi sepenuhnya sebagai sebuah entiti. Pakej gaji yang kurang lumayan dan kompetitif untuk menarik dan mengekalkan personel teknikal berkelayakan ataupun *Qualified Technical Personnel* (QTP) kerana CAAM masih terikat dengan sistem penggajian kerajaan dan seterusnya menyebabkan kekurangan jumlah QTP ini ataupun personel teknikal berkelayakan ini.

Jumlah peruntukan yang terhad untuk tujuan perkembangan kompetensi dan kelayakan QTP bagi membolehkan pegawai melaksanakan tugas mengawal sediaan serta tanggungjawab dalam industri penerbangan dengan lebih berkesan. Seterusnya keupayaan yang terhad untuk menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan kerana kekurangan teknologi yang canggih.

Tuan Pengerusi, daripada audit pada bulan April, pihak FAA telah menyatakan bahawa ada 58 *findings* audit mereka yang perlu diratifikasikan. Namun begitu, pada bulan Julai dalam tempoh masa tiga bulan sebenarnya pihak CAAM berjaya menyelesaikan hampir separuh daripada isu-isu yang dibangkitkan iaitu hampir 25 isu yang dibangkitkan telah pun berjaya diselesaikan oleh pihak CAAM. Adalah tidak tepat bahawa dalam tempoh tersebut CAAM tidak membuat apa-apa. Dakwaan itu tidak tepat, memang CAAM mencuba untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan.

Namun ada isu-isu pokok yang memerlukan pindaan terhadap undang-undang memerlukan perubahan struktur organisasi yang memerlukan masa yang lebih panjang untuk dilaksanakan. Jadi, pada bulan Julai apabila audit kedua dilaksanakan terhadap CAAM masih ada 33 isu ataupun *findings* daripada pihak FAA yang belum diselesaikan ataupun *open findings*. Jadi, kita melihat kepada 33 isu ini dan mendapati lebih separuh daripada isu-isu ini adalah isu-isu dari segi prosedur dan isu-isu yang berkenaan daripada segi teguran daripada FAA ialah undang-undang penerbangan awam di negara Malaysia ini kurang ketat, umpamanya dari segi kuasa pihak CAAM untuk membuat penguatkuasaan adalah berkurangan ataupun kurang taringnya.

Jadi, ini adalah antara isu-isu yang kita rasa boleh diselesaikan apabila diberikan tempoh masa yang bersesuaian ataupun kita menyasarkan tempoh masa 12 bulan semua isu-isu ini perlu diselesaikan pihak CAAM. Di antaranya ialah berkenaan dengan struktur organisasi CAAM. Apabila pihak CAAM ini di-*corporatize* oleh kerajaan terdahulu pada bulan Januari tahun 2018 daripada Jabatan Penerbangan Awam ataupun DCA, badan berkanun CAAM ini ia masih belum diasingkan sepenuhnya. Saya rasa Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana memang tahu berkenaan status badan berkanun yang belum diasingkan.

Ini adalah kerana badan-badan berkanun yang belum mempunyai *financial independent* maka ia belum diasingkan sepenuhnya daripada kerajaan kerana ia masih memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan untuk mereka terus beroperasi. Oleh sebab badan berkanun ini belum diasingkan sepenuhnya, maka tangga gaji kepada pegawai-pegawai CAAM ini masih terikat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ataupun tangga gaji seperti kakitangan-kakitangan awam yang lain. Umum diketahui bahawa tangga gaji untuk kakitangan awam adalah tidak begitu tinggi dan ia tidak kompetitif seperti di pasaran terbuka ataupun di peringkat pihak swasta.

Dalam dunia penerbangan ini kebanyakan pegawai ataupun *Qualified Technical Personnel* yang diperlukan ini memerlukan pengalaman yang banyak dan mereka memerlukan kelayakan teknikal yang sangat tinggi. Apabila pegawai-pegawai ini mempunyai kelayakan teknikal yang tinggi ataupun mempunyai pengalaman umpamanya pilot-pilot yang berpengalaman, sudah tentunya mereka pergi mendapatkan pekerjaan di syarikat-syarikat penerbangan yang memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka. Isu dan masalah seperti ini ia bukannya hanya dihadapi oleh Malaysia sahaja. Malah banyak agensi penerbangan awam menghadapi masalah yang sama.

Ini kerana ramai daripada juruterbang kita yang berpengalaman mereka pergi bekerja di timur tengah antaranya negara-negara seperti UAE yang memberikan gaji yang cukup tinggi kepada juruterbang-juruterbang ini. Jadi, ini merupakan salah satu faktor mengapa kita menghadapi isu *downgrade* ini.

Keduanya ialah kita dilihat sebagai sebuah autoriti yang belum mempunyai *independent* dari segi kewangan kerana selain daripada peruntukan kewangan yang diberikan kepada kerajaan setiap tahun melalui bajet, CAAM hanya mendapat dalam lingkungan RM120 juta daripada pendapatan *flight charges* kita ataupun *regulatory charges* kita. Ia boleh dikatakan rendah dan CAAM tidak dapat membayar gaji yang tinggi kepada mereka.

Jadi, ini adalah beberapa isu pokok mengapa CAAM menghadapi masalah *downgrade* ini. Jadi, kita melihat kepada 33 *findings* ini dan kita bertekad dan Kementerian Pengangkutan mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya untuk memastikan supaya semua kelemahan-kelemahan ini akan dapat diatasi dan kita akan mengambil langkah yang spesifik untuk memastikan bahawa Malaysia akan kembali kepada kategori satu dalam tempoh masa yang tidak begitu panjang.

Saya telah memberikan sasaran kepada CAAM supaya mesti menyelesaikan semua isu yang timbul ini dalam tempoh masa 12 bulan. Selepas itu kita akan menjemput pihak FAA untuk kembali ke Malaysia untuk membuat audit dan kita harap ini dapat menyelesaikan semua isu ini. Antara langkah yang saya telah ambil ialah semalam saya telah berjumpa dengan pihak pengurusan CAAM dan kita telah pun menubuhkan satu *task force*, satu jawatankuasa kerja khas untuk memantau dan memastikan supaya pihak pengurusan CAAM mengambil langkah dan membuat tindakan-tindakan yang sepatutnya untuk memastikan setiap daripada 33 isu ini mesti diselesaikan dalam tempoh yang telah diberikan.

Saya difahamkan bahawa kita melihat ada isu-isu prosedur. Separuh daripada *findings* ini adalah isu-isu prosedur yang mesti diselesaikan dalam tempoh masa enam bulan. Ada isu-isu perundangan umpamanya perlu membuat pindaan terhadap Akta Penerbangan Awam. Itu akan dibawa kembali ke Dewan Rakyat ini kalau boleh dalam sesi bulan Mac nanti kalau tidak sempat paling lewat kita akan bawa pindaannya dalam bulan enam nanti bulan Jun nanti. Jadi, saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan berikan sokongan penuh terhadap apa sahaja pindaan yang akan diambil ataupun dibentangkan supaya kita dapat memastikan pindaan ini memastikan Akta Penerbangan Awam ini kita lebih kukuh dan lebih meyakinkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh? Sikit. Ya boleh?

Tuan Loke Siew Fook: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut mengenai tangga gaji dan sebagainya. Saya kira ia sepatutnya tidak patut dijadikan alasan kerana kita mempunyai tanggungjawab sebagai penjawat awam untuk memastikan segala perkara-perkara diminta itu hendaklah diselesaikan. Adakah Yang Berhormat Menteri melihat ada unsur-unsur sabotaj di pihak yang berkaitan? Hanya kerana tangga gaji tidak

meningkat maka kerja tidak dilaksanakan dengan sempurna. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri ada unsur-unsur begitu?

Tuan Loke Siew Fook: Saya tidak membuat andaian sebegitu Tuan Pengerusi. Pertamanya apabila saya mengatakan bahawa tangga gaji rendah tidak bermaksud bahawa pegawai-pegawai kita di dalam CAAM tidak membuat kerja mereka. Apa yang saya maksudkan ialah kerana tangga gaji itu rendah maka kita tidak dapat menarik ataupun mengekalkan *Qualified Technical Personnel* ataupun umpamanya juruterbang-juruterbang yang berpengalaman untuk menjadi inspektor terhadap juruterbang-juruterbang dalam syarikat penerbang kita. Itu antara puncanya bahawa kita tidak dapat menarik minat ataupun mengekalkan juruterbang-juruterbang yang berpengalaman ini.

Jadi, memang kita tahu bahawa *market rate* yang kita perlukan untuk menggaji seorang juruterbang umpamanya RM50,000 hingga RM60,000. Kita tahu bahawa dalam CAAM tangga gaji yang paling tinggi RM22,000 sahaja. CEO CAAM hanya dalam lingkungan RM22,000 sahaja tetapi *market rate* untuk seorang juruterbang yang berpengalaman RM60,000 ke atas kepada syarikat-syarikat penerbangan.

■1820

Jadi, ini antara puncanya mengapa kita kata langkah yang perlu diambil oleh kerajaan selain daripada *task force* yang akan ditubuhkan ini untuk memantau segala langkah daripada pihak CAAM, ada beberapa langkah lagi yang saya akan beri sekejap lagi. Saya nyatakan dahulu.

Pertama ialah kita kena mengasingkan CAAM ini sebagai sebuah badan berkanun yang diasingkan sepenuhnya. Jadi, ini perlu dilaksanakan secepat mungkin dengan bantuan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita hendak mengasingkan CAAM ini dengan dijadikan sebagai sebuah badan berkanun ataupun *corporatize body* yang *independent*, yang tidak memerlukan kita terikat dengan tangga gaji kerajaan. Maksudnya, kita boleh membayar gaji mengikut kadar pasaran untuk memastikan ada *qualified technical personnel* yang dapat kita gaji.

Bagaimana kita boleh melaksanakan ataupun hendak menjadikannya sebagai badan berkanun yang diasingkan ini? Paling pentingnya ialah CAAM mesti ada *financial independent*. Maksudnya, pendapatan CAAM mesti berkekalan, mesti ada satu *source of revenue* yang kuat. Sekarang kita lihat bahawa kita mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan melalui peruntukan tahunan.

Akan tetapi, apabila CAAM di-*corporatize*-kan pada tahun 2018, memang tujuan mengapa sebuah badan itu di-*corporatize*-kan ialah supaya kerajaan tidak perlu menampung perbelanjaan itu supaya ia menjadi sebuah badan yang *self-financially independent*. Jadi, ada caranya, bukan tidak ada.

Ini kerana CAAM ini memberikan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat penerbangan. Umpamanya, kita ada *air traffic controller* yang memberikan pengurusan ruang udara kepada kita. Pengurusan ruang udara ini bukan hanya kepada syarikat-syarikat penerbangan negara kita yang terbang ataupun yang mendarat di lapangan-lapangan terbang negara kita. Ruang udara kita amat sibuk kerana ada banyak syarikat-syarikat penerbangan yang menggunakan ruang

udara kita terutamanya daripada Thailand, daripada Singapura dan sebagainya yang pergi ke Singapura ataupun pergi ke Australia dan sebagainya. Daripada Barat hendak pergi ke Timur ataupun daripada Barat hendak pergi ke *Changi Airport* mesti melalui ruang udara kita.

Jadi, salah satu *source of revenue* ataupun punca pendapatan kepada mana-mana *civil aviation authority* di seluruh dunia ialah *overflight chargers* ataupun dinamakan sebagai *air navigation flight charges* (ANFC). Ini tidak pernah di-review sejak tahun 2006. Sudah tiba masanya kita hendak menaikkan kadar *overflight chargers* ini. Kesannya memang kepada syarikat-syarikat penerbangan yang menggunakan ruang udara kita.

Akan tetapi, kita rasa bahawa ia penting dan syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia faham bahawa ada negara-negara yang menaikkan kadar *overflight chargers* mereka setiap tahun secara beransur-ansur. Jadi, kita sudah lama tidak menaikkan kadar *overflight chargers* kita dan kita harap ini dapat dijadikan sebagai satu punca pendapatan yang boleh memberikan pendapatan yang berlebihan kepada CAAM untuk mereka menjadi *financially independent* dan seterusnya dapat memberikan gaji yang lebih tinggi kepada *qualified technical personnel* ini. Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham bagaimana Yang Berhormat Menteri beritahu apabila kita buat keputusan untuk *corporatize CAAM* ini, kita perlukan ada *financial independent*. Yang Berhormat Menteri sebut tadi untuk *overflight chargers* dan kita sekarang ini berada dalam keadaan RM120 juta sahaja *flight chargers* yang kita ada.

Jadi, kenapa dalam butiran yang disebutkan dalam Bajet 2020 ini ada pengurangan bajet, Yang Berhormat Menteri? Sepatutnya kita sudah *predict* perkara ini dan sepatutnya tidak perlu berlaku pengurangan lebih kurang RM84 juta. Itu yang pertama.

Keduanya, saya faham FAA, *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan EASA ini, Yang Berhormat Menteri, apabila kita sudah kena dengan FAA, kita ada 33 perkara yang *query*, apakah persediaan kementerian untuk menghadapi dua agensi lagi untuk *Europe* iaitu yang dipanggil EASA dan bagaimana perkara-perkara ini supaya kita tidak ada masalah di tempat yang lain tetapi kita selesaikan? Sebab, dalam tempoh 12 bulan ini, Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri sebut ada iltizam untuk melaksanakan fasa-fasa yang Yang Berhormat Menteri sebut, saya agak kerisauan sekiranya ia tidak *as a plan*. Itu yang kedua.

Ketiga, walaupun CEO CAAM ini sudah berhenti, bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat supaya CAAM ini kembali menjadi agensi yang mendapat keyakinan? Sebab, apabila kita bercakap dengan *safety*, Yang Berhormat Menteri, *safety* ini tidak perlu sampai kita pergi mahkamah untuk kita menentukan syarikat ini okey atau tidak. Akan tetapi, apabila persepsi sudah membelenggu negara kita, saya takut bukan sahaja skim gaji, orang hendak bekerja dengan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia pun mereka akan ada rasa- bagaimana Yang Berhormat hendak membetulkan ini? Saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat menyelesaikan perkara ini.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih ke atas keyakinan daripada Yang Berhormat Paya Besar. Pertamanya, memang betul bahawa orang ramai melihat bahawa perkara ini apabila berkait dengan *safety issue* ini, banyak adalah persepsi. Suka atau tidak suka, memang kita-saya sudah beritahu kepada pegawai-pegawai dalam CAAM bahawa perang yang paling besar ialah perang persepsi dan kita kena menang balik. Menang balik keyakinan daripada rakyat Malaysia dan juga daripada masyarakat antarabangsa terhadap tahap keselamatan penerbangan di Malaysia. Ini memang penting. Kita faham perkara ini.

Akan tetapi, pada masa yang sama, saya yakin bahawa pegawai-pegawai CAAM juga mempunyai iltizam yang cukup tinggi. Ini kerana mereka ini ramai yang telah pun berkhidmat dalam CAAM selama berpuluh tahun dan ada yang bertahun-tahun. Mereka juga hendak menaikkan imej dan mempertahankan kewibawaan CAAM. Saya yakin bahawa semua pegawai akan mempunyai iltizam yang sama, motivasi yang sama untuk memastikan bahawa segala kelemahan yang dihadapi itu akan dapat kita laksanakan ataupun atasi.

Saya yakin dan saya menyeru- kita yakin bahawa rakyat Malaysia ini ramai pakar-pakar *aviation*. Ada ramai yang mempunyai bakat yang cukup tinggi, yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi yang boleh berkhidmat untuk CAAM. Kita menyeru mereka kembali untuk berkhidmat kepada negara dan kepada CAAM supaya memastikan bahawa Malaysia akan kembali ke kategori satu dalam tempoh 12 bulan ini... [Tepuk]

Saya yakin ada ramai pakar-pakar penerbangan yang cukup sayangkan negara kita, patriotik. Saya sudah dapat satu semalam yang saya nyatakan tadi. Datuk Kok adalah Pengerusi *task force* yang beliau sedia berkhidmat untuk negara dengan percuma, pro bono. Beliau adalah mantan Ketua Pengarah DCA selama tujuh tahun dan beliau juga merupakan Ketua Pegawai Penyasat terhadap isu ataupun insiden MH370.

Apabila saya menghubungi beliau, saya kata, “Adakah Datuk bersedia untuk membantu saya mengetuai *task force* ini?” Dia mengatakan, “Saya boleh bantu tetapi dengan satu syarat. Saya tidak mahu terima satu sen pun daripada kerajaan”. Itu syarat dia... [Tepuk] Ini semangat patriotik yang ditunjukkan oleh veteran-veteran kita.

Jadi, saya harap ada ramai lagi pakar-pakar *aviation* yang mungkin berkhidmat di negara-negara lain, mungkin dalam tempoh satu atau dua tahun ini kembali sekejap untuk berkhidmat kepada negara. Walaupun kita tidak *expect* semua balik berkhidmat secara pro bono, secara percuma, kita boleh bayar gaji tetapi mungkin tidak setinggi yang mereka dapat itu.

Jadi, saya yakin bahawa dengan iltizam semua pihak dan semua pakar-pakar dan juga veteran-veteran dalam bidang *aviation* ini dan bersama-sama dengan pegawai-pegawai CAAM, kita yakin bahawa kita akan menghadapi isu ini dengan mengatasi segala kelemahan yang telah pun dinyatakan itu. Jadi, bagi kita tempoh selama 12 bulan dan kita harap dalam tempoh 12 bulan ini- bukannya harap tetapi ini adalah sesuatu kewajipan bukan sahaja kepada Kementerian Pengangkutan tetapi juga kepada CAAM bahawa setiap anggota dalam CAAM, misi mereka ialah wajib untuk kita selesaikan 33 isu ini dalam tempoh 12 bulan.

Jadi, saya harap ini memberikan sedikit keyakinan kepada orang ramai bahawa Kementerian Pengangkutan melihat secara serius terhadap isu yang telah timbul ini. Saya tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. Dia ada tiga agensi, Yang Berhormat Menteri. Satu yang kita sebutkan tadi sebagai FAA.

Keduanya, *International Civil Aviation Organization* dan ketiganya EASA. Adakah apabila kita selesai 33 ini, bagaimana dengan *European Aviation* ini pula? Adakah *requirement* yang sama yang akan jadi masalah atau bagaimana persediaan CAAM ini?

■1830

Tuan Loke Siew Fook: Saya faham apa yang dimaksudkan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Sekejap, saya jawab dulu. Yang Berhormat Pontian, sekejap. Saya jawab dulu. Pertamanya memang betul bahawa mungkin ada pihak lain yang akan datang mengaudit kita juga. Akan tetapi untuk IKO, mereka belum ada perancangan dan untuk tahun hadapan pun belum ada perancangan sebab mereka ada jadual-jadual mereka untuk mengaudit mana-mana negara. Untuk tahun hadapan, belum ada lagi perancangan untuk mengaudit Malaysia setakat ini. EASA belum beritahu kepada kita bahawa bila mereka akan mengaudit kita.

Akan tetapi, seperti yang kita katakan, kita tidak akan menunggu pihak lain datang untuk mengaudit kita. Kita akan cuba selesaikan semua isu-isu 33 yang telah dibangkitkan ini. Kita yakin kalau kita dapat selesaikan kesemua 33 isu ini, kedudukan kita akan bertambah kukuh dan kita bersedia untuk diaudit oleh mana-mana pihak daripada negara lain.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Menteri, ada maklumat mengatakan bahawa Thailand diturunkan taraf kategori satu pada dua pada Disember 2015. Apakah yang kita boleh pelajari pada Thailand yang sehingga sekarang tarafnya tidak naik ke kategori satu? Itu yang pertama.

Kedua, betul ke CAAM ini tidak mempunyai Pengerusi selama 13 bulan. Akibat daripada itu pengarahannya tertentu- sekarang ini dah ada Pengerusi lah- terhadap perkara-perkara di dalamnya itu tidak dilakukan.

Tuan Loke Siew Fook: Pertamanya, memang ada negara-negara lain ada pengalaman yang berlainan. Memang betul Thailand ada mengambil masa beberapa tahun. Kita akan lihat apakah isu-isu yang dihadapi oleh Thailand dan memang *task force* yang telah saya bentuk ini akan melihat kepada pengalaman dan juga apakah iktibar yang kita boleh ambil daripada negara-negara lain yang juga menghadapi isu yang sama supaya kita boleh mempelajari apa-apa kelemahan daripada pengalaman negara lain dan kita dapat memperbaiki kedudukan kita dan juga kita akan pastikan supaya kita tidak mengulangi apa sahaja kelemahan itu.

Berkenaan dengan Pengerusi, tidak betul bahawa tidak ada Pengerusi. Memang Pengerusi yang sebelum ini meletakkan jawatan selepas laporan MH370 diterbitkan pada penghujung bulan Julai 2018. Selepas itu, kita ada Pemangku Pengerusi. Bukan bermaksud

bahawa Pengerusi itu belum dilantik bahawa apa-apa sahaja tidak berlaku dalam CAAM. Pemangku Pengerusi yang saya lantik adalah orang yang sama yang menjadi Pengerusi pada hari ini.

Jadi, dalam tempoh 13 bulan ini CAAM beroperasi secara normal dan memberikan arahan-arahan seperti normal. Akan tetapi, apabila FAA datang secara mengejut pada bulan April mengaudit kita, ada kelemahan-kelemahan yang telah pun dikenal pasti dan kita mengambil masa tiga bulan itu untuk cuba menyelesaikan isu-isu itu.

Seperti yang saya katakan, separuh daripada isu itu, telah pun diselesaikan. Cuma ada isu-isu seperti perundangan, seperti isu struktur organisasi. Itu memerlukan masa untuk diselesaikan. Jadi, saya harap saya dah mengambil masa hampir setengah jam untuk menjelaskan isu ini...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Satu isu sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: ...Yang memang saya tahu bahawa adalah isu penting dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini kerana ini membuktikan bahawa kita sama-sama memberikan tumpuan terhadap isu yang penting ini. Sila Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak pindah ke isu lain kan? Sebelum pindah, saya tadi ada bangkitkan, saya tanya dari segi *immediate effect*, impak kepada *rating* ini bila dijatuhkan, bila diturunkan. Daripada segi- adakah ada impak yang jelas seperti kekurangan *passengers* kepada *airline* kita. Oleh kerana ini, melibatkan persepsi ya, melibatkan persepsi.

Keduanya, *AirAsia* misalnya, terbang ke Honolulu di Hawaii, USA. Adakah ada kesan kepada penerbangan *AirAsia X* tadi?

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi saya telah menjawab bahawa untuk *AirAsia* untuk penerbangan sedia ada, tidak ada *effect*, mereka masih boleh terbang. Seperti yang saya katakan, memang kita perlu menangkan perang terhadap persepsi ini, akan tetapi *AirAsia X*, saya hendak tegaskan di sini bahawa *downgrade* ini ialah *terhadap Civil Aviation Authority* iaitu badan sivil *aviation* kita. *Downgrade* ini bukan terhadap syarikat penerbangan. Ini lain daripada syarikat penerbangan seperti daripada negara lain yang mereka *downgrade* terhadap isu keselamatan syarikat penerbangan itu.

Akan tetapi dalam kes ini, *downgrade* ialah terhadap *Civil Aviation Authority* kita. Kelemahan dalam kerangka undang-undang kita dan juga struktur organisasi kita. Dia bukan terhadap syarikat penerbangan. Jadi, saya hendak nyatakan secara tegas dan secara penuh yakin bahawa syarikat-syarikat penerbangan Malaysia cukup selamat untuk diterbangkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan salah faham.

Tuan Loke Siew Fook: Oleh sebab kita mempunyai rekod yang cukup baik dari segi keselamatan. Jadi, saya yakin bahawa syarikat-syarikat penerbangan termasuklah *AirAsia X* mempunyai rekod keselamatan yang baik. Mereka telah pun memenangi pelbagai anugerah dari segi *The Best Low Cost Airline In The World* selama 13 tahun berturut. Jadi, saya yakin bahawa

penumpang-penumpang *AirAsia X* yang terbang ke Honolulu dan sebagainya, mereka tetap yakin terhadap syarikat penerbangan kita. Jadi, saya harap ini dapat memberikan sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada rakyat, apakah yang berlaku terhadap isu ini.

Tuan Pengerusi, saya ada 40 lebih Ahli Parlimen yang bertanya. Saya pun banyak jawapan yang di depan saya ini. Memang saya rasa tidak dapat saya jawab satu persatu. Namun begitu saya cuba jawab beberapa isu yang pokok.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Utama.

Tuan Loke Siew Fook: Terutamanya berkenaan dengan isu- CIS yang juga ramai ahli Yang Berhormat yang bangkitkan.

Pertamanya, termasuklah daripada Yang Berhormat Paya Besar dan ramai tadi saya lihat ramai yang membangkitkan isu CIS ini. Pihak kementerian mengambil maklum akan pertanyaan tentang rebat, bantuan, perlepasan cukai untuk memperoleh kerusi bayi ataupun kanak-kanak ini. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun mendapat kelulusan untuk *zero percent* ataupun kosong peratus duti import CIS dan juga pengurangan kadar SST daripada 10 peratus kepada lima peratus daripada Kementerian Kewangan.

Perkara ini dalam proses semakan Jabatan Peguam Negara bagi proses pewartaan. Jadi, memang kita ada mengurangkan dari segi kadar duti import dan juga kadar SST. Kita memang harap, kalau boleh dapat disifarkan kadar SST untuk *child seat* ini tetapi ini kita perlu kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan. Pihak kementerian ingin mengingatkan di sini bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab semua pihak, termasuk pihak swasta dan orang ramai. Pihak swasta terutamanya pengeluar-pengeluar kenderaan serta NGO-NGO yang berkaitan dipohon untuk turut serta dalam membantu pihak kerajaan dalam usaha untuk mewajibkan pemasangan kerusi kanak-kanak di dalam kenderaan.

Setakat ini telah terdapat pihak swasta yang telah memberikan subsidi pembelian kerusi kanak-kanak ini pada golongan kurang berkemampuan. Pihak kementerian berharap semua usaha ini dapat diperluaskan oleh pihak-pihak lain bagi memastikan jalan raya di Malaysia yang lebih selamat.

Umumnya, saya mendapati bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat juga faham bahawa mengapa kita hendak melaksanakan kerusi kanak-kanak ini. Untuk perkara ini sebenarnya keputusan ini bukannya dibuat sekarang. Dua tiga tahun lepas sebenarnya, Kementerian Pengangkutan dah membuat keputusan dengan saranan daripada pihak MIROS untuk melaksanakan penggunaan *child seat* ini.

Akan tetapi, apabila saya berbincang dengan mereka, saya kata berikan sedikit masa. Apabila saya menjadi Menteri Pengangkutan pada bulan Mei 2018, lawatan pertama saya ke MIROS telah dibincangkan perkara ini. Sepatutnya bermula Januari 2019 tetapi saya kata tangguhkan, memberikan sedikit masa kepada orang ramai supaya diberikan lebih banyak kesedaran kepada orang ramai, sebelum kita laksanakan dan kita laksanakan pada 1 Januari 2020. Kita perlu bermula daripada satu langkah awal. Benda ini adalah sesuatu yang untuk

keselamatan anak-anak kita sendiri. Saya bukan hendak membebankan kepada pihak para ibu bapa.

Kita faham *take up rate* itu akan mengambil masa dan saya telah mengatakan dan memberikan arahan kepada pihak JPJ supaya tidak memberikan saman dalam tempoh masa enam bulan yang pertama, supaya apa yang penting kita bagi kesedaran dulu. Kita bagi nasihat, bagi kesedaran, bagi teguran kepada para ibu bapa yang kalau mereka belum pasang itu, jangan di saman dulu. Bagi amaran dulu, bagi peringatan dulu. Bukannya kita hendak datang 1 Januari, kalau tidak pasang, terus saman. Tidak. Saya faham mentaliti rakyat Malaysia, kalau kita tidak cakap wajib, memang ramai yang tidak akan buat. Walaupun sekarang ini ada ibu bapa yang secara sukarela tetapi *take up rate* itu cukup rendah.

Saya difahamkan oleh pihak MIROS hanya dalam 30 peratus sahaja pemilik-pemilik kenderaan yang membawa bayi ataupun kanak-kanak ini atas kereta mereka, ada pasang *child seat* ini. Jadi, kita perlu memberikan satu mesej yang kuat kepada masyarakat bahawa perkara ini adalah untuk kebaikan anak-anak tetapi kita akan menggunakan pendekatan secara pendidikan terlebih dahulu sebelum penguatkuasaan sepenuhnya diambil terhadap para ibu bapa yang tidak menggunakan *child seat* ini.

Berkenaan dengan basikal lajak. Mengikut peraturan Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah menetapkan berkenaan dengan pelanggaran peraturan penggunaan basikal secara meluru dan berbahaya di dalam seksyen 54, yang dibaca bersekali dengan seksyen 42(1), 43(1), 44(1) dan 45. Dalam melaksanakan peraturan ini pegawai pengangkutan jalan boleh menangkap mana-mana orang yang telah disyaki melakukan kesalahan tersebut.

■1840

Berkenaan dengan basikal lajak ini ia menyentuh kepada keselamatan anak-anak dan pengguna jalan raya yang lain. Pihak kementerian jelas berkenaan isu ini dan sebarang pelanggaran peraturan di atas jalan raya akan dikenakan tindakan.

Jadi, memang perkara ini pun menjadi topik yang hangat di kalangan masyarakat dan saya rasa dalam isu seperti basikal lajak ini ada pelbagai pandangan dan kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Daripada pihak parti, daripada pihak kerajaan, daripada pihak ibu bapa supaya sama-sama kita melihat kepada keselamatan anak-anak kita. Kalau perkara ini kita tidak membendung ataupun tidak mengambil tindakan, kalau berlaku insiden kemalangan ramai yang akan menuding jari kepada kerajaan kalau tidak mengambil tindakan.

Jadi perkara seperti ini kita perlu bersama-sama dan mengambil langkah-langkah keselamatan dan supaya menasihati kepada para ibu bapa supaya sama-sama menjaga anak-anak masing-masing dan pada masa yang sama ada penguatkuasaan yang perlu diambil. Kementerian Belia dan Sukan umpamanya, mereka ada program untuk memberikan latihan kepada anak-anak ataupun kanak-kanak yang berminat terhadap acara basikal ini. Saya alu-alukan tiada masalah akan tetapi bagi pihak JPJ perlu juga ada penguatkuasaan. Kalau langsung tidak ada penguatkuasaan maka orang tidak akan mengambil iktibar.

Berkenaan dengan pemandu mabuk. Di bawah peruntukan seksyen 44, mana-mana orang yang menyebabkan kematian atau kecederaan akibat memandu di bawah pengaruh alkohol apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan didenda tidak kurang daripada RM8,000 dan tidak lebih daripada RM20 ribu. Pesalah yang memegang lesen percubaan juga apabila disabitkan akan dibatalkan lesen tersebut.

Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen 44 juga akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan dan dalam hal sabitan kali kedua ataupun kali kemudian hilang kelayakan selama 10 tahun dari tarikh sabitan. Mengikut statistik daripada PDRM sebanyak 191 kes punca kematian yang disebabkan oleh pemanduan mabuk pada tahun 2018 dan 212 kes pada tahun 2017.

Memang perkara ini kita melihat serius dan pihak kementerian akan meneliti dan menjalankan kajian secara mendalam sebelum kita mengambil keputusan untuk meminta Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang sedia ada. Jadi kita harap kita buat kajian dan pihak Ahli-ahli Parlimen boleh memberikan pandangan kepada pihak Kementerian Pengangkutan khususnya kepada JPJ supaya kita lihat adakah rang undang-undang ataupun Akta Pengangkutan Jalan ini perlu dipinda. Sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya sokong dengan disebut oleh Yang Berhormat Menteri untuk *review* undang-undang yang sedia ada. Kalau boleh bagi kesalahan pemanduan dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian itu ada hukuman yang lebih berat yang dalam pindaan nanti.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, secara umumnya saya menyokong cadangan itu kerana kalau lihat kepada seseorang pemandu yang tidak bertanggungjawab, mereka mabuk dan mereka memandu dan menyebabkan kematian orang lain, mereka perlu diberikan hukuman yang setimpalnya. Akan tetapi perkara ini seperti yang kita katakan walaupun kita ada keinginan itu proses undang-undang perlu dijalankan, perlu ada kajian dan perlu di draf dahulu oleh pihak Peguam Negara dan selepas ada keputusan dasar kita akan bawa ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Berkenaan dengan pemeriksaan kesihatan terhadap pemandu lori. Pihak Kementerian Pengangkutan tidak pernah menetapkan sebarang tempoh sekatan terhadap isu masalah kesihatan yang dihadapi oleh pemandu-pemandu lori. Kesemua perkara ini ditetapkan oleh pegawai perubatan yang memeriksa. Yang Berhormat Bera tidak betul, tidak benar bahawa kalau dia ada sakit kencing manis ataupun darah tinggi terus kita berhentikan, tidak. Tertakluk kepada keputusan daripada pihak doktor dan pemeriksaan kesihatan ini bukannya perkara baharu. Daripada dahulu lagi memang ada pemeriksaan kesihatan untuk lesen PSV, GDL dan sebagainya.

Jadi berkenaan dengan kebajikan pemandu lori, pihak kementerian sentiasa mengambil berat dengan kebajikan pemandu-pemandu lori namun di pihak kementerian juga keselamatan

orang ramai juga adalah sama penting. Jadi kita perlu ada pengimbangan, ada *balance* dalam perkara ini. Betul memang kita kena lihat kebajikan kepada pemandu akan tetapi pada masa yang sama kalau pemandu yang tidak bertanggungjawab kita juga lebih tegas oleh kerana pemandu-pemandu yang tidak bertanggungjawab mungkin akan menyebabkan keselamatan orang ramai terjejas.

Pemandu-pemandu sendiri kadang-kadang mereka tidak tahu pun mereka ada penyakit. Kalau mereka ada darah tinggi yang tinggi ataupun kencing manis yang teruk, kalau selepas pemeriksaan kesihatan mendapati mereka ini mempunyai penyakit yang serius maka pihak doktor akan menasihati mereka supaya berhenti sekejap untuk mengambil perubatan dahulu. Jadi itu adalah keputusan daripada pihak doktor. Pihak JPJ tidak boleh mengatakan bahawa kalau orang itu sakit dia terus tidak boleh *renew*, itu jelas. Jadi saya harap itu tidak dijadikan polemik dan juga tidak kita memberikan maklumat yang salah kepada pihak orang ramai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi boleh?

Tuan Loke Siew Fook: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih memahami jawapan Yang Berhormat Menteri tempoh hari, bukan waktu ini berkaitan pertemuan di antara persatuan-persatuan lori yang bertemu dengan Ketua Pengarah JPJ. Cumanya saya hendak tahu apakah *update* dan apakah tindakan daripada suara-suara yang telah mereka berbincang dengan pegawai di kementerian Yang Berhormat?

Tuan Loke Siew Fook: Ya, memang pertemuan itu telah dijalankan dan penjelasan telah pun diberikan kepada pihak persatuan dan dari segi *detail* nya nanti mungkin saya akan minta pegawai, nanti saya akan hubungi kalau Yang Berhormat berminat untuk mendengar *detail* itu, akan tetapi ada perkara lain yang saya hendak juga memberikan penjelasan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan bahawa SPAD kepada APAD hanya bertukar nama. Yang Berhormat, bukan tukar nama sahaja, kita menstrukturkan semula agensi ini. Dahulu dipanggil sebagai suruhanjaya. Yang Berhormat pun faham kalau suruhanjaya dia ada lembaga pengarah dia, ada pengerusi dia dan dia bukannya dengan kementerian dan SPAD dahulu dia bukan di bawah Kementerian Pengangkutan. SPAD dahulu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apa yang dilakukan oleh SPAD, Kementerian Pengangkutan tidak tahu. Tidak ada integrasi dengan pihak Kementerian Pengangkutan.

Apabila kita mengambil alih kita menstrukturkan semula agensi itu, memang peranan daripada SPAD itu dipindahkan kepada APAD, bukannya keseluruhannya oleh kerana dahulu SPAD ada penguatkuasaan juga. Ini menyebabkan kadang-kadang orang ramai terkeliru. Pemandu-pemandu lori yang banyak kompelin terhadap SPAD dahulu sebab dia kata kadang-kadang saya dikenakan saman oleh JPJ, kadang-kadang saya dikenakan saman oleh SPAD. Siapa penguat kuasa sebenarnya? Kedua-dua pun penguatkuasaan.

Jadi apabila kita menstrukturkan semula SPAD kepada APAD, peranan APAD hanya dari segi pelesenan, dari segi dasar dan permohonan terhadap lesen-lesen kenderaan perdagangan. Dia tidak lagi terlibat dengan penguatkuasaan. Penguatkuasaan sepenuhnya di bawah JPJ. Jadi itu ada bezanya di antara SPAD dengan APAD dan APAD itu adalah sebuah jabatan kerajaan, sebuah *department* di bawah Kementerian Pengangkutan. Statusnya lebih kurang sama dengan JPJ juga.

Berkenaan dengan bas *charter*. Bas *charter* ini daripada zaman era SPAD dahulu telah pun mencadangkan supaya lesen bas *charter* ini tidak diadakan. Oleh kerana bas *charter* ini juga ada banyak kompelin daripada pengusaha-pengusaha bas yang lain. Bas ekspres kompelin, bas sekolah kompelin, bas pelancongan kompelin. Dia kata sebab permit bas *charter* ini, istilah dia gunakan "permit agung." Maksudnya kalau ada permit bas *charter* dia boleh bawa siapa sahaja penumpang, sama ada sebagai bas pelancongan ataupun bas sekolah ataupun bas kilang, apa sahaja kategori pun boleh bawa termasuk bas ekspres.

Jadi ada banyak aduan terhadap kewujudan permit bas *charter* ini, akan tetapi atas budi bicara dan atas pertimbangan kepada pengusaha-pengusaha bas *charter* ini kita membenarkan dilanjutkan sehinggalah tempoh mereka sampai kepada tempoh habisnya bas mereka. Oleh sebab kebanyakan bas ini tempoh dia di antara sepuluh hingga 12 tahun. Jadi kita sudah beritahu kepada pengusaha-pengusaha ini sementara permit ataupun usia bas itu masih ada kita benarkan untuk diteruskan operasi supaya kita tidak diserap operasi itu ataupun industri itu. Pada ketika ini bas *charter* ini telah pun dibenarkan untuk dikekalkan buat sementara waktu.

Isu berkenaan dengan AES. Sudah banyak kali saya sudah jelaskan. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang minta saya mengakuilah bahawa AES ini adalah sesuatu yang betul. Isunya Yang Berhormat bukannya berkenaan dengan kamera, kita menentang isu AES yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu bukan sebab kamera, sebabnya ialah kerana konsesi yang diberikan kepada dua syarikat kroni... [Dewan Riu]

Dua syarikat Beta Tegap dengan ATES. Dua syarikat ini dibenarkan untuk memasang kamera dengan kos mereka sendiri akan tetapi mereka dibenarkan untuk mengambil komisen daripada saman yang dikutip. Jadi motivasi untuk keluaran saman itu seolah-olah untuk mengutip komisen. Kita ada perjanjian. Kerajaan ada perjanjian dengan dua syarikat ini. Mengapa kita perlu bayar RM555 juta kepada pihak LTAT kerana LTAT diarahkan oleh kerajaan terdahulu untuk membayar dua kompeni ini, RM550 juta sebagai pampasan kepada dua syarikat ini sebab menamatkan perjanjian itu.

Seorang Ahli: Rasuah!

•1850

Tuan Look Siew Fook: Jadi perjanjian yang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan dua syarikat ini adalah berat sebelah, *lopsided*. Walaupun hanya 45 kamera di pasang tetapi oleh kerana konsesi yang telah diberikan

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Look Siew Fook: ...Dan mereka ada pulangan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri sedikit, sedikit.

Tuan Look Siew Fook: Sekejap, sekejap. Jadi kerajaan terpaksa membayar balik pampasan mereka. Kerajaan terdahulu meminta LTAT ambil alih, RM555 juta dana LTAT digunakan untuk mengambil alih dua syarikat ini. Apabila kita mengambil alih pada bulan Mei 2018, tempoh konsesi itu akan tamat pada 31 Ogos 2018. Kabinet membuat keputusan tidak menyambung konsesi kepada LTAT tetapi untuk mempertahankan dan membela kebajikan kepada para veteran, kerajaan menampung RM555 juta ini bayar balik kepada LTAT... [Tepuk]

Ada persoalan tadi, tanya kenapa tahun lepas RM200 juta, tahun ini tidak ada? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab tahun ini juga kita telah membayar sepenuhnya RM555 juta kepada LTAT. Oleh sebab kalau kita tidak bayar balik kepada LTAT, LTAT menghadapi masalah kewangan kerana dana mereka telah digunakan untuk menyelamatkan ataupun *bailout* dua *company* ini. Kita bayar balik dan mereka boleh ada sedikit dividen kepada para veteran... [Tepuk]

Jadi tidak betul bahawa kita hendak menganaktirikan LTAT. LTAT dipertahankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Ya, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ini kontrak AES sama ada unsur rasuah dan sama ada laporan SPRM telah dibuat? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Look Siew Fook: Ya, memang saya serahkan kepada pihak SPRM untuk siasat dalam perkara ini. Memang semuanya ada dalam laporan audit dan sebagainya. Jadi perkara ini saya rasa tidak boleh dipertikaikan bahawa apa yang kita telah buat untuk isu AES ini adalah untuk kebajikan pihak veteran, ahli-ahli veteran LTAT dan kepada orang ramai. Jangan lupa apabila kita menghapuskan konsesi ataupun menamatkan konsesi itu, hampir RM600 juta nilai saman yang kita hapuskan semua 4.5 juta yang telah dikeluarkan oleh syarikat itu kepada pengguna-pengguna jalan raya kita hapuskan semua saman itu, RM600 juta... [Tepuk]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Hidup Pakatan!

Tuan Look Siew Fook: Pada ketika itu ada juga pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional yang menghentam saya kata ini saya hendak menggalakkan orang melanggar peraturan. Kita bukan menggalakkan orang melanggar peraturan sebab saman yang dibayar itu tidak masuk dalam dana kerajaan. Saman yang dikutip itu pergi kepada syarikat. Itu yang kita bantah dahulu.

Jadi isu sekarang ini ialah apabila kita sudah mengambil alih AES ini, ada kamera-kameranya. Adakah kita hendak hapuskan semua kamera itu? Langsung tidak payah kamera? Ada pula nanti kalau kawasan-kawasan yang telah dipasang kamera itu, kalau kita gugurkan kamera itu ataupun batalkan kamera itu orang akan *speed*, ini natural.

Jadi memang ada kajian yang telah dibuat oleh MIROS. Kawasan-kawasan yang di mana ada kamera AES ini, orang akan lebih perlahan dan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di kawasan-kawasan yang ada AES. Jadi kita tidak menambah yang baru setakat ini.

Memang ada perancangan untuk menambah di kawasan-kawasan di mana adalah *accident hotspot* dan itu pun belum dilaksanakan.

Kita membuat secara beransur-ansur yang pentingnya ialah pendidikan kepada pengguna jalan raya. Mesej yang kita hendak hantar ialah supaya rakyat selamat di atas jalan raya kita...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Betul.

Tuan Look Siew Fook: ...Dan bukannya hendak mempolitikkan isu berkenaan dengan AES ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak dapatkan satu kepastian. Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri kata, RM555 juta untuk projek AES tetapi hanya 45 kamera sahaja dipasang. Ini bermaksud kos RM12 juta untuk satu kamera. Adakah Yang Berhormat Menteri pasti?

Tuan Look Siew Fook: Memang betul Tuan Pengerusi. RM555 juta itu bukan untuk kos kamera sebab perjanjian untuk dua syarikat itu ia memberikan ia satu tempoh supaya tempoh itu mereka boleh keluaran saman. So, oleh kerana kita batalkan saman-saman itu mereka tidak dapat ROI...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya hendak pastikan Yang Berhormat Menteri tidak silap.

Tuan Look Siew Fook: *Return of Investment* mereka jadi perlu ada pampasan kepada syarikat ini. RM555 juta itu telah dibayar oleh LTAT bukannya dibayar oleh kerajaan. LTAT telah digunakan untuk membayar RM555 juta kepada dua syarikat itu, Beta Tegap dan ATES... [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pencuri! Pencuri!

Tuan Look Siew Fook: Jadi dua syarikat itu dia sudah pergi tidak tahu mana lah. Dia sudah *enjoy life* sudah, yang RM555 juta itu ditanggung oleh LTAT. Itu sebabnya Kerajaan Pakatan Harapan terpaksa membayar balik kepada LTAT. Kalau kita tidak hendak membayar RM555 juta maka yang akan menjadi sengsara dan mangsa ialah veteran-veteran di bawah LTAT... [*Dewan riuh*] Jadi adakah kita salah?...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dia yang curi.

Tuan Look Siew Fook: Tuan Pengerusi, bukannya kita ada pilihan. *We have been left with no choice* tetapi Kabinet terpaksa meluluskan RM555 *million* sebab kita hendak membela kebajikan para veteran kita... [*Dewan riuh*] Ada lagi soalan?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Look Siew Fook: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri boleh beritahu kepada Dewan siapakah pemilik kepada dua syarikat ini... [*Dewan riuh*]

Tuan Look Siew Fook: Jadi saya rasa dua isu itu *even* kita tahu siapa pemiliknya, tidak boleh buat apa sebab perjanjian dibuat oleh kerajaan dengan mereka secara sah. Memang siapa yang membuat perjanjian itu boleh dikatakan mereka tidak memastikan kepentingan negara

dijaga. Jadi pemilik syarikat itu boleh *check* lah daripada dahulu saya lupa nama mereka tetapi kalau hendak nama itu saya boleh bagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Look Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya hendak beralih sedikit kepada perkara lain dan Yang Berhormat Parit Sulong di sini. Yang Berhormat Parit Sulong?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, hendak, tidak saya hendak tanya boleh.

Tuan Look Siew Fook: Okey, okey. Sila, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat cakap itu mengenai konsesi. Mungkin Yang Berhormat bersetuju tidak dengan konsesi- sama juga kalau kita buat konsesi tol. Konsesi ini jangka masa panjang. Sama juga kalau Yang Berhormat buat konsesi tol. Apabila kita batalkan konsesi yang panjang, mestilah kena bayar ganti rugi. Soalnya yang saya hendak tanya, Yang Berhormat kata batal... [*Dewan riuh*]

Ya saya setuju. Saya bersetuju kalau Yang Berhormat kata ada bukti saya memang sokong. Bawalah kepada SPRM itu memang kita sokong. Hanya yang saya hendak pertikai kan, yang saya hendak tanya iaitu yang konsesi ini apabila kata mengapa RM555 juta. Mungkin RM555 juta ini ialah konsesi yang telah dijanjikan sekian-sekian banyak.

Contoh macam Yang Berhormat, kata kerajaan hendak batalkan tol. Mengapa tidak boleh hendak batalkan tol? Oleh sebab apabila hendak batal tol, kena bayar konsesi yang telah pun dipersetujui. Jadi apabila hasil daripada kamera, saya tidak tahulah sekarang ini. Apabila dia sudah pasang semua kesinambungannya jabatan siapa yang meneruskan ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Tuan Look Siew Fook: Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tanjong Karang. Mungkin Yang Berhormat Tanjong Karang sudah lupa. Dahulu dalam perkara ini juga dibawa kepada Kabinet untuk diputuskan oleh Kabinet terdahulu. Perjanjian konsesi asal itu membenarkan dua syarikat itu memasang sehingga 1,000 kamera bukan 45.

Dia dibenarkan untuk pasang sehingga 1,000 kamera. Hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tiap-tiap berhari cakap fasal AES, hentam saya, hentam Yang Berhormat Pokok Sena kata kita dulu kita lawan. Betul kita dahulu lawan. Dahulu kita lawan sebab konsesi itu diswastakan, saman itu diswastakan. Apabila kutip saman syarikat swasta dibenarkan untuk kutip.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betullah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau *you* ambil tol *you* kena konsesi *highway*. Konsesi *highway* siapa ambil tol? Syarikat konsesi kah atau kerajaan yang ambil tol?

Tuan Look Siew Fook: Itu sebab pendekatan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kena faham apabila konsesi kena pasang 40...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Swasta itu zaman...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Konsesi baru pasang empat, janji 1,000.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Yang Amat Berhormat Langkawi dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat yang sudah batalkan. Yang Berhormat jangan mengelirukan Dewan benda-benda macam ini.

Tuan Look Siew Fook: Okey, tidak apa, tidak apa. Saya akan jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Contoh paling mudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hei, duduklah, duduklah.

Tuan Look Siew Fook: Biar saya jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Contoh paling mudah, mengapa Yang Berhormat, kerajaan tidak mahu batalkan tol sebab apa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong tidak tahu latar belakang diam! Kalau *you* tahu penswastaan..

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

Tuan Look Siew Fook: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Masalah ini konsesi. Yang Berhormat Menteri kena bagi jelas, apabila konsesi sama juga dengan tol. Siapa yang dapat tol, adakah...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Soalan tambahan.

Tuan Look Siew Fook: Tidak apa, sekejap saya jawab dahulu. Okey Yang Berhormat. Tol itu dibayar atas perkhidmatan, kita sudah pakai jalan itu. Saman ialah kerana kita melanggar peraturan jalan raya... [*Dewan Ketawa*]

Penguatkuasaan sepatutnya di bawah tanggungjawab JPJ dan pihak polis. Tidak sepatutnya diswastakan. Itu yang kita tentang, prinsipnya salah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jelas.

Tuan Look Siew Fook: Penswastaan tidak seharusnya diletakkan di bawah tangan pihak swasta. Itu yang kita tentang dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul Yang Berhormat. Saya tidak mempertahankan sesiapa. Saya tidak mempertahankan sesiapa. Kalau salah betul saya setuju tetapi dia punya konsepnya Yang Berhormat Menteri hendak kena jelas bahawa kalau masa itu kalau JPJ kan, adakah JPJ mampu di seluruh negara? Oleh sebab itu dipakai kamera ini.

■1900

Kalau misal kata sistem, okey Yang Berhormat kata kalau sistem ini tak betul, kalau sistem berkamera ini Yang Berhormat kata tak betul, yang patut kuat kuasanya oleh pegawai JPJ, mengapa Yang Berhormat teruskan? Bukalah semua. Bukalah semua, bukalah semua kamera ini.

Tuan Loke Siew Fook: Itu yang saya kata. Yang Berhormat Tanjong Karang tak faham.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Saya kata bukan masalah kamera, masalah konsesi. Konsesi itu dalam perjanjian itu yang pertamanya, okey dengar dahulu penjelasan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dengar. Dengar dahululah ya.

Tuan Loke Siew Fook: Yang pertamanya, kalau saman RM300 dahulu, daripada RM300 itu 50 *percent*, RM150 dibayar kepada syarikat. Dalam perjanjian. Selain RM150, setiap saman yang dicetak itu, syarikat itu caj RM10. Sama ada orang bayar atau tak bayar, kita kena bayar RM10 kepada syarikat itu. Apabila kerajaan dapat kutip RM300 saman, RM150 bayar kepada syarikat itu. Apabila kerajaan terdahulu turunkan kadar saman daripada RM300 untuk AES ini kepada RM150, maksudnya *whatever you collect goes to the company*. Kerajaan tak ada satu sen pun. Itu yang kita rasa tak betul.

Itu masalahnya. Memang betul, kita nak menggunakan kamera untuk penguatkuasaan yang lebih cekap tetapi penguatkuasaan untuk seterusnya akan diambil alih sepenuhnya oleh pihak JPJ. Tidak akan diswastakan kepada pihak lain. Itu yang kita telah ambil keputusan untuk isu AES ini. Kamera betul akan dikekalkan tetapi sebarang saman yang dikutip itu tidak akan pergi ke mana-mana syarikat swasta. Ia akan masuk dalam dana kerajaan kerana JPJ yang akan menguatkuasakan perkara ini...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Soalnya sama ada saman boleh diswastakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, tahu siapa pemilik sebenar dua syarikat tersebut? Yang Berhormat Tanjong Karang tahu tak?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, daripada segi ...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Tanjong Karang, tahu tak siapa pemilik sebenarnya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Siapa pemilik itu, Yang Berhormat pergi *report* SPRM lah. Apa yang nak tanya saya? Yang Berhormat siasatlah, pergi *report* SPRM!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang tahu, bagi tahu lah. Kita nak tahu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat-Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedang menjawab dengan baik. Pasukan sorak di belakang sana pun tak payah berbulu, beriuhi rendah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, pergi *report* SPRM! Siapa pemilik?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Daripada segi konsep penswastaan ini sama sahaja. Kerajaan tidak perlu keluar duit, tak perlu keluar modal. Kalau jalan raya, syarikat akan membina jalan raya dan mereka mengutip balik melalui tol. Kerajaan tak keluar duit pun untuk bina jalan raya. Jadi macam juga dalam AES. AES ini, semua kamera dan sebagainya disediakan oleh syarikat. Kerajaan tak perlu keluar duit untuk buat kamera, cuma daripada segi pendapatan kepada syarikat untuk *cover* balik kos yang dikeluarkan, itulah ada komisen sebahagian kepada syarikat dan sebahagian kepada kerajaan. *I think* semua konsep penswastaan ini sama sahaja. Kalau tidak, kerajaan kena keluar duit untuk pasang kamera, membeli kamera, pasang kamera sendiri dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, kita dengar penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasihlah, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bera kerana beliau mengesahkan Kerajaan Barisan Nasional dahulu menandatangani perjanjian itu dan menswastakan penguatkuasaan kepada syarikat swasta dan perjanjian itu membenarkan 1,000 kamera dipasang. Sekarang ini saya nak tambah 10 kamera, oh semua sebelah sana hentam saya. Akan tetapi dalam perjanjian asal, 1000 kamera dibenarkan dan mereka pasang di tempat-tempat yang mungkin bukannya *accident prone*. Jadi, saya katalah ...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ditentukan oleh polis dan JPJ di mana tempat nak pasang kamera tersebut.

Tuan Loke Siew Fook: Ya lah, Yang Berhormat mengesahkan kerajaan terdahulu telah benarkan 1,000 kamera dipasang. Itu jawapan saya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa? Okeylah, saya nak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat tak mahu pasang sampai 1,000 kamera kah? Sekarang ini ada berapa kamera? Adakah *hotspot* ini hanya beberapa tempat sahaja di seluruh negara? Tadi semua ramai yang bercakap fasal kemalangan jalan raya, Sabah dan Sarawak pun. Adakah Yang Berhormat tak nak pasang dekat Sabah dan Sarawak?

Tuan Loke Siew Fook: Ya, adakah Yang Berhormat sokong nak pasang dekat Sabah dan Sarawak?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau tempat itu *hotspot*. Okey. Kalau tempat *hotspot*. Yang Berhormat kata kalau banyak tempat kemalangan, nak kena pasang.

Tuan Loke Siew Fook: Sabah dan Sarawak tak minta AES. Kita kebanyakan AES dipasang di lebuh raya. Di Lebuhraya Utara-Selatan, dan kita akan fokus kepada *hotspot* dan tujuan AES ini ...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya lah. Saya nak tanya Yang Berhormat, ada berapa *hotspot* dari utara ke selatan? Ada berapa banyak?

Tuan Loke Siew Fook: Tak lebih daripada 200 *hotspot* di Lebuhraya Utara-Selatan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak lebih daripada 200?

Tuan Loke Siew Fook: Itu kajian daripada pihak MIROS.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak lebih daripada 200 *hotspot* ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, tak apa. Saya...

Tuan Loke Siew Fook: Dan kita akan pasang hanya di kawasan-kawasan di mana betul-betul *hotspot accident, accident prone* ini dan tujuan kamera ini bukannya untuk kita nak curi dan ambil duit daripada rakyat, kita nak mengajar rakyat dan memastikan bahawa kalau kawasan-kawasan yang di mana banyak kemalangan jalan raya, dia ada kamera supaya menakutkan pemandu itu untuk mengurangkan kadar kemalangan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tak faham. Bila Yang Berhormat kata kita mencuri duit rakyat ini, mencuri duit rakyat?

Tuan Loke Siew Fook: Bukan mencuri, mengambil duit rakyat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kena betulkan balik kenyataan ini.

Tuan Loke Siew Fook: Saya kata mengambil duit rakyat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bila orang tak langgar, bila orang tahu ada kamera, siapa yang bersalah? Kalau kata tidak ada kamera, siapa yang melanggar undang-undang kalau pergi mahkamah pun akan didenda. Ini perkara betul. Hanya benda ini bukti.

Tuan Loke Siew Fook: Betul lah. Jadi saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang sebab Yang Berhormat Tanjong Karang kata tak ada masalah, boleh pasang kamera ya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat Tanjong Karang kata tak ada masalah, boleh pasang terus.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sarawak bantah, Sarawak bantah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, sebab itu Yang Berhormat Menteri tambah. Kalau kata tak perlu, tak payah tambahlah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, selepas ini tidak ada lagi AES ini. Yang memasang kamera itu siapa? Kerajaan kah ataupun syarikat, selepas ini? Yang ada 200 tadi.

Tuan Loke Siew Fook: Saya dah kata kerajaan ..

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kerajaan? Kalau kerajaan, ada kos tak untuk pasang kamera? Beli kamera, pasang kamera itu? Sama juga.

Tuan Loke Siew Fook: Untuk maklumat, ada stok lagi kamera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ye lah ada stok. Memang ada stok daripada yang dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Stok ini siapa beli? Stok ini siapa yang beli? Siapa beli stok ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Daripada yang dahulu, daripada yang dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ha, ya lah. Sebab syarikat dah beli, senang sahaja Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat batalkan konsesi, apa jugalah kena bayarlah. Itu sahaja. Macam Yang Berhormat pergi batalkan *railway*.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi, Yang Berhormat tak payah nak tegakkan benang yang basah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan. Saya tak nak tegakkan benang yang basah, saya tidak mahu menegakkan. Konsep kena betul, konsep kena betul. Bila *you* batalkan, mana-mana duit konsesi memang kena bayar ganti rugi... [*Dewan riuh*]

Tuan Loke Siew Fook: Tak apalah. Saya tak nak teruskan lagi perbincangan ini tetapi hari ini Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Arau setuju bahawa yang benarkan 1,000 kamera dipasang ialah Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul. *What was wrong?*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Setuju, memang setuju.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betullah. Kita nak mengelakkan daripada orang melanggar undang-undang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri... [*Dewan riuh*]

Tuan Loke Siew Fook: Jadi kalau apabila kita pasang kamera, Barisan Nasional jangan sibuk... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, kalau ambil alih tol ini, ambil alih tol ini kerajaan bayar kah?

Tuan Loke Siew Fook: Tol itu ialah perkhidmatan jalan raya, ini penguatkuasaan undang-undang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sama, sama.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya lah, kerajaan bayar atau tidak? Tak, tak, ini konsep. Konsep.

Tuan Loke Siew Fook: Konsepnya berlainan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kerajaan bayar juga.

Tuan Loke Siew Fook: Sebab itu perkhidmatan, ini penguatkuasaan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kerajaan bayar. Yang mengutip duit tol itu adalah syarikat. Kalau kerajaan ambil alih, kerajaan akan kena bayar.

Tuan Loke Siew Fook: Tak apalah, saya rasa tak apa.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Konsep.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, *last, last*.

Tuan Loke Siew Fook: Sudah jelas.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya nak tanya Yang Berhormat, ada berapa ribu saman yang dikeluarkan dalam tempoh satu bulan? Saman. Berapa banyak dalam satu bulan? Saman jalan raya ini.

Tuan Loke Siew Fook: Saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk. Sabar, sabar.

Tuan Loke Siew Fook: Tak apa, *relax* sikit Yang Berhormat Tanjong Karang. Kita *gentleman*, tak ada masalah. Nak bahas, tak ada masalah. Sepanjang setahun ini, saya difahamkan tadi saya ada angka, lebih 160 ribu. Kalau dahulu dalam tempoh lima tahun apabila kamera itu dibenarkan, 4.5 juta saman dikeluarkan.

Jadi motivasi kita sekarang ini bukannya nak menyaman orang, kita nak mengingatkan orang. Yang paling penting, saya pernah ingat dahulu Yang Berhormat Parit Sulong pernah membuat cadangan kepada Kementerian Pengangkutan, kena pasang dua buah ke tiga buah papan tanda. Kita mengambil pendekatan daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Tiga buah papan tanda dipasang sekarang ini daripada dua kilometer, satu kilometer dan 500 meter. Kita bukan nak menyaman orang.

Jadi kalau semua papan tanda itu pun orang nak *speed*, kita tak boleh buat apalah. Kamera itu akan tangkap. Kena samanlah, kena samanlah. Saman itu akan masuk dalam dana kerajaan. Yang Berhormat tak faham. Saya kata saman dahulu masuk dalam syarikat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Of course* lah masuk dana kerajaan *because* diuruskan oleh kerajaan sekarang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, dua benda yang berbeza. Yang Berhormat kena faham.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kalau dahulu, kita dah swasta kan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dua benda berbeza. Konsesi lain, saman lain, penguatkuasaan lain.

Tuan Loke Siew Fook: Ya lah, jadi konsesi sekarang sudah berakhir.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dua benda yang berbeza. Yang Berhormat jangan nak pusingkan fakta ini.

Tuan Loke Siew Fook: Ya. Yang Berhormat *relax*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tak *relax*, saya nak beritahu Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat, sekarang konsesi sudah berakhir.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dua isu berbeza jangan dicampurkan. Konsesi lain, *enforcement* lain.

Tuan Loke Siew Fook: Sekarang konsesi sudah berakhir. Okey? Konsesi sudah berakhir.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Konsesi itu tak ada lagi. Saya nak sedikit lagi Tuan Pengerusi walaupun masa sudah tak ada.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Loke Siew Fook: Saya nak menjawab Yang Berhormat Arau tadi sebab Yang Berhormat Arau ini konstruktif hari ini, dia cakap pasal pengangkutan awam. Saya nak menyahutlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau dan juga saya nak menjawab kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong bertanya tadi berkenaan dengan MY100. Yang Berhormat Parit Sulong bertanya mengapa tahun lepas, RM240 juta tetapi tahun ini hanya RM115 juta. Adakah pas bulanan itu dikurangkan?

Jawapan kepada Yang Berhormat Parit Sulong, tidak. Mengapa kita hanya perlukan RM115 juta tahun ini? Sebab kita buat anggaran RM240 juta itu peruntukan tetapi kita dapati setiap bulan walaupun sekarang ini mencecah RM100 ribu kita hanya menggunakan dalam lingkungan RM10 juta sebulan dan pas bulanan ini kita tak ada *print out pass*. Dia menggunakan MyKad.

Jadi kita alu-alukan seberapa yang boleh, belilah, langgan lah pas bulanan ini menggunakan MyKad. Lebih ramai orang menggunakan pengangkutan awam ini, maka kita punya subsidi akan berkurangan sebab dia ada *economic of scale*. Jadi tak ada isu bahawa pengurangan peruntukan ini akan menyebabkan pengurangan pas bulanan ini. Lebih ramai orang guna, lebih kurang subsidi yang kita perlukan. Untuk bas mini, kita sedang buat percubaan dan memang ada *feedback* yang baik daripada orang ramai.

■1910

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Parit Sulong, esok naik bas ke Parlimen ya.

Tuan Loke Siew Fook: Bas mini ini ia bukannya untuk perjalanan jauh. Ia ialah untuk perkhidmatan transit daripada taman-taman perumahan pergi ke stesen-stesen LRT, MRT dan sebagainya. Jadi itu tujuan kepada bas ini...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat Arau, saya cukup setuju.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri sedikit. Apa yang saya bangkitkan tadi kos penyelenggaraan dalam butiran RM23 juta itu sedangkan ada 45 kamera tetapi kos sampai RM23 juta. Siapa dapat kontrak ini?

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat, RM23 juta itu peruntukan. Tidak bermaksud bahawa kita mesti menggunakan RM23 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak itu pun belum dianugerahkan lagi. Kita sedang melihat balik bagaimana hendak menyelenggarakan kamera-kamera ini dan apabila kontrak ini hendak dianugerahkan, kita akan panggil tender supaya ada syarikat boleh menender kepada bagaimana kita boleh menyelenggarakan kamera-kamera itu. Akan tetapi dari segi penguatkuasaan, dari segi pengeluaran saman dan juga pengutipan saman itu, semuanya di bawah pihak JPJ. Jadi...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau macam ini memang layak SU Agung.

Tuan Loke Siew Fook: Apa itu?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Layak jadi SU Agung.

Tuan Loke Siew Fook: *Sorry.*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Layak jadi SU Agung DAP
[Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasihlah. Tuan Pengerusi, saya ada banyak lagi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak lawan dengan Yang Berhormat Arau.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: ...Akan tetapi oleh kerana kekangan masa saya...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Arau, tidak jawab Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau belum.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Touch 'n Go, Touch 'n Go*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Pengangkutan awam.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat Bera, *Touch 'n Go* bukannya dibawah Kementerian Pengangkutan. Ia di bawah Kementerian Kerja Raya. Kepada Yang Berhormat Arau, saya sudah saya sahut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau tadi, kita sama-sama menyokong penggunaan pengangkutan awam. Mungkin Yang Berhormat Arau boleh bermula dahulu, setiap hari datang Parlimen pakai MRT. Sampai stesen MRT, jalan ke Parlimen ini. Kalau begitu kita hendak lantik Yang Berhormat Arau sebagai jurucakap di pihak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu kerajaan Barisan Nasional itu yang buat itu semua dahulu.

Tuan Loke Siew Fook: Saya pun buat. Saya kata sebab Yang Berhormat Arau hendak nyatakan sama-sama....

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: LRT, MRT semua BN punya dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalah tidak faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Wang rakyatlah, wang rakyatlah, bukan BN punya.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat Arau, sekejap, sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kerajaan sekarang tidak tahu apa pun hendak buat.

Tuan Loke Siew Fook: Saya hendak tutuplah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, yang lain sila semua duduk. Yang Berhormat Menteri menggulung.

Tuan Loke Siew Fook: Cukup, cukup. Tuan Pengerusi saya hendak tutup. Saya hendak mengatakan bahawa ada banyak lagi jawapan-jawapan yang saya perlu bagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak membangkitkan berkenaan isu-isu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak Yang Berhormat. Ini fasal..

Tuan Loke Siew Fook: ...Terutamanya berkenaan dengan ISBSF, SBST dan sebagainya. Untuk Sarawak, cuma yang hendak cakap satu. Semalam saya sudah berjumpa dengan Menteri Pengangkutan Sarawak, kita ada perbincangan berkenaan dengan SBST yang memperkenalkan bas elektrik di Bandaraya Kuching dan kita akan lihat balik cadangan sebelum ini dan kita akan kaji balik bagaimana hendak membiayai. Cadangan kita ialah supaya pembiayaan bersama dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Bersama-sama kita harap kita dapat memperkenalkan satu perkhidmatan bas yang lebih dinamik dan moden di Bandaraya Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Berkenaan dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Sarawak, berkenaan dengan lapangan terbang dan sebagainya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak puas hati jawapan tadi Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: ...Saya akan jawab bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ... Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berkenaan kapal terbang ini macam mana. Ini kereta terbang ini, pengangkutan juga apa.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, itu ialah *drone*, bukannya kapal terbang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Drone* ya [Ketawa]

Tuan Loke Siew Fook: Jangan keliru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia bukan keliru. Yang Berhormat Menteri yang bagi tahu.

Tuan Loke Siew Fook: Yang Berhormat jangan keliru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri usahawan bagi tahu ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Kereta terbang.

Tuan Loke Siew Fook: Hendak terbang....

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Drone* ya, bukan kereta terbang ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan ya.

Tuan Loke Siew Fook: Hendak terbang *drone* itu, dia perlu dapatkan kelulusan daripada pihak CAM.

Sekian terima kasih. Saya hendak sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: ...Kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan. Saya sokong.

Tuan Loke Siew Fook: ...Yang telah membangkitkan semua isu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sikit saja. Supaya kempen...

Tuan Loke Siew Fook: ... Dan semua cadangan yang telah diberikan kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan semua jawapan bertulis akan diberikan kepada ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hidup Pakatan! Hidup Pakatan!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang ini, kami bagi pihak semua Ahli Parlimen ucap terima kasih kerana itu bukan kereta terbang tapi *drone*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,758,308,000 untuk Maksud B.28, di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,758,308,000 untuk Maksud B.28, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,855,750,500 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,855,750,500 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.32 [Jadual] -
Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2020] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Lembah Pantai. Selepas itu, Yang Berhormat Pontian. Selepas itu mana Yang Berhormat Labuan...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli yang lain tunggu giliran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan bazir masa. Masa 10 minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat setiausaha agung, saya tanya ada nama tidak? Saya nama saya tidak ada itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya Tuan Pengerusi. Saya bukan setiausaha agung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bakal, bakal.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Sila betulkan. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat akan lawan dengan Yang Berhormat Seremban nanti.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, ada nama tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelutong sekali lagi merayau kalau boleh hadkan masa kita. Kita ada pertandingan bola sepak malam ini. Saya hendak pergi tengok Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Hendak pergi, pergilah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, jangan bangkitkan soal bola lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Jelutong, dia ganggu saya tadi fasal bola.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini Kementerian Wilayah Persekutuan. Sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jelutong boleh balik sekarang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak pernah pegang jawatan bola.

7.15 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya mulakan dengan...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya nanti Yang Berhormat Arau dengan Yang Berhormat Jelutong sama-sama pergi stadium.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya sentuh Butiran 020100 – Sosioekonomi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita di Kuala Lumpur tidak ada ahli majlis...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, boleh kah tidak panggil kereta terbang mari, kita hendak pergi stadium.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Kita di Kuala Lumpur tidak ada MPKK...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dengan Yang Berhormat Jelutong, boleh?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Naik pengangkutan awam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Akan tetapi kita ada majlis perwakilan penduduk ataupun MPP. Setakat ini, apakah tahap mutu perkhidmatan yang diberikan oleh MPP...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong jangan balik, kami hendak hentam kamu ini. Tunggu kejap.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh MPP, dan bagaimana kita boleh tambah mutu perkhidmatan?

Saya ingin menyentuh Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Apakah tahap kesediaan DBKL untuk melaksanakan undian ataupun pilihan raya untuk memilih Datuk Bandar? Adakah kita- saya ingin bertanya juga berkait dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai satu sistem aduan iaitu iSPAAA, ejannya saya lupa tetapi iSPAAA. Sistem ini banyak digunakan tetapi ada juga beberapa aspek kekurangan, apakah yang boleh diusahakan untuk menambah baik mutu perkhidmatan bagi sistem iSPAAA?

Saya difahamkan pihak MAMPU sedang dalam proses untuk mengintegrasikan perkhidmatan eWallet bagi agensi-agensi kerajaan. Adakah ada perancangan untuk bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan juga Perbadanan Labuan memakai sistem eWallet untuk membayar sebarang bil berkaitan dengan PBT-PBT ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 030500 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Di sini, saya ingin memetik satu ataupun menyentuh satu tanah di Lembah Pantai yang diberi nama Melor Travels Sdn. Berhad pada tahun 1977. Sebuah syarikat bernama Eng Lian Enterprise Sdn. Berhad telah diarah untuk serahkan tanah kepada kerajaan untuk dijadikan kawasan lapang. Namun pada tahun 1991, satu Lesen Menduduki Sementara- LMS telah diberikan kepada sebuah syarikat bernama Aman Razak Sdn. Berhad. Pada waktu itu saya difahamkan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga merupakan kemungkinan salah seorang saudara dalam syarikat tersebut.

Pada hari ini, kita dalam satu keadaan di mana penduduk menginginkan kawasan lapang itu balik tetapi ada dibangunkan, sedang dalam proses dibangunkan kawasan tersebut. Apakah yang boleh kita lakukan? Ini kerana di kawasan Lembah Pantai khususnya di kawasan Bangsar, tanah lapang tidak banyak. Jadi yang adapun sekarang ini sedang dibangunkan sesuatu. Malah kalau kita lihat dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 memang ditakrifkan sebagai kawasan lapang. Ini di belakang masjid Bangsar, Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq.

Saya ingin menyentuh Butiran 040400 - Penyelenggaraan Landskap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Lembah Pantai sebagai contoh kita ada satu pusat rawatan kumbahan IWK Pantai 1 dan 2. Setiap hari sebanyak 185 juta liter air terawat dihasilkan dan dibuang di Sungai Klang. Manakala 100 tan bio pepejal dihasilkan setiap hari dan dihantar ke Bukit Tagar untuk dibuang di *landfill* di situ, dengan izin. Adakah ada satu dasar kerana saya difahamkan Mufti Wilayah Persekutuan telah berkata ataupun mengeluarkan pandangan bahawa

boleh diguna setidak-tidaknya untuk tujuan, dengan izin, *horticulture* ataupun untuk tujuan landskap.

■1920

Adakah ada pada waktu ini usaha untuk melipatgandakan penggunaan hasil air terawat dan juga bio pepejal daripada pusat rawatan kumbahan IWK Pantai Satu dan Pantai Dua kerana ini merupakan satu aset yang boleh diguna pakai khusus untuk tujuan landskap.

Bagi maksud Pembangunan 32, Butiran 01100 – Projek PPP PFI. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan projek-projek yang terlibat kerana menelan belanja RM85.72 juta. Jadi, di manakah ataupun dalam Parlimen mana ataupun secara lisan ataupun bertulis ini akan dapat membantu kami di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memahami projek-projek tersebut.

Bagi butiran 01901 – Rancangan Tempatan khusus berkait dengan pelan tempatan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2040 yang *in syaa Allah* akan di wartakan pada penghujung tahun depan. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan sekiranya ada usaha untuk membawa Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 ke mahkamah pada waktu ini melalui, dengan izin, *judicial review*. Jika benar, apakah statusnya?

Kedua, saya difahamkan adakah boleh dipertimbangkan satu proses *online* atas talian bagi keseluruhan proses libat urus untuk mendapatkan pandangan daripada orang ramai memandangkan dalam era kita menggunakan *WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya semestinya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mungkin saya cadangkan mungkin kita guna satu proses *online* untuk memudahkan orang ramai bukan sahaja mengenali dan mengetahui apakah lot-lot yang akan ditukar status guna tanahnya tetapi juga boleh memberikan maklum balas dengan agak terperinci di situ secara *online* sebagai contoh.

Ketiga, sekiranya sekarang ini kita dengan adanya Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020, sudah tiada lagi apa yang disebut sebelum ini sebagai kaedah lima ataupun bantahan bagi perubahan maksud guna tanah sesuatu lot. Apakah proses yang terbaru? Apakah penduduk boleh membuat bantahan dan sebagainya? Apakah proses itu?

Bagi Maksud Butiran 01902 – Rancangan Struktur khusus berkaitan dengan pelan struktur Kuala Lumpur. Saya ingin memberikan suatu cadangan di mana sebelum sesebuah sesuatu kebenaran merancang dan juga kebenaran membangun diberikan ataupun DO diberikan, dengan izin, dipertimbang satu proses melihat kepada *quadrant*, dengan izin, ataupun satu kawasan. Contohnya kalau kita lihat kepada Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 terdapat petak-petak yang mana kalau kita pertimbangkan satu petak apakah cadangan pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh dalam mungkin setahun atau dua tahun ataupun tiga tahun yang akan datang agar tidak terlalu rancak pembangunan tersebut.

Sebagai contoh di Lembah Pantai dari saat kita membayar tol NPE sehinggalah ke Muzium negara hampir terdapat 200 ekar yang akan dibangunkan serentak dalam masa 10 tahun yang akan datang. Jadi ini akan menimbulkan suatu keadaan di mana banyak daripada masalah saliran, masalah lalu lintas semuanya akan menjadi, dengan izin, *jammed* di situ. Berkenaan

dengan isu pemetaan juga, saya ingin mencadangkan agar diusahakan satu *utility mapping* yang lebih terkini melibatkan semua syarikat-syarikat utiliti.

Berkait Butiran 02000 - Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Saya mohon pihak kementerian menyatakan pecahan mengikut kawasan. Apakah jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang akan dibina atau di baik pulih? Tadi saya sebut tentang *utility mapping*. Saya juga ingin mencadangkan bila kita buat jalan-jalan yang baharu kita usahakan juga *common utility trench* agar semua syarikat-syarikat *utility* yang ingin meletakkan prasarana seperti kabel, paip dan sebagainya kita tahu di mana.

Jangan berlaku seperti di Jalan Bangsar, bila diberi satu projek tebatan banjir selepas LRT Bangsar projek itu lambat lebih setahun kerana bila mereka gali macam-macam yang mereka jumpa termasuklah kabel TNB yang 11 kilovolt dan juga paip-paip air Selangor yang terlalu besar yang mereka tidak sangka ada di situ. Jadi setidak-tidaknya untuk isu seperti *utility trench* boleh diadakan.

Saya menyentuh Butiran 02500 – Program Pembangunan Sosioekonomi. Berkait dengan isu mobiliti sosial, saya ingin bertanya apakah tahap *turn over* ataupun berapakah jumlah orang yang keluar ataupun masuk daripada semua PPR dan perumahan awam. Sebagai contoh lebih kurang ada 60,000 akaun yang aktif di PPR dan perumahan awam. Berapa ramai yang dapat keluar memandangkan konsep asal bagi PPR dan perumahan awam ini melibatkan pengiktirafan bahawa mereka adalah miskin bandar dan mereka akan diberikan pertolongan dan bantuan agar mereka dapat keluar daripada kemiskinan itu.

Ini berkait langsung dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson berkenaan dengan isu kemiskinan. Kita perlu usahakan sedaya upaya untuk mengeluarkan warga terutama miskin bandar daripada masalah kemiskinan ini.

Akhir sekali Butiran 08000 – Baik Pulih Sungai. Saya ingin mencadangkan agar salah satu daripada kawasan sungai yang di baik pulih termasuklah di Sungai Klang dan di sepanjang kawasan Lembah pantai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

7.26 mlm.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pernah menyebut bahawa dalam Landskap Negara Butiran 030400 ini- apakah status Taman Tugu yang telah dirancang oleh kerajaan terdahulu? Satu lagi adalah apakah Kuala Lumpur ingin masuk ke dalam senarai bandar raya tercantik dalam dunia, *most beautiful capitals of the world*. Keluar pula Menteri. Baru *start*, dia keluar [*Ketawa*] Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan menjawab ya. Jadi macam mana, saya cakap kepada kerusi kosong...

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Tidak mengapa ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Nombor satu ibu negara tercantik dalam dunia ini...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Timbalan Menteri boleh jawab.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Dalam satu kajian: nombor satu, London; kedua, Islamabad; ketiga, Berlin; keempat, Washington DC; kelima, Paris; keenam, Rome; ketujuh, Tokyo; kelapan, Budapest; kesembilan Ottawa; dan kesepuluh, Moscow.

Jadi ini saya tidak tahulah bila Kuala Lumpur boleh masuk dalam senarai yang itu dan apa perancangan DBKL khasnya untuk menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai bandar raya tercantik dan ibu negara tercantik dalam dunia.

Kemudian perkara kedua adalah sosioekonomi. Saya ingin bertanya, berapa jumlah sekarang ini? Ada gerai-gerai di lokasi yang strategik. Berapa jumlah yang hendak dibina semula, hendak dibina lagi di kawasan-kawasan lokasi yang strategik supaya ramai peniaga kecil boleh mencari nafkah di situ dengan kadar sewa yang berpatutan.

Perkara ketiga iaitu mengenai Perbadanan Putrajaya ini, Butiran 020300. Siapa yang memiliki Putrajaya Holdings dan segala bangunan-bangunan di dalam Putrajaya itu? Adakah masih dibayar sewa? Saya difahamkan tentunya Putrajaya Holdings yang memilikinya. Putrajaya Holdings pula dimiliki oleh Petronas. Kalau kerajaan masih lagi membayar sewa bererti keluar poket kanan masuk poket kiri. Adakah kaedah ini akan diteruskan? Itu perkara yang kedua.

Seterusnya mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar Cuma RM4 juta. Perbadanan Putrajaya RM93 juta. Mengapa saya hendak tanya, kenapa sedikit sangat di DBKL ini untuk pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar cuma RM4 juta. Di Labuan RM50.1 juta. Jadi, nampak jumlah amat tidak sesuai untuk pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar.

Satu lagi mengenai Perbadanan Labuan. Saya ingin bertanya mengenai status jambatan Labuan, Labuan ke Menumbuk. Kita telah umumkan bahawa ia akan dibina. Adakah kerajaan sekarang akan meneruskan pembinaannya? Ia akan menjadi pemangkin pembangunan di Labuan. Tempoh bila dan kos berapa, apa perkembangan dan apa kaedah untuk membina 11 kilometer ini? Adakah melalui inisiatif swasta ataupun daripada kerajaan? *Labuan Development Blueprint 2030* apa sudah jadi dengan perkara itu?

Perkara kelima, perancangan dan pengurusan pembangunan. Ada tiga perkara di Kuala Lumpur ini. Saya sudah lama duduk di pinggir raya Kuala Lumpur berpuluh-puluh tahun. Saya tahu masalah pertama banjir kilat. Masalah kedua kesesakan lalu lintas. Masalah ketiga adalah pencemaran udara.

■1930

Ketiga-tiga masalah utama ini, saya ingin tahu, apakah senarai tindakan baharu Kerajaan PH untuk mengatasi banjir kilat, senarai dan tindakan baharu untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dan senarai dan tindakan baharu untuk mengatasi pencemaran udara?

Perkara seterusnya ialah mengenai perancangan bandar dan desa. Saya ingin menyentuh tentang RUMAWIP. Berapa yang sudah siap RUMAWIP ini? Adakah diteruskan oleh kerajaan ini? Berapakah yang sudah didiami? Kalau diteruskan, berapa lagi yang akan dibina dan berapa yang dihentikan?

Pada kita, RUMAWIP ini adalah satu usaha yang cukup bagus untuk rakyat memiliki rumah mampu milik di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang begitu mahal harga rumah. Walaupun *apartment* yang tidak sebesar mana, 1,000 kaki persegi, tetapi ratusan ribu nilainya. Jadi, adakah RUMAWIP akan diteruskan?

Kemudian, perkara yang paling penting tentunya dalam lima minit terakhir ini, saya ingin menyentuh mengenai Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Saya ingin merujuk kepada kenyataan laporan *Berita Harian* bertarikh 2 Oktober 2019, kenyataan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyebut bahawa Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, Yang Amat Berhormat Langkawi, sewaktu majlis kenduri dan doa selamat pada 2 Mac 2018 bersama penduduk Kampong Bharu telah menyatakan bahawa nilai tanah Kampong Bharu sepatutnya sekurang-kurangnya RM2,000 sekaki persegi. Ini yang disebut oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

Oleh sebab itu, kenapa kerajaan hanya memberi nilai RM850 campur RM150 saham? Sedangkan jarak Kampong Bharu dengan KLCC itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma sejengkal sahaja. Peribahasanyalah sejengkal. Oleh sebab apa yang kita hendak buat ini, kononnya tanah di situ tidak sepatutnya lebih mahal disebabkan ianya tanah rizab Melayu. Kenapa tanah rizab Melayu tak boleh jual mahal?...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat.

Sepatutnya tanah rizab Melayu lah kita bagi harga yang lebih tinggi. Baharulah dikata hendak membela orang Melayu. Saya bersetuju sangat bahawa RM2,000 itu tidak berbaloi. Sepatutnya mahu diberi sekurang-kurangnya RM3,000 sekaki persegi. Ini kerana di 'Golden Triangle' yang tidak jauh daripada situ, RM4,000, RM5,000 satu kaki persegi sudah.

Lagi satu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pontian berhubung dengan RM150 ditawarkan dalam bentuk saham syarikat yang akan ditubuhkan. Syarikat ini belum tentu untung dan ianya tidak menjamin bahawa pemilik tanah itu akan mendapat keuntungan daripada syarikat di mana mereka mempunyai RM150 saham di dalamnya. Mereka juga tidak ada *participation* dalam menjalankan, menguruskan syarikat yang berkenaan. Jadi, ini satu tawaran yang tidak adil kepada pemilik tanah tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, betul. Jika disebut oleh DPMM bahawa Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir, Yang Amat Berhormat Langkawi menyebut bahawa ia patutnya RM2,000 sekaki persegi dan selang sejengkal daripada tempat itu RM3,000 ke RM4,000 sekaki persegi, saya kira apa yang ditawarkan RM850 campur RM150 ini tidak berbaloi. Walaupun Yang Berhormat Menteri menyebut RM43.5 juta seekar tetapi tanah itu sudah tidak lagi dimiliki oleh mereka selepas itu selama-lamanya.

Dan adakah mereka mempunyai keupayaan untuk membeli bangunan-bangunan selepas itu, itu satu lagi perkara. Ini kerana bangunan-bangunan itu tentu harganya amat tinggi. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada Menteri- sebab ini khabar-khabar angin di bawah bahawa pemilik syarikat berkenaan adalah kawan kepada Yang Berhormat Menteri. Bahkan, Yang Berhormat, ini hendak bagi penjelasan bahawa dia tidak ada kena mengena dengan syarikat yang berkenaan...
[Disampuk] Shut up you.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Arau
[Ketawa] Saya harap ia dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, *please* lah, jangan buat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta Menteri jawab. Kamu bukan menteri. Biar Menteri jelaskan *rumors*, khabar angin ini untuk bersihkan namanya. Saya hendak tolong Menteri. Saya kawan baik dia, tahu?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Arau. Saya difahamkan cuma 35 peratus yang memberi maklum balas. Saya hendak tahu jumlah pemilik itu berapa orang- 6,000 orang? Adakah baru 1,000 orang memberikan maklum balas? Apa jadi dengan 5,000 pemilik yang lain, lebih kurang 65 peratus lagi, kenapa mereka belum memberikan maklum balas?

Satu lagi, jika tanah rizab Melayu di Kampong Bharu itu ingin dibangunkan, selalunya kerajaan perlu menukarkan tanah rizab itu di tempat yang lain. Kemudian, katakanlah jika rakyat tidak bersetuju, adakah kerajaan akan mengambil alih tanah-tanah Kampong Bharu ini menggunakan akta-akta pengambilalihan tanah? Jika perkara itu berlaku, ia seolah-olah merampas tanah rakyat dan rakyat perlu bangkit dan berjuang habis-habisan untuk memastikan perkara itu tidak berlaku. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan. Silakan.

7.36 mlm.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 020400 – Perbadanan Labuan. Anggaran tahun 2020 di sini adalah RM50 juta iaitu kurang daripada anggaran tahun 2019 sebanyak RM10 juta lebih. Jadi, kenapa?

Sebenarnya kita pun faham di Labuan yang RM60 juta pun tak cukup. *Collection* daripada cukai pintu dan yang lain-lain cuma dalam RM30 juta lebih. Jadi, total dengan bajet ini cuma RM80 lebih juta. Labuan perlukan adalah keseluruhan dalam RM100 juta. Jadi, Kementerian Wilayah patut diberikan tambahan bajet dan Perbadanan Labuan diberi apa yang dia perlu.

Juga di sini saya ingin bertanya, adakah bajet RM50 juta itu termasuk bajet untuk program-program yang berkaitan dengan BIMP-EAGA? BIMP-EAGA, kita ada sukan dan dia selalunya tidak masuk Majlis Sukan tetapi dia lebih dalam peruntukan Perbadanan. Tahun lepas, BIMP-EAGA punya sukan dan juga *Borneo Games* sudah tidak ada dan kita mahukan penjelasan, kenapa? Ini adalah penting untuk Labuan sebab Labuan adalah salah satu provinsi dalam BIMP-EAGA punya *region* selain daripada Sabah dan Sarawak.

Butiran 020500 – Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan yang juga bertanggungjawab kepada Labuan, saya ingin bertanya, berapakah peruntukan yang akan diberikan kepada pembangunan sukan di Labuan dan juga bantuan-bantuan untuk pentadbiran dan juga untuk mengadakan atau turut serta dalam pertandingan-pertandingan kejohanan sukan?

Adakah program untuk memastikan Labuan diberikan penumpuan supaya Labuan ada jenis sukan yang akan dibangunkan atletnya untuk menyertai SUKMA terutamanya mewakili wilayah? Terutamanya seperti sukan yang berkaitan dengan laut seperti layar di mana Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan sememangnya Labuanlah yang layak untuk menjadi tempat untuk dibangunkan memandangkan Labuan sahaja mempunyai laut.

Seterusnya, Butiran 030300 – Perancangan Bandar dan Desa sebanyak RM68 juta. Saya ingin tahu, adakah perancangan untuk kita *upgrade* terutamanya dalam memikirkan merancang untuk jangka masa panjang kampung-kampung air di Labuan?

■1940

Kampung air yang ada di Labuan sekarang ini adalah berada di tengah-tengah kawasan perindustrian. Baru-baru ini ada satu lagi industri yang agak *heavy*, berat juga diadakan berdekatan juga dengan satu kampung air lagi iaitu Kampung Bebuluh Laut. Saya memang menyokong dan suka perindustrian-perindustrian ini dibawa ke Labuan untuk kemajuan ekonomi tetapi kampung-kampung air di Labuan ini perlu diberikan perancangan semula seperti membuat di satu kawasan yang lebih sesuai seperti yang diadakan di Brunei Darussalam yang mana kampung airnya lengkap dengan *sanitary*, *sewerage system* dan sebagainya dan seterusnya dijadikan sebagai pusat pelancongan, selari dengan perancangan Labuan ingin menjadi sebuah pusat pelancongan.

Seterusnya Landskap Negara – 030400. Saya ingin bertanya, adakah bajet ini termasuk untuk kita buat penyelenggaraan dan *upgrading botanical garden* yang mana kita semua tahu baru-baru ini ada kerosakan yang mana kerosakan-kerosakan yang berlaku di kawasan-kawasan seperti ini boleh membahayakan pengunjung dan sebagainya. Begitu juga, sebenarnya Labuan memang pernah diumumkan oleh Perdana Menteri yang ke-4 dulu, yang mana Perdana Menteri ke-4 juga sekarang menjadi Perdana Menteri kita untuk Labuan dijadikan sebagai Pulau Taman (*Garden Island*). Jadi, saya berharap Landskap Negara yang mana ianya sudah berada di bawah Kementerian Wilayah akan mengambil peluang untuk memastikan wawasan menjadikan Labuan sebagai *International Garden Island* itu dapat dijayakan.

Untuk 030500 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Soalan saya, adakah *native land* yang semakin berkurangnya di Labuan itu akan diganti, akan dicari jalan macam mana supaya ianya dapat diganti semula dan ianya terus menjadi satu *reserve* yang akan memastikan *native land* di Labuan sentiasa mempunyai keluasan yang tetap. Mungkin di tanah yang masih dimiliki oleh kerajaan ataupun tanah-tanah yang akan ditimbus guna.

Untuk 040300 – Penyelenggaraan Bas Putrajaya. Walaupun ini Putrajaya tetapi tajuk ini mengingatkan saya bahawa Labuan sebenarnya perlukan sistem pengangkutan awam yang baik. Sekarang ini memang bas-bas yang ada di Labuan agak teruk. Saya berharap Kementerian Wilayah kalau tidak ada bajet untuk tahun ini pun, sekurang-kurangnya merancang untuk tahun-tahun akan datang supaya kita ada satu pelan ataupun perancangan untuk memastikan *public transportation* di Labuan terutamanya bas henti-henti dapat *diupgrade* dengan ada *intervention* daripada kerajaan.

Begitu juga 040500 – Promosi Menggalakkan Pelaburan dan Perdagangan. Cuma RM3 juta, saya berharap Labuan ditolong untuk ada satu program penggalakan pelaburan supaya perancangan yang sudah dibuat, yang mana kebanyakannya mesti dilaksanakan oleh *private sector* akan dapat dijayakan.

Diskaun Tambang Feri – 050100, RM9 juta. Anggaran 2019 kosong saya rasa, dulu ada juga, mungkin ia sudah berpindah ke Perbadanan Labuan inilah. Akan tetapi walau macam mana pun yang saya ingin saya tegaskan di sini ataupun tanyakan, RM9 juta ini saya rasa tidak cukup sebab Perbadanan Labuan dan juga Kementerian Wilayah sedang aktif mengadakan banyak program-program promosi pelancongan termasuk MOTAC fasal ada VM2020. Kita jangka dengan banyaknya *event-event* yang dibuat di Labuan, akan membuatkan ramai pengunjung tempatan, rakyat Malaysia daripada kawasan lain datang ke Labuan yang mana mereka layak untuk dapat subsidi tersebut dan saya jangkakan RM9 juta ini tidak mencukupi. Saya harap ia dapat *direvise* dan ditambah.

Seterusnya 01100 – Projek PPP PFI. Saya ingin bertanya, adakah bajet ini juga termasuk untuk mengadakan kajian mengenai Jambatan Labuan yang mana diumumkan, dikhabarkan ianya akan dibuat dengan secara PFI. Saya yakin kajian perlu dibuat supaya nanti senang untuk kita menilai *proposal-proposal* yang akan diterima.

Seterusnya jalan-jalan dan jambatan-jambatan di Labuan, pembangunan taman awam, pembangunan landskap, semua ini adalah yang ada kaitan dengan pembangunan infrastruktur dan juga *beautifcation* Labuan. Saya berharap bajet-bajet ini juga ada bahagian untuk Labuan.

Seterusnya Kompleks Perniagaan dan Pasar. Kalau ada perincian dan ada bahagian untuk Labuan.

Seterusnya 020100 – Sosioekonomi. Labuan memang keadaan ekonomi agak muram seperti yang diketahui oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Jadi, saya ingin bertanya daripada peruntukan yang ada itu, tidak berapa banyak pun RM6 juta lebih. Berapakah yang akan *diportionkan* untuk Labuan? Untuk pengetahuan juga, sebenarnya di Labuan banyak juga kes-kes yang memerlukan pembelaan dan sebagainya terutama mereka yang *displace* daripada kerja

dan sebagainya. Saya berharap Yayasan Pembangunan Labuan yang boleh membantu kementerian di dalam menangani isu-isu kecemasan dan sebagainya dapat dibantu oleh kementerian.

Seterusnya daripada sosioekonomi ini juga, saya berharap permintaan oleh MPKK yang mana Pengerusinya cuma menerima RM500 elaun daripada KPLB adalah jauh lebih rendah dibandingkan RM900 yang mereka terima sebelum ini. Jadi, bolehkah daripada Bajet Sosioekonomi ini, kita tambah elaun bulanan mereka?

Seterusnya, saya berharap sekarang ini memang ada isu panas di Labuan mengenai cukai pintu dan sebagainya. Saya berharap cukai pintu ini tidak dinaikkan untuk tahun 2020 dan peruntukan yang cukup diberikan kepada Perbadanan Labuan untuk Perbadanan Labuan dapat mentadbir Labuan dengan licinnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu, silakan.

7.48 mlm.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampung Baru. Saya merujuk kepada perancangan kerajaan di dalam Program Perancangan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan di mana antara petunjuk prestasi utama yang disasarkan adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur mencapai tahap *livable city* dalam *the Economist Intelligence Unit (EIU) most livable cities rating among 100 cities*. *The Economist Global Livability Index* menggunakan lima kategori untuk mengukur negara yang paling sesuai untuk didiami iaitu kestabilan, keselamatan, penjagaan kesihatan, kebudayaan dan alam sekitar serta infrastruktur.

Hal ini menunjukkan bahawa kebudayaan adalah antara elemen penting yang perlu dititikberatkan oleh kerajaan bagi mencapai sasaran yang diletakkan. Kampung Baru telah dirujuk sebagai salah satu kawasan khusus di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 di mana kerajaan meletakkannya sebagai salah satu kawasan yang memerlukan perhatian khas dari segi pelaksanaan, perancangan dan pembangunan. Namun begitu, adakah PSKL 2020 yang digazetkan oleh Menteri yang baru ini telah dirunding bersama penduduk Kampung Baru.

■1950

Kita tidak mahu rundingan yang dilakukan hanya untuk mencapai kata sepakat dari segi nilai harga tanah sahaja. Pagi tadi Yang Berhormat Menteri memaklumkan 35 peratus daripada pemilik-pemilik tanah yang memberi maklum balas baru 35 peratus, manakala tempoh yang ditetapkan sehingga akhir bulan ini. Adakah jika masih lagi kadar maklum balas kurang daripada 40 peratus yang yakni 35 peratus, kementerian bercadang untuk meneruskan juga rancang ini?

Seperti yang kita maklumkan draf yang dilancarkan pada tahun 2008 ini dimuktamadkan pada tahun 2012 dan tidak digazetkan oleh kerajaan yang lepas sehinggalah pada tahun 2018. Hal ini menyebabkan kita tertanya-tanya, adakah wujud perubahan lain di dalam pelan tersebut

selepas rundingan dimuktamadkan tujuh tahun yang lepas. Merujuk kepada peruntukan yang diberikan kepada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu di dalam belanjawan kali ini, kita faham bahawa fungsi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu adalah sebagai perancang dan pengawalseliaan pembangunan Kampong Bharu di Kuala Lumpur. Ia bukan sebagai suatu *business* entiti tetapi berfungsi sebagai pengawalseliaan pembangunan untuk memajukan harta di Kampong Bharu.

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu sepatutnya dimanfaatkan dalam menjadikan Kampong Bharu sebaris dengan *Little India* dan *China Town* yang sedia ada dan dibangunkan oleh kerajaan, bukannya fungsi perbadanan ini menjadi orang tengah kepada kerajaan untuk memujuk penduduk menjual tanah mereka dengan harga yang ditentukan oleh kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 020200 berkaitan kawalan terhadap pusat hiburan dan penggunaan arak. Merujuk kepada butiran tersebut, saya ingin bertanya mengapa wujud tambahan yang diberikan kepada DBKL pada tahun ini? Sila.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan atau mengusulkan supaya perbahasan untuk Kementerian Wilayah ini ditangguhkan kerana kita tidak cukup kuorum. Saya sudah bilang, tidak cukup 26 orang. Kita kira sekarang yang ada dalam Dewan, tidak cukup kuorum. Saya minta kita tangguhkan.

Tuan Pengerusi: Tolong kira semula.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya kira ada 22 orang sahaja. Tidak cukup, kiralah dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cukup, cukup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Mana cukup?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada, kira betul-betul... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada 22 orang sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ada 22 orang sahaja. Panggil masuklah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Buang masa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan buang masa. Kita ada peraturan....

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada 23 orang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Baru 23 orang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ada 23 orang Tuan Pengerusi, tidak cukup tiga orang lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, minta *stop* masa saya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Stop* masa dahulu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Stop* masa saya.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Ada 23 orang Tuan Pengerusi. [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah, jangan buang masa lah Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Siapa buang masa? / ikut prosedurlah. Ini peraturan mesyuarat. *Please*, jangan cakap buang masa.

Tuan Pengerusi: Sudah, kita lihat, kira semula.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Peraturan mesyuarat berapa?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, masa saya berjalan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ada 25 orang ya.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sila baca peraturan mesyuarat, sila baca.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akta berapa Yang Berhormat Pendang? Akta berapa? Baca peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Bunyi locenglah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan mesyuarat berapa? Yang Berhormat Pendang, baca peraturan mesyuarat. Ganggu Dewan perbahasan sahaja, baca peraturan mesyuarat Yang Berhormat Pendang. Jangan buang masalah.

Tuan Pengerusi: Kita akan bunyikan loceng.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan buang masa. Saya bercakap berkenaan dengan prosedur...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan mana? Peraturan mana?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kuorum mesti ada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baca peraturan! [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduklah Yang Berhormat Jelutong. Duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buang masalah, tidak tahu peraturan kah?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Lima orang sudah masuk.

Tuan Pengerusi: Oh! Sudah cukuplah. Sudah cukup.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cukup.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi, saya rasa kena kira balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini Yang Berhormat Pendang sengaja buang masa sahaja.

Tuan Pengerusi: Ada 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong ini, apa pun dia tidak reti.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Ada, ada *full, full*.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Prosedur 25, Perkara 25.

Tuan Pengerusi: Ada 27. Cukup sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cukup Yang Berhormat Pendang. Bacalah matematik tahu kira dahulu jangan buang masa. Bodohlah, bodoh!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduklah, masa saya kira tadi 22 orang sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang, bodoh lah, bodoh lah! [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Sudah, sila duduk. Kalau Yang Berhormat hendak menghabiskan masa, saya kurangkan masa untuk berbahas jadi tiga minit.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, suruh dia tarik balik perkataan bodoh. Kalau tidak, saya tidak akan benarkan. Tarik balik perkataan bodoh. Yang Berhormat Jelutong.

Seorang Ahli: Dia kira silap.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, masa saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tarik baliklah, tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, saya tarik balik...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Halau keluar ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tarik balik bodoh, mungkin kurang pandai.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini memang tidak tahu matematik ini. Yang Berhormat Jelutong tidak tahu matematik. Tarik balik kurang pandai sebab saya kira tadi 22 orang. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Duduklah, semua duduk. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Pendang duduk, dia sudah tarik balik bodoh itu, kurang cerdik, kurang pandai tidak apa. Silakan, sebab kurang pandai itu...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia ini tidak tahu kira. Matematik dia *very bad*. Dia tidak tahu kira matematik, 22... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah, silakan. Yang Berhormat Jelutong pun duduk, Yang Berhormat Pendang pun duduk. Silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini kurang ajar.

Tuan Pengerusi: Itu pun tidak boleh Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia memang kurang ajar, memang dia kurang belajar.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Masa saya Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia kurang *knowledge*, kurang ilmu, kurang ajarlah.

Tuan Pengerusi: Tarik balik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia kurang ajar, kurang belajar. Bila dia kurang belajar, maknanya kurang ajar. Itu sahaja, bukan saya menghina dia.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setuju Yang Berhormat Pendang, setuju.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia tidak faham 26 dengan 22.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, kita kesian dekat Yang Berhormat Pendanglah, yang kurang belajar itu Yang Berhormat Pendang. Kita kesian dekat Yang Berhormat Pendang. Dialah yang kurang belajar. [*Dewan riu*] Tidak tahu kira, tidak tahu matematik...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang, saya nasihatkan duduk. Silakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, masa saya tadi lima minit, sekarang ini saya ada isu rakyat hendak bawa.

Tuan Pengerusi: Jangan salahkan Speaker ya.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya minta tambah masa.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tentang Butiran 020200, tentang bajet tambahan RM4 juta ini, tahun 2019 tidak ada anggaran. Dahulu Menteri pernah isytihar penutupan kilang arak sebelum menang, sekarang saya kira inilah masa untuk Yang Berhormat Menteri memanfaatkan belanjawan tambahan ini untuk memperkasakan DBKL dalam mencegah penjualan arak yang berleluasa terlalu banyak di kelab-kelab malam.

Setiap hari kes *accident* melibatkan pemandu mabuk ini diperkatakan oleh rakyat dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada 9 Januari 2019 menyatakan bahawa di Kuala Lumpur sahaja terdapat 627 pusat hiburan yang melibatkan penutupan jam 5 pagi sebanyak 24 buah. Penutupan jam 3 pagi sebanyak 118 buah. Minta Yang Berhormat Menteri ambil perhatian perkara ini, rakyat sudah bising sekarang. [*Disampuk*] Malangnya pula di Selangor ada yang kata arak boleh diminum secara terbuka.

Seterusnya, saya menyebut berkaitan dengan butiran yang sama isu selenggaraan jalan. Di bawah butiran yang sama berkaitan DBKL, saya mendapat aduan dan keluhan hati para warga ibu kota khususnya pengguna jalan raya terpaksa mendepan dengan jalan yang begitu banyak berlubang. Secara khususnya jalan sepanjang Jelatek sehingga jalan Kampung Pandan dan kawasan sekitarnya yang terkesan akibat pembinaan Lebuhraya DUKE 3, Setiawangsa-Pantai

Espressway (SPE) dan juga projek MRT. Sudah banyak berlaku kes kemalangan daripada masalah yang saya sebutkan.

Seterusnya, saya ingin menyebut sedikit bawah DBKL juga, isu perpindahan peniaga *Uptown* isu operasi *Uptown* Danau Kota ini sudah terlalu lama berlarutan. Jalan penyelesaian yang bersifat menang-menang perlu diambil oleh kementerian agar aduan penduduk yang menjadi mangsa kesesakan lalu lintas dapat diselesaikan dan pada masa yang sama nasib penjaja khususnya golongan yang paling ramai, Melayu bumiputera tetap terbelah.

Saya difahamkan notis pengosongan tapak sudah dikeluarkan kepada peniaga *Uptown* tersebut pada 4 Oktober 2019, mereka diminta berpindah mengosongkan tapak selewat-lewatnya 30 Oktober 2019. Sementara menunggu tapak kekal di Jalan Genting Klang siap mereka kini dipindahkan pula di satu tapak sementara atas bekas loji kumbahan yang bersebelahan dengan SK Danau Kota. Persoalan saya, adakah tapak sementara *Uptown* itu akan dapat menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas? Sedangkan ia terletak di kawasan perumahan juga, kita tidak mahu menjadi, '*Bagai tikus membaiki labu*'. Isu pokok, keluhan penduduk masih lagi tidak selesai.

Kedua, bilakah mula tapak kekal akan dijanjikan pada para peniaga akan mula dibina dan dijangka siap untuk meniaga duduki? Kita patut kasihan juga dengan nasib peniaga yang terjejas dan dalam masa yang sama mengambil kira tentang aduan penduduk yang berkenaan. Itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai, lima minit cukup?

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Batu ada?

7.59 mlm.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey, tidak apa. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bukan duduk di Kuala Lumpur, walau bagaimanapun anak dan saudara mara duduk di bandar raya, saya terpaksa bela sedikit. [*Ketawa*] Seterusnya saya pergi kepada Butiran 020200. Setakat ini apakah inisiatif pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan penggunaan dewan pusat komuniti, kompleks sukan dan sebagainya?

■2000

Kedua, apakah pihak Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengekalkan atau menubuhkan lagi laluan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...pejalan kaki berbumbung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta kalau Yang Berhormat Jelutong hendak tengok bola, okey. Kita tidak ramai, jadi seorang 10 minit, kami tidak payah korup.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Adakah pihak kementerian menegakkan kebersihan di bandar Kuala Lumpur, memandangkan tahun 2020 dijadikan Tahun Melawat Malaysia. Hampir 3 juta rakyat akan hadir ke negara kita.

Seterusnya Butiran 020500 – Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Pada pendapat Kementerian Wilayah Persekutuan, apakah strategi kementerian untuk memberi insentif kepada atlet kebangsaan untuk menarik dan membangunkan bakat negara? Apakah rancangan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membentuk standard atau *framework* keutamaan dan *standard of procedure* untuk melantik jurulatih bertauliah supaya proses menjadi efektif.

Seterusnya Butiran 030100 - Perancangan dan Pengurusan Pembangunan. Daripada segi *standard of procedure*, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pematuhan spesifikasi dan perancangan yang ditetapkan. Seterusnya selain itu, adakah kementerian berpendapat bahawa mengemaskinikan undang-undang dan polisi boleh menarik takrif terhadap perancangan dan pembangunan. Bolehkah pihak kementerian memberikan maklumat terperinci tentang pembinaan khidmat nasihat teknikal seperti akses pelaburan kerajaan dari segi tenaga manusia dan *potential value*.

Itu sahaja daripada saya Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Hai! Batu tidak ada?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, 10 minit. Yang Berhormat Arau atau Yang Berhormat Tanjong Karang dahulu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau dahulu, Yang Berhormat Arau dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, tidak mengapa, terima kasih. Saya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau minta lima minit tadi.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Pengerusi, Batu ingin berbahas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa 10 minit, 10 minit.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tadi saya sudah minta.

8.02 mlm.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang pertama sekali kita sedar perlawanan bola akan berlaku dengan hebatnya dan saya akan bertarung dengan Yang Berhormat Jelutong untuk menentukan pasukan mana yang menyokong. Kita harap kita pasukan yang berlainan supaya kita boleh lawan dengan hebat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sokong Malaysia, Yang Berhormat Arau sokong Indonesia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nampaknya jangan rasis ya. Okey yang pertama sekali ialah Perbadanan Putrajaya. Perbadanan Putrajaya ini saya hendak beritahu bahawa ini adalah di antara bandar yang tercantik di dunia. Di bawah Perbadanan Putrajaya itu dia sebut-

Keduanya, Butiran 050200 – Penyelenggaraan *Desilting* Tasik Putrajaya. Tasik Putrajaya ini, ini dia keadaannya, kita ada masjid di sana kemudian kita ada Alamanda di sini. Oleh sebab Tuan Pengerusi tidak pernah pergi *jogging* di situ. Saya walaupun duduk di Parlimen, saya akan pergi walaupun malam sebab di sana ada lampu untuk membolehkan kita berjalan walaupun malam hari. Banyak peminat di sana. Akan tetapi, *desilting* ini berlaku di sebelah kawasan Alamanda dan juga sebuah hotel di sana. Jadi, RM10 juta. Jadi saya hendak tanya ini *desilting* ini adalah untuk kawasan itu ataupun di tempat lain, satu.

Keduanya, kenapa dibenarkan pembinaan rumah di sebelah jabatan kerajaan? Kita tengok ada jarak di antara tempat laluan kita berjalan kaki ataupun tebing Tasik Putrajaya ada jaraknya. Akan tetapi, di hadapan ataupun di sebelah Kementerian Luar Negeri dan juga rumah TPM kalau tidak silap saya, di situ kita tengok dibenarkan bangunan dibina berdekatan dengan tasik. Kita tahu bahawa tasik ini makin hari dia akan makin mengecil sebab *desilting* dan sebagainya. Apabila kita buat *desilting*, kita tengok tanah itu tidak dibawa keluar tetapi digunakan untuk tambak lagi.

Jadi apabila lagi kita tambak, bererti kawasan itu lagi cetek. Jadi, kenapa dibenarkan dibina bangunan perumahan di sebelah sana. Oleh sebab saya hendak sebut agak susah tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri tahu. Jikalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu, kira Menteri yang agak dahsyatlah. Oleh sebab Yang Berhormat kena tahu kedudukan Tasik Putrajaya itu, di sebelah mana yang akan dibelanjakan sebanyak RM10 juta ini. Perkara ini telah pun dibelanjakan pada tahun 2018 dan tahun 2019 tetapi dia masuk sini kosong. Jadi, saya hendak tanya, *desilting* itu dibuat di sebelah mana dan adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk tidak membenarkan lagi kawasan perumahan dibina berdekatan dengan tasik.

Oleh sebab apabila dibina berdekatan dengan tasik, dia bukan menyeronokkan bagi orang yang membeli rumah itu nanti, sebab itu dia bagi kepada pihak swasta. Tidak menyeronokkan Yang Berhormat. Di tasik itu dibela macam-macam binatang terutamanya biawak yang saya rasa oleh sebab populasi biawak tidak dikawal, biawak sudah melebihi daripada— silap-silap sudah melebihi daripada ikan di Tasik Putrajaya makanannya di sana. Dia akan mengganggu juga kawasan perumahan yang berdekatan.

Jadi, apabila duduk di tepi tasik, kita bukan seronok tengok tasik aman dan damai, kita akan lihat nanti bahawa binatang-binatang yang tidak dikawal populasinya ia boleh mendatangkan masalah kepada penduduk yang berkenaan. Ini benda yang saya hendak sebutkan. Kemudian yang berikutnya, tanpa melihat jam di sana sebab saya tengah bercakap sebab saya telah bersedia dengan 10 minit.

Yang Berhormat, kita lihat dahulu Yang Berhormat Seputeh tegur, dia kata apalah ini Kerajaan Barisan Nasional dia kata buat kondo, kondo tidak berhenti akhirnya trafik jem. Kawasan lapang semua trafik jem dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah kawalan dibuat berdasarkan jalan yang ada itu dengan jumlah kondo yang akan dibangunkan dan jumlah penduduk. Apakah jalan itu mampu menampung jumlah penduduk yang begitu ramai? Yang Berhormat Menteri, ini adalah soalan cepu emas kepada Yang Berhormat Menteri,

dari segi bangsa-bangsa dunia ini, berapa orang penduduk Malaysia yang berada di Kuala Lumpur di siang hari dan juga di malam hari?

Ini kerana, kita tengok di malam hari ini kita susah hendak tengok orang tempatan, lebih banyak orang asing, orang asing menguasai semua tempat-tempat yang utama. Kalau saya disebut bahawa Kuala Lumpur ini menjadi bandar salah satu yang tercantik di dunia tetapi Yang Berhormat Menteri, kalau orang datang sini, orang tidak tengok muka rambut putih lagi sudah. Orang tengok macam-macam rupa, adalah rupa-rupa Yang Berhormat Jelutong dan sebagainya. Akan tetapi, kita lihat bermacam-macam rupa ini di sana. Jadi, adakah ini bandar raya?

Jikalau Yang Berhormat Menteri pergi ke luar negara, kalau sebut London kita tahu macam ini, kalau sebut Amsterdam macam ini, kalau sebut Paris macam ini, kalau sebut Rome, macam ini. Akan tetapi di Malaysia, sebut Malaysia jadi pelbagai. Kepelbagaian ini Yang Berhormat Menteri, bagaimana Yang Berhormat Menteri hendak mengatasi supaya dilihat supaya rakyat Malaysia menikmati segala kemudahan yang ada di Kuala Lumpur ini. Di antara kemudahan yang tercantik yang saya sendiri alaminya sebab tempat lain saya tidak dapat pergi ialah Tasik Botani. Saya sudah cakap Yang Berhormat Menteri dekat luar tadi, saya hendak ulang di Parlimen supaya Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Saya ini *dok* kira boleh kata setiap hari daripada Parlimen pergi ke Tasik Botani. Bilakah kita hendak berhenti hendak membuat pembinaan ini? Sesetengahnya kadang-kadang pembinaan terlampau kecil tetapi dia buat seluruh, jadi perbaiki semua jalan, lubang satu tempat. Yang Berhormat Menteri, kalau lubang itu rosak, perbaiki lubang itu. Saya tahu Dewan Bandaraya ada duit banyak. Duit *reserved* sebanyak RM3 bilion ini, Yang Berhormat buat apa duit itu?

Yang Berhormat Menteri *dok* sebut minta kepada kerajaan tetapi Dewan Bandaraya sendiri ada *reserved* sebanyak RM3 bilion pada dua tahun yang lepas, jadi duit ini dibuat apa? Jadi saya minta supaya sebanyak RM5 bilion, lagi sakan. Sebanyak RM5 bilion duit bandar raya. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri gunakan semua peruntukan yang ada ini untuk membangunkan Kuala Lumpur berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

Jadi Tasik Botani Yang Berhormat Menteri sudah hampir setahun kalau saya tidak silap tempat *parking* ini telah dibuat dan dia hanya buat pada pagi sampai petang. Sepatutnya dia buat 24 jam. Oleh sebab kawasan ini adalah kawasan utama. Saya ingat di antara kawasan utama di Kuala Lumpur ini adalah di Tasik Botani. Jadi kita kena perbaiki dan Yang Berhormat Menteri kena ingat di sana kemudahan bilik air, bilik air memang banyak tetapi yang boleh pakai cuma dua hingga tiga buah bilik air dan ia boleh pakai pula setengahnya sampai jam enam sahaja.

Oleh sebab bagi orang-orang di Kuala Lumpur ini, ekspatriat dan juga lain-lain lagi, dia orang keluar pejabat pun dekat pukul 6.00 petang, dia guna sampai pukul 9.00 malam dan sebagainya. Jadi bilik air kena ikut macam itu. Bilik sembahyang itu Yang Berhormat yang dapat digunakan hanya satu, *hat* lain-lain tidak dapat digunakan.

Ini di antara contoh di mana kemudahan awam itu hendaklah diperincikan dan kalau boleh diperbaiki dalam bentuk laluan daripada Masjid Negara, Bukit Aman sampai ke Taman

Botani ialah jalan raya. Apakah kita hendak gunakan ia sebahagian daripada Tasik Botani yang besar supaya ia menjadi kawasan persiaran yang dinikmati. Puak-puak ini— okey, sebab Yang Berhormat Jelutong minta tangan macam itu.

Tuan Pengerusi: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

■2010

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia minta tolong saya. Maka Tuan Pengerusi, saya minta supaya *reserve* RM5 bilion yang ada sekarang ini, dengan hebatnya digunakan dengan sebaiknya untuk kemudahan rakyat tempatan dan carilah peluang bagaimana rakyat tempatan ini boleh menggunakan Kuala Lumpur ini dengan sebaiknya dan bukan nampaknya dinikmati oleh sebahagian besarnya oleh orang asing. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Selepas ini Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Kuala Nerus.

8.10 mlm.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Uih! Banyak lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tidak sempat ini, sebab nanti bola macam mana bola?

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi untuk bagi saya ruang.

Tuan Pengerusi: Itu sebab saya cadangkan lima minit. Ramai lagi dalam senarai. Lima minit.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong tunggu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa Tuan Pengerusi, saya pergi stadium dulu, *sat gi* saya tengok macam mana.

Tuan Pengerusi: Nanti tidak ada kuorum.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang. Saya terus kepada butiran...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong tunggu.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Saya terus kepada Butiran 020500 – Majlis Sukan Wilayah Persekutuan di mana peruntukan saya nampak ada kurang walaupun sedikit. Saya ingin memohon Menteri bahawa peruntukan untuk Majlis Sukan Wilayah Persekutuan perlu dipertingkatkan kerana mereka mempunyai dalam Bajet 2020 pun kami sebut bahawa perpaduan dalam sukan. Jika peruntukan tidak cukup, memang susahlah untuk program-program Majlis Sukan Wilayah Persekutuan antaranya adalah sukan bakat dan emas. Oleh itu juga, apa usaha Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dalam memperkasa persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan.

Saya terus kepada Butiran 030500 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Di mana saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian perlu mengkaji balik tanah-tanah yang diberikan TOL kepada pihak-pihak tertentu di mana banyak aduan yang telah disampaikan di Pejabat Parlimen Batu di mana ada tanah-tanah TOL yang disalahgunakan di mana ia mencemarkan kawasan-kawasan perumahan sekitar dan juga mengancam keselamatan penduduk.

Di mana baru-baru ini saya dengan beberapa pegawai DBKL termasuk Pengarah Eksekutif Sosial Ekonomi melawat di satu kawasan di Parlimen Batu, Taman Tasek Indah di mana sebelah taman itu ada bengkel bas. Sampai malam mereka *repair* bas itu sampai penduduk asyik *complaint*. Akan tetapi, saya berpendapat beberapa minggu lalu tanah itu pun telah dijual kepada pemaju tahun 2014. Saya mohon Kementerian *look into it*.

Selain itu juga, saya terus kepada Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Di mana saya ingin memaklumkan bahawa Jalan Ipoh ini adalah satu jalan yang selalu mengadakan kesesakan lalu lintas kerana projek MRT. Ada lagi tiga tahun untuk projek MRT untuk selesai. Akan tetapi keadaan jalan-jalan di Jalan Ipoh adalah amat teruk sampai banyak aduan yang telah diterima di pejabat saya. Saya telah pun berbincang dengan pihak MRT untuk membetulkan jalan-jalan balik tetapi tiada apa-apa inisiatif dan mohon penjelasan Menteri.

Butiran 02102 – Pembangunan Landskap. Saya hari-hari menghadiri sidang Parlimen, saya ternampak landskap di luar Parlimen amat cantik sekali dan juga di depan Menara DBKL landskap memang nampak cantik tetapi di kawasan perumahan memang tiada landskap sebegitu. Saya mencadangkan DBKL atau pun Kementerian perlu mempertingkatkan landskap-landskap supaya jalan-jalan utama nampak cantik lagi.

Saya terus kepada Butiran 03000, di mana walaupun saya sudah bincang dengan Datuk Bandar tetapi saya ingin bangkitkan isu ini di Parlimen di mana untuk rekod pembangunan semula Sentul Pasar yang sampai sekarang tidak mengetahui status. Ingin penjelasan daripada Menteri.

Butiran 08000 – Baik Pulih Sungai. Di mana peruntukan RM13 juta contoh di Sungai Jalan Union ada banyak aduan yang saya telah terima di mana sungai itu telah pun tercemar dan juga landskap ataupun perparitan tidak elok. So, saya harap Kementerian akan memberi kepentingan di Jalan Union.

Saya terus kepada isu pembangunan baru. Di mana saya telah memohon untuk pembangunan baharu di PPR Batu Muda, *parking* dan dewan. PPR Batu Muda ini adalah satu PPR yang unik di mana ada tujuh blok. Setiap blok ada 1,000 unit. So, ada 7,000 unit di mana satu unit kalau kita kira lima orang, 7,000 unit saya tidak pasti berapa tetapi penduduk yang padat. Akan tetapi, mereka tidak ada dewan untuk digunakan dan saya harap Menteri sangat prihatin memberi satu pembangunan baharu di PPR tersebut.

Di Batu Muda, seperti saudara Yang Berhormat Arau kata tadi, pembangunan-pembangunan yang sangat pesat yang diluluskan dulu tetapi tiada apa-apa perkembangan dari segi jalan. Di Jalan Batu Muda ini ada projek dari UOA, Mah Sing, Sky World. Akan tetapi jalan-

jalan utama itu sama sahaja. So, saya mohon pihak kementerian kaji balik sistem jalan raya dan juga mengkaji balik DO yang telah diberikan kepada pemaju supaya kita kena lebih tegas jalan-jalan utama itu perlu dinaik taraf ataupun pelebaran jalan perlu dilakukan.

Apabila saya menghadiri satu mesyuarat dengan DBKL baru-baru ini berkaitan dengan isu air dan tunggakan sewa, saya mendapati bahawa Parlimen Batu adalah antara Parlimen yang mempunyai tunggakan air dan sewa yang paling tinggi. Maksudnya, Parlimen Batu ini adalah satu Parlimen yang padat dengan penduduk dan di mana kos tunggakan tersebut adalah hampir cecah RM50 juta. Saya memohon kementerian bahawa walaupun DBKL telah ambil banyak inisiatif dan juga Menteri pun hari itu sebut tiada tindakan untuk sekarang.

Saya ingin mencadangkan bahawa DBKL memberi penghuni-penghuni sebegini masa ataupun diskaun dalam masa yang singkat contoh diskaun tersebut adalah untuk satu bulan. Dalam satu bulan itu contoh kita bagi diskaun 40 *percent*, ini boleh meningkatkan penghuni-penghuni untuk bayar. Apabila kita dengar sahaja diskaun mereka memang suka hendak pergi kan.

Last sekali, pembangunan semula Flat Negeri Sembilan di mana Menteri sendiri mengumumkan beberapa bulan lalu. Apakah status terkini? Selain itu juga permohonan daripada penghuni-penghuni di sana adalah pada tahun 2014 DBKL memberi ruang kepada mereka untuk membeli rumah tersebut. Sekarang hampir satu tahun untuk penghuni membeli rumah. Sekarang mereka ingin memohon lagi sekali supaya peluang ini terbuka kepada penghuni di Flat Negeri Sembilan supaya mereka boleh beli rumah lagi sekali sebelum pembangunan semula. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Ada satu lagi. Satu lagi. Ada satu lagi .

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Ini penting. Ini penting. Satu lagi. Kerajaan Negeri Selangor pada Julai 2019 menyatakan bahawa ada sistem baharu di mana panduan baharu untuk melarang warga asing berniaga. Apakah inisiatif Kementerian Wilayah juga melarang warga asing untuk berniaga ataupun adakah Kementerian Wilayah adakan *special* panduan untuk warga asing berniaga? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dungun. Lima minit juga.

8.19 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar di bawah 020100 – Sosioekonomi. Peruntukan 2019, RM5,100,000. Peruntukan 2020 RM6,268,600.

■2020

Tuan Pengerusi, dalam butiran ini salah satu objektifnya adalah menaik taraf kehidupan dan kualiti persekitaran penduduk bandar. Antara fungsi yang ditetapkan adalah memastikan penjualan rumah program perumahan mampu milik dilaksanakan secara sistematik.

Dalam laporan suku pertama tahun 2019 yang diterbitkan oleh NAPIC sebanyak 48,585 unit rumah yang berharga di bawah RM300,000 tidak terjual. Saya minta kementerian memperincikan berapakah jumlah hartanah tidak terjual mengikut kategori *overhang*, sedang dalam pembinaan dan belum dibina? Apakah rancangan kementerian untuk menyelesaikan lambakan rumah berharga RM300,000 ke bawah yang tidak terjual di Wilayah Persekutuan?

Di bawah tajuk yang sama, saya ingin penjelasan berhubung dengan tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap isu tunggakan bayaran sewa membabitkan Projek Perumahan Awam (PPA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah mencecah sebanyak RM58 juta. Ini juga menimbulkan masalah daripada aspek penyelenggaraan dan kebersihan. Adakah pihak kementerian telah menjalankan kaji selidik, apakah faktor sebenar penduduk tidak membuat bayaran sewaan? Sekiranya mereka tidak dapat juga menjelaskan tunggakan tersebut, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk penyelesaian permasalahan?

Seterusnya di bawah butiran yang sama iaitu berkaitan dengan kadar kemiskinan bandar. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana meletakkan satu indikator penting untuk mengurangkan kadar kemiskinan sehingga kepada paras satu peratus pada tahun 2020. Namun, kita juga berhadapan dengan cabaran kadar urbanisasi yang tinggi ke Kuala Lumpur dan dijangka kira-kira 80 peratus penduduk akan mula berhijrah ke bandar-bandar utama termasuk Kuala Lumpur menjelang tahun 2030.

Peningkatan populasi juga akan memberi kesan kepada sosioekonomi rakyat. Bagi saya kadar kemiskinan satu peratus tidak mencerminkan realiti sebenar dan selari dengan pertambahan populasi di Kuala Lumpur. Meskipun masih mengekalkan sasaran satu peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk namun ia sebenarnya meningkat.

Sekiranya paras garis kemiskinan bandar ialah RM970, maka ia tidak lagi relevan. Gaji kewajaran hidup yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia bagi purata isi rumah di Kuala Lumpur ialah RM4,600 sebulan. Adakah kementerian bercadang untuk bersedia mengkaji melakukan perubahan besar bagi menangani masalah miskin bandar khususnya di Kuala Lumpur?

Sementara itu, saya juga ingin bertanya adakah kementerian telah mengambil tindakan susulan berhubung satu kajian yang dijalankan oleh pihak UNICEF mengenai kanak-kanak pinggiran yang dinafikan hak kehidupan mereka di Kuala Lumpur. Saya tertarik dengan dapatan kajian tersebut. Sampel miskin bandar yang dijalankan di *flat* kos rendah di Kuala Lumpur mendapati kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan zat makanan, pertumbuhan terbantut dan hanya segelintir kecil sahaja yang dihantar belajar ke peringkat prasekolah kerana

kekurangan kewangan. Saya berharap agar pihak kementerian meneliti dan mengambil tindakan berhubung dapatan UNICEF ini.

Seterusnya Butiran 030000 – Perancangan Pembangunan. Di bawah Butiran 030500 – Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, selain daripada Kampung Baru, penempatan orang Melayu terletak di Kampung Pandan dan juga Kampung Datuk Keramat. Lokasi kedua-dua buah kawasan ini juga terletak hampir dengan pembangunan pesat di Kuala Lumpur. Lokasi di Kampung Pandan terutamanya berdekatan dengan Projek TRX dan Segi tiga Emas Kuala Lumpur yakni Jalan Imbi dan Bukit Bintang. Apakah rancangan kementerian berhubung dengan kawasan yang diduduki oleh ramai orang Melayu tersebut?

Selain daripada itu saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung tanah rizab Melayu yang terdapat di Kuala Lumpur. Berdasarkan data pada tahun 2013, tanah rizab Melayu di Kuala Lumpur hanya berjumlah 803.45 hektar sahaja, kedua terendah di Semenanjung Malaysia. Berapakah jumlah terkini kedudukan tanah rizab Melayu di Kuala Lumpur? Adakah tanah-tanah yang telah diambil untuk apa-apa tujuan digantikan semula? Jika ada, saya mohon diperincikan.

Seterusnya yang terakhir ialah tanah wakaf di Kuala Lumpur. Berdasarkan statistik daripada Yayasan Waqaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), kira-kira terdapat 30 ribu hektar wakaf di seluruh negara akan tetapi hanya 13 peratus sahaja yang telah dimajukan. Saya minta diperincikan jumlah dan lokasi tanah wakaf di Kuala Lumpur? Adakah pihak kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Majlis Agama Wilayah Islam Wilayah Persekutuan untuk bersama-sama membangunkan tanah wakaf di Kuala Lumpur khususnya untuk kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Justeru tanah wakaf ini boleh dibangunkan untuk mengelakkan ia terbiar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dungun, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kepong.

8.25 mlm.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jumlah yang diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dalam Belanjawan 2020 pada muka surat 329 adalah hampir RM1.46 bilion. Ini sejumlah angka yang sungguh tinggi. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah fungsi-fungsi kementerian *overlapping* dengan agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan?

Saya bagi satu contoh Jabatan Penguatkuasaan DBKL. Mereka menerima arahan daripada Datuk Bandar, Pengarah DBKL dan juga mereka menerima arahan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan atau Yang Berhormat Menteri sendiri? Jadi, Jabatan Penguatkuasaan DBKL hendak dengar siapa?

Kalau arahan-arahan itu adalah bercanggah? Manakah yang lebih *powerful* dengan izin...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Lebih kuat. Jadi, saya hendak Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada fungsi-fungsi utama kementerian ini ada *overlapping* dengan agensi-agensi yang tadi saya sebut. Dalam pada itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri salah satu manifesto Kerajaan Pakatan Harapan adalah pada pilihan raya lalu adalah untuk mengembalikan pilihan raya kerajaan tempatan.

Yang Berhormat Menteri KPKT, Yang Berhormat Ampang juga telah mengumumkan kerajaan akan menjagakan pilihan raya kerajaan tempatan pada tempoh tiga tahun. Tahun ini sudah masuk tahun yang kedua, jadi saya hendak tanya apakah perundingan mesyuarat yang telah diadakan oleh Yang Berhormat Menteri menuju kepada mengadakan, membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan khususnya di Kuala Lumpur. Statusnya ialah *timeline* sama ada dia akan diadakan pada tahun depan ataupun pada tahun 2021?

Saya memetik Butiran 020100 – Sosioekonomi. Jumlahnya RM6.2 juta. Saya hendak tahu apakah projek-projek ataupun program-program yang akan dijalankan atau dicadangkan di bawah sosioekonomi ini? Saya minta kementerian menjalankan projek-projek, langkah-langkah ataupun apa pun yang akan membantu golongan ibu tunggal dan juga golongan OKU di Kuala Lumpur membantu mereka mencari kerja.

Pada minggu lalu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjawab soalan saya di Parlimen. Beliau mengatakan Kerajaan Pusat telah menetapkan satu peratus di kalangan kakitangan Kerajaan Pusat diberikan kepada golongan OKU. Saya minta Kementerian Wilayah Persekutuan di agensi-agensi yang di bawah kementerian menaikkan peratusan daripada satu peratus mungkin kepada dua peratus atau tiga peratus di DBKL, Labuan atau di Putrajaya untuk memberikan kerja kepada golongan ibu tunggal atau golongan OKU.

Seterusnya Butiran 030100 – Perancangan dan Pengurusan Pembangunan. Untuk makluman Dewan ini, RUMAWIP, rumah *affordable* dengan izin Tuan Pengerusi di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan ditetapkan pada 80,000 unit. Itu satu angka yang saya rasa sudah mencukupi.

■2030

Jadi, saya minta kementerian membolehkan rancangan PPR khususnya di Kuala Lumpur. Tujuan asal PPR adalah untuk sewa, jangan dijual, untuk sewa. Ini kerana saya rasa kebanyakan majoriti B40 mereka tidak mampu beli RUMAWIP ditetapkan pada harga RM300,000 kah atau RM100,000 pun mereka masih tidak mampu beli sebab mereka di *blacklist* ataupun mereka tidak mampu keluarkan deposit *10 percent*, RM10,000 tambah lagi *lawyer fees*, dengan izin tambah lagi *stamp duty* mereka tidak mampu.

Jadi saya minta PPR konsep baharu boleh panggil PPR 2.0 diadakan dan sewanya ditinggikan. Untuk makluman, sewa PPR ditetapkan pada 20 tahun yang lepas RM124 setiap bulan itu sudah tidak munasabah. Mungkin boleh dinaikkan kepada sewa sebulan RM600–RM700 dan PPR yang lebih sesuai pada zaman moden ini mungkin ada *swimming pool, facility* dan sebagainya.

Seterusnya Butiran 030300. Saya cadangkan, saya sarankan lalu-lintas bas percuma diadakan di kawasan Parlimen Kepong ke Ibu Kota Kuala Lumpur. Saya sudah banyak kali bangkit isu ini dengan Yang Berhormat Menteri dan Datuk Bandar Kuala Lumpur sehingga sekarang saya tidak dapat apa maklum balas. Saya minta perkhidmatan bas awam yang percuma diberikan kepada warga Kepong ke Ibu Kota Kuala Lumpur.

Akhirnya saya hendak tanya Butiran 040500 – Promosi Penggalakan Pelaburan dan Perdagangan. Jumlah RM3 juta diberikan seolah-olahnya ia *one-off* sebab Belanjawan tahun lalu tidak ada. Saya hendak tanya, bukannya ini promosi pelaburan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri? Kalau tidak, saya hendak tanya apa program. Apa yang akan dijalankan di bawah peruntukan RM3 juta. Sedikit sahaja.

Butiran 030400 – Landskap Negara. Telah dilaporkan di *Malay Mail* bulan lalu, di Taman Tasik Metropolitan Kepong satu taman yang cukup cantik dan menarik. Tasiknya juga cukup besar. Saya hendak minta landskap dinaiktarafkan kalau boleh menjadikan ia satu tempat yang untuk *night activity*, *night* sukan pada masa malam dan *Malay Mail* juga melaporkan di tasik itu ada satu binatang yang *endanger species*, Tuan Pengerusi iaitu *otter*, dalam bahasa Melayu...

Seorang Ahli: Memerang.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, terima kasih memerang. *Otter* muncul hidup di Taman Tasik Metropolitan Kepong. Jadi saya minta kementerian untuk menyelamatkan binatang ini dan juga memastikan mereka tidak diusik dan ditangkap. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kepong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang. Silakan.

8.33 mlm.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Izinkan saya baca sedikit sejarah Kampong Bharu ini. Ini adalah sebuah rizab Melayu kurniaan Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa yang terbentuk pada tahun 1897 ketika Almarhum bergelar Raja Muda Selangor.

Warta Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2 mengenai *The Malay Agricultural Settlement* di bawah Seksyen 6 Enakmen 1897 telah diterbitkan. *The Malay Agricultural Settlement* ataupun sekarang dipanggil MAS atau Kampong Bharu ini merupakan penempatan perkampungan rizab Melayu yang telah diwujudkan pada 1897 dengan tujuan menggalakkan pertanian, kesenian dan pertukangan tangan di kalangan orang Melayu.

Berikutan dengan penerbitan warta ini, satu lembaga pentadbiran telah dibentuk oleh Raja Muda Selangor yang dilantik sebagai Pengerusi ataupun Presiden. Di lembaga pentadbiran ini telah diberikan kuasa penuh untuk meluluskan pemberian lot-lot kediaman yang tidak melebihi 0.8 hektar bagi setiap permohonan.

Ini sejarahnya, kerana ini ada sejarahnya maka itulah dahulu masa kita memerintah kita telah pun membuat undang-undang, kita buat satu Akta 733 Akta Perbadanan Pembangunan

Kampung Bharu 2011 dan dalam ini saya bacalah akta ini, tengok semua peranan-peranan ini telah pun ada. Dalam masa yang sama, kita juga tahu, sudah ada juga iaitu cadangan pembangunan semula Kampung Bharu, Kuala Lumpur pun sudah ada.

Persoalan saya Yang Berhormat Menteri, sudah ada ini semua mengapa tiba-tiba hendak ditubuhkan SPV. Kita tahu SPV ini *special*...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Purposes Vehicle.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Special Purposes Vehicle.* SPV ini, jadi apa bezanya di antara fungsi Perbadanan Kampung Bharu dengan SPV yang akan ditubuhkan ini, ini yang saya hendak tahu. Kemudian balik kepada SPV ini, siapakah yang punya SPV ini, siapa? Memang *shareholder* dia kata hendak bagi kepada *owner* bagi dengan RM1,500 yang di-*offer* daripada RM850 naik RM1,000, RM1,500 itulah yang dia tawarkan sebagai *share*.

Jadi, maksud saya ialah SPV ini siapa yang akan kendalikan SPV ini, pengurusannya siapa yang akan dibuat sebab kita sudah ada satu di bawah perbadanan kah, itu saya hendak penjelasan. Kemudian kita tahu bahawa anggaran perbelanjaan ialah RM6 bilion untuk pembangunan Kampung Bharu .

Jadi saya hendak tanya, daripada manakah kerajaan akan dapat RM6 bilion ini? Ini kerajaan yang hendak beli. Adakah kerajaan keluarkan duit RM6 bilion ataupun tanah itu semua nanti akan diletak sebagai *collateral* kepada bank dan adakah sebab itu kah yang maka Yang Berhormat Menteri telah membuat pengumuman kalau tidak silap saya, dia kata semua masih 100 *percent* pemilik-pemilik ataupun lot ini ada 5,359 pemilik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekejap, bagi saya habis sekejap. 5,359 pemilik ada 825 lot, dalam masa yang sama ada 33 lot yang tidak ada hak milik. Macam mana? Mengapa, soalan saya mengapa hendak kena tunggu sampai 100 peratus hendak jual baru hendak SPV ini untuk masuk.

Jadi, saya hendak tanya mana hendak dapat duit RM6 bilion ini dan juga hendak dapat penjelasan bagaimanakah cara pembayaran yang akan dibuat oleh SPV. Bila ada yang hendak jual mungkin bayar 10 peratus kemudian bila baki yang akan dapat dia punya *progress payment* daripada SPV lah kalau hendak kira.

Kemudian seterusnya, apakah jaminan kerajaan supaya penduduk asal akan mampu memiliki rumah dan terus kekal tinggal di Kampung Bharu walaupun kita tahu bahawa rumah mampu milik akan dibuat 50 peratus kalau tidak silap saya tetapi bagaimana bentuk rumah mampu milik ini. Keluasannya? Adakah 100 kaki persegi dan harganya bagaimana untuk dijual. Harga mampu milik baru RM300,000.

Jadi perkara ini hendak dapatkan satu kepastian dan juga kita tahu sudah ada *Board of Director* ada dalam akta kita. Dalam akta ini juga ada *Board of Advisory* pun ada. Oleh itu saya hendak membuat cadangan kerana ini tanah Kampung Melayu, Kampung Bharu ini satu-satunya tanah yang kekal hak milik Melayu ini saya hendak cadang ditubuhkan juga kalau ada *Board of*

Director dan *Board of Advisory* dalam akta ini supaya ada satu *Special Select Committee* di Parlimen untuk menjaga kepentingan orang-orang Melayu di Kampong Bharu.

Kalau kita boleh buat akta ini mengapa kita tidak boleh tubuh satu *Select Committee* untuk memastikan bahawa tanah yang dianugerahkan oleh Allahyarham Sultan Selangor, saya kena sebut sebab saya anak Selangor selamat dan tidak terlepas kepada tangan-tangan yang kita sudah tahu banyak tangan-tangan yang sedang menunggu pada hari ini.

Kemudian saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri ada membuat perbincangan dengan bakal Perdana Menteri, Yang Berhormat Port Dickson kerana Yang Berhormat Port Dickson ada membuat kenyataan di sini. Akta Kampong Bharu batal jika Pakatan tawan Putrajaya. Ini saya ada ini, dia sebut ini saya baca kenyataannya.

“Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 akan dibatalkan serta-merta jika Pakatan Rakyat diberi mandat membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru pada Pilihan raya Umum kali ini, kata Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar bin Ibrahim.”

■2040

“Jika kita diberi mandat oleh rakyat untuk membentuk kerajaan di peringkat pusat selepas PRU, kita akan batalkan Akta ini kerana ia jelas bertentangan dengan kehendak sebenar pemilik dan pewaris penduduk Kampong Bharu. Selepas itu, kita akan serah semula kepada pemilik dan pewaris penduduk Kampong Bharu untuk menentukan hala tuju sebagaimana yang mereka inginkan.”

Ini yang cakap ini Yang Berhormat Port Dickson, bakal Perdana Menteri. Nanti kalau esok Yang Berhormat Port Dickson jadi Perdana Menteri, tiba-tiba esok dibatalkan akta ini, apa hendak jadi? Ini saya hendak tanya ini. Kalau Yang Berhormat Port Dickson bersetuju, okeylah. Kerana ini yang kita *confuse*. Tiba-tiba bila Yang Berhormat Menteri baru masuk, bukan saja akta itu ada, buat yang baru lagi. Hendak dibeli pula semua ini. Hendak dibeli ini semua pula. Jadi, ini kadang-kadang agak *contradict* lah, pening kepala pemimpin yang sebelah sana.

Kemudian yang akhir ini, sebab masa sudah tidak mengizinkan. Saya yang *last*, yang akhir ini iaitu saya hendak sebut mengenai Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya hendak tanya mengenai penyelenggaraan. KPKT telah pun diberi RM200 juta untuk membuat penyelenggaraan. Saya yakin bahawa RM200 juta yang diperuntukkan kepada KPKT itu, pada zaman saya dulu tidak termasuk rumah di bawah Dewan Bandaraya kerana Dewan Bandaraya ada peruntukan dia sendiri. Tadi dia kata RM5 bilion kah apa, rizabnya ada. Jadi, saya tengok bawah Dewan Bandaraya itu macam tidak ada peruntukan. Jadi, berapa banyakkah peruntukan akan disediakan untuk membuat penyelenggaraan terutamanya rumah-rumah PPR?

Sudah menyentuh rumah PPR ini, saya juga hendak dapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, rumah PPR di Kepong, yang dulunya di bawah KPKT, saya dulu sudah janji kita hendak buat *rent-to-own* kepada rumah PPR di Kepong, Yang Berhormat Menteri pun ada dekat sini. Kemudian, saya dimaklumkan rumah ini, KPKT serahkan kepada Dewan Bandaraya dan saya dapat maklum bahawa Dewan Bandaraya tidak perkenalkan *rent-to-own*.

Dia buat cara Dewan Bandaraya suruh pinjam daripada Yayasan Wilayah dan sebagainya yang akhirnya menyusahkan. Juga, sudah penuh kah belum pengisian rumah PPR? Kerana tadi Yang Berhormat Kepong pun ada cakap fasal rumah PPR ini. Oleh sebab kita perkenalkan *rent-to-own*, dengan *rent-to-own* ini tidak perlulah hendak pinjam duit bank. Ini kita hendak tolong orang-orang miskin. Jadi, saya harap isu ini dapat jawapan.

Terima kasih banyak dan minta maaf kerana ambil masa lebih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang. Silakan. Lepas Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Rompin. Tidak ada? Sudah balik ya.

8.43 mlm.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk membincangkan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan ini.

Cuma satu saja saya hendak bangkitkan. Kalaulah Yang Berhormat Menteri boleh selesaikan masalah *jam* yang tujuh, lapan kilometer ke Parlimen ini dan mengambil masa sejam lebih ini, antara Menteri yang terbaiklah, Menteri Wilayah Persekutuan. Jadi, saya cadang kalau boleh, fikir-fikirlah untuk kita buat trem dalam bandar Kuala Lumpur ini bagi mengurangkan kenderaan awam masuk ke Kuala Lumpur dan kita semua menggunakan trem.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Padang Serai jangan kacau. Saya hendak buat ucapan dengan Yang Berhormat Menteri Wilayah.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Malaysia sekarang ini berada di kedudukan 73 dalam *liveable city* oleh *The Economist Intelligence Unit* pada tahun 2018. Kemudian, kementerian sasarkan di kedudukan ke-80 pada tahun 2020. Mengapa kementerian tidak menyasarkan kepada satu tahap yang lebih baik walaupun secara umumnya peruntukan untuk kementerian meningkat sedikit pada tahun 2020? Apakah komponen-komponen yang perlu diberikan fokus utama bagi memperbaiki kedudukan Malaysia?

Selain itu, satu indeks yang dikeluarkan oleh *ECA International Kuala Lumpur* merekodkan Malaysia pada kedudukan ke-126 dalam *most liveable city for Asian expat* pada tahun 2018, jatuh daripada kedudukan ke-25 pada tahun 2013. Satu lagi indeks yang perlu diberikan perhatian juga ialah *Safe Cities Index*. Kuala Lumpur juga jatuh pada kedudukan ke-35 pada tahun 2019 berbanding kedudukan ke-31 pada tahun 2017. Saya minta pihak kementerian berusaha memperbaiki kedudukan ini pada tahun 2020 dalam Butiran 030100 – Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dalam bajet ini.

Saya hendak seterusnya pergi kepada Butiran 030000 – Perancangan dan Pembangunan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengapa kementerian menyasarkan RM700 juta sahaja nilai pelaburan bagi *NKEA Greater KL* pada tahun 2020? Menurun daripada RM1

bilion pada tahun 2018. Apakah rancangan Kementerian untuk RM700 juta nilai pelaburan yang akan diperolehi? Setakat ini, saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah jumlah *multinational corporation* ataupun MNC yang telah membuka pejabatnya di *Greater KL*? Apakah sub sektor mereka? Kita beranggapan tindakan mereka beroperasi di Kuala Lumpur akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat Malaysia.

Selain itu, di bawah *entry point project* (EPP), *Greater KL* telah membangunkan dan mencantikkan Sungai Klang termasuk 10 *nodes* ataupun lokasi strategik sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak. Sejauh mana perkembangan projek tersebut? Berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi tujuan ini termasuk kos penyelenggaraan? Adakah Kementerian juga telah membangunkan projek baharu atau *mixed use development* seperti projek perumahan, peruncitan dan taman sepanjang 10 *nodes* tersebut?

Seterusnya, saya hendak pergi kepada Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya memuji tindakan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mula menjalankan operasi menggempur pusat-pusat hiburan. Kita difahamkan pusat-pusat hiburan yang digempur tersebut segelintirnya tidak mempunyai lesen dan beroperasi melebihi had waktu yang telah ditetapkan. Kita menyokong usaha yang dilakukan oleh DBKL supaya aktiviti-aktiviti tidak sihat dapat dikurangkan ataupun dihapuskan terus.

Ekoran itu, saya ingin dapat penjelasan, berapakah lesen pusat hiburan yang telah dikeluarkan oleh DBKL dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dan berapakah jumlah sebenar pusat hiburan di Kuala Lumpur? Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian berhubung cadangan DBKL untuk memendekkan operasi pusat hiburan sehingga jam 1.00 pagi. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju?

Selain itu, di bawah butiran sama, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung situasi banjir kilat dan banjir lumpur di Kuala Lumpur. Berapa banyak kawasan berpotensi mengalami banjir kilat di Kuala Lumpur? Adakah pihak DBKL akan memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk membina lebih banyak sistem takungan banjir terutama di kawasan-kawasan hilir Sungai Klang? Adakah pihak DBKL mempunyai alternatif lain untuk menyuraikan banjir selain daripada memperbaiki sistem perparitan di kawasan-kawasan tertentu?

Satu lagi saya hendak sebut. Minta kita selesaikan juga masalah sampah yang kita rasa masih lagi Bandar Raya Kuala Lumpur ini tidak mencapai indeksinya. Kerana kalau inilah Yang Berhormat Menteri yang terbaiklah, saya rasa, satu, menyelesaikan masalah *jam*, yang kedua menyelesaikan masalah sampah ataupun kekotoran di bandar ini.

Itulah dua *indication* yang selalunya digunakan oleh Datuk Bandar ataupun Menteri-menteri yang menjaga bandar-bandar di seluruh dunia. Jadi, walaupun kami bertengkar tapi saya hendak memuji juga Yang Berhormat Menteri ini supaya— sekarang ini banyak benda yang beliau telah lakukan. Tapi kalau tambah lagi selamatkan *jam*, kurangkan *jam* dan bersih lagi Kuala Lumpur, *alhamdulillah*, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Salak.

8.49 mlm.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 03000 – Kompleks Perniagaan dan Pasar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya untuk membuka ruang perniagaan untuk peniaga-peniaga bumiputera ini di bangunan-bangunan di kawasan-kawasan yang lebih tinggi tarafnya berbanding dengan hanya berniaga di pasar-pasar, di gerai-gerai dan sebagainya?

■2050

Pada pemerhatian saya banyak *mall*, banyak pasar raya, penyertaan usahawan bumiputera begitu mendukacitakan. Tidak sampai pun lima peratus. Keadaan ini tentunya menunjukkan bahawa penyertaan Bumiputera itu ketinggalan jauh berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Kalau pelancong-pelancong orang asing datang ke Kuala Lumpur, mereka melihat bahawa Kuala Lumpur ini tidak ada orang Melayu atau Bumiputera kah yang duduk dalam Kuala Lumpur ini. Tidak ada berniaga, tidak nampak, *not visible. They cannot see how bumiputera is participating in the business sector, in the trade.* Itu satu.

Keduanya, berkenaan dengan Butiran 02500 - Program Pembangunan Sosioekonomi. Kita ingin melihat penduduk bandar raya Kuala Lumpur ini menjadi masyarakat yang berbudaya tinggi dan mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi, baik, positif dan progresif. Ini memerlukan apa yang mesti dilakukan oleh kita pihak kerajaan khususnya, mendidik penduduk-penduduk di dalam bandar raya Kuala Lumpur dari segi kebudayaan dan pembangunan sosial. Banyak program ke arah itu perlu dilakukan.

Saya ingin bertanya buat masa ini apa yang telah dilakukan oleh kementerian bagi mendidik, memupuk semangat sebagai masyarakat bandar raya moden yang boleh kita banggakan kepada semua seperti menunjukkan bahawa penduduk bandar raya ini berhemah, beradab, *courteous*, baik budi bahasa seperti kita pergi ke tempat-tempat seperti di Jepun umpamanya.

Kalau kita pergi ke Jepun, orang Jepun dipuji dengan sikap mereka dan budaya mereka dan menggalakkan pelancong untuk melancong dan membuat perniagaan juga di negara tersebut. Itu sebagai contoh. Begitu juga beberapa negeri di barat umpamanya, kita puji mereka kerana mereka mengamalkan *value system* dan nilai kehidupan yang baik.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 mengenai jalan-jalan. Peruntukan begitu banyak. Saya rasa berapa ratus juta peruntukan di situ. Saya dapati daripada apa yang kita naiki kereta umpamanya, di merata jalan di Kuala Lumpur ini ianya lebih terus daripada jalan-jalan di kampung-kampung. Jalan di kampung-kampung elok, rata, tidak dia *bumping* yang begitu teruk menyebabkan kita boleh duduk di dalam kereta merasakan jalan itu elok rata.

Akan tetapi Kuala Lumpur, setiap meter kita terasa kita yang lalu terumbang-ambing, seolah-olah duduk atas kapal. Ini kalau tidak percaya boleh *try*. Saya merasakan begitu, saya tidak tahu. Mungkin yang lain-lain tidak kisah, lantaklah asalkan boleh lalu, cukup. Akan tetapi bila saya balik ke kampung, Pasir Salak saya dapati jalannya lebih sempurna lagi daripada di Kuala Lumpur ini.

Ini perlu pihak DBKL bekerjasama dengan JKR untuk memastikan jalan-jalan ini dibuat kerana kontraktor maklumlah, dia hendak untung banyak. Dia minta maaf sikit masa. Dia hendak untung banyak. Apa yang disebut bawang bila mereka buat jalan itu di permukaan nampak cantik tetapi bila kereta lalu, sudah kita tahu apa kualiti jalan itu.

Akhir sekali Tuan Pengerusi berkenaan dengan sampah tadi. Di Bukit Damansara, saya penduduk Kuala Lumpur walaupun saya Ahli Parlimen Pasir Salak. Saya sudah duduk di Kuala Lumpur ini 50 tahun. *I've been long, residence of Kuala Lumpur*. Jadi, saya tahu juga sedikit sebanyak permasalahan Kuala Lumpur.

Salah satu daripadanya adalah sampah. Sampah ini kita sudah menswastakan kalau tidak silap saya kepada Alam Flora. Alam Flora ini jangan dibiarkan begitu sahaja, perlu dipantau kerana mereka ini *business* kepada mereka *they try to reduce the operating cost* dan menyebabkan kadar kutipan sampah itu sampai sehari-hari tidak datang. Tuan Pengerusi, apa jadi depan rumah kita letak kita punya sampah-sampah, tunggu mereka tidak datang. Bau busuk, orang lalu nampak tidak cantik, *eyesore*.

Jadi saya harap benda-benda yang kecil-kecil ini, kadang-kadang pegawai-pegawai sudah tidak kisah sangat. Pegawai-pegawai tidak kisah, kadang-kadang kita kena turun walaupun Menteri. Jangan anggap kita Menteri kita tidak boleh turun. *Sometimes we have to be hands on you know on their back all the time to make sure, dengan izin they do their jobs* ya. Pegawai kita dan juga pengurusan syarikat yang telah mendapat projek itu. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Kuala Nerus sebagai pembahas terakhir.

8.57 mlm.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh kepada Butiran 020000 – Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar. Begitu juga saya menyentuh Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi kalau kita lihat dari sudut perkembangan isu yang berkaitan terutama di bandar iaitu masalah kemiskinan bandar masih lagi menjadi isu utama. Jadi, sejauh mana tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar. Begitu juga laporan UNICEF yang berkaitan dengan kanak-kanak yang kurang zat.

Saya ingin juga tahu adalah tindakan terutama isu yang berkaitan dengan gelandangan yang begitu ramai di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Begitu juga isu masalah pemilikan rumah

dengan sewa yang mahal. Ini adalah menjadi satu beban terutama kepada warga kota yang miskin yang berpendapatan rendah. Jadi, apa usaha kerajaan dalam mengatasi isu-isu seumpama ini.

Begitu juga isu kebejatan sosial termasuk minuman arak secara terbuka. Kalau kita lihat di kawasan Bukit Bintang khususnya jualan arak secara terbuka, seolah-olah tiada segan silu sedangkan ini adalah satu perkara yang bercanggah dengan semua agama. Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mengharamkan penjualan arak secara terbuka. Oleh sebab orang yang mabuk arak ini, tidak ada seorang isteri yang suka suaminya mabuk, tiada seorang suami yang suka isterinya mabuk, tiada seorang ibu bapa yang suka anaknya mabuk. Ia sangat memudaratkan kepada kesihatan.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana pemantauan dan usaha yang telah dibuat untuk memastikan supaya persekitaran Bandaraya Kuala Lumpur tidak dicemari dengan perkara-perkara yang negatif ini.

Begitu juga, iaitu berkaitan dengan peranan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu keberkesanan penguatkuasaan berkaitan dengan kawalan pusat hiburan. Apa yang disebut Yang Berhormat Pendang sebahagian kebetulan poin yang hampir sama iaitu saya ingin tahu berapakah pusat hiburan yang beroperasi dan berapakah premis yang telah diambil tindakan?

Oleh sebab kita dapat maklum daripada 627 premis pusat hiburan yang beroperasi, sebahagian besarnya tidak berlesen dan melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Akta Hiburan Wilayah Persekutuan. Jadi, setakat ini, berapakah tindakan pusat hiburan yang telah diambil tindakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur?

Begitu juga tentang waktu operasi, cadangan pihak Menteri sebelum ini mencadangkan supaya pusat hiburan ditutup pukul satu pagi. Setakat ini berapakah premis hiburan yang telah mematuhi peraturan ini. Apakah usaha pihak kementerian untuk memastikan supaya pusat-pusat hiburan yang begitu banyak di sekitar Kuala Lumpur yang menyuburkan lagi pusat pelacuran, penyalahgunaan dadah dan tempat-tempat maksiat ini dapat dihapuskan dan dikurangkan?

■2100

Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan isu masalah rumah di bawah bidang kuasa Bandaraya Kuala Lumpur iaitu di antaranya ialah Program Perumahan Rakyat (PPR), di mana ada isu sebelum ini kanak-kanak yang meninggal disebabkan sebuah objek yang dicampak daripada atas bangunan PPR. Sebelum ini juga kita dibentangkan dengan kes kegagalan sistem *brake* melibatkan insiden lif jatuh daripada PPR Kerinchi. Jadi sejauh mana tindakan yang telah dibuat di bawah bidang kuasa perumahan di bawah Bandaraya Kuala Lumpur ini untuk mengatasi terutama menjamin keselamatan kepada semua penghuni terutama yang berkaitan dengan lif di bidang perumahan di bawah Wilayah Persekutuan ini.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan 2016 hingga 2020 dengan beberapa strategi dan pelan tindakan yang dirangka bagi membangun Wilayah Persekutuan. Jadi saya ingin tahu, untuk jangkauan yang lebih panjang

apakah pelan strategik Kementerian Wilayah Persekutuan untuk jangka panjang. Saya ingin tahu apakah keberkesanan cadangan untuk menggalakkan pertumbuhan hijau, perancangan dan pembangunan? Termasuk juga berapa peratus kawasan hijau dan tanah lapang yang telah diwartakan dan berapa kah bilangan bangunan hijau dan lestari yang terdapat di bawah Wilayah Persekutuan ketika ini? Apakah inisiatif Pelan Tindakan Teknologi Hijau di bawah Wilayah Persekutuan?

Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan pembangunan di bawah Butiran 09000 – Program Pembangunan Semula Kampung Bharu dan Butiran 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu. Sebagaimana rakan-rakan yang lain saya juga ingin penjelasan apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi isu yang berbangkit di Kampung Baru setakat ini? Apakah kekangan dan halangan untuk memastikan supaya hak dan kehendak penduduk terutama menentukan masa depan Melayu ini sebagaimana yang dituntut oleh pihak persatuan penduduk ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Jadi saya ingin tahu apakah perancangan dan apakah halangan dan kekangan setakat ini? Itu sahaja kerana masa tidak mengizinkan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang dan akhir sekali Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan.

9.02 mlm.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah washolatu wassalamu ala Rasulillah.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun saya daripada Kuala Nerus tetapi ramai rakyat saya yang tinggal di Kuala Lumpur maka perlulah saya sampaikan pandangan mereka untuk perhatian kementerian. Saya pergi yang pertama sekali kepada isu Butiran 020100 – Sosioekonomi. Isu yang paling besar yang perlu dibincangkan ialah tentang miskin bandar dan ini isu yang global kerana satu kajian menunjukkan bahawa dua pertiga rakyat Malaysia hari ini semakin ke arah tinggal di kawasan bandar. Maka tentulah isu kemiskinan bandar perlu dibincangkan.

Saya mahu tahu apakah dia statistik miskin bandar yang ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya khususnya dan apakah dia definisi miskin bandar yang diberikan oleh kementerian bagi mengenal pasti siapakah yang dikatakan miskin bandar? Apakah dia program-program jangka masa panjang yang membantu mereka untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dalam keadaan mereka juga bersaing dengan warga asing. Kalau kita lihat di kawasan berhampiran Kampung Baru sebagai contoh, yang menguasai pasar Chow Kit kebanyakan mereka adalah orang-orang Indonesia.

Kalau di Pasar Selayang kebanyakannya ialah orang-orang Myanmar maka bagaimana kementerian menghadapi situasi ini untuk menjaga hak rakyat Malaysia yang tinggal di bandar dan mereka terlibat dengan pekerjaan yang sama, mereka juga golongan orang miskin dan bersaing dengan warga asing dalam isu yang saya sebutkan tadi. Kemudian yang kedua, tentang rumah *apartment*. Saya rasa isu yang timbul ialah tentang masalah sosial ini kerana bila rumah

itu tidak luas sedangkan Nabi sebut dalam hadis *baitun was* itu adalah satu keperluan, rumah yang lapang.

Maka bagaimanakah kementerian menangani isu sosial yang berbangkit hasil daripada kewujudan rumah yang bersifat *apartment*, rumah yang tinggi yang berhadapan dengan masalah tempat rehat yang tidak cukup, kawasan *parking* yang bermasalah, dengan kekotoran tidak bersih dan sebagainya. Macam manakah kementerian menangani isu yang seumpama in? Khusus untuk rumah DBKL, rumah yang dimiliki oleh DBKL di Sentul terutamanya, yang saya rasa panjang tempoh mereka tinggal di sana. Isu sosial ini berbangkit di kawasan tersebut. Maka saya mahu tahu apakah peranan dan juga perancangan kementerian dalam isu yang seumpama ini. Kedua, saya pergi kepada Butiran 030200 – Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

Isu ini banyak dibangkitkan oleh kawan kita di sini. Cuma saya mahu tahu adakah kementerian berhasrat untuk membuat kajian wakaf sebagai satu kaedah penyelesaian. Di kala mana semua orang mungkin berhasrat untuk melakukan sendiri di tanah mereka, mereka tidak ada kemampuan, terpaksa bergantung pada tauke yang besar. Biasanya yang besar ini bukan orang Melayu Islam, bukan Islam dan mungkin warga asing dari dana luar dan sebagainya. Maka bagi saya wakaf adalah suatu penyelesaian jangka masa panjang dan mungkin JAWI ataupun mana-mana pihak yang berkemampuan boleh bekerjasama dalam isu seumpama ini.

Maka saya mahu tahu adakah kementerian berhasrat untuk membuat kajian menyediakan geran dan dana kepada para penyelidik di universiti untuk membuat kajian tentang kebolegunaan wakaf sebagai salah satu kaedah menangani, bukannya isu di Kampung Baru bahkan juga banyak lagi isu melibatkan KRM atau Kawasan Rizab Melayu di Wilayah Persekutuan.

Saya lihat data di Kampung Baru kita ada 101 hektar, di Datuk Keramat ada 87 hektar, Segambut 293 hektar dan Sungai Penchala 320. Ini semua kawasan yang sedang bersaing dengan pelabur-pelabur luar yang membangunkan projek yang besar-besar, bangunan yang tinggi-tinggi yang tentunya bernilai jutaan sehingga timbullah isu kita hendak jual rumah kepada orang luar sebagai rumah kedua mereka. Maka persaingan seumpama ini dia akan menenggelamkan, jerung akan makan bilis. Bilis tidak mampu bersaing dengan jerung maka wakaf adalah penyelesaian yang baik bagi isu yang seumpama ini. Saya mahu tahu apakah dia hasrat kementerian daripada idea yang saya lontarkan tadi.

Butiran 030100 – Perancangan dan Pengurusan Pembangunan. Di Putrajaya, kebetulan rumah saya pun di Sungai Merab dekat Putrajaya. Satu tempat yang menjadi tumpuan ialah di IOI, ini tempat tumpuan ramai, orang Putrajaya, orang Bangi ke sana. Cuma saya mengharapkan agar ada satu syiar Islam di sana dalam bentuk satu masjid yang besar yang bukan untuk bersaing dengan Masjid Putrajaya tetapi memandangkan keperluan masyarakat maka adakah kementerian bersedia untuk melihat ruang untuk membina sebuah masjid yang besar di sana sebagai suatu mercu tanda Islam di satu pusat jadi tumpuan kepada rakyat Malaysia bahkan juga orang luar yang datang ke IOI.

Kemudian yang terakhir tentang Butiran 020200 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pertama, isu lesen yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tadi, isu lesen yang dikeluarkan untuk kelab malam. Hari ini mereka berhelah menerusi pusat refleksologi, adakah berlaku pertambahan rumah atau pusat refleksologi ini semakin bertambah dan berapa banyak kes yang dapat dipantau oleh kementerian, oleh DBKL khususnya yang menyalahgunakan lesen yang diberikan untuk pusat seumpama ini?

Adakah kerajaan berhasrat, kementerian berhasrat untuk memajukan atau mempromosi pusat refleksologi yang patuh syariah untuk memisahkan lelaki dan perempuan dalam bab urutan seumpama ini? Pada akhir, isu yang sama juga iaitu isu Program Perumahan Rakyat (PPR) dan juga Perumahan Awam (PA) di bawah DBKL.

Saya dimaklumkan bahawa berlaku tunggakan yang besar terhadap sewaan rumah PPR ini dan juga PA sehingga menjangkau RM58 juta. Melibatkan 26,000 hingga 46,000 penduduk atau penyewa, ini angka yang sangat besar. Maka dikatakan alasannya ialah mereka tiada pekerjaan, berlaku pengangguran, di buang kerja dan juga ada yang gaji tak cukup makan, tak boleh bayar.

Maka bagaimana kementerian menangani isu yang besar ini kerana ia akan jadi satu bom jangka yang tak dapat kita jangka. Jadi kalau kita – satu kajian yang dibuat oleh pusat sumber untuk kemajuan masyarakat dan perumahan atau... [*Tidak jelas*] yang dipinda oleh Datuk Iskandar Abdul Samad, bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor memberikan cadangan untuk dibuat suatu kaedah sebagai ganti kepada tunggakan yang mereka ada tadi, mereka melakukan kerja-kerja komuniti seperti kerja untuk menjaga kebersihan surau, tandas awam, mengecat sekolah dan sebagainya.

Apa sahaja kerja komuniti sebagai satu timbal balas terhadap tunggakan. Dengan cara ini kita boleh mengurangkan tunggakan mereka. Kalau tidak tunggakan akan sentiasa bertambah-tambah dan tidak ada penyelesaian dia.

■2110

Maka adakah kerajaan bersedia untuk melihat cadangan daripada REACH ini iaitu menjadikan kerja-kerja komuniti sebagai suatu timbal balas atau imbal balas kepada tunggakan yang sedang mereka hadapi dan perkara ini dibuat di negara-negara Barat sebenarnya. Itu sahaja daripada saya, terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Dengan itu tamatlah perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Semua jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi: Semua jawapan bertulis? [*Ketawa*]

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Setuju, setuju.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Setuju. Bolehkah Tuan Pengerusi jawab semua secara bertulis? [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Ya. Janji yang penting...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Hendak bagi masa sejam saja.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Jawab Batu saja boleh.

Seorang Ahli: Janganlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Mungkin seringkat mungkin.

9.10 mlm.

Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Baik, baik saya cuba ringkaskan. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memperuntukkan sejumlah RM1.462 bilion kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Jumlah ini merangkumi peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.09 bilion dan peruntukan mengurus sejumlah RM364.9 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian juga merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 peringkat Jawatankuasa pada hari ini. Saya rasa keseluruhan kesemua yang telah terlibat membahaskan melebihi 10 orang Ahli Parlimen kalau tidak silap saya. Saya tidak sempat hendak catat jumlah dan keseluruhan senaraikannya.

Tuan Pengerusi: Ada 14.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ada 14 ya, okey. Saya akan cuba untuk meringkaskan jawapan saya. Ada jawapan yang telah disediakan oleh pihak pegawai kementerian, DBKL, landskap dan juga daripada agensi-agensinya yang lain termasuklah PLAN Malaysia dan sebagainya.

Bermula dengan Yang Berhormat Lembah Pantai yang mana jawapannya cukup banyak. Persoalan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP). Saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya Majlis Perwakilan Penduduk ini memang dahulu wujud tetapi ia tidak diuruskan dengan cara yang seperti mana yang sepatutnya dan itu adalah oleh kerana Kerajaan Pusat merupakan Kerajaan Barisan Nasional tetapi banyak daripada Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan adalah daripada pembangkang pada ketika itu.

Ini menyebabkan ada masalah dari segi penyelarasan di antara pihak PBT seperti DBKL di Kuala Lumpur dengan Ahli-ahli Parlimen dan juga dengan MPP. Ada banyak keadaan dan ketika di mana MPP yang telah dilantik dia langsung tidak ada kena-mengena dengan Ahli Parlimen dan merupakan wakil-wakil daripada parti-parti politik, ketua cawangan dan sebagainya.

Di antara reformasi yang sedang diusahakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan sekarang ini ialah untuk menentukan bahawa Ahli Parlimen diiktiraf dan mendapat layanan yang sewajarnya daripada pihak PBT khususnya DBKL. Pelantikan MPP dilakukan bersama dan melalui Ahli Parlimen. Kita telah menstrukturkan kembali, kita telah tentukan sub zon bagi setiap satu Parlimen mengikut jumlah pengundi yang ada di dalam Parlimen itu.

Kalau dahulu jumlah zon ataupun jumlah sub zon – minta maaf adalah bergantung pada Ahli Parlimen Barisan Nasional, maka sub zonnya banyak. Bagi Ahli Parlimen yang datang daripada pembangkang pada ketika itu, maka sub zonnya sedikit. Sebagai contoh, di Putrajaya dahulu jumlah sub zon adalah kalau tidak silap saya hampir 10 tetapi di Bukit Bintang, sub zonnya hanya dua ataupun tiga. Oleh kerana di kawasan pembangkang, maka dikurangkan sub zon dan ini menyebabkan masalah rakyat tidak dapat diurus dengan baik.

Sekarang ini apa yang kita lakukan, kita rombak balik semua dan jumlah sub zon di dalam satu Parlimen adalah bergantung pada jumlah pengundi dan kita menentukan bahawa kedudukan MPP diberikan pengiktirafan dan layanan yang sewajarnya. Namun demikian, masalah yang wujud ialah MPP ini buat masa ini masih duduk di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, ia bukan struktur di bawah PBT. Kita akan mengusahakan supaya MPP ini duduk di bawah PBT dan menjadi sebagai satu struktur yang rasmi di bawah PBT supaya perjalanan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya dahulu, saya dahulu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Peranan PBT itu akan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang 1-0 kah?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya, 1-0 ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Itu. *[Ketawa]*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Siapa yang satu, siapa yang kosong?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Malaysia, Malaysia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Malaysia satu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Pertama, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengumumkan tadi tetapi Yang Berhormat Arau dah potong *line*. Tahniah Harimau Malaya 1-0 sekarang.

Akan tetapi yang saya ingin tanya, pada waktu ini saya lihat kalau kami di Wilayah Persekutuan, Ahli-ahli Parlimen ada 11 campur dengan Labuan ada 12. Kami tidak ada kerajaan negeri, dengan Putrajaya 13 ya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Labuan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ahli Parlimen termasuk Labuan. Kami tidak ada kerajaan negeri, jadi Ahli Parlimen menjadi ADUN, menjadi ahli majlis. Dengan adanya struktur MPP ini, maka dia memudahkan tugas kami serba sedikit.

Mungkin satu maklum balas, saya difahamkan pengerusi-pengerusi sub zon ada membuat pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri siang tadi dan cadangan saya adalah sama ada, pertama adakah kita akan mempertimbangkan contohnya satu proses pemilihan untuk Ahli-ahli MPP.

Kedua, adakah apabila diletakkan di bawah PBT, sehingga kita meletakkan di bawah PBT, adakah boleh pihak kementerian mengusahakan agar semua agensi kerajaan mengiktiraf MPP dan juga bekerjasama dengan MPP. Ini kerana pada waktu ini saya lihat mungkin ada

setengah agensi yang masih belum mengenali 10 bulan selepas kita menubuhkan, masih belum mengenali MPP

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Termasuklah GLC-GLC.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambung. Sambungan ya. Keduanya, kalau benar apa Yang Berhormat sebut, apakah ini model yang sebenarnya dijalankan di seluruh negara. Kalau tidak kenapa hanya dibuat di Wilayah Persekutuan, kenapa tidak dibuat di seluruh negara? Kita lihat di seluruh negara, perangnya adalah perangai balas dendam di mana orang-orang politik daripada parti kerajaan menganggotai MPPK sebagai contoh ya. MPPK, MPKK?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: MPKK.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Arau. Sebenarnya Wilayah Persekutuan ini memang berbeza daripada kawasan-kawasan yang lain kerana di kawasan-kawasan yang lain mereka mempunyai kerajaan negeri. Maka kalau kita lihat di Selangor, apa yang ada ialah Ahli Parlimen, selepas itu kita ada ADUN dan ADUN ini di bawah kerajaan negeri. Di bawah kerajaan negeri juga adalah PBT iaitu MBSA kalau di Shah Alam. Adanya ADUN ini dia akan melantik ahli majlis. Ahli majlis ini akan duduk di dalam PBT sebagai anggota dalam mesyuarat dan ahli majlis ini akan menjadi sebagai pengerusi kepada MPP iaitu Majlis Perwakilan Penduduk.

Ini yang masalah bagi kita di wilayah kerana kita tidak ada kerajaan negeri, kita tidak ada ADUN, kita hanya ada Ahli Parlimen dan Ahli Parlimen ini dia kena *cover* peranan termasuk soal PBT. Sedangkan kalau Ahli Parlimen yang lain sebagai contoh di Selangor, Ahli Parlimen Shah Alam dia tidak perlu hendak terlalu terlibat dengan MBSA kerana sudah ada dua ADUN iaitu ADUN Batu Tiga dan ADUN Kota Anggerik yang mana akan terlibat di bawah kerajaan negeri, terlibat untuk mengawal perjalanan PBT dan pada masa yang sama ada ahli-ahli majlis yang dilantik yang akan memantau perjalanan PBT.

■2120

Oleh kerana itu, memang kita perlu memperkasakan peranan MPP di Wilayah Persekutuan untuk meringankan beban Ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan dia boleh main peranan sebagai Ahli Parlimen yang sebenar iaitu untuk memantau perjalanan di peringkat nasional, di peringkat negara, di peringkat Dewan Rakyat dan bukan di peringkat PBT. Soal banjir kilat, soal perparitan, jalan dan sebagainya yang mana seharusnya dilakukan oleh Ahli Majlis di PBT ini. Boleh ambil gambar kah Tuan Pengerusi?

Kedua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ada banyak lagi ini, saya rasa kalau hendak balik awal, hendak tengok bola, janganlah banyak tanya soalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, bukan. Yang Berhormat Menteri jawab itu sebenarnya, saya hendak beritahu bahawa Kementerian Luar Bandar tahun hadapan

akan memperkenalkan MPKKP, Federal, Persekutuan. Jadi, sifat itu tidak berubah, sifat untuk membalas dendam itu masih wujud.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Dia bukan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi sekarang ini bagi negeri yang mereka tidak berkuasa, mereka tubuhkan MPKKP, Persekutuan termasuk Sabah, Sarawak, Perlis, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Jadi, masih ada sifat yang menunjukkan janji yang mereka buat iaitu mereka hendak berikan keadilan kepada semua. Oleh sebab itu rakyat menolak mereka di Tanjong Piai.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya, baik. Terima kasih Yang Berhormat Arau saya mengakui bahawa kita kalah di Tanjong Piai tetapi saya rasa masalah dan persoalan MPKKP itu tidak timbul lah. Fasal belum lagi dilaksanakan, kita boleh carilah macam-macam punya alasan untuk mengatakan bahawa ditolak oleh kerana ini, oleh kerana itu dan sebagainya. Akan tetapi, hakikatnya dalam soal pilihan raya Tanjong Piai itu, kita kena akui bahawa kita telah kalah dalam perang persepsi oleh sebab komunikasi kita tidak sekukuh. *Insyah-Allah* kita ambil pengajaran...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak Yang Berhormat Menteri, saya hendak beritahu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: ...daripada— Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, boleh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...bukan kalah persepsi, sebenarnya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: ...Boleh atau tidak beritahu dia jangan bangun, main-main.

Tuan Pengerusi: Teruskan dengan Wilayah Persekutuan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, kita hendak bertenang ini, kita hendak bertenang. Jikalau Yang Berhormat Menteri tidak jaga elok-elok...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Boleh atau tidak? Kita hendak jimatkan masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kita akan lawan sampai habis.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: *Insyah-Allah, insyah-Allah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita hendak tengok bola sekarang. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, Yang Berhormat kalah bukan kerana persepsi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi rakyat meluat kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya kah? Itu pandangan Yang Berhormat Arau lah. Akan tetapi saya rasa rakyat melihat Pakatan Harapan dia sanggup belajar daripada kekalahan, tetapi Barisan Nasional hingga hari ini tidak mengaku di kalah PRU-14 itu atas sebab apa? Sampai ke akhir...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah kami kalah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Sampai ke akhir...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami kalah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Sampai ke akhir, sampai ke akhir mempertahankan 1MDB..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami kalah sebab penipuan perjanjian...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Teruskan dengan jawapan-jawapan yang perlu dijawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, jawab soalan lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, tengok dia jawab macam mana?

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Akan tetapi yang penting...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia boleh ungkit-ungkit Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: ...Kita menang besar dan kita ambil pengajaran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Kami kalah kerana...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, sila duduk, sila duduk. Dia sudah mulalah itu. Sila duduk. Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Penipuan macam mana.

Tuan Pengerusi: Sekejap, sekejap. Cakap orang putih atau cakap orang Melayu kandungannya sama, tidak mengapa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Penipuan macam mana?

Tuan Pengerusi: Sila duduk, sila duduk. *[Pembesar suara dimatikan]* Yang Berhormat Jelutong pun jangan bangun ya, jangan kata apa-apa. Kita hendak dengar jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Penipuan macam mana Yang Berhormat Arau. Sudah mahkamah, sudah dakwa, jelas terbukti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum lagi putus hukum Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Jelas terbukti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kena tarik balik.

[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, teruskan dengan jawapanlah. Tidak payah politik ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Menteri...

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Tuan Pengerusi, persoalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, iSPAAA dan SisPAA merupakan satu sistem aduan yang sama. Penggunaan SisPAA khas dijenamakan bagi DBKL memandangkan aduan DBKL yang banyak dan pelbagai berbanding agensi lain. Oleh itu sistem ini digunakan secara berasingan dan khas untuk DBKL sahaja.

Manakala, agensi PBT yang berkaitan mengguna pakai SisPAA. Pembaharuan sistem SisPAA pembaharuan yang dilaksanakan adalah mengikut keperluan semasa antaranya

menukarkan kod aduan dengan rujukan DBKL di mana sebelum ini nombor rujukan itu tidak ada. Membuat perubahan antara muka iaitu *interface* yang baru dan mesra pengguna. Berdasarkan teguran Audit Negara, DBKL telah menambah kategori penjaja warga asing di bawah kategori penguatkuasaan selain kategori berkaitan salah laku kakitangan di bawah Jabatan Integriti.

Persoalan Yang Berhormat Lembah Pantai yang satu lagi ialah pemberimilikan tanah kepada syarikat Melor Travel Sdn. Bhd. Tanah hasil serahan untuk tujuan kawasan lapang. Lot 56427, Mukim Kuala Lumpur berkeluasan 2,224 meter persegi asalnya merupakan tanah kerajaan hasil serahan untuk tujuan kawasan lapang. Namun, tanah ini tidak diwartakan perizaban sebagai rizab kawasan lapang. Pihak Melor Travel Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, permohonan ini telah diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kerja Tanah WPKL selaku pihak berkuasa negeri untuk tujuan tapak perdagangan.

Jawatankuasa Kerja Tanah WPKL yang turut dianggotai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menimbangkan permohonan pemberimilikan ini dan telah memutuskan untuk diberikan kelulusan mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Ini masalah apabila perancangan Kuala Lumpur 2020 tidak diwartakan. Maka, apabila tidak diwartakan, tanah-tanah yang – walaupun ditulis sebagai kawasan lapang ia tidak digazet sebagai tanah kawasan lapang.

Oleh sebab itu, maka apabila ada pihak yang membuat permohonan untuk pemberimilikan, maka ada kemungkinan ia boleh diberikan. Inilah pentadbiran yang baharu, kita di antara yang terawal yang telah kita lakukan ialah kita wartakan supaya ia tidak boleh dilakukan sesuka hati. Kes status PBRKL 2020 masih di bawah semakan kehakiman. Ini pun soalan telah dibawa. Walaupun ia di bawah semakan kehakiman, kita anggap ia telah digazet.

Akan tetapi, ia digazet mengambil kira bahawa daripada tahun 2012 hingga tahun 2018, banyak perkara yang telah berlaku tentang tanah-tanah di dalam Kuala Lumpur yang kalau mengikut apa yang telah dicadangkan, mengikut draf itu, ia tidak boleh digunakan untuk pembangunan dan sebagainya. Akan tetapi, ia telah berubah mengikut prosedur-prosedur yang wujud pada masa itu.

Setelah ia diwartakan, maka apa yang diwartakan, yang belum lagi diubah, ia akan dapat kita pertahankan dan kalau kita ingin melakukan apa-apa pindaan dan perubahan, maka kita kena lalui satu proses yang lain di mana kita hendak lakukan pindaan ataupun ubah kepada pelan yang telah digazet ia memerlukan *public hearing* atau pendengaran umum juga.

Akan tetapi pendengaran umum berhubung dengan pelan yang telah digazet akan mewajibkan pembentangan *traffic impact analysis* dan juga *social impact analysis*, *environmental impact analysis* dan sebagainya tidak seperti mana *rule five* yang telah diguna pakai apabila tidak ada pelan yang telah diwartakan. So, soal...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Cuma ringkasnya. Oleh sebab penduduk di kawasan Bangsar mereka telah dijanjikan dahulu 30 tahun yang lalu untuk satu kawasan lapang. Saya ingin mencadangkan agar boleh dipertimbangkan sama ada satu

usaha untuk bertemu dengan penduduk, mungkin Yang Berhormat Menteri bersama-sama dengan pemaju, pemilik tanah lihat apa yang boleh diusahakan demi kebaikan bersama.

Satu jalan tengah *middle path* dengan izin untuk menyelesaikan. Oleh sebab kita di seluruh Kuala Lumpur banyak tanah-tanah yang berstatus sedemikian akibat daripada pewartaan dan beberapa pelanggaran. Mungkin satu penyelesaian bukan yang bersifat *administrative* tetapi yang boleh dipersetujui bersama. Saya harap boleh dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad: Ya, tidak ada masalah untuk kita bertemu dengan penduduk untuk kita menjelaskan keadaan. Di dalam soal pembangunan bagi kawasan *Federal Hill* khususnya, berhampiran dengan ataupun dalam meliputi kawasan Bangsar kita terpaksa mengambil kira bahawa adanya perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani sebelum daripada ini.

Apabila KL 2020 diwartakan, isi kandungan perjanjian itu tidak diambil kira dengan sepenuhnya. Ini kerana ia telah dilakukan oleh kementerian yang lain. Kita boleh jumpa dengan pihak penduduk tetapi mesti ada satu kesanggupan untuk menerima hakikat bahawa apa yang telah dilakukan dan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani terpaksa kita hormati dan kita kena cari satu penyelesaian yang boleh menghasilkan keadaan *win-win* di antara semua pihak.

■2130

Kes mahkamah Bukit Kiara masih dalam peringkat prosiding Mahkamah Rayuan, bicara adalah pada 22 November 2019. Soal proses kaedah lima tadi saya sudah jawab, soal proses penyertaan awam secara *online* mengikut peruntukkan Akta 267 tidak ada peruntukkan untuk diadakan proses penyertaan awam secara *online*. Walau bagaimanapun, sebagai langkah penambahbaikan cadangan ini boleh dipertimbangkan pada masa hadapan tetapi pada masa yang sama proses *online* ini mesti dilakukan secara telus dan bertanggungjawab di mana akaun-akuan yang *fake* ataupun yang palsu tidak akan dapat dilayani. So, ini masalah kadangkala dengan sosial media kerana boleh diwujudkan beratus-ratus akuan palsu yang diuruskan oleh seorang dan ini boleh menimbulkan banyak kekeliruan oleh sebab adanya teguran ataupun cadangan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ringkas sahaja cadangan saya untuk setiap pemilik tanah ataupun pemilik lot mereka diberikan satu QR *code* khusus dan mereka boleh *scan* QR *code* itu dan mereka boleh berikan pandangan. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Baik, terima kasih cadangan itu kita boleh ambil kira. Berhubung dengan persoalan projek PFI di bawah KWP dilaksanakan di kawasan mana dan apakah pandangan ataupun pembangunan yang dicadangkan?

Projek PFI PFC yang di bawah butiran adalah bagi sewaan bangunan bagi Menara Seri Wilayah dan bangunan PICC iaitu Bangunan Seri Wilayah sewanya adalah sebanyak RM26,350,660 juta dan bagi PICC RM59,369,500 juta, kedua-duanya berada di kawasan Putrajaya.

Saya beralih pula kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pontian. Status ketika ini Projek Taman Tugu. Bagi projek fizikal keseluruhan Projek Taman Tugu telah siap sepenuhnya. Proses pemindahan hak milik tanah lot PT 88 kepada Amanah Warisan Negara sedang berjalan di mana ketika ini dalam proses memasukkan butiran syarat nyata dan proses memasukkan butiran sekatan keperluan bagi menjaga kepentingan kerajaan.

Proses dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Bilangan pokok penanaman baru adalah 4,000 pokok, memulihara sedia ada 1,000 pokok telah membuka tujuh kilometer *forest trails* kepada orang awam. Nilai tanah adalah dianggarkan sebanyak RM1.8 bilion.

Daripada Yang Berhormat Pontian juga, adakah kerajaan akan menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk memiliki tanah *Malay Agreement Cultural Settlement (MAS)* Kampong Bharu. Saya telah menegaskan berkali-kali bahawa kita ingin melakukan persoalan pembangunan kembali Kampong Bharu ini dengan cara yang mendapat persetujuan daripada semua pihak dan saya yakin bahawa saya boleh mencapai itu atas sebab apa yang ditawarkan adalah untuk mencapai matlamat di sebalik falsafah Kampong Bharu itu sendiri di mana kita hendak meramaikan pendudukan orang Melayu di dalam kawasan Kuala Lumpur.

Kedua, kita menawarkan satu harga yang cukup tinggi iaitu 1000 kaki persegi yang mana pagi tadi saya telah jawab semasa MQT bahawa 1,000 kaki persegi adalah bersamaan dengan RM43.5 juta seekar. Itu hendak cari dekat Tanjong Karang memang tidak akan jampalah mana kita beli dengan harga tanah satu ekar RM43.5 juta. Maka segala dakwaan bahawa harga yang ditawarkan adalah murah adalah tidak berasas sama sekali dan harga yang kita berikan adalah berdasarkan pada penilaian yang dibuatkan oleh JPPH dan bukan harga yang dipetik daripada udara.

Ketiga, dengan tawaran yang kita lakukan ini kita dapat menyelesaikan banyak masalah termasuklah persoalan begitu ramai pemilik dalam satu geran ataupun satu lot yang mana kalau ia tidak dibangunkan bersama maka akhirnya ia akan melibatkan pertambahan pemilik dalam satu geran. Ada yang ditanya kenapa kita hendak dapatkan persetujuan semua baru kita hendak bangunkan? Sebab kenapa kita hendak lakukan dengan cara begitu adalah supaya kita boleh membuat satu perancangan yang sepadu untuk keseluruhan 153 ekar yang mana daripada 153 ekar itu kita hendak mengekshaskan 24 ekar sebagai Taman Warisan.

Kita tidak boleh buat satu perancangan dan pembangunan yang sepadu, tersusun, terancang kalau kita beli secara runcit. Beli sedikit, beli sedikit, beli sedikit bangunkan. Beli sedikit, beli sedikit, beli sedikit bangunkan maka akhirnya ia akan menjadi sebagai satu pembangunan yang tidak terancang. Kita hendak satu pembangunan yang terancang yang akan menghasilkan satu suasana yang selesa bagi semua termasuk bagi pemilik-pemilik asal. Tiada masalah bagi pemilik-pemilik asal untuk membeli hartanah di Kampong Baru itu.

Ini kerana satu lot yang biasanya 8,000 kaki persegi maka ia akan mendapat harga jualan sebanyak RM8 juta. Dengan RM8 juta yang mana sebahagiannya dijadikan sebagai saham maka *cash* peruntukkan yang diberikan adalah sebanyak RM6 juta, RM600,000 lebih kurang mereka boleh membeli 20 unit rumah mampu milik yang bernilai RM300,000 setiap satu. Maka satu lot

rumah yang ada di Kampung Baru itu pemilik mereka boleh membeli 20 unit rumah mampu milik sekiranya mereka membeli *cash*.

Kalau mereka hendak beli lebih mereka boleh membeli lebih kalau dia bayar deposit dan selepas itu mendapat pinjaman kerajaan dia boleh beli sehingga 100 unit. Kalau itulah apa yang diinginkan iaitu bukan beli dengan *cash* tetapi menggunakan duit untuk membayar deposit dan selepas itu bakinya dibayar secara bulanan ansuran melalui pinjaman bank mereka boleh beli sehingga 100 unit. Maka, tidak ada apa-apa perancangan untuk mengusir pemilik-pemilik asal Kampung Baru. Silakan Yang Berhormat Pendang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab saya tidak mungkin saya *lost interest* berkenaan dengan di mana pucuknya dan juga di mana pangkalnya.

Pertamanya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, *masterplan* kita adakah sudah siap daripada mula pengambilan sehinggalah selesai pembangunan Kampong Bharu? Keduanya, *costing* nya juga termasuk *contingency costing* yang sekiranya benda yang di luar jangka masuk *interrupt in between* ketika perundingan yang berlaku itu sudah apa pun semua. Ketiga, kita tengok apakah kaedah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah dalam menggunakan kaedah pengambilan berurusan dengan penduduk?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sambungan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh saya jawab? Kalau tidak saya lupa. Kaedah pengambilan kita hendak atas dasar *willing buyer willing seller* kerana kita sudah mengatakan bahawa konsep pembangunan itu adalah selaras dengan konsep Kampong Bharu. Kita sudah berikan tawaran harga yang boleh dikatakan yang tertinggi di dalam sejarah Kampong Bharu. Kita juga telah menjelaskan ia akan menyelesaikan masalah yang mereka sedang hadapi. Kita telah menyatakan bahawa mereka juga boleh terus menjadi sebagai pemilik hartanah apabila Kampong Bharu itu dibangunkan. Maka, kita yakin bahawa *Insya-Allah* kita boleh mendapat persetujuan dalam soal pembelian ini secara *willing buyer* dan *willing seller*.

Namun demikian, kita akan lihat dan apabila ia telah selesai maka kita akan kaji kalau kita hanya dapat sebahagian maka mungkin kita kena bangunkan sebahagian. Akan tetapi, seboleh-bolehnya kita tidak hendak mengambil alih secara paksa. Inilah di antara sebab mengapa apa yang telah dikemukakan di dalam Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Baru pada tahun 2010 telah ditentang oleh Yang Berhormat Port Dickson.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang itu adalah benar kerana pada ketika itu dalam Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu diberikan ataupun dinyatakan secara khas bahawa boleh diambil alih secara paksa dan itu merupakan sebab mengapa akta itu telah ditentang habis-habisan oleh Yang Berhormat Port Dickson dan juga rakan-rakan kami yang lain pada ketika itu.

■2140

Akan tetapi, pada zaman sekarang di bawah kerajaan Pakatan Harapan kita menghormati hak pemilik-pemilik tanah di Kampong Bharu dan kita tidak akan memaksa ataupun membelinya secara paksa. Hanya dilema yang saya akan hadapi ialah apabila satu lot itu sebagai contoh mempunyai 10 pemilik, tujuhnya setuju hendak jual, tiga orang tidak setuju.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

So, saya jangka ini akan menjadi satu dilema yang saya akan hadapi tetapi kita tunggu pada ketika itu. Sekiranya dalam keadaan yang sebegitu rupa mungkin persoalan memberikan keutamaan kepada yang tujuh ke atas yang tiga itu perlu digunakan sebagai satu dasar. Akan tetapi perkara ini belum lagi kita putuskan kerana kita hendak lihat keadaan sebenarnya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya ada banyak soalan selain daripada Kampong Bharu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Minta mencelah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi, kalau Kampong Bharu ini patutnya pagi tadi masa MQT ramai yang datang tetapi tidak apa lah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Oleh kerana ianya satu tajuk yang, saya bagi tiga-tiga tetapi lepas ini tidak ada dah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bangun pasal MQT.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ketiga-tiganya ya. Daripada Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ha! Yang Berhormat Pasir Salak dulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak dulu ya. Tadi Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Siapa dulu? Yang Berhormat Pasir Salak dulu? Saya ikut. Saya dulu? Okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak lepas itu Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, tadi ada Yang Berhormat Menteri menyebut iaitu pemilik-pemilik ini berkongsi geran. Jadi, satu geran besarlah ramai orang di dalam itu. Jadi, itu menyebabkan satu daripada alasannya hendak

dibangunkan sekali secara berkumpulan begitu walaupun pihak kerajaan akan menghadapi macam-macam cabaran.

Kenapa tidak dilakukan *subdivision*? Boleh, tidak ada masalah. Pecahkan mengikut apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri, banyak tanah yang ada *block tittle* dalam satu kawasan 100 ekar, 200 ekar ramai yang menjadi pemiliknya tetapi...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh saya jawab terus?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Untuk tujuan pembangunan, buat *subdivision*.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh saya jawab terus?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebab apa, bila buat *subdivision* itu, dia terpulang kepada pemilik itu untuk membangunkan tanah dia dan dia boleh ada keupayaan untuk mendapatkan nilai yang lebih tinggi. Dia boleh cari pembeli untuk orang Melayu juga membeli pada harga yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi Menteri menjawab. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pada sekarang ini kerajaan dah tentukan 800 ...1,000...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh saya jawab? Tuan Pengerusi, *time* terlalu terhad. Boleh saya jawab balik? Begini lah ya, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak adalah tanah yang berekar-ekar. Di Kampong Bharu lot rumah itu 8,000 kaki persegi. Pemiliknya sepuluh, kita hendak buat *subdivision* macam mana? Cuma 800 kaki persegi satu geran? Tidak pernah dibuat 800 kaki persegi satu geran kerana 800 kaki persegi itu 10 kaki lebar, 80 kaki panjang. Mana ada geran yang 800 kaki persegi dan hendak bangunkan macam mana? Lalu saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak mungkin tidak mengetahui latar belakang soal geran di Kampong Bharu. Secara *averagenya* 8,000 kaki persegi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Satu orang?

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Average* 8,000 kaki persegi satu lot. Yang dalam satu lot itu paling ramai sekarang ini 150 nama.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dah itu macam mana hendak dapatkan persetujuan?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ha! Itu lah jadi masalahnya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa cadangan kerajaan?

Tuan Khalid bin Abd Samad: So, biarlah kita tangani. Biar kita tangani. Akan tetapi itu yang paling ekstrem lah yang 150 nama dalam satu lot. Akan tetapi ada juga 10, kebanyakannya lebih kurang dalam 10. Lalu kalau dalam 10 ini masih lagi *insya-Allah* boleh diselesaikan. Akan tetapi kalau kita tunggu lagi, tunggu lagi, satu lagi generasi bertambah lagi, satu lagi generasi bertambah lagi sampai bila? Akhirnya tanah Kampong Bharu ini akhirnya tidak akan ada nilai kerana ramai sangat pemilik bagi satu lot. So, kita hendak selesaikan masalah. Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya pun tadi dah baca sejarah Kampong Bharu tadi. Kalau Yang Berhormat dengar pun memang saya baca tadi memang dia bagi kosong sampai lapan hektar. Itu saya tidak mahu cerita sejarah. Pertama Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan fakta Yang Berhormat yang mengatakan bahawa akta ini Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ini boleh digunakan untuk memaksa pengambilan tanah.

Saya tengah tengok ini lah mungkin saya dah terlepas pandang kerana saya pun masih ingat waktu hendak buat akta ini kita tidak bersetuju kerana hendak pengambilan tanah ini hanya untuk ambil tanah kerajaan untuk *public purposes*. Itu di bawah Akta Pengambilan Tanah sebab itu tidak ada dalam ini. Kalau Yang Berhormat ada— nanti dulu. Itu satu. Okey, tidak apa kalau Yang Berhormat hendak jawab, saya banyak soalan. Okey saya bagi Yang Berhormat. Seksyen berapa?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Biar saya jawab, kerana asalnya memang ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Seksyen berapa?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi apabila dah dibentangkan—dengar lah dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Asalnya memang ada tetapi apabila dihadapi dengan bantahan maka ianya telah dipinda dan akhirnya bila dibawa maka persoalan kuasa untuk pengambilan tanah itu telah digugurkan. Akan tetapi bila Yang Berhormat Port Dickson, dia tidak ada di sini untuk hendak berikan penjelasan, bila dia membantah ia adalah pada keadaan draf yang ada. Di mana Almarhumah Dr Lo' Lo', sahabat-sahabat yang lain termasuklah saya punya pegawai tugas-tugas khas saudara Zulhazmi, mereka semua telah keluar membantah dan hasil daripada bantahan itu maka akta itu telah dipinda dan telah dibawa ke Parlimen dan diluluskan tidak lagi mempunyai persoalan kuasa pengambilalihan. Akan tetapi itu boleh cek lah dalam faktanya. Ya, sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi bermakna Yang Berhormat kena mengakui dalam ini tidak ada. Tidak ada paksaan untuk...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi asalnya ada. Bila dikatakan Yang Berhormat Port Dickson bantah, ianya adalah bantahan semasa draf yang mana yang draf itu memang kata ada. Lalu dalam ucapan Yang Berhormat Port Dickson dia telah membantah oleh kerana ada kuasa pengambilalihan. Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang hendak penjelasan dan rasa lebih yakin boleh tunggu Yang Berhormat Port Dickson untuk tanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey. Ya tidak apa. Tidak apa Yang Berhormat cakap macam mana pun.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya walau tidak ada, saya kena – fakta ini depan saya. Semasa *statement* ini dibuat—dengar lah. Semasa *statement* ini dibuat, akta ini dah wujud. Akta ini dah wujud. Okey.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sebelum dah wujud, dah dicadangkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak. Yang Berhormat dengar. Yang Berhormat dengarlah akta ini...

Tuan Khalid bin Abd Samad: So, drafnya, drafnya yang hendak dibawa ke kerajaan pada ketika itu Barisan Nasional. Dia ada majoriti.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya dengarlah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Maka adalah wajar untuk Yang Berhormat Port Dickson menganggap bahawa draf ini akan diluluskan. Maka dia dah jawab bahawa sekiranya dia jadi kerajaan, maka akta ini akan dimansuhkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, Yang Berhormat ini saya malas hendak bergaduh Yang Berhormat. Yang Berhormat dengar ini hajat dia, dia kata—dengar baik-baik. Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Bukan dia kata satu cadangan dan ini lah yang dikatakan ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011. Sama. Okey saya tidak mahu *argue* Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak menegakkan benang basah, terpulang pada Yang Berhormat. Rakyat akan menilai.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh tanya Yang Berhormat Port Dickson kalau dia datang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey lah boleh tanya lah. Boleh. Boleh. Kita boleh tanya.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi kita ingat sangat lah...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya saya tahu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Pasal kita sendiri pun terlibat dalam perjuangan membantah akta itu semasa ia dikemukakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey lah. Yang Berhormat hendak tegakkan benang basah itu terpulang kepada Yang Berhormat lah. Yang Berhormat tidak menerima fakta. Tuan Pengerusi, sampai esok tidak habis.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Betul. Sepatutnya ini kisah sejarah. Sendiri pun *move on. Move on.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak cakap, jadi saya kata – ya. Oleh sebab itu saya bawa bukti. Saya cakap bukti. Akan tetapi hendak menafikan terpulang kepada Yang Berhormat lah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey itu yang pertama. Jadi, saya mengatakan kenyataan Yang Berhormat itu tidak betul.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bukan hendak menafikan, menjelaskan. Menjelaskan. Memang bantahan itu dilakukan tetapi bantahan itu dilakukan semasa drafnya mengandungi *clause* yang membenarkan pengambilalihan. Dia 2011, masa itu saya pun Ahli Parlimen. Saya pun ingat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Sudah jelas.

Tuan Khalid bin Abd Samad: So, saya ingat tidak perlu kita hendak...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya memang. Sudah terang tidak payah bersuluh lagi. Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya satu, saya hendak betulkan fakta supaya masuk dalam *Hansard* bahawa Menteri kata kenyataan Yang Berhormat Port Dickson ini sebelum akta ini diluluskan iaitu waktu draf. Betul Yang Berhormat kata? Saya pula mengatakan bahawa kenyataan ini dibuat setelah apabila akta ini wujud. Terpulanglah kita boleh cek lah nanti. Okey itu yang pertama.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ada tidak isu lain?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak bergaduh sampai esok pun tidak boleh. Kedua saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat pun kata tadi bahawa ramai dia punya pemilik semua. Berapa lama rasa-rasa Yang Berhormat boleh selesaikan masalah ini dan Yang Berhormat pula tadi mengatakan, betul tidak apa Yang Berhormat mengatakan mesti hendak selesaikan semua ini. Selesaikan ada berapa lot ini yang saya pun ada sebut tadi, dia ada 193.46 ekar, 425 lot, 33 lot tidak ada hak milik, 5,359 pemiliknya.

■2150

Belum lagi hendak kira— macam saya, saya tahu oleh sebab saudara saya ada di sana. Ada 0.8 ekar saudara saya, sepupu saya, anaknya ada 500 dia punya keturunan. Dengan 0.8 ekar ini ada 500, dia pun pening kepala sudah sebab ada yang sudah pergi *oversea* dan sebagainya.

Soalan saya, berapa lama Yang Berhormat boleh selesaikan hendak cari semua ini? Sebab, adakah kalau tidak dapat semua, terus dilaksanakan? Itu yang pertama.

Kedua, bagaimanakah cara bayaran hendak dibayar balik? Katalah Yang Berhormat berjajalah bayaran hendak bagi kepada rakyat ini katalah RM8 juta bila dapat kepada semua ini, macam mana proses untuk pembayaran? Itu yang kedua. Jawab soalan itu yang kedua.

Ketiga yang saya hendak tanya ialah mengapa— duit itu tadi. Katalah RM6 bilion tidak silap saya peruntukannya, duit ini daripada mana? Daripada SPV. Itu yang ketiga.

Keempat saya hendak tanya Yang Berhormat, akta kita sudah ada, apa beza akta kita ini dengan SPV Yang Berhormat hendak buat ini? Tadi saya tolong jawablah bagi pihak— tadi Yang Berhormat Pendang pun jawab. Memang kalau ikut dia, memang saya tengok inilah— Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu. Semua sudah ada dekat sini sudah. Jadi, mengapa tiba-tiba keluar SPV?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya pun bila banyak sangat soalan, saya pun susah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada. Empat soalan sahaja. Empat soalan sahaja.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Empat itu kira banyaklah juga. Nombor satu yang ditanya tadi ialah sampai bila? Saya telah beri *dateline* sampai hujung bulan ini untuk mendapatkan *feedback* kerana saya telah membuat tawaran harga yang RM1,000 sekaki persegi lebih kurang

dua minggu yang lepas dan saya telah berikan tarikh hujung bulan ini untuk mereka datang memberikan maklum balas. Baru-baru ini kita baru dapat lebih kurang dalam 400 lagi yang memberi jawapan.

Selepas hujung bulan ini, kita akan berjumpa Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu bersama dan kita akan usahakan pertemuan secara *detail targeted* untuk lot-lot yang mana yang masih belum datang untuk memberikan respons mereka. Kita punya *target* ialah pada pertengahan tahun depan, *insya-Allah*, kita akan dapat *final feedback* dan berdasarkan pada persetujuan yang kita peroleh dan sebagainya, maka kita akan buat keputusan sama ada kita akan membangunkan sebahagian, kalau kita dapati bahawa yang sebahagian yang bersetuju itu telah bersetuju, maka mungkin kita akan bangunkannya sebahagian, ataupun bagaimana. Kita akan lihat.

Soal perancangan pembangunan itu, sudah pun kita dedahkan kepada semua. Telah wujud pun satu model 3D di lobi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Lalu, kalau ada Ahli-ahli Parlimen yang berminta untuk hendak lihat perancangan pembangunan yang telah dikemukakan ataupun dicadangkan, mereka boleh lihat di situ.

Kedua soalnya ialah dari mana kita hendak dapat duit itu? Kita tubuhkan SPV. Kenapa kita tubuhkan SPV? Kerana Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dia bukan satu *developer*, dia bukan pemilik tanah. Maka kalau sekarang ini, kaedah dan pendekatan yang telah diguna pakai oleh kerajaan sebelum ini ialah dia menjadi sebagai fasilitator kepada pembangunan di mana pemilik-pemilik digalakkan untuk berkumpul di kalangan mereka.

Ten owners, sebagai contoh, dengan izin, *ten owners get together, they agree*, dia setuju hendak bangunkan, maka dia cari *developer*. Maka Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu akan membantu ke arah itu di mana pembangunan ini akan berlaku secara runcit. Pendekatan kerajaan yang sekarang ini, kalau Yang Berhormat Tanjong Karang dia datang pagi tadi, benda ini kita sudah jelaskan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya dengar. Yang Berhormat jawab, saya dengar.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ada beza berbanding dengan— dengar dahulu. Berbeza dengan pendekatan yang lama. Pendekatan yang lama membenarkan pembangunan runcit di mana PKB membantu untuk menggalakkan mereka lima enam pemilik bersama-sama untuk membangunkan. Akan tetapi, sekarang ini apa yang kita hendak ialah kerajaan itu mengambil alih ataupun membeli tanah-tanah itu dan membangunkan bersama dengan pemilik-pemilik yang masih lagi mengekalkan peratusan hak milik. Ini kerana daripada RM1,000 sekaki persegi yang kita bayar RM850, maka 15 peratus— oleh kerana RM150 daripada RM1,000 ialah 15 peratus— daripada tanah yang akhirnya, *insya-Allah*, kalau semua setuju, dimiliki oleh pihak SPV itu, maka 15 peratus sahamnya tetap dipegang oleh pemilik Kampong Bharu.

Bagaimana kita akan bangunkan? Kita akan tubuhkan SPV ini kerana dia merupakan sebagai pihak pemilik tanah yang boleh melakukan pelbagai kaedah untuk menghasilkan kewangan untuk membangunkannya. Saya sendiri telah menerima beberapa tawaran daripada

beberapa bank yang telah menawarkan kepada saya beberapa kaedah. Di antaranya adalah soal hendak ambil pinjaman, kedua adalah untuk menghasilkan sukuk. Akan tetapi, semua ini akan dinaungi oleh kerajaan. Okey? Ianya akan dijamin oleh kerajaan.

Kenapa kerajaan sanggup menjamin? Kerana ia merupakan satu projek yang setelah kita kaji, ada potensi untuk menghasilkan keuntungan. Ia bukan satu SPV yang bertujuan untuk menghabiskan duit kerajaan tanpa adanya pulangan. Ia merupakan satu projek pembangunan yang akan mendatangkan hasil dan kebaikan bukan sahaja kepada Kuala Lumpur tetapi juga kepada kerajaan dan juga kepada pemilik-pemilik tanah.

So, soalan tadi yang pertama mengenai *time*, saya sudah jawab. Soalan kedua kenapa pakai SPV, saya sudah jawab. Ketiga, kenapa hendak semua? Tadi saya sudah jawab iaitu kerana cara itu sahajalah yang kita boleh lakukan dengan cara yang terancang. Soalan yang keempat tadi?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Keempat, kalau katalah dapat SPV ini, dia punya cara pembayaran kepada pembeli?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Cara pembayaran. Okey. Bila kita sains *sale and purchase*, seperti biasa, dibayarnya 10 *percent*. Apabila kita melakukan pindah milik sepenuhnya mengikut pembangunan yang secara berfasa, maka kita akan bayar yang baki 90 peratus ataupun 100 peratus tolak yang RM150 itulah ya.

Ini akan menyebabkan atau pembangunan berfasa akan menyebabkan sebahagian daripada pemilik-pemilik akan mendapat bayaran baki mereka lewat sedikit. Akan tetapi, dalam keadaan mendapat duit mereka ataupun pembayaran mereka lewat sedikit, mereka boleh terus menggunakan tanah mereka sepertimana mereka menggunakannya sekarang ini. So, itu bukan merupakan satu masalah.

Saya lupa tadi juga untuk menyebut bahawa untuk menarik minat pemilik-pemilik untuk menyertai program ini, bagi mereka kalau mereka membeli hartanah rumah mampu milik ataupun rumah-rumah yang eksklusif yang akan dibina, mereka akan juga mendapat tawaran diskaun sebanyak 15 peratus ya. So, ini semua adalah satu usaha...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Untuk menentukan bahawa ia akan berjaya. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Kuala Terengganu ada tanya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kalau tidak boleh jual besok, macam mana ini? Hendak buat rumah, unit sudah buat rumah, buat bangunan, tidak boleh jual macam sekarang ini, apa hendak jadi? Apa hendak jadi? Tidak boleh jamin bila dibangunkan esok boleh jual.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kita yakin ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yakin. Sekarang kita pun yakin juga, apa pasal ekonomi sekarang tidak boleh jual?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya lah, kita tahu. Itulah sebabnya pembangunan ini dilakukan secara berfasa. Memanglah kita kena ambil risiko. Ada risiko tetapi risiko ini *calculated*. Kita boleh berhujah boleh jual, tidak boleh jual sampai bila-bila. Kalau kita takut tidak boleh jual, memang tidak ada benda yang kita boleh bina.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Lalu, bagi saya, Kampong Bharu ini merupakan satu tempat yang *prime land*, kedudukan yang cukup strategik. Dia boleh berjalan daripada Masjid Kampong Bharu ke KLCC dalam 15 minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pemilik tanah akan *suffer*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul. Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pemilik tanah akan *suffer* sekiranya *business* itu yang hendak buat bangunan-bangunan itu besok tidak boleh jual.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kenapa pula dia *suffer*?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Fasal tidak boleh jual.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia sudah dapat duit sudah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada *cash flow*

Tuan Khalid bin Abd Samad: RM850...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pinjam duit bank. Yang Berhormat kata hendak pinjam duit bank untuk *development*.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bukan. Itu SPV. Bukan pemilik tanah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: SPV daripada duit mana?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Pemilik tanah sudah dapat RM850 in *advance*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sama ada dapat jual atau tidak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu tanah. *Development, it takes money to develop the land.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Of course. Nobody...*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* tidak ada jadi *developer*, itu sebab tidak tahu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: *I am sorry* lah, Yang Berhormat Pasir Salak. *Don't pretend that you're the only one who knows. I understand it full...*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The construction, you need bridging loan.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Of course.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *So*, kalau tidak boleh jual, *you* boleh *stuck with the bank.*

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, tidak boleh berhujah macam ini. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada. Yang Berhormat Menteri...

Tuan Khalid bin Abd Samad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Di Kuala Lumpur lebih arif tentang soal pembangunan ini berbanding dengan orang yang duduk di Pasir Salak. Minta maaf ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya sokong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya menimbulkan tadi mula-mula.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya duduk Kuala Lumpur lah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Are you involved? Are you involved in this development of Kuala Lumpur? So, don't talk lah.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You buat apa masa itu?*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Are you involved?*

■2200

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, I duduk Kuala Lumpur 50 tahun.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Are you involved?*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You duduk berapa?*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Are you involved in the development?*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Yes, I'm involved.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Which development?*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Buat apa hendak cerita banyak-banyak. You tidak tahu.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: *Which development project?*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, duduk mana tidak berkaitan dengan perbahasan tetapi Yang Berhormat Pasir Salak dahulu beritahu saya duduk Pasir Salak, malam ini cakap duduk Kuala Lumpur... *[Dewan ketawa]*

Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bagi Pontian sedikit.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Fasal Yang Berhormat Tanjong Karang ini sudah lama sangat sudah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak bukan lama, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang beri peluang kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, saya hendak tolong.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Beri Yang Berhormat Kuala Terengganulah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kita kena adil kepada anggota Dewan yang lain.

Tuan Khalid bin Abd Samad: PAS sudah banyak membantu di Tanjong Piai. Bagilah dia peluang cakap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tolong, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: PAS sudah beri khidmat yang cemerlang di Tanjong Piai. UMNO berilah peluang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Sewaktu itu Tanjong Piai, 15,000 kena.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bagilah peluang kepada PAS.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat..

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bagilah peluang kepada PAS.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat hendak cakap politik, kah? Yang Berhormat cakap politik kah tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat cakap politik, saya boleh cakap politik... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak borak politik kita buat di luar Dewan. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Menteri sudah bagi peluang untuk bertanya secara panjang lebar. Sekarang Yang Berhormat Menteri beri peluang kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu budi bicara Yang Berhormat Menteri. Dia sudah jawab panjang lebar tetapi sama ada Yang Berhormat puas hati itu, itu terpulang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila. Kita kena adillah Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, sebab dia punya jawapan itu berdolak-dalik. Dia- soalan yang saya tanya... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dia sudah jawab cuma jawapannya sama ada menepati cita rasa Yang Berhormat Tanjong Karang, itu lain hal.

Sila, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya hendak Yang Berhormat Kuala Terengganu, fasal Kampung Baru.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, Kampung Baru.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bagilah Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Bagilah peluang kepada Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila duduk.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tidak, saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Tanjong Karang sebahagian itu memang perkara yang saya hendak sebut tadi sebab jawapan Yang Berhormat Menteri pagi tadi, sehingga hari ini, baru 35 peratus yang memberi respons, maklum balas terhadap- pemilik-pemilik yang telah memberi respons. Hari ini 19 hari bulan, kita ada lagi dalam tidak sampai 11 hari lagi. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri menjangkakan boleh mendapat maklum balas- baki 65 peratus ini? Sekiranya tidak dapat, apa rancangan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Mungkin Yang Berhormat Kuala Terengganu tidak dengar jawapan saya tadi. Saya bagi sampai hujung bulan ini untuk mereka datang kepada PKB untuk memberikan maklum balas “Setuju”, “Tidak Setuju” Selepas itu, kita akan mengenal pasti mana-mana pihak yang telah setuju menengok lot-lot yang terlibat. Mana-mana yang belum beri respons, dan kita akan bertindak untuk *engage* dengan mereka iaitu bukan tunggu mereka datang jumpa kita, tetapi kita akan turun jumpa mereka dan *target* kita adalah sampai pertengahan tahun 2020.

Ini yang saya sebut tadi lalu janganlah anggap bahawa 11 hari yang terakhir ini adalah yang terakhir. Selepas ini kita masih lagi akan *engage*. Masalah di antara mereka, dia tidak setuju ataupun dia tidak beri respons kerana mereka keliru. Di antara sebab-sebab mengapa mereka keliru ialah kerana ada yang mendakwa tanah di Kampung Baru itu sepatutnya sama dengan harga tanah di KLCC...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak ada, salah ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Harga RM3,000 kaki persegi. So, benda-benda macam ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Bagi peluang kepada Kuala Lumpur, Kuala Lumpur bagi peluang.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Mohon penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Benda-benda macam ini kalau kita hendak tangani, kita kena jumpa tanya mereka, kenapa kamu tidak setuju.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya bagi peluang kepada Ahli Yang Berhormat Batu dari kawasan Wilayah Persekutuan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Khalid bin Abd Samad: Lebih kurang, lebih kurang dalam 30 tim. Dalam 30 tim, kita hanya ada dalam 500...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nantilah ini masalah Kampung Baru.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ada 500 lot sahaja lagi. Dalam 30 tim lalu dalam masa dua, tiga bulan..

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit laluan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kita akan dapat jumpa semua pemilik lot-lot yang terlibat. Lalu berdasarkan kepada itu maka saya yakin kita boleh tangani, tetapi kalau kita hendak ada sikap yang negatif yang semua tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh, memang itulah yang akan jadi hasil.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Terengganu, respons daripada 35 peratus pemilik adalah respons yang tertinggi dalam sejarah perancangan pembangunan Kampung Baru. Sebelum ini hendak dapat 10 peratus pun tidak dapat. Antara kenapa- ialah kerana tidak ada satu tawaran yang serius yang pernah dibuat oleh kerajaan. Kerajaan hanya jadi sebagai fasilitator kepada pemaju. Jadi sebagai orang tengah ini, yang dahulu dia orang sibuk kata broker, broker, broker kerana mereka yang jadi broker...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi, kita sekarang ini, kita buat tawaran yang jelas, yang telus, yang kita sanggup bahas dan pertahankan. Itulah sebab kita sudah dapat 35 peratus respons. Ia satu pencapaian yang cukup membanggakan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat cakap berdolak-dalik lah. Macam lidah biawak, Yang Berhormat ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tadi, Yang Berhormat Kepong ada soalan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Menteri, Batu, Batu. Yang Berhormat Menteri, Batu dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat cakap lidah biawak, lidah biawak lah ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang lain duduk, Yang Berhormat Tanjong Karang beri peluang kepada Yang Berhormat lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan, ini bukan drama siri ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bukan drama siri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Oleh sebab itu, Yang Berhormat Kepong selepas itu Yang Berhormat Batu. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini cakap Kampung Baru...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Batu dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini yang sebut perkataan "mereka jadi broker"...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila adil, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapakah broker?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain semua sila duduk, Yang Berhormat Kepong sila.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Saya mohon Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan..

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Pertanyaan bila ada..

Tuan P. Prabakaran [Batu]: ...Untuk Ahli Parlimen Kuala Lumpur dahulu yang lain boleh beri jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Betul.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Oleh sebab ada lima minit lagi. Fokus Ahli Parlimen Kuala Lumpur dahulu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, ya, ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kepong selepas itu Yang Berhormat Batu, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lain kali buat Parlimen Kuala Lumpur, jangan buat ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Pertanyaan, bila akan adakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, sila duduk. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu. Sebelum jawab, Yang Berhormat Batu ada tidak soalan?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Yang Berhormat Batu, dia tanya- dia suruh kita bagi keutamaan. So saya setuju. Saya akan baca jawapan dahulu yang mana yang telah dikemukakan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak rakam. Saya hendak rakam ada di Dewan ini, dalam Dewan ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pilihanraya Tempatan tarak...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Pilihanraya tempatan..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri tidak berani...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarak! Tarak!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak berani hendak jawab fasal Kampung Baru.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Pilihan raya tempatan yang telah ditimbulkan. Saya sudah jawab sudah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Memanglah Yang Berhormat ini menjadi broker. Akta ada Yang Berhormat tarik.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Awak tidak

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk...
[Dewan riuh]

Yang Berhormat Tanjong Karang sudah tanya banyak kali, cukup peluang dan ruang. Sila adil kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Bukan sahaja Yang Berhormat Tanjong Karang seorang yang berhak untuk bertanya khususnya mereka yang dari Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Tanjong Karang bukan kawasan diwakili- bukan dari Wilayah Persekutuan tetapi sudah diberikan masa cukup panjang untuk bertanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Orang hendak tengok bolalah, boleh gaduh lagi.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Yang Berhormat Kepong bertanya tentang soal Pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan. Saya rasa kita semua memahami bahawa persoalan pemindaan kepada Akta PBT...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sudahlah, brokerlah, takut hendak jawablah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Akta PBT yang melibatkan soal pilihan raya PBT sedang diusahakan oleh Menteri KPKT.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu semua DAP punya pelan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia telah menjawab dan memberi jaminan persoalan ini akan diselesaikan dengan kajian dan sebagainya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu semua agenda DAP itu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Dalam tiga tahun... *[Dewan riuh]*

Persoalan pilihan raya PBT adalah amalan..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, gila Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Adalah amalan negara yang bertamadun.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Khalid bin Abd Samad: Apabila Pakatan Harapan ambil alih kerajaan, kita hendak jadikan negara Malaysia ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi tali barut DAP.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Negara yang bertamadun bukan hendak jadikan sebagai satu PBT yang dikuasai oleh ahli politik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak gila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Kita hendak supaya warga bandar memilih Datuk Bandarnya sendiri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya lah, itu agenda DAP, awak jadi tali barut.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini adalah budaya yang bertamadun.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bukan budaya seperti mana yang diadakan dahulu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang bertamadun? Rupa pun macam apa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: ...Semua duduk... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, Peraturan Mesyuaratlah ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Peraturan Mesyuarat saya dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya dahulu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Duduk, duduk saya dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya dahulu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Peraturan Mesyuarat 23(1)(c).

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Apa itu?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Peraturan Mesyuarat 23(1)(c) ini soalan tohmahan, tohmahan jahat. Ini Yang Berhormat Pasir Salak buat tohmahan jahat. Tarik balik !

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak tidak bertamadun.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak hendak bazir masa sahaja. Okey, Yang Berhormat Tanjong Karang, apakah Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Satu sahaja saya hendak peraturan sebab saya baca kenyataan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Di bawah perkara berapa?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak baca ini. Yang Amat Berhormat Langkawi kepada Yang Berhormat Menteri telah pun membuat kenyataan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan apa, peraturan apa?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: No, peraturan mesyuarat mana?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mengelirukan Dewan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada mengelirukan Dewan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang faham, mana ada mengelirukan Dewan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, jawapannya bercanggah dengan jawapan daripada Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung, Yang Berhormat Menteri. Sila menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, apa punya Speaker ini. Perdana Menteri kata tidak ada. Perdana Menteri kata tidak ada. Macam mana Yang Berhormat kata, ada?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduklah. Yang Berhormat Tanjong Karang duduklah Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduklah, sudahlah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak hormat kepada Perdana Menteri, kah? Tidak hormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan bazir masa, memalukan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mana satu kita hendak dengar. Hendak dengar cakap Yang Berhormat Menteri kah, hendak dengar Perdana Menteri. Perdana Menteri kata pemilihan PBT tidak diadakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa ini Yang Berhormat Tanjong Karang. Ikut peraturan duduklah. Ikut arahan Speaker lah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Macam itu. Mengelirukan Dewan. Sekarang hendak dengar kata siapa?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang jangan berlagak macam Speakerlah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Biar saya jawab. Biar saya jawab.

Kabinet telah memutuskan soal pilihan raya- *Local Council Election* akan dikaji oleh pihak KPKT, dan KPKT sudah kata tiga tahun dia akan buat kajian dan sekarang ini dia pun sedang buat *engagement*. Memang niat kita adalah- kita akan melakukan pilihan raya pihak berkuasa tempatan untuk menjamin satu prestasi...

■2210

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sudah jelas.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah berulang-ulang lagi.

Tuan Khalid bin Abd Samad: So, ianya tidak bercanggah...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi bermakna...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Kenyataan Yang Berhormat Langkawi ini tidak betullah? Itu yang saya hendak tanya.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Masalah dengan Yang Berhormat Tanjong Karang, dia rasa....

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, janganlah buat macam ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Yang Berhormat Tanjong Karang ini, dia rasa dia lebih tahu pandangan Yang Berhormat Perdana Menteri daripada saya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya baca surat khabar. Saya baca surat khabar.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung. Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya Ahli Kabinet.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat tidak baca surat khabar kah?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya Ahli Kabinet.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya boleh tunjuk pada Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dalam surat khabar... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, betul. Surat khabar bukanlah...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri telah pun mengulangi, ada keputusan Kabinet. Oleh sebab itu Yang Berhormat Tanjong Karang, janganlah bazir masa. Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Sila menggulung. Yang tidak sempat, boleh bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang, berapa kedudukan bola sekarang Tuan Pengerusi?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya, bola berapa, 1-0? Masih 1.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa, 2-0?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya, 1-0 lagi? Okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Saya hendak tanya.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya ucapkan terima kasih pada semua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Malu lah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Yang Berhormat Batu ada tanya satu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Tadi tidak boleh jawab.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Satu jawapan, satu soalan saya akan jawab untuk Yang Berhormat Batu ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Iaitu peranan MSWP.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri Wilayah cap ayam !

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Untuk mencungkil bakat-bakat sukan di semua Parlimen ya, kita telah memperkenalkan satu amalan yang baru di mana kita ada *Inter-Parliamentary Games*. Maka setiap Parlimen, dia akan anjurkan pertandingan dalam sukan-sukan tertentu dan selepas itu akan ada pertandingan di antara Parlimen dan Parlimen dan MSWP mempunyai hubungan yang *direct* dengan kelab-kelab sukan dan memberikan peruntukan kepada kelab-kelab sukan ini. Ini merupakan satu perkara yang dulu tidak pernah dibuat oleh pentadbiran lama.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sudah ada duit, mana pergi, kita tidak tahu. Akan tetapi bagi kita, kita menggunakan duit ini untuk membangunkan bakat-bakat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat Menteri pembohong.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Di peringkat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya kata Menteri pembohong. Saya ada bukti. Saya hendak betulkan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Pengerusi, boleh dia... [*Dewan riu*]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah peduli. Menggulung, sila Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Okey, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jangan hendak bohong Dewanlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya punya jawapan mana?

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Yang terlibat dalam sesi soal jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Menteri pembohong dalam menjawab, penipu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia orang ini tidak tahu peraturan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *No, you* yang tidak tahu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak tahu peraturan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya ucapkan terima kasih dan bagi yang tidak sempat dijawab maka saya akan serahkan jawapan secara bertulis... *[Dewan Riu]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Menteri...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri....
[Dewan riu]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM364,978,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM364,978,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,097,642,300 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,097,642,300 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, jangan *bulldoze*. Kita sudah menang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, kera.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita akan menang dengan hebatnya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Baru menang di Tanjong Piai.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita menang bila undi mangkuk tandas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, saya punya jawapan tidak dijawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tiap-tiap kali tidak boleh jawab soalan sampai habis. Malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 20 November 2019. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.14 malam]